


# 2012



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT SUBSIDIARI



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

# 2012



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

### SIRI 2

## PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI

*Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil  
Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan  
Dalam Laporan Ini, Sila Baca Laporan Maklum Balas Daripada  
Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua  
Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan  
Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan  
Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi  
Tahun 2012 Siri 2*

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xiii	<b>PENGENALAN</b>
xvii	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>BAHAGIAN I</b>
	PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
3	1. PENDAHULUAN
3	<b>LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA</b>
	2. Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi
31	<b>PERBADANAN LABUAN</b>
	3. Pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi
64	<b>LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG</b>
	4. Pengurusan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/ Skim Intensif Pengurusan Padi
94	<b>LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA</b>
	5. Pengurusan Tanah
114	<b>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b>
	6. Pengurusan Pembinaan Kampus Tetap
136	<b>LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN</b>
	7. Pengurusan Projek Pembangunan FELDAjaya
152	<b>UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA</b>
	8. Pengurusan Projek Pembinaan Fakulti Dan Kemudahan Awam
182	<b>LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (MySihat)</b>
	9. Pengurusan Geran Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan
	<b>BAHAGIAN II</b>
	PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
207	10. PENDAHULUAN
	<b>LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH</b>
208	11. Pengurusan Surada Jaya Sdn. Berhad
223	12. Pengurusan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad
241	<b>PENUTUP</b>



# KATA PENDAHULUAN



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya laporan itu dibentang di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

**1.3 Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

**1.4 Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2 (GTP 2) : NKRA Anti-Rasuah, Jabatan Audit Negara dikehendaki melaksanakan empat inisiatif antaranya pembentangan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen. Pembentangan Laporan saya mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat setiap kali sesi Parlimen adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada rakyat dan menyegerakan tindakan pembetulan terhadap isu yang dibangkitkan untuk meningkatkan persepsi positif rakyat. Laporan Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah pun disediakan untuk sesi pembentangan dalam tahun 2013. Adalah diharapkan laporan tersebut dapat menjadi asas untuk memperbaiki segala kelemahan demi untuk mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan yang berterusan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti wang awam.

3. Seksyen 6(d) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Badan Berkanun Persekutuan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pengurusan geran, perolehan, pembinaan, penyenggaraan, pengurusan pelaburan, pengurusan aset dan aktiviti peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 8 projek/aktiviti.

4. Pada umumnya, terdapat kelemahan seperti *improper payment*, kerja/bekalan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai, kelewatan tidak munasabah, pembaziran, kelemahan dalam pengurusan hasil dan pengurusan aset. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiannya dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang projek/aktiviti dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja-kerja kontraktor/perunding/pembekal; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; lewat membuat keputusan mengenai perolehan; sistem maklumat agensi yang tidak lengkap dan tidak kemas kini; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu projek/aktiviti dan kekurangan peruntukan untuk penyenggaraan aset.

5. Selain itu, pengauditan juga dijalankan terhadap syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan yang mana lebih daripada 50% ekuitinya dipegang oleh Badan Berkanun Persekutuan. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada syarikat berkenaan telah melaksanakan pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan dengan cekap serta berhemat selaras dengan objektif penubuhannya. Analisis juga dibuat terhadap prestasi kewangan syarikat subsidiari berkenaan. Perkara yang diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap analisis prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2008 - 2012, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi 2 syarikat subsidiari dilaporkan dalam Laporan Siri 2 ini.

6. Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka dan maklum balas yang diterima telah diambil kira dalam Laporan ini. Dalam Laporan Ketua Audit Negara ini, sebanyak 53 syor telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Subsidiari berkenaan untuk tindakan pembetulan atau pemantauan bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang. Mulai tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah mewujudkan Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara atau *Auditor General's Dashboard (AG's Dashboard)* bagi menyediakan maklum balas terkini kepada orang awam agar dapat menggalakkan ketelusan dan mempercepatkan penyelesaian isu di peringkat Agensi. Jabatan Audit Negara memaparkan kepada orang

ramai status tindakan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Maklum balas ini akan dipamerkan mengikut status tiada tindakan, dalam tindakan dan selesai.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

25 Julai 2013

# PENGENALAN





## PENGENALAN

1. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) Badan Berkanun adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun merupakan badan korporat atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965.

2. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang diperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, sebuah Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh meminjam, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, mengurus kumpulan wang dan akaun amanah serta melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala yang lain membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.

3. Dari segi pengurusan kewangan, Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan standard perakaunan yang diterima umum. Semua Badan Berkanun Persekutuan menyediakan penyata kewangan berdasarkan asas akuan bagi setiap tahun kewangan. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan

adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitiya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen secepat mungkin.

4. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 124 Badan Berkanun Persekutuan telah ditubuh untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan.

# INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I

### PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

#### Pendahuluan

1. Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Pada tahun 2012, sebanyak 8 aktiviti telah dipilih untuk dibentangkan dalam sesi kedua persidangan Parlimen tahun 2013.

#### LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

##### 2. Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi

- a. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merupakan Badan Berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Akta 49, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dan dikawal selia oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Objektif penubuhan LKIM adalah menambahbaik kedudukan sosioekonomi nelayan dengan tumpuan untuk meningkatkan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara. Pada 1 Januari 2006, LKIM telah melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi Untuk Nelayan di Semenanjung Malaysia dan 1 Jun 2006 di Sabah dan Sarawak. Antara objektif pemberian Skim Diesel Bersubsidi kepada nelayan adalah meringankan beban nelayan akibat kenaikan harga minyak diesel; menggalakkan nelayan keluar menangkap ikan bagi meningkatkan pendapatan; meningkatkan pendaratan dan bekalan ikan dalam negara; memastikan Skim Diesel Bersubsidi disalurkan kepada nelayan; dan mewujudkan sistem kawalan penyaluran diesel bersubsidi.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 sehingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Skim Diesel Bersubsidi LKIM adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam pengurusan Skim Diesel Bersubsidi oleh LKIM yang pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 masih berlaku. Antara kelemahan dalam pengurusan Skim Diesel Bersubsidi LKIM adalah seperti berikut:
  - i. LKIM tidak menjalankan penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi bagi mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan

mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran.

- ii. Sebanyak 2,002 transaksi jualan diesel yang sepatutnya dijual pada harga RM1.80 per liter kepada vesel Zon C2 telah dijual pada harga Diesel Super Subsidi iaitu RM1.25 per liter. Perbezaan harga ini menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan sejumlah RM8.14 juta.
  - iii. Penjualan diesel bersubsidi kepada 43 vesel melebihi kapasiti tangki antara 600 hingga 10,500 liter.
  - iv. Penjualan diesel bersubsidi kepada 55 vesel sebanyak 165,474 liter melebihi kuota yang ditetapkan.
  - v. Sebanyak 16 daripada 87 pusat jualan atau 18.4% tidak mempunyai alat pengukur manakala 13 pusat jualan atau 14.9% menggunakan alat pengukur seperti kayu, dahan pokok dan pita pengukur untuk menentukan bacaan stok diesel dalam *skid tank*.
  - vi. Perbezaan antara baki stok fizikal dalam *skid tank* dengan baki buku stok diesel bersubsidi direkodkan dengan lebih sebanyak 63,544 liter dan kurangan sebanyak 8,816 liter.
  - vii. Pusat Pengisytiharan menggunakan kod peniaga lain yang berdaftar dalam Sistem e-Pengisytiharan untuk mengisytiharkan hasil tangkapan dan 30 Borang Pengisytiharan Pendaratan Ikan Untuk Belian Diesel Bersubsidi tidak dilengkapkan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan LKIM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. LKIM hendaklah membuat penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi untuk menentukan peruntukan yang dibelanjakan mencapai objektif yang ditetapkan.
  - ii. LKIM hendaklah memastikan pusat jualan Diesel Subsidi bagi Zon C2 mengikut harga yang ditetapkan. LKIM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pusat jualan yang telah menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2.
  - iii. LKIM hendaklah membuat penambahbaikan terhadap *personal digital assistant* supaya memaparkan maklumat kapasiti tangki vesel bagi mengawal penjualan diesel bersubsidi.
  - iv. LKIM hendaklah menyemak semula kuota diesel bersubsidi di setiap Persatuan Nelayan Kebangsaan dan memastikan pengagihan adalah mencukupi berdasarkan penggunaan bulanan setiap zon.
  - v. LKIM hendaklah memastikan Persatuan Nelayan Kebangsaan membuat pemeriksaan stok fizikal diesel bersubsidi pada setiap hari dengan menggunakan alat pengukur yang bersesuaian. Selain itu, LKIM perlu memastikan pemilik pusat jualan membaiki *skid tank* dan pusat jualan yang usang, pam yang bocor serta memasang pagar berkunci.



## **PERBADANAN LABUAN**

### **3. Pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi**

- a. Perbadanan Labuan telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001 (Akta 609) pada tahun 2001 dan dikawal selia oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB). Perbadanan Labuan berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab memaju, merangsang, memudah dan mengusahakan pembangunan ekonomi serta sosial di Wilayah Persekutuan Labuan. Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi telah dirancang di Wilayah Persekutuan Labuan dengan peruntukan sejumlah RM77.80 juta termasuk Projek Timbus Tanah bagi penyediaan tapak pembinaan. Kontraktor yang terlibat dalam projek ini adalah seperti berikut:
- Projek Pembinaan Pasar dilaksanakan oleh Labindo Engineering Sdn. Berhad secara tender terbuka dengan nilai kontrak berjumlah RM24.89 juta dan projek sepatutnya siap pada 17 Januari 2010. Projek ini gagal disiapkan dan Infolada Engineering (M) Sdn. Berhad telah dilantik secara tender terhad dengan kos berjumlah RM33.54 juta.
  - Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi dilaksanakan oleh Syarikat AS Supply Sdn. Berhad secara tender terbuka dengan nilai kontrak berjumlah RM4.68 juta dan projek sepatutnya siap pada 12 Ogos 2009. Projek ini gagal disiapkan dan syarikat Koridor Borneo Sdn. Berhad telah dilantik secara tender terhad dengan kos berjumlah RM4.62 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi adalah seperti berikut:
- i. Kelewatan dalam pengurusan projek adalah seperti berikut:
- Projek Timbus Tanah lewat disiapkan selama 40 bulan dan sebanyak 5 lanjutan masa telah diberi.
  - Projek Pembinaan Pasar yang sepatutnya siap pada 17 Januari 2010 belum disiapkan dan Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi yang sepatutnya siap pada 12 Ogos 2009 hanya dapat disiapkan pada 15 Mac 2013.
  - Kelewatan penamatan kerja kontraktor asal bagi Projek Pembinaan Pasar walaupun kemajuan kerja pembinaan telah mengalami kelewatan melebihi 30%.

- ii. Pemilihan kontraktor yang kurang berkecukupan bagi Projek Pembinaan Pasar kerana kontraktor tiada pengalaman dalam bidang pembinaan bangunan dan keupayaan kewangan yang bergantung kepada kemudahan overdraf bank.
  - iii. Peningkatan kos bagi Projek Pembinaan Pasar sejumlah RM8.65 juta atau 34.8% iaitu daripada RM24.89 juta menjadi RM33.54 juta. Pembayaran telah dibuat kepada kontraktor asal berjumlah RM8.55 juta terhadap pembinaan pasar dan sejumlah RM2.72 juta bagi pembinaan stesen bas dan teksi.
  - iv. Wang Pendahuluan bagi Projek Pembinaan Pasar berjumlah RM3.60 juta tidak dapat dituntut disebabkan tempoh jaminan bank telah luput.
  - v. Perakuan Muktamad Projek Timbus Tanah belum disediakan walaupun projek telah siap pada 18 Mac 2008.
  - vi. Tuntutan Kerugian Kerajaan terhadap kontraktor asal Projek Pembinaan Pasar berjumlah RM21.10 juta dan Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi berjumlah RM2.72 juta kerana gagal menyiapkan projek belum diperolehi sehingga bulan September 2012.
  - vii. Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan dan Struktur asal kurang memuaskan kerana terdapat kesilapan pada lukisan reka bentuk dan perunding gagal menghadiri mesyuarat tapak.
  - viii. Kualiti kerja pembinaan oleh kontraktor asal dan kontraktor penyiap tidak memuaskan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan Perbadanan Labuan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. Perbadanan Labuan perlu memantau rapi kerja kontraktor dan perkhidmatan perunding bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan siap dalam tempoh yang ditetapkan.
  - ii. Justifikasi pemilihan kontraktor hendaklah dibuat dengan menitikberatkan keupayaan teknikal dan kewangan bagi memastikan kontraktor yang dilantik dapat menyiapkan projek mengikut jadual dan mengelakkan peningkatan kos.
  - iii. Perbadanan Labuan hendaklah tegas dalam menguatkuasakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak.
  - iv. Perbadanan Labuan perlu mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal mengambil kira keperluan semasa dalam menyediakan reka bentuk bangunan dengan menyenaraihitamkan perunding berkenaan daripada mengambil bahagian dalam mana-mana projek pembinaan pada masa hadapan. Laporan juga perlu dibuat kepada Badan Profesional berkenaan untuk tindakan tatatertib terhadap perunding berkenaan.

- v. Perbadanan Labuan hendaklah memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini diambil perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan projek akan datang.

#### **LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

#### **4. Pengurusan Geran Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi**

- a. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ditubuhkan pada tahun 1973 di bawah Akta 110 (Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973) dan dikawal selia oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. LPP berperanan untuk menggalak, mempergiat, memudah dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial Pertubuhan Peladang. Kerajaan telah mewujudkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM)/Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) berikutan peningkatan harga beras di pasaran antarabangsa dan kekurangan bekalan makanan serta kebergantungan kepada import beras akibat krisis makanan global. Di bawah dasar ini, LPP adalah bertanggungjawab sebagai agensi pelaksana terhadap pembekalan input pertanian, pemilikan jentera dan mekanisasi ladang.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Geran DJBM/SIPP adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan Geran DJBM/SIPP adalah seperti berikut:
  - i. Tiada penilaian *outcome* dilaksanakan terhadap program DJBM/SIPP.
  - ii. Perbelanjaan DJBM melebihi jumlah peruntukan yang diluluskan sejumlah RM26.64 juta bagi tahun 2011 dan RM3.31 juta bagi 2012.
  - iii. Kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan jentera dan mekanisasi ladang. Antaranya penyerahan jentera/peralatan bernilai RM3.28 juta kepada syarikat swasta tanpa kebenaran Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program DJBM Untuk Negeri Sarawak, 111 unit *new portable power paddy thresher* berjumlah RM941,280 masih belum diterima, 7 traktor bernilai RM528,300 tidak digunakan secara optimum dan 100 unit *new portable power paddy thresher* berjumlah RM848,000 serta 57 unit jentera/peralatan mekanisasi ladang berjumlah RM1.38 juta masih belum diagihkan.
  - iv. Sebanyak 2 unit Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang masih belum dibina sehingga bulan Disember 2012 walaupun peruntukan sejumlah RM1.05 juta telah diterima pada bulan Januari 2010.
  - v. Pesanan baja NPK Tambahan di 5 Pertubuhan Peladang Kawasan melebihi RM277,853 daripada jumlah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis.

- vi. Sebanyak 30 jenis racun bernilai RM221,769 bagi musim 1/2011 dan 2/2011 masih belum diedarkan kepada pesawah.
- c. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan LPP mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan LPP hendaklah mengkaji *outcome* program DJBM/SIPP bagi memastikan objektif meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras negara tercapai seiring dengan bantuan yang diberi.
  - ii. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani hendaklah memohon peruntukan tambahan untuk mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa bagi pembayaran perbelanjaan tahun sebelum.
  - iii. Lembaga Perolehan LPP hendaklah memainkan peranan dengan berkesan dalam memantau prestasi pembekalan jentera oleh pembekal. Surat peringatan perlu dikeluarkan dengan segera kepada pembekal sekiranya pembekal gagal mematuhi tempoh penyempurnaan bekalan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.
  - iv. Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) perlu mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program DJBM untuk Negeri Sarawak supaya membenarkan pihaknya melaksanakan penyerahan/penyewaan jentera/peralatan mekanisasi ladang kepada syarikat swasta. Perjanjian yang lengkap hendaklah disediakan bagi memastikan aset dan kepentingan Kerajaan dijaga. LPP dan JPS hendaklah merancang keperluan sebenar untuk perolehan jentera/peralatan pertanian bagi mengelakkan pembaziran dan kelewatan agihan kepada Pertubuhan Peladang Negeri/Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang/Pusat Gunasama Kejenteraan Ladang.
  - v. Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah memastikan pesanan baja atau racun dibuat berdasarkan jumlah kelulusan oleh Jawatankuasa Penapis. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan juga hendaklah memastikan semua baja dan racun diedarkan kepada pesawah dalam tempoh yang ditetapkan.
  - vi. Pegawai Stor hendaklah memastikan buku stok sentiasa dikemas kini dengan lengkap. Setiap pergerakan stok perlu direkod dalam buku stok bagi memudahkan rujukan dan pemantauan terhadap baki stok sedia ada. Selain itu, pergerakan jentera/peralatan juga perlu direkod dan dikemas kini di buku log serta kad pergerakan bagi memudahkan pemantauan pergerakan jentera/peralatan.
  - vii. LPP hendaklah mengkaji masalah dan cadangan yang diutarakan oleh pesawah seperti serangan makhluk perosak dan keperluan jentera.

## LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA

### 5. Pengurusan Tanah

- a. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia 1980 (Akta 231) dan dikawal selia oleh Kementerian Kerja Raya. LLM bertanggungjawab menyelia dan menyediakan reka bentuk pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya, kawasan rehat dan rawat serta kemudahan lain di sepanjang lebuhraya. Sehingga tahun 2012, LLM memiliki 7 lot tanah berkeluasan 48.7 ekar yang telah mendapat status hak milik dengan bayaran premium sejumlah RM5.26 juta. Selain itu, LLM juga masih dalam proses memohon hak milik bagi 10 lot tanah yang telah dibuat pengambilan balik bagi projek lebuhraya. Bahagian Kewangan Dan Pengurusan Aset (BKPA) bertanggungjawab menguruskan tanah yang telah diberi hak milik manakala Bahagian Pengurusan Tanah (BUT) pula bertanggungjawab bagi urusan tanah yang masih dalam permohonan hak milik.
  
- b. Pengeauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan tanah LLM adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan tanah LLM adalah seperti berikut:
  - i. Susulan terhadap status permohonan hak milik tanah lewat dibuat.
  - ii. Tanah dan bangunan LLM tidak disenggara menyebabkan kawasan ditumbuhi semak samun dan berlaku kerosakan bangunan kerana vandalisme oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
  - iii. Institut Latihan Dan Pengurusan LLM di Wilayah Timur, Kuantan, Pahang masih tidak dibina kerana tiada tindakan susulan terhadap status penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok.
  - iv. Kadar sewaan/pajakan adalah rendah, tidak mengikut prosedur dan tidak dikaji semula.
  - v. Perjanjian sewaan/pajakan tidak dibuat menyebabkan kepentingan LLM tidak dilindungi.
  - vi. Penyelenggaraan rekod dan pemantauan pengurusan tanah kurang memuaskan.
  
- c. Pihak Audit mengesyorkan LLM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
  - i. LLM hendaklah membuat susulan terhadap status permohonan tanah dan memastikan hak milik tanah diperoleh terlebih dahulu sebelum meluluskan sewaan/pajakan tanah. Sekiranya bukan miliknya, LLM hendaklah mendapat kelulusan daripada JKPTG/Pihak Berkuasa Negeri.



- ii. LLM hendaklah membuat penyenggaraan tanah miliknya dari semasa ke semasa supaya tanah terpelihara serta mengelakkan pencerobohan. Perancangan terhadap pembangunan tanah yang terbiar perlu dibuat bagi menjana pendapatan kepada LLM.
- iii. LLM hendaklah memastikan perjanjian sewaan ditandatangani dan mengkaji semula kadar sewa dari semasa ke semasa mengikut harga pasaran.
- iv. LLM hendaklah memastikan semua permohonan dan pemberian sewaan kepada Koperasi LLM Berhad mengikut peraturan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan percanggahan kepentingan.
- v. LLM sepatutnya menyerahkan semula tanah yang tidak dibangunkan kepada Kerajaan supaya penggunaan tanah dapat dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan atau mengkaji alternatif lain bagi memanfaatkan tanah tersebut untuk tujuan pembangunan lebuhraya.
- vi. LLM hendaklah menyelenggarakan daftar rekod perjanjian sewaan/pajakan dan surat menyurat dengan teratur dan kemas kini.

## **UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

### **6. Pengurusan Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP**

- a. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ditubuhkan pada tahun 2001 untuk melahirkan jurutera kemahiran tinggi dan kompeten bagi memenuhi dan menyokong Pelan Industri Negara. Projek pembinaan kampus tetap UniMAP telah dimulakan pada tahun 2002 di bawah RMKe-8 dan bersambung sehingga RMKe-10. Mengikut Pelan Induk yang disediakan pada bulan Mei 2005, UniMAP akan membina 25 bangunan yang terdiri daripada 9 bangunan akademik, 2 bangunan pentadbiran dan 14 bangunan sokongan. Projek pembinaan kampus tetap UniMAP adalah di Pauh Putra, Arau, Perlis seluas 1,028 ekar dan di Sungai Chuchuh, Perlis seluas 253 ekar yang masih di peringkat pembangunan. Secara keseluruhannya, peruntukan yang diluluskan berjumlah RM438.64 juta melibatkan 5 pakej pembinaan. Pakej 1 hingga 4 telah siap dilaksanakan manakala Pakej 5 tidak dilaksanakan kerana tidak mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada 15 Januari 2002, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan kontraktor iaitu Konsortium Pauh Indah secara konsep Reka dan Bina sebagai kontraktor utama dan Crimson Network Sdn. Berhad sebagai Perunding Pengurus Projek (PMC). Bagaimanapun, perkhidmatan PMC telah ditamatkan pada 28 November 2006 dan pengurusan projek dipertanggungjawabkan kepada Unit Projek Khas Kampus Tetap, UniMAP bagi Pakej 3B dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi Pakej 4.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Projek Pembinaan Kampus

Tetap UniMAP adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP adalah seperti berikut:

- i. Kemajuan kerja bagi Pakej 3B adalah 76.1% dan Pakej 4 adalah 93.9% pada tarikh akhir projek patut disiapkan. Lanjutan masa sebanyak 215 hari dan 217 hari telah diluluskan bagi Pakej 3B dan Pakej 4.
- ii. Kelewatan dalam proses pengurusan projek pembinaan seperti berikut :
  - Permohonan lanjutan masa ke-2 bagi Pakej 3B dikemukakan lewat 40 hari dan permohonan lanjutan masa ke-3 lewat dikemukakan 95 hari. Lanjutan masa ke-2 dan ke-3 juga lewat diluluskan iaitu masing-masing 52 hari dan 277 hari.
  - Kontrak antara UniMAP dan PMC ditandatangani pada bulan September 2009 iaitu lewat selama 16 bulan. Sebanyak 2 bayaran berjumlah RM2.51 juta telah dibuat walaupun kontrak belum ditandatangani.
  - Kontrak bagi Pakej 3B dan Pakej 4 telah lewat dimuktamadkan selama 20 bulan dan 14 bulan dari tarikh Surat Niat dikeluarkan.
  - Pakej 3B dan Pakej 4 telah mengalami tempoh kelewatan mendapatkan Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) selama 9 bulan dan 5 bulan.
- iii. Kualiti Kerja Pembinaan
  - Kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan, tidak sempurna, tidak kemas dan tidak sesuai seperti terdapat keretakan pada permukaan dinding Dewan Kuliah 6, kesan air di dinding dan lantai bangunan dan pembinaan lurang yang tidak sesuai di kawasan parkir.
  - Peralatan yang dibekalkan untuk bangunan bagi Pakej 3B dan Pakej 4 tidak berfungsi sepenuhnya dan rosak.
- iv. UniMAP telah menyiapkan 4 bangunan akademik dan 3 bangunan sokongan iaitu hanya 25% daripada yang ditetapkan di dalam Pelan Induk dan menanggung kos sewaan bangunan dan sewaan bas dari tahun 2002 sehingga bulan September 2012 berjumlah RM138.40 juta.
- v. Kelemahan terhadap pemantauan menyebabkan projek lewat disiapkan dan kualiti kerja kontraktor tidak memuaskan, tidak sempurna dan tidak kemas. Peralatan yang dibekalkan juga rosak dan tidak selamat untuk digunakan. Hasil analisis terhadap 200 responden mendapati secara purata 55.6% pelajar berpendapat bahawa kemudahan dan perkhidmatan di Kampus Tetap Pauh Putra adalah tidak memuaskan.

- c. Pihak Audit mengesyorkan supaya UniMAP dan Unit Perancang Ekonomi mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. UniMAP perlu merancang dan membuat pemantauan dengan teliti pada setiap projeknya supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, berdasarkan peruntukan yang diluluskan dan pembinaan dilaksanakan dengan berkualiti.
  - ii. UniMAP hendaklah memastikan permohonan dan kelulusan lanjutan masa adalah sebelum tempoh kontrak siap seperti yang ditetapkan di dalam kontrak.
  - iii. UniMAP perlu membuat pemeriksaan semula terhadap kerja kontraktor dan kecacatan yang telah diperbaiki bagi memastikan kontraktor melakukan pembaikan segera terhadap semua kecacatan yang masih belum diperbaiki.
  - iv. Unit Perancang Ekonomi perlu mempertimbangkan Pelan Induk pembinaan kampus tetap UniMAP supaya kos sewaan bangunan dan pengangkutan dapat dijimatkan.
  - v. UniMAP hendaklah memastikan peranan setiap pihak dalam jawatankuasa adalah jelas dan lebih fokus kepada pemantauan, pengesanan kerja dan lawatan fizikal.

## **LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN**

### **7. Pengurusan Projek Pembangunan FELDAjaya**

- a. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada tahun 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956. FELDA berperanan sebagai *Development Authority* seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. FELDA telah membangunkan pusat pertumbuhan dan industri baru yang dikenali sebagai FELDAjaya merangkumi penempatan moden dilengkapi rumah kediaman, kawasan rekreasi, premis perniagaan dan perkhidmatan lain. Objektif FELDAjaya adalah untuk memberi peluang kepada warga FELDA terutama generasi peneroka menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik serta berpotensi menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan moden. Projek Pembangunan FELDAjaya mula dilaksanakan pada tahun 2003 merangkumi 3 projek iaitu FELDAjaya Mempaga di Pahang, FELDAjaya Raja Alias di Negeri Sembilan dan FELDAjaya Trolak di Perak dengan keluasan 417.77 ekar melibatkan kos pembangunan berjumlah RM206.62 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 sehingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan projek pembangunan FELDAjaya adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan projek pembangunan FELDAjaya adalah seperti berikut:

- i. Kajian kemungkinan dijalankan selepas projek pembinaan dimulakan menyebabkan projek FELDAjaya tidak berdaya maju.
  - ii. Kesemua 80 lot pasar awam dan 16 lot hentian bas di FELDAjaya Raja Alias dan Trolak dibina dengan kos sejumlah RM2.22 juta serta 10 lot medan selera di semua FELDAjaya tidak mempunyai penyewa.
  - iii. Tunggakan bayaran sewa bulanan bagi rumah banglo, rumah kedai, medan selera dan hentian bas sejumlah RM1.31 juta. Tempoh tunggakan tertinggi adalah 72 bulan.
  - iv. Perjanjian Kediaman FELDAjaya tidak dipatuhi oleh pembeli di mana 22 buah rumah kediaman dijadikan premis perniagaan dan 40 buah rumah kediaman diubahsuai tanpa kebenaran.
  - v. Projek pembangunan di FELDAjaya Trolak dijalankan di atas tanah pertanian yang belum ditukar status kepada tanah pembangunan. Pembeli rumah masih belum menerima kelulusan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan akibat status tanah tersebut.
  - vi. Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyenggaraan tidak diperbaharui menyebabkan tunggakan tuntutan kerja penyenggaraan oleh Felda Engineering Services Sdn. Berhad sejumlah RM330,924.
- c. Pihak Audit mengesyorkan FELDA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. FELDA hendaklah memastikan kajian kemungkinan dijalankan terlebih dahulu sebelum projek dimulakan bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan berdaya maju dan mencapai objektif yang ditetapkan.
  - ii. FELDA hendaklah mengambil inisiatif bagi mewujudkan daya tarikan untuk menggalakkan lebih ramai peniaga dan pelanggan ke medan selera serta pasar awam. Strategi pemasaran perlu dirangka dan menjalankan kerjasama dengan agensi seperti FAMA atau MARDI bagi menjalankan aktiviti bersama seperti pasar tani. FELDA juga hendaklah mencari alternatif bagi memastikan hentian bas dapat digunakan sepenuhnya.
  - iii. FELDA hendaklah memantau kaedah kutipan sewa bulanan yang diwujudkan oleh Felda Properties Sdn. Berhad dan Felda Engineering Services Sdn. Berhad. Ini bagi memastikan kaedah kutipan adalah berkesan dan semua hasil sepatutnya diterima mengikut tempoh ditetapkan.
  - iv. FELDA perlu mengkaji dan menyemak semula Perjanjian Kediaman yang dimeterai agar perjanjian tersebut dapat dikuatkuasakan bagi memastikan ia relevan dengan keadaan semasa.
  - v. FELDA hendaklah membuat tindakan susulan terhadap status permohonan pertukaran tanah dengan pihak Majlis Daerah Tapah supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan segera.

- vi. FELDA hendaklah memperbaharui dokumen Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan dengan Felda Engineering Services Sdn. Berhad bagi menjaga kepentingan bersama.

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **8. Pengurusan Projek Pembinaan Fakulti, Kemudahan Awam Dan Sukan**

- a. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO) telah dinaik taraf sebagai universiti pada tahun 2000 di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). KPT telah meluluskan dana Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) berjumlah RM91 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) kepada UTHM bagi membina Masjid Dan Pusat Islam, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP), serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran. Peruntukan bagi pembinaan Masjid Dan Pusat Islam berjumlah RM29 juta, FPTP berjumlah RM42 juta, serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran berjumlah RM20 juta di atas tanah seluas 23.7 ekar di Kampus Induk Parit Raja, Johor. Sehingga bulan September 2012, semua projek telah siap dilaksanakan kecuali pembinaan Kolam Renang yang hanya mencapai status kemajuan 85.6% manakala Blok Pentadbiran telah diserahkan kepada UTHM pada 16 Februari 2012.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan projek pembinaan di UTHM adalah kurang memuaskan. Ketiga-tiga projek pembinaan mengalami kelewatan dan kos pembinaan telah meningkat sebanyak 8.9% daripada sejumlah RM78.48 juta kepada RM85.44 juta. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
  - i. Kelewatan dalam pengurusan projek pembinaan:
    - Pembinaan Masjid Dan Pusat Islam lewat disiapkan selama 547 hari, FPTP lewat selama 175 hari, Blok Pentadbiran lewat selama 484 hari manakala Kolam Renang masih belum disiapkan.
    - Kelewatan mengemukakan permohonan lanjutan masa antara 18 hingga 75 hari dan kelulusan lanjutan masa mengambil masa sehingga 414 hari.
    - Kelewatan mengemukakan insurans bagi lanjutan masa pertama selama 82 hari dari tarikh Sijil Perakuan Lanjutan Masa bagi pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran.
  - ii. Perubahan kerja berjumlah RM7.44 juta telah dilaksanakan sebelum kelulusan Arahan Perubahan Kerja.



- iii. Prestasi kerja kontraktor kurang memuaskan di mana kerja yang dilaksanakan kurang berkualiti, tidak mengikut spesifikasi dan reka bentuk serta spesifikasi tidak sesuai.
  - iv. Sebanyak 107 kecacatan dan kerosakan yang dilaporkan sehingga bulan Oktober 2012 masih belum diambil tindakan oleh kontraktor.
- c. Pihak Audit mengesyorkan UTHM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. UTHM hendaklah memastikan kesemua kelulusan Arahan Perubahan Kerja diperoleh sebelum perubahan kerja dilaksanakan.
  - ii. UTHM hendaklah memastikan kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak sesuai diambil tindakan segera bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna serta mencapai objektif pembinaan.
  - iii. UTHM perlu membuat pemeriksaan menyeluruh dan memastikan semua kecacatan serta kerja pembinaan yang belum disiapkan diambil tindakan dengan segera. UTHM perlu mengenal pasti kelemahan yang wujud, menganalisis dan mengambil tindakan bagi mengelakkan kesilapan berulang.
  - iv. UTHM perlu melaporkan kepada Kementerian Kewangan supaya kontraktor yang mempunyai prestasi tidak memuaskan dan tidak berkemampuan disenaraihitamkan. Laporan kepada badan profesional yang berkenaan hendaklah dibuat supaya tindakan tatatertib boleh diambil terhadap kontraktor dan perunding yang kurang cekap.

## **LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA**

### **9. Pengurusan Pengurusan Geran Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan**

- a. Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) ditubuhkan pada tahun 2007 di bawah Akta Lembaga Promosi Kesihatan 2006 (Akta 651) dan dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Objektif MySihat adalah untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang promosi kesihatan di peringkat nasional dan antarabangsa. MySihat telah memberi geran kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melaksanakan aktiviti promosi kesihatan sejak tahun 2008. Pada tahun 2010 sehingga 2012, MySihat telah memperuntukkan geran sejumlah RM34.21 juta kepada NGO dan sejumlah RM25.91 juta atau 75.7% telah diluluskan kepada NGO yang layak di bawah 5 kategori.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2012 sehingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan geran oleh MySihat adalah baik. Bagaimanapun, aktiviti yang dijalankan oleh NGO dan

pemantauan oleh MySihat adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Kajian impak terhadap setiap kategori geran yang diberikan kepada NGO belum dilaksanakan oleh MySihat.
  - ii. Aktiviti yang dilaksanakan tidak mengikut perancangan menyebabkan masyarakat di kawasan yang terlibat tidak mendapat manfaat daripada program yang dijalankan.
  - iii. Pembayaran oleh NGO sejumlah RM39,305 terhadap aktiviti yang dilaksanakan tanpa dokumen sokongan yang lengkap.
  - iv. Bilangan peserta program tidak mencapai sasaran kerana program yang dijalankan tidak bersesuaian dan kurang publisiti.
  - v. Program dilaksanakan sebelum Surat Tawaran *Ex-Gratia* ditandatangani dan dikemukakan oleh NGO.
  - vi. Bahan promosi dan publisiti Program Melaka Bebas Asap Rokok kurang berkesan kerana bahan promosi yang digunakan telah kelihatan kecil dan terlindung.
  - vii. Sebanyak 30 daripada 133 NGO tidak atau lewat mengemukakan laporan akhir bagi tahun 2010 sehingga 2012.
  - viii. MySihat tidak mewujudkan kaedah pemantauan yang sistematik dan berkesan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan MySihat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. MySihat hendaklah mewujudkan satu sistem yang menyeluruh bagi pengurusan geran dan aktiviti yang dilaksanakan oleh NGO serta menyediakan laporan impak/*outcome* untuk menilai keberkesanan program yang dijalankan.
  - ii. MySihat hendaklah menyediakan klausa denda kepada NGO yang gagal mematuhi syarat di dalam Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* serta menyenaraihitamkan NGO yang gagal mengemukakan Laporan Akhir Projek.
  - iii. MySihat hendaklah memberi bimbingan kepada NGO yang baru berkaitan kaedah pengurusan program terutama dari segi pengurusan kewangan dan publisiti.
  - iv. MySihat hendaklah menyediakan garis panduan pemantauan dan penilaian Laporan Akhir Projek sebagai rujukan utama bagi memastikan pemantauan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Rekod pemantauan hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemas kini untuk rujukan pihak pengurusan.

## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

#### **Pendahuluan**

10. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat subsidiari Kerajaan. Sebanyak 2 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk dibentangkan dalam sesi kedua persidangan Parlimen tahun 2013.

### **SYARIKAT SUBSIDIARI LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH**

#### **11. Pengurusan Surada Jaya Sdn. Berhad**

- a. Surada Jaya Sdn. Berhad (SJSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 8 Julai 1993 dan merupakan syarikat subsidiari milikan penuh KETENGAH Holding Sdn. Berhad (KHSB). KHSB merupakan syarikat subsidiari Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Modal dibenarkan SJSB berjumlah RM1 juta dan modal berbayar RM500,000. Aktiviti SJSB adalah penternakan puyuh, perniagaan restoran, wakil insurans, pembekalan gas memasak dan bahan pertanian.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober 2012 mendapati prestasi kewangan dan tadbir urus korporat SJSB adalah baik manakala pengurusan kewangan adalah memuaskan. SJSB mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2008 sehingga 2012. Selain itu, SJSB telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpul dari tahun 2008 sehingga 2010 dan seterusnya memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM41,258 pada tahun 2011 dan RM120,475 pada tahun 2012. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan seperti berikut:
  - i. Prestasi Projek Penternakan Puyuh kurang memuaskan disebabkan projek mengalami kerugian, prestasi pengeluaran dan penjualan rendah, kadar kematian puyuh tinggi dan masalah mendapatkan bekalan anak puyuh.
  - ii. SJSB tidak mempunyai kemahiran dalam bidang penternakan puyuh dan jawatan Eksekutif Operasi serta Penyelia belum diisi sejak tahun 2003.
  - iii. Kemudahan dan peralatan di rumah penyembelihan dan pemprosesan yang disediakan sejak tahun 2003 masih belum digunakan.
  - iv. Pembuangan sisa puyuh yang tidak dibuat mengikut peraturan menyebabkan pencemaran alam sekitar di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman.

- v. Komposisi ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada pegawai KETENGAH yang tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan utama SJSB.
  - vi. Kawalan terimaan yang tidak memuaskan kerana resit tidak dikeluarkan bagi jualan tunai, kutipan tunai lewat dan kurang dibankkan serta tiada polisi kawalan kredit disediakan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan SJSB mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
- i. SJSB hendaklah memastikan prestasi pengeluaran dan jualan puyuh ditingkatkan serta kadar kematian dikurangkan. Ini bagi memastikan objektif utama projek penternakan puyuh yang telah ditetapkan tercapai sepenuhnya.
  - ii. SJSB hendaklah melantik pekerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang penternakan di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman.
  - iii. SJSB hendaklah memastikan pengurusan sisa buangan puyuh dibuat mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
  - iv. SJSB hendaklah mengkaji semula komposisi ahli Lembaga Pengarah supaya sebahagian ahli yang dilantik adalah daripada pihak luar yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan berkenaan.

## **12. Pengurusan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad**

- a. Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad (KTTSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 26 April 1976. KTTSB merupakan syarikat subsidiari KETENGAH Holding Sdn. Berhad (KHSB) di mana KHSB memiliki 57% dan baki 43% dimiliki oleh Istikomah Enterprise Sdn. Berhad (IESB). Modal dibenarkan KTTSB berjumlah RM2 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta. Aktiviti utama yang dijalankan oleh KTTSB adalah pengkuarian.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September 2012 mendapati prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik. KTTSB mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 5 tahun daripada tahun 2008 sehingga 2012. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti pengkuarian dan pengurusan kewangan adalah memuaskan serta boleh dipertingkatkan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. Prestasi pengeluaran dan jualan produk kuari bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 250,090 hingga 302,516 tan setahun. Pencapaian sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009 sehingga 2012 adalah antara 58.9% hingga 92.2%.

- ii. Stor bahan letupan siap dibina pada tahun 2010 bernilai RM100,000 masih belum digunakan kerana belum mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.
  - iii. Penyelenggaraan berkala tidak dilaksanakan di KTTSB kerana kekurangan mekanik dan juru kimpal menyebabkan kos penyelenggaraan mesin dan jentera yang tinggi.
  - iv. Pembinaan rumah burung walit bernilai RM120,000 tanpa kelulusan Lembaga Pengarah dan bertentangan dengan syarat dalam geran hak milik tanah kuari yang menetapkan hanya bangunan berkaitan dengan aktiviti kuari sahaja boleh dibina.
  - v. Kekosongan 11 jawatan pelbagai peringkat di KTTSB adalah kritikal kerana ini merupakan antara sebab pengeluaran produk kuari tidak dapat mencapai tahap optimum.
  - vi. KTTSB tidak menyediakan *Standard Operating Procedures* kuari sebagai garis panduan kepada kakitangannya.
  - vii. Kawalan terimaan tidak memuaskan kerana tiada resit rasmi dikeluarkan terhadap kemasukan cek pelanggan ke bank walaupun perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam KHSB.
  - viii. Pengurusan aset tidak memuaskan kerana tiada pemeriksaan aset tahunan, tiada tanda pengenalan pada aset dan pelupusan aset tidak dibuat.
- c. Pihak Audit mengesyorkan KTTSB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. KTTSB hendaklah memastikan pencapaian dan sasaran aktiviti syarikat dikaji dari semasa ke semasa serta memantau secara berterusan pengurusan operasi supaya objektif syarikat tercapai.
  - ii. KTTSB hendaklah membuat susulan terhadap permohonan lesen menyimpan bahan letupan daripada pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia supaya stor boleh digunakan.
  - iii. KTTSB hendaklah melaksanakan penyelenggaraan secara berkala bagi mengelak kerosakan mesin dan jentera yang kerap untuk meningkatkan hasil operasinya.
  - iv. KTTSB hendaklah memberi tumpuan kepada aktiviti utamanya dan memastikan pelaksanaan aktiviti tidak bertentangan dengan objektif penubuhan syarikat.
  - v. KTTSB hendaklah mengisi kekosongan jawatan dengan segera bagi memastikan kilang beroperasi dengan cekap dan mengkaji semula keperluan perjawatan.

- vi. KTTSB hendaklah menyediakan *Standard Operating Procedures* Pengkuarian bagi memastikan pekerja mengetahui proses pengkuarian secara menyeluruh dan keutamaan dalam melaksanakan tugas.
- vii. KTTSB hendaklah mengkaji semula, mengemas kini dan menambah baik prosedur pengurusan kewangan bagi meningkatkan kawalan dalaman syarikat.



# BAHAGIAN I

## PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

3	1. PENDAHULUAN
	<b>LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA</b>
3	2. Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi
	<b>PERBADANAN LABUAN</b>
31	3. Pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi
	<b>LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG</b>
64	4. Pengurusan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/ Skim Intensif Pengurusan Padi
	<b>LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA</b>
94	5. Pengurusan Tanah
	<b>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b>
114	6. Pengurusan Pembinaan Kampus Tetap
	<b>LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN</b>
136	7. Pengurusan Projek Pembangunan FELDAjaya
	<b>UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA</b>
152	8. Pengurusan Projek Pembinaan Fakulti Dan Kemudahan Awam
	<b>LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (MySihat)</b>
182	9. Pengurusan Geran Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan

# **BAHAGIAN I**

## **PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

### **1. PENDAHULUAN**

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 8 aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian berkenaan juga dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

## **LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

### **2. PENGURUSAN SKIM DIESEL BERSUBSIDI**

#### **2.1 LATAR BELAKANG**

2.1.1 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merupakan Badan Berkanun yang ditubuhkan pada 1 November 1971 di bawah Akta 49, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dan dikawal selia oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Tujuan penubuhan LKIM adalah menambahbaik kedudukan sosioekonomi nelayan dengan tumpuan untuk meningkatkan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara. Antara fungsi utama LKIM adalah seperti berikut:

- a. Menggalak dan memajukan perusahaan perikanan dan pemasaran ikan melalui pengurusan yang cekap dan berkesan;
- b. Menggalak, menggiat, memudah dan mengusahakan kegiatan ekonomi dan sosial Persatuan Nelayan; dan
- c. Mendaftar, mengawal, menyelia dan mengadakan kemudahan untuk Persatuan Nelayan.



2.1.2 Selaras dengan fungsi tersebut, LKIM telah memberi bantuan dan insentif kepada nelayan antaranya ialah Skim Diesel Dan Petrol Bersubsidi; Skim Insentif Hasil Tangkapan Ikan; Skim Bayaran Elaun Sara Hidup; Tabung Bencana Alam Dan Kebajikan Nelayan; Bantuan Pinjaman Dana Nelayan dan Insentif Kotak Ikan Berinsulasi *Food Grade*.

2.1.3 Skim Diesel Bersubsidi telah mula dilaksanakan pada tahun 2001 meliputi pengangkutan darat, air dan vesel perikanan di bawah bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pada 15 September 2005, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga Dan Bekalan Diesel telah memutuskan pelaksanaan dan pemantauan Skim Diesel Bersubsidi Untuk Nelayan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui LKIM. Pada 1 Januari 2006, LKIM telah melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi Untuk Nelayan di Semenanjung Malaysia dan mulai 1 Jun 2006 di Sabah dan Sarawak.

2.1.4 Objektif pemberian Skim Diesel Bersubsidi kepada nelayan adalah seperti berikut:

- a. Meringankan beban nelayan akibat kenaikan harga minyak diesel;
- b. Menggalakkan nelayan keluar menangkap ikan bagi meningkatkan pendapatan;
- c. Meningkatkan pendaratan dan bekalan ikan dalam negara;
- d. Memastikan Skim Diesel Bersubsidi disalurkan kepada nelayan; dan
- e. Mewujudkan sistem kawalan penyaluran diesel bersubsidi.

2.1.5 Kementerian Kewangan telah melantik Petronas Dagangan Berhad (PETRONAS), Shell Malaysia Trading Sdn. Berhad (SHELL), Boustead Petroleum Marketing Sdn. Berhad (BHP) dan Chevron Malaysia Limited Sdn. Berhad (CALTEX) sebagai pembekal diesel bersubsidi. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga Dan Bekalan Diesel telah memutuskan pemborong diesel bersubsidi pula dipertanggungjawabkan kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA), Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Negeri Sabah (KO-NELAYAN) manakala Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) merupakan peruncit Skim Diesel Bersubsidi.

2.1.6 Pada peringkat awal pelaksanaan skim diesel bersubsidi, terdapat PNK yang tidak mempunyai jeti sendiri untuk dijadikan pusat jualan kerana kebanyakan pusat jualan dikendalikan oleh pemilik jeti persendirian. Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel telah mengekalkan jeti persendirian sebagai pusat jualan kerana pengalaman pemilik jeti persendirian dalam mengendalikan penjualan diesel bersubsidi kepada nelayan dan kemudahan yang disediakan. Sehubungan itu, PNK akan menyewa jeti tersebut dan membayar komisen bagi setiap liter jualan

diesel kepada pemilik jeti dan menempatkan pegawainya di pusat jualan untuk menguruskan penjualan diesel bersubsidi. Sehingga bulan Februari 2013, sebanyak 126 jeti jualan telah disewa daripada pemilik jeti dan sebanyak 78 adalah jeti milik PNK dan Kompleks LKIM.

## **2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Skim Diesel Bersubsidi kepada nelayan diurus dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

## **2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Skim Diesel Bersubsidi kepada nelayan bagi tahun 2010 sehingga 2012 di Ibu Pejabat LKIM, LKIM Negeri dan PNK. Semakan telah dibuat terhadap dokumen dan rekod berkaitan dengan pengurusan Skim Diesel Bersubsidi. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai LKIM, NEKMAT, PENESA, KO-NELAYAN, PNK serta nelayan juga telah dijalankan. Lawatan Audit turut dijalankan di LKIM Negeri dan PNK Negeri Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan. Analisis terhadap data *e-Nelayan Subsidy Management System (e-NSMS)* juga telah dijalankan.

## **2.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 sehingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Skim Diesel Bersubsidi LKIM adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam pengurusan Skim Diesel Bersubsidi oleh LKIM yang pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 masih berlaku. Antara kelemahan yang ditemui semasa pengauditan adalah seperti berikut:

- i. LKIM tidak menjalankan penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi bagi mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran.
- ii. Sebanyak 2,002 transaksi jualan diesel yang sepatutnya dijual pada harga RM1.80 per liter kepada vesel Zon C2 telah dijual pada harga Diesel Super Subsidi iaitu RM1.25 per liter. Perbezaan harga ini menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan sejumlah RM8.14 juta.
- iii. Penjualan diesel bersubsidi kepada 43 vesel melebihi kapasiti tangki antara 600 hingga 10,500 liter.
- iv. Penjualan diesel bersubsidi kepada 55 vesel sebanyak 165,474 liter melebihi kuota yang ditetapkan.


- v. Sebanyak 16 daripada 87 pusat jualan atau 18.4% tidak mempunyai alat pengukur manakala 13 pusat jualan atau 14.9% menggunakan alat pengukur seperti kayu, dahan pokok dan pita pengukur untuk menentukan bacaan stok diesel dalam *skid tank*.
- vi. Perbezaan antara baki stok fizikal dalam *skid tank* dengan baki buku stok diesel bersubsidi direkodkan dengan lebih sebanyak 63,544 liter dan kurang sebanyak 8,816 liter.
- vii. Pusat Pengisytiharan menggunakan kod peniaga lain yang berdaftar dalam Sistem e-Pengisytiharan untuk mengisytiharkan hasil tangkapan dan 30 Borang Pengisytiharan Pendaratan Ikan Untuk Belian Diesel Bersubsidi tidak dilengkapkan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### 2.4.1 Prestasi Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi

2.4.1.1 Tujuan pelaksanaan Skim Diesel Bersubsidi adalah antaranya untuk menggalakkan nelayan keluar menangkap ikan bagi meningkatkan pendapatan. Sejak tahun 2006 sehingga 2012, LKIM telah meluluskan sebanyak 17,672 Kad e-Diesel kepada nelayan bagi tujuan pembelian diesel bersubsidi. Kelulusan Kad e-Diesel bagi tempoh tersebut adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 2.1**  
**BILANGAN KAD e-DIESEL YANG**  
**DILULUSKAN BAGI TAHUN 2006 SEHINGGA 2012**



Sumber: Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM

2.4.1.2 Selain itu, LKIM bertanggungjawab menetapkan kuota diesel bersubsidi bagi tahun 2006 hingga 2012 dan penyaluran diesel bersubsidi kepada nelayan yang berdaftar adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 2.2**  
**KUOTA DAN PENYALURAN DIESEL BERSUBSIDI**  
**KEPADA NELAYAN BAGI TAHUN 2006 SEHINGGA 2012**



Sumber: Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM

### 2.4.1.3 Penilaian *Outcome* Tidak Dilaksanakan

Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan yang menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran. Sejak tahun 2006, sebanyak 7.47 bilion liter diesel bersubsidi telah disalurkan kepada golongan sasaran. Semakan Audit mendapati LKIM tidak menjalankan penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi. Sehubungan itu, LKIM tidak dapat mengukur pencapaian objektif program yang telah ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, penilaian *outcome* terhadap Skim Diesel Bersubsidi adalah penting untuk menentukan objektif program tercapai. Penilaian *outcome* ini dapat digunakan untuk menangani kelemahan dan menambah baik Skim Diesel Bersubsidi.**

## Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.

*LKIM akan melaksanakan penilaian outcome bagi Skim Diesel Bersubsidi pada tahun 2013 bagi menilai pencapaian objektif Skim Diesel Bersubsidi serta mengenal pasti dan menambahbaik pelaksanaan program.*

### 2.4.2 Penjualan Diesel Super Subsidi Kepada Vesel Zon C2

2.4.2.1 Pekeliling Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Nelayan Bilangan 4 Tahun 2011 menyatakan penjualan diesel bersubsidi kepada semua pemilik vesel Zon C2 ditetapkan pada harga RM1.80 per liter berkuat kuasa pada 1 Jun 2011. Pusat jualan Diesel Super Subsidi dilarang menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2 dan akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, KPDNKK sekiranya melanggar peraturan ini. LKIM boleh mengambil tindakan menutup pusat jualan yang didapati menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2.

2.4.2.2 Analisis Audit terhadap Sistem e-NSMS dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) mendapati 2,002 transaksi jualan diesel yang sepatutnya dijual pada harga RM1.80 per liter kepada vesel Zon C2 telah dijual pada harga Diesel Super Subsidi iaitu RM1.25 per liter. **Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 14.81 juta liter telah dijual pada harga RM1.25 per liter yang menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan berjumlah RM8.14 juta.** Perkara ini disebabkan pemantauan yang kurang berkesan oleh LKIM terhadap penjualan diesel bersubsidi. Butiran penjualan mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut :

**JADUAL 2.1  
PENJUALAN DIESEL SUPER SUBSIDI KEPADA VESEL ZON C2**

NEGERI	TRANSAKSI (Bil)	KUANTITI (Liter)	JUMLAH JUALAN		PERBEZAAN (RM) (c = b - a)
			(RM1.25/Liter) (RM) (a)	(RM1.80 /Liter) (RM) (b)	
Johor	6	37,406	46,757	67,331	20,574
Kedah	99	293,299	366,624	527,938	161,314
Kelantan	30	401,573	501,966	722,831	220,865
Pahang	547	4,931,376	6,164,220	8,876,477	2,712,257
Perak	542	1,504,269	1,880,336	2,707,684	827,348
Perlis	270	1,528,683	1,910,854	2,751,629	840,775
Pulau Pinang	14	26,160	32,700	47,088	14,388
Sabah	11	45,000	56,250	81,000	24,750
Sarawak	366	5,530,107	6,912,634	9,954,192	3,041,558
Terengganu	62	200,963	251,204	361,733	110,529
W.P. Labuan	55	309,393	386,741	556,907	170,166
<b>JUMLAH</b>	<b>2,002</b>	<b>14,808,229</b>	<b>18,510,286</b>	<b>26,654,810</b>	<b>8,144,524</b>

Sumber: Sistem e-NSMS

Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah memastikan pusat jualan menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2 mengikut harga yang ditetapkan. LKIM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pusat jualan yang telah menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2.

**Maklum balas daripada LKIM diterima pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan 1,012 transaksi dijual oleh Pusat Jualan Vesel Zon C2 pada harga sebenar RM1.80/liter tetapi telah direkodkan oleh LKIM pada harga RM1.25/liter dalam Sistem e-NSMS. Baki sebanyak 990 transaksi lagi adalah antaranya disebabkan kesalahan pendaftaran zon vesel; pelarasan semula zon; kesalahan memasukkan transaksi secara manual/PDA rosak dan kekeliruan terhadap perubahan harga.*

#### **2.4.3 Penjualan Diesel Bersubsidi Melebihi Kapasiti Tangki Vesel**

2.4.3.1 Sistem e-NSMS dibangunkan untuk mengawal dan menguruskan penjualan diesel bersubsidi kepada nelayan. Sistem ini merekodkan maklumat antaranya mengenai nombor pendaftaran, nombor lesen, nombor enjin, muatan, tarikh sah lesen, zon tangkapan, perkakasan dan kapasiti tangki. Pada setiap transaksi jualan, kad e-Diesel akan diimbis pada *Personal Digital Assistant* (PDA) dengan menggunakan *Global Package Radio System* (GPRS) sebagai capaian kepada Sistem e-NSMS.

2.4.3.2 Semakan Audit mendapati penjualan diesel bersubsidi kepada 43 vesel telah melebihi kapasiti tangki antara 600 sehingga 10,500 liter. Ini disebabkan PDA tidak memaparkan kapasiti tangki bagi tujuan mengawal penjualan diesel bersubsidi. Bagaimanapun, PDA tersebut hanya memaparkan nombor vesel, nama pemilik, tarikh luput kad e-Diesel, zon, harga seunit, had kuota dan baki kuota. Semakan lanjut mendapati PDA yang telah digunakan mulai 1 Disember 2012 juga tidak memaparkan had kapasiti tangki. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:


**JADUAL 2.2**  
**PENJUALAN DIESEL BERSUBSIDI MELEBIHI KAPASITI TANGKI**

BIL.	NEGERI	NOMBOR VESEL	KAPASITI TANGKI (Liter)	PENJUALAN DIESEL BERSUBSIDI		
				TARIKH	SEBENAR (Liter)	MELEBIHI KAPASITI TANGKI (Liter)
1.	Perak	PKFA7484	5,000	25.08.2012	15,500	10,500
2.		SLFA4630	15,000	08.03.2012	24,000	9,000
3.		PKFA7616	800	27.08.2012	5,000	4,200
4.		PKFA4292	3,000	10.03.2012	6,962	3,962
5.		PKFB227	5,000	12.09.2012	8,000	3,000
6.		PKFA8473	500	24.09.2012	3,393	2,893
7.		PKFA7435	6,000	17.10.2012	7,513	1,513
8.		PKFB774	400	03.09.2012	1,859	1,459
9.		PKFA9974	11,000	06.01.2012	12,280	1,280
10.		PKFA8431	400	05.10.2012	1,224	824
11.	Pahang	PAF4358	10,000	26.03.2012	16,500	6,500
12.		PAF4153	12,000	09.01.2012	14,000	2,000
13.	Sarawak	SF1-3219	6,000	23.02.2012	12,000	6,000
14.		SF2-1136	9,000	20.02.2012	14,000	5,000
15.		SF1-2710	8,000	02.04.2012	12,000	4,000
16.		SF2-1137	10,000	20.03.2012	14,000	4,000
17.		SF1-2626	8,000	17.02.2012	12,000	4,000
18.		SF2-463	100	28.09.2012	3,600	3,500
19.		SF2-308	80	12.04.2012	2,000	1,920
20.		SF2-3320	200	24.04.2012	2,000	1,800
21.		SF2-2520	700	20.11.2012	2,000	1,300
22.		SF2-2126	250	16.01.2012	1,500	1,250
23.		SF2-1947	350	20.02.2012	1,500	1,150
24.		SF2-3323	200	01.10.2012	1,315	1,115
25.		SF2-3332	200	20.11.2012	1,300	1,100
26.		SF2-749	400	30.05.2012	1,500	1,100
27.		SF2-3013	1,000	06.02.2013	2,000	1,000
28.		SF2-3277	500	02.11.2012	1,500	1,000
29.		SFI-3453	100	20.06.2012	1,000	900
30.	SF2-3183	1,000	04.04.2012	1,600	600	
31.	Kelantan	JHF5482T	18,000	24.05.2012	23,000	5,000
32.		KNF7049	100	03.05.2012	2,375	2,275
33.		KNF7282	20,000	23.01.2012	22,195	2,195
34.		TRF755	20,000	22.12.2012	21,977	1,977
35.		KNF7889	20,000	30.04.2012	21,008	1,008
36.	Sabah	SJN01229F	8,000	14.02.2012	12,000	4,000
37.		SJN01233F	800	05.11.2012	3,500	2,700

BIL.	NEGERI	NOMBOR VESEL	KAPASITI TANGKI (Liter)	PENJUALAN DIESEL BERSUBSIDI		
				TARIKH	SEBENAR (Liter)	MELEBIHI KAPASITI TANGKI (Liter)
38.		SJN01043/F	2,600	13.09.2012	5,200	2,600
39.		SA1801/F	700	10.12.2012	2,700	2,000
40.		KT5827/3F	1,000	10.09.2012	2,200	1,200
41.		SJN00070F	10,000	13.08.2012	11,100	1,100
42.	Perlis	PSF1923	8,000	05.12.2012	10,000	2,000
43.	Selangor	PKFA8907	2,000	21.09.2012	3,200	1,200


Sumber: Laporan yang dijana melalui Sistem e-NSMS

**GAMBAR 2.1**  
PDA ST4e Tanpa Paparan Kapasiti Tangki Vesel



Lokasi: Pusat Jualan Bagan Sekinchan, PNK Sungai Besar, Selangor  
Tarikh: 6 November 2012

**GAMBAR 2.2**  
PDA IPT 300 Tanpa Paparan Kapasiti Tangki Vesel



Lokasi: PNK Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 11 Disember 2012

Pada pendapat Audit, penjualan diesel bersubsidi melebihi kapasiti tangki boleh memberi ruang kepada penyalahgunaan diesel bersubsidi. LKIM hendaklah memastikan PDA memaparkan maklumat kapasiti tangki vesel supaya penjualan diesel bersubsidi dapat dikawal dan tidak melebihi kapasiti tangki vesel.

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan melalui Mesyuarat Isu Perikanan bersama Jabatan Perikanan Malaysia, LKIM telah meminta Jabatan Perikanan Malaysia memasukkan maklumat kapasiti tangki dalam lesen vesel perikanan. Walau bagaimanapun, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bil. 2/2013 pada 14 Jun 2013 Jabatan Perikanan telah memaklumkan penguatkuasaan penetapan kapasiti tangki yang akan dimasukkan dalam lesen perikanan ditangguhkan disebabkan memerlukan kajian lanjut. LKIM telah meminta bantuan supaya pihak Jabatan Perikanan Malaysia memasukan maklumat kapasiti tangki vesel dalam lesen.*



#### 2.4.4 Penjualan Diesel Bersubsidi Melebihi Kuota

2.4.4.1 Merujuk Manual Prosedur Kerja Bahagian Pembangunan Masyarakat Nelayan, penetapan kuota diesel bagi setiap vesel adalah berdasarkan jenis peralatan menangkap ikan, muatan vesel (*Gross Registered Tonnage-GRT*) dan zon tangkapan ikan sama ada Zon A, B, C atau C2. Jurupam PNK di pusat jualan diesel bersubsidi bertanggungjawab menyemak baki kuota dan memastikan transaksi jualan tidak melebihi kuota yang ditetapkan.

2.4.4.2 Semakan Audit terhadap Senarai Vesel Kegunaan Diesel Bulanan e-NSMS yang melebihi kuota 1,000 liter bagi bulan April sehingga Disember 2012 mendapati 55 transaksi jualan diesel di 8 PNK telah melebihi kuota yang ditetapkan iaitu sebanyak 165,474 liter. Ini disebabkan transaksi jualan secara manual lewat dimasukkan ke dalam Sistem e-NSMS menyebabkan baki kuota tidak dikemas kini yang boleh mengakibatkan penyalahgunaan diesel bersubsidi berlaku. Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang.

**Pada pendapat Audit, penjualan diesel bersubsidi melebihi kuota boleh menyumbang kepada penyalahgunaan terhadap diesel bersubsidi. Sehubungan itu, LKIM hendaklah memastikan PNK memasukkan maklumat jualan secara manual dengan segera ke dalam sistem e-NSMS supaya baki kuota dikemas kini dan penjualan diesel bersubsidi dapat dikawal.**

#### **Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM telah membuat semakan terhadap 55 vesel mendapati 33 vesel membuat pembelian melebihi kuota yang telah ditetapkan dan tindakan penangguhan telah dibuat kepada pemilik vesel tersebut. Selain itu, baki sebanyak 22 vesel pula didapati membuat kemasukan transaksi berganda yang menyebabkan jumlah pembelian diesel bersubsidi melebihi kuota yang ditetapkan. Tindakan menyelaras semula maklumat transaksi jualan telah diambil bagi mengemas kini maklumat. Terdapat kelemahan pada sistem e-NSMS untuk mengambil kira transaksi pembelian secara manual semasa PDA offline. Ini menyebabkan berlakunya lebih pembelian kuota kerana pembelian yang dibuat pada akhir bulan akan direkodkan pada awal bulan berikutnya.*

*LKIM juga akan melaksanakan tindakan penangguhan terhadap vesel yang terlibat membeli diesel bersubsidi melebihi kuota. Bagaimanapun, hanya 2 pegawai yang mengurus skim ini berbanding sebanyak 17,000 vesel yang melibatkan purata 3,500 transaksi sehari yang menyebabkan pemilik vesel terlepas daripada tindakan seperti penangguhan dan disenaraihitamkan. Selain itu, Bahagian Audit Dalam LKIM sentiasa membuat pengauditan berkala*

**terhadap semua PNK yang melaksanakan skim ini dan memberi teguran berkaitan perkara ini.**

#### **2.4.5 Kawalan Stok Diesel Bersubsidi**

Pekeliling Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Bilangan 1 Tahun 2009 menetapkan PNK hendaklah melakukan pemeriksaan stok fizikal dan bacaan meter pam pada setiap hari serta direkodkan dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi. Pemeriksaan perlu dibuat dengan serta-merta sekiranya terdapat perbezaan yang ketara antara stok fizikal dengan Buku Stok Diesel Bersubsidi. Laporan lengkap perbezaan stok ini hendaklah dikemukakan kepada Pengarah LKIM Negeri untuk tujuan rekod dan siasatan jika perlu. Pekeliling Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Bilangan 7 Tahun 2008 mengenai Tugas Dan Tanggungjawab Berkaitan Pengendalian Urusniaga Diesel Bersubsidi Kepada Nelayan pula menetapkan jurupam hendaklah merekod bacaan meter pada pam ke dalam buku stok sebelum dan selepas jualan dibuat. Pihak Audit telah membuat lawatan ke 87 pusat jualan diesel bagi membuat pemeriksaan fizikal terhadap baki stok diesel dalam *skid tank* dan menyemak rekod jualan diesel bersubsidi. Hasil semakan Audit di pusat jualan mendapati perkara berikut:

##### **2.4.5.1 Alat Pengukur Stok Diesel Dalam *Skid Tank***

Pemeriksaan stok diesel dalam *skid tank* hendaklah menggunakan alat pengukur yang boleh memberi bacaan stok diesel dengan tepat. Pemeriksaan Audit mendapati 16 daripada 87 pusat jualan atau 18.4% tidak mempunyai alat pengukur manakala 13 pusat jualan atau 14.9% menggunakan alat pengukur seperti kayu, dahan pokok dan pita pengukur untuk menentukan bacaan stok diesel dalam *skid tank*. Perkara ini berlaku disebabkan pusat jualan tersebut telah beroperasi sebelum pelaksanaan Skim Diesel Bersubsidi dan pemilik pusat jualan persendirian tidak menitikberatkan penggunaan alat pengukur bagi mengambil bacaan fizikal stok diesel di *skid tank*. Ini boleh meningkatkan kos operasi kepada pemilik pusat jualan persendirian sekiranya membeli alat pengukur yang baru. Sehubungan itu, bacaan yang diperolehi tidak tepat kerana bacaan stok diesel berdasarkan anggaran oleh pemilik pusat jualan. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Butiran seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.3  
PENGGUNAAN ALAT PENGUKUR STOK DIESEL DALAM *SKID TANK***

<b>BIL.</b>	<b>PNK</b>	<b>PUSAT JUALAN</b>	<b>JENIS ALAT PENGUKUR</b>
1.	Sungai Besar, Selangor	Sungai Besar 1	Tiada alat pengukur
2.		Sungai Besar 2	Tiada alat pengukur
3.		Sungai Burung	Kayu dan dahan pokok

BIL.	PNK	PUSAT JUALAN	JENIS ALAT PENGUKUR
4.	Tawau, Sabah	Barter Trade	Tiada alat pengukur
5.		Tanjung Batu	Tiada alat pengukur
6.	Kerian, Perak	No. 458B, Jalan Pantai	Tiada alat pengukur
7.		No. 145, Jalan Pantai	Pita pengukur
8.		No.T-703, Bagan Selatan	Kayu
9.		PT3B, Bagan Selatan	Kayu
10.		PT3A, Bagan Selatan	Kayu
11.		No. 312, Jalan Pantai	Kayu
12.		No. 333B, Jalan Pantai	Pita pengukur
13.		No. 413, Jalan Pantai	Kayu
14.		No.T-664, Bagan Selatan	Pita pengukur
15.		No. 156, Kuala Gula	Pita pengukur
16.	Matang, Perak	No.150C, Tepi Sungai, Kuala Sepetang	Kayu
17.	Sungai Tinggi, Perak	A 41, Bagan Panchor - ST1	Tiada alat pengukur
18.		A 57, Bagan Panchor - ST2	Tiada alat pengukur
19.		72, Bagan Panchor - ST3	Tiada alat pengukur
20.		P 93, Bagan Panchor - ST4	Tiada alat pengukur
21.		134, Bagan Panchor - ST5	Tiada alat pengukur
22.		No. 75, Bagan Panchor - ST7	Tiada alat pengukur
23.	Hilir Perak, Perak	Bagan Ikan	Pita pengukur
24.		Sungai Burung 1	Pita pengukur
25.		Sungai Burung 2	Tiada alat pengukur
26.		Bagan Sungai Tiang	Tiada alat pengukur
27.		Hutan Melintang 8	Tiada alat pengukur
28.		Hutan Melintang 2	Tiada alat pengukur
29.		Hutan Melintang 3	Tiada alat pengukur

Sumber: Lawatan Audit ke Pusat Jualan

**GAMBAR 2.3**  
Kayu Digunakan Sebagai Alat Pengukur



Lokasi: No.150C, Tepi Sungai, Kuala Sepetang,  
PNK Matang, Perak  
Tarikh: 16 Januari 2013

**GAMBAR 2.4**  
Kayu Digunakan Sebagai Alat Pengukur



Lokasi: No.T-703, Bagan Selatan, PNK Kerian, Perak  
Tarikh: 14 Januari 2013

**GAMBAR 2.5**  
Pita Digunakan Sebagai Alat Pengukur



Lokasi: No.145, Jalan Pantai, Kuala Kurau,  
PNK Kerian, Perak  
Tarikh: 14 Januari 2013

**GAMBAR 2.6**  
Pita Digunakan Sebagai Alat Pengukur



Lokasi: No.413, Jalan Pantai, PNK Kerian, Perak  
Tarikh: 15 Januari 2013

**GAMBAR 2.7**  
Pita Digunakan Sebagai Alat Pengukur



Lokasi: Sungai Burung 1, PNK Hilir Perak, Perak  
Tarikh: 21 Januari 2013

**GAMBAR 2.8**  
Dahan Pokok Digunakan Sebagai Alat Pengukur



Lokasi: Pusat Jualan Sungai Burung,  
PNK Sungai Besar, Selangor  
Tarikh: 6 November 2012

Pada pendapat Audit, penggunaan alat pengukur yang sesuai adalah penting bagi memastikan ketepatan bacaan di *skid tank* bagi memperolehi baki sebenar stok diesel di pusat jualan.

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan skid tank yang digunakan oleh PNK telah dibekalkan oleh pemborong iaitu NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN atau syarikat pembekal diesel. Sehubungan itu, pemborong atau syarikat pembekal diesel disaran untuk membuat perbincangan dengan PNK untuk membekalkan alat pengukur yang sesuai bagi memastikan ketepatan baki sebenar stok diesel.*

### 2.4.5.2 Perbezaan Antara Baki Stok Fizikal Dalam *Skid Tank* Dengan Baki Buku Stok Diesel Bersubsidi

Pihak Audit telah membuat lawatan ke 87 daripada 204 pusat jualan bagi menyemak baki stok yang telah direkodkan di dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi untuk dibandingkan dengan bacaan fizikal. Lawatan Audit dari bulan November 2012 sehingga Februari 2013 mendapati wujud perbezaan antara baki stok fizikal dan baki Buku Stok Diesel Bersubsidi di 21 pusat jualan. Semakan lanjut mendapati perbezaan lebihan stok fizikal yang direkodkan adalah sebanyak 63,544 liter manakala perbezaan kurangan stok pula adalah sebanyak 8,816 liter. Perbezaan bagi lebihan dan kurangan stok fizikal dalam *skid tank* adalah selepas mengambil kira 5% pemeluwapan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengambilan bacaan stok fizikal di *skid tank* tidak dilakukan secara harian dan tiada alat pengukur yang tepat. Ini boleh memberi ruang kepada penyalahgunaan dan penyelewengan diesel bersubsidi. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.4**  
**PERBEZAAN ANTARA BAKI HARIAN STOK FIZIKAL DENGAN BAKI BUKU**

BIL.	PNK	PUSAT JUALAN	TARIKH LAWATAN AUDIT	STOK FIZIKAL (Liter) (a)	STOK BUKU (Liter) (b)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (a-b)
1.	Kerian, Perak	No. 156, Kuala Gula	15.01.2013	23,290	8,774	14,516
2.		No.T-703, Bagan Selatan	14.01.2013	25,376	15,333	10,043
3.		No. 312, Jalan Pantai	15.01.2013	8,414	5,174	3,240
4.		No. 333B, Jalan Pantai	15.01.2013	17,212	14,994	2,218
5.		PT3A, Bagan Selatan	14.01.2013	22,100	20,868	1,232
6.		No. 345, Jalan Pantai	15.01.2013	9,922	8,805	1,117
7.		No. 30, Kuala Gula	15.01.2013	16,870	15,846	1,024
8.		No. 81E, Jalan Pantai	14.01.2013	17,793	19,735	(1,942)
9.		No. 413, Jalan Pantai	15.01.2013	5,770	7,366	(1,596)
10.	Pulau Pinang Selatan, Pulau Pinang	Pulau Pinang Selatan	31.10.2012	17,900	4,981	12,919
11.	Tumpat, Kelantan	Kompleks LKIM Tumpat-Geting (Zon A,B,C)	19.02.2013	42,973	30,314	12,659
12.	Sg.Besar, Selangor	Sekinchan 2	06.11.2012	36,692	33,305	3,387
13.		Sg. Besar 2	06.11.2012	38,400	37,129	1,271
14.		Sg. Burung	06.11.2012	13,700	14,841	(1,141)
15.	Belawai, Sarawak	Tanjung Manis	27.11.2012	36,879	33,887	2,992



BIL.	PNK	PUSAT JUALAN	TARIKH LAWATAN AUDIT	STOK FIZIKAL (Liter) (a)	STOK BUKU (Liter) (b)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (a-b)
16.	Bintulu, Sarawak	Kompleks LKIM	29.11.2012	5,180	4,910	270
17.	Perlis Selatan, Perlis	Perlis Selatan	11.12.2012	15,900	17,058	(1,158)
18.	Kota Bharu, Kelantan	Kuala Besar	21.02.2013	14,050	15,143	(1,093)
19.	Semporna, Sabah	Kg. Simunul	06.12.2012	14,800	15,750	(950)
20.		Sea Fest	06.12.2012	8,450	8,950	(500)
21.	Beladin, Sarawak	Beladin	26.11.2012	10,600	11,500	(900)
<b>JUMLAH LEBIHAN [66,888 – (5% x 66,888)]</b>						<b>63,544</b>
<b>JUMLAH (KURANGAN) [9,280 – (5% x 9,280)]</b>						<b>(8,816)</b>

Sumber: Lawatan Audit Ke Pusat Jualan

Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah memastikan pemeriksaan dibuat dengan serta-merta terhadap perbezaan antara baki stok fizikal dengan baki di Buku Stok Diesel Bersubsidi. Laporan lengkap perbezaan stok ini hendaklah dikemukakan kepada Pengarah LKIM Negeri untuk tujuan rekod dan siasatan.

#### **Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan NEKMAT, PENESA, KO-NELAYAN dan PNK adalah diminta untuk mematuhi syarat dan peraturan kawalan stok diesel bersubsidi yang ditetapkan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang. LKIM telah meminta pemborong iaitu NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN memastikan semua pusat jualan baru dilengkapi dengan skid tank yang mempunyai bacaan meter. Selain itu, NEKMAT dengan kerjasama syarikat pembekal seperti PETRONAS, BHP dan SHELL telah mengadakan kursus kepada PNK dalam mengurus pusat jualan diesel yang merangkumi aspek penerimaan diesel dan kawalan stok.*

#### **2.4.5.3 Pemeriksaan Stok Fizikal Diesel Bersubsidi Dalam Skid Tank Tidak Dijalankan**

Semakan Audit mendapati 24 daripada 87 pusat jualan atau 27.6% tidak menjalankan pemeriksaan stok fizikal dalam *skid tank* untuk direkodkan dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi. Ini menyebabkan baki stok diesel sebenar dalam *skid tank* tidak dapat ditentukan sama ada bersamaan dengan baki dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi yang mana boleh memberi ruang kepada penyelewengan. Perkara ini berlaku kerana kurang pemantauan dari penyelia pusat jualan.

Pada pendapat Audit bagi meningkatkan akauntabiliti, LKIM hendaklah memastikan PNK membuat pemeriksaan stok fizikal diesel bersubsidi untuk mengesahkan ketepatan jumlah baki dalam *skid tank* dan jumlah yang direkodkan dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi.

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM telah mengeluarkan beberapa pekeliling untuk dijadikan panduan oleh PNK dalam mengurus dan mengawal selia stok diesel bersubsidi. Pekeliling ini perlu diikuti oleh semua Pengurus PNK bagi memastikan rekod stok diesel bersubsidi sentiasa dikemas kini, mengelakkan ketirisan dan seterusnya kerugian kepada PNK. LKIM memaklumkan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang maka NEKMAT, PENESA, KO-NELAYAN dan PNK adalah diminta mematuhi syarat dan peraturan kawalan stok diesel bersubsidi yang ditetapkan.*

**2.4.6 Pengisytiharan Hasil Tangkapan**

Pekeliling Pengisytiharan Pendaratan Bilangan 3 Tahun 2008 menetapkan kod peniaga akan diwujudkan dalam Sistem e-Pengisytiharan setelah mendapat kelulusan di peringkat Ibu Pejabat LKIM. Pengisytiharan hasil tangkapan perlu menggunakan kod peniaga yang telah diluluskan. Pekeliling Pengisytiharan Pendaratan Bilangan 2 Tahun 2008 pula menetapkan pengisytiharan hasil jualan oleh nelayan yang menjual sendiri hasil tangkapan perlu mengemukakan resit jualan atau Borang Perakuan Jualan Oleh Nelayan. Tujuan pengisytiharan hasil tangkapan adalah untuk melayakkan pemilik vesel mendapat kemudahan diesel bersubsidi. Semakan Audit di Pusat Pengisytiharan mendapati perkara berikut:

- a. Kod peniaga lain yang berdaftar dalam sistem e-Pengisytiharan diguna untuk mengisytiharkan hasil tangkapan bagi nelayan yang menjual sendiri atau menjual hasil tangkapan kepada peniaga yang tidak berdaftar dengan LKIM. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5  
PENGISYTIHARAN MENGGUNAKAN KOD PENIAGA LAIN**

BIL.	NOMBOR VESEL	PUSAT PENGISYTIHARAN	TARIKH ISYTIHAR	NAMA DI RESIT	KOD/NAMA PENIAGA LAIN YANG DIGUNAKAN
1.	JHF2441B	A10 PP Kuala Sepetang, Perak	16.01.2013	Keat Huat Fishery	X5524 Sin Chui San Fishery
2.	PKFB1056		16.01.2013	Woo Boon Leng	X5524 Sin Chui San Fishery
3.	PKFA 7641		16.01.2013	Guang Ming Fishery	X6861 Kah Seng Company
4.	PKFB 751	A9 PP Kuala Kurau, Perak	11.01.2013	-	X5233 Sin Heng Nguan Trading
5.	PKFB1357		11.01.2013	-	X5233 Sin Heng Nguan Trading
6.	PKFA 9062		11.01.2013	-	X5233 Sin Heng Nguan Trading

BIL.	NOMBOR VESEL	PUSAT PENGISYTIHARAN	TARIKH ISYTIHAR	NAMA DI RESIT	KOD/NAMA PENIAGA LAIN YANG DIGUNAKAN
7.	PKFB 259		11.01.2013	-	X13284 Sin Hai Guan
8.	KNF 7638	D10-PP Kompleks Kuala Besar, Kelantan	27.01.2013	Eshah binti Yusoff	X13918 Hasnah Binti Yusoff
9.	KNF 7560		13.01.2013	Hasnah binti Yusoff	X8429 Eshah Binti Yusoff
10.	KNF 7561		13.01.2013	Hasnah	X8429 Eshah Binti Yusoff
11.	KNF 7537		09.01.2013	Mohd Noor bin Yusoff	X7556 Yee Trading And Management Resources Sdn. Berhad
12.	KNS 374	D3 Kompleks Geting, Kelantan	28.01.2013	NOFA	X7332 Persatuan Nelayan
13.	KNF 6615		26.01.2013	NOFA	X13949 Ahmad Sisi Bin Mehat
14.	SF1-2193	Q50 - Samarina Corporation, Sarikei, Sarawak	13.11.2012	Johari Bogok	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
15.	SF1-4474	Q-87 Jeti Sri Minyak Sarawak	27.11.2012	Sulaiman bin Ladi	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
16.	SF1-536		27.11.2012	Mohamad Hahi bin Ladi	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
17.	SFS2-3619		27.11.2012	Majeni bin Abg Abu	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
18.	SFS2-3811		27.11.2012	Mohd bin Abg Abu	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
19.	SFS2-3806		27.11.2012	Adon Daud	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
20.	SFS2-1024		27.11.2012	Nguon Hung Enterprise	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
21.	SF2-1877		27.11.2012	Liong Kok Ying	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
22.	SF1-4428		23.11.2012	Jabry bin Boloi	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
23.	SF1-4422		23.11.2012	Sulaiman@Ismail bin Deli	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
24.	SF1-4414		23.11.2012	Ismail bin Athony	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
25.	SF2-1701		23.11.2012	Tan Chai Hong	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
26.	SF2-2758		23.11.2012	Tan Chai Seng	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
27.	SF1-3986		22.11.2012	Abg Mohamad Sa'ee	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
28.	SF1-578		22.11.2012	Bojeng bin Lem	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
29.	SF1-2281		22.11.2012	Ismail bin Hussain	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
30.	SF1-3945		22.11.2012	Suhaili bin Jni	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
31.	SF1-2187		22.11.2012	Tuah bin Denan	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
32.	SF2-2918		22.11.2012	Ahmad Norkamal	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
33.	SF1-2274		22.11.2012	Abang Mat Nor bin Abg Abu	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
34.	SF1-4747		20.11.2012	Mat bin Abeng	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad
35.	SFS2-4483	20.11.2012	Kunchan AK Suntong	X2826 Kin Eastern Frozen Food Sendirian Berhad	
36.	SF2-808	Q-88 PP Kompleks LKIM Bintulu, Sarawak	27.11.2012	Mohd Juhari	X6541 Wong Jun King
37.	TW1628/F	S81-PP LKIM Tawau, Sabah	28.11.2012	Liew Kong Ying	X9964 S.W.H Chia Brothers Seafoods Sdn. Berhad

Sumber: Borang Pengisytiharan Hasil Tangkapan Ikan di Pusat Pengisytiharan



- b. Sebanyak 30 Borang Pengisytiharan Pendaratan Ikan Untuk Belian Diesel Bersubsidi di Pusat Pengisytiharan Tawau dan Semporna, Sabah tidak lengkap kerana ruangan Kod Peniaga tidak direkodkan. Perkara ini disebabkan oleh kurangnya pemantauan oleh LKIM terhadap Pusat Pengisytiharan dan kelonggaran mekanisme sistem e-Pengisytiharan. Ini memberi ruang kepada penyalahgunaan Skim Diesel Bersubsidi kerana boleh menyebabkan nelayan yang tidak turun ke laut untuk menangkap ikan tetapi masih layak menerima skim tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2.9**  
**RUANGAN KOD PENIAGA TIDAK DILENGKAPKAN**

**BORANG PERISYTIHARAN  
PENDARATAN IKAN UNTUK  
BELIAN DIESEL/PETROL BERSUBSIDI**

No Siri : G18261211280026      Kod Agen : G1826 KAMSIAH BINTI MUHAMAD  
Pusat : S61 PP LKIM Tawau

---

**A MAKLUMAT BELIAN DIESEL/PETROL BERSUBSIDI**

No. Vesel : TW3552/6/r      Tarikh Belian :  
Rujukan Vesel :      Kuantiti Belian (liter) :  
No. Resit :      :

---

**B PENIAGA**

Kod Peniaga :      Jeti Jualan : S74 PP Jeti PNK Tawau  
Jenis Urusniaga : 03 Jual Beli      No. Invois :  
Destinasi Pengedaran : D210 Tawau      Jenis Pembungkusan : F Bakul  
Tarikh Belian : 28/11/2012

---

**C MAKLUMAT HASIL TANGKAPAN**

Tarikh Ke Laut : 27/11/2012      Masa Purata Sekali Memukat Bil. Trip Sehari : 1  
Tarikh Mendarat : 28/11/2012 12:00  
Bilangan Memukat : 3

KOD IKAN	NAMA IKAN	SAIZ	KUANTITI (KG)	HARGA (RM) / KG	JUMLAH (RM)
117	Kembung	S	695.00	3.50	2,432.50
201	Selar	S	375.00	2.00	750.00
207	Selayang	S	490.00	1.50	735.00
232	Tambahan sisik	S	3,780.00	0.50	1,890.00
246	Timah	S	475.00	2.50	1,187.50
<b>JUMLAH</b>			5,815.00		6,995.00

Saya mengesahkan bahawa saya adalah wakil/pemilik vesel pendaftaran seperti di Bahagian A telah pun membeli minyak diesel/petrol bersubsidi pada tarikh seperti di Bahagian A sebanyak kuantiti belian minyak Bahagian A dan telah pun menggunakannya bagi tujuan menangkap ikan pada tarikh di Bahagian A. Pengesahan saya ini adalah betul dan benar. Saya memahami bahawa perbuatan pengisytiharan palsu dan mengemukakan bil/invois/resit yang palsu adalah satu kesalahan di bawah sekyen 18 Akta Suruhanjaya Pengedaran Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Pengisytihar : CHIN KUI FOH      Tarikh Pengisytiharan : 28/11/2012 03:53  
No. KPT Pengisytihar : 541204125051      Caj (RM) : 3.00

Kod Peniaga Tidak  
Dilengkapkan

Lokasi: Pusat Pengisytiharan LKIM, Tawau, Sabah  
Tarikh: 5 Disember 2012

**Pada pendapat Audit, pengisytiharan hasil tangkapan sendiri oleh nelayan dan jualan kepada peniaga yang tidak berdaftar dengan LKIM dengan menggunakan kod peniaga lain boleh menyebabkan penyelewengan Skim Diesel Bersubsidi. LKIM hendaklah mengkaji dengan teliti Sistem e-Pengisytiharan bagi menambahbaik Skim Diesel Bersubsidi.**

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit adalah sukar untuk dikenal pasti. Setakat ini, LKIM tidak berupaya untuk menyemak semua dokumen terbabit kerana kekurangan pegawai. Bagaimanapun, LKIM akan mengambil tindakan teguran secara bersurat dan secara lisan kepada juruisytihar yang terbabit bagi kes yang telah dikenal pasti oleh pihak Audit.*

## 2.4.7 Keselamatan Kemudahan Di Pusat Jualan

Pekeliling Tatacara Dan Syarat Membekal Dan Menjual Diesel Bersubsidi Di Bawah Skim Subsidi Untuk Nelayan Bilangan 1 Tahun 2006 menetapkan semua pusat jualan hendaklah dipagar dan dikunci selepas waktu urus niaga untuk memastikan keselamatannya. Semua pam dan tangki yang digunakan untuk menjual diesel bersubsidi hendaklah dibuat penyenggaraan pada setiap minggu bagi memastikan pam berfungsi dengan baik. Selain itu, mengikut perjanjian antara PNK dengan pemilik jeti persendirian, pemilik jeti persendirian akan menjaga dan memelihara kemudahan tersebut dalam keadaan yang baik serta menanggung caj perkhidmatan, kos penyenggaraan dan pembaikan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

### 2.4.7.1 *Skid Tank* Tidak Berpagar

Lawatan Audit pada 6 November 2012 ke Pusat Jualan PNK Sungai Besar, Selangor dan pada 15 dan 16 Januari 2013 di PNK Matang dan Kerian, Perak mendapati *skid tank* ditempatkan di kawasan yang tidak berpagar. Ini disebabkan jeti persendirian yang disewa oleh PNK telah beroperasi sebelum pelaksanaan Skim Diesel Bersubsidi. Ini boleh menyebabkan berlakunya pencerobohan dan kecurian diesel bersubsidi. Keadaan *skid tank* tidak berpagar adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2.10**  
***Skid Tank* Tidak Berpagar**



Lokasi: No.150C, Tepi Sungai, Kuala Sepetang,  
PNK Matang, Perak  
Tarikh: 16 Januari 2013

**GAMBAR 2.11**  
***Skid Tank* Tidak Berpagar**



Lokasi: No. 156, Kuala Gula, PNK Kerian, Perak  
Tarikh: 15 Januari 2013



**GAMBAR 2.12**  
**Skid Tank Tidak Berpagar**

Lokasi: Pusat Jualan Sungai Burung, PNK Sungai Besar, Selangor  
Tarikh: 6 November 2012

#### 2.4.7.2 Skid Tank Ditempatkan Dalam Premis Kediaman

Lawatan Audit pada 15 Januari 2013 di 2 Pusat Jualan di Jalan Pantai, Kuala Kurau, PNK Kerian, Perak mendapati *skid tank* telah ditempatkan dalam premis kediaman pemilik pusat jualan. Pusat jualan ini telah wujud sebelum pelaksanaan Skim Diesel Bersubsidi. Sekiranya berlaku kebakaran, ia boleh mengakibatkan kemusnahan di sekitar kawasan kediaman berkenaan. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Kedudukan *skid tank* adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2.13**  
**Skid Tank Dalam Premis Kediaman**



Lokasi: No.312, Jalan Pantai, Kuala Kurau, PNK Kerian, Perak  
Tarikh: 15 Januari 2013

**GAMBAR 2.14**  
**Skid Tank Dalam Premis Kediaman**



Lokasi: No.153, Jalan Pantai, Kuala Kurau, PNK Kerian, Perak  
Tarikh: 15 Januari 2013

#### 2.4.7.3 Jeti Jualan Yang Usang

Lawatan Audit pada 22 Januari 2013 ke Pusat Jualan Bagan Pasir Laut, PNK Hilir Perak dan 6 November 2012 ke Pusat Jualan Sungai Burung, PNK Sungai Besar, Selangor mendapati 3 pam minyak diesel ditempatkan di jeti jualan yang usang. Jeti jualan ini dimiliki oleh pihak persendirian dan segala penyenggaraan adalah di bawah tanggungjawab pemilik jeti tersebut. Sehubungan itu, keadaan ini boleh memberi kesan terhadap keselamatan pam dan jurupam sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku. Keadaan jeti dan pusat jualan adalah seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 2.15**  
**Pusat Jualan Yang Usang**



Lokasi: Bagan Pasir Laut, PNK Hilir Perak, Perak  
Tarikh: 22 Januari 2013

**GAMBAR 2.16**  
**Jeti Jualan Yang Usang**



Lokasi: Pusat Jualan Sungai Burung, PNK Sungai  
Besar, Selangor  
Tarikh: 6 November 2012

#### **2.4.7.4 Keadaan Skid Tank Yang Usang Dan Bocor**

Lawatan Audit pada 6 November 2012 di Pusat Jualan Sungai Burung dan Bagan Sekinchan, Selangor mendapati *skid tank* berada dalam keadaan usang dan bocor. Oleh itu, *skid tank* hanya boleh diisi dengan satu pertiga diesel daripada kapasitinya. Selain itu, lawatan Audit pada 17 Januari 2013 dan 19 Februari 2013 mendapati pam di Pusat Jualan Sungai Tinggi, Perak; Tanjung Dawai, Kedah dan Kompleks Perikanan LKIM Geting, Kelantan pula mengalami kebocoran pada penyambung hos penyaluran diesel ke vesel nelayan dan kerosakan pada meter pam. Perkara ini disebabkan pemilik jeti tidak membuat penyenggaraan terhadap hos dan pam tersebut. Ini boleh mengakibatkan ketirisan diesel bersubsidi dan seterusnya kerugian kepada Kerajaan. Keadaan *skid tank* yang usang dan kebocoran pada penyambung hos adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2.17**  
**Skid Tank Yang Usang Dan Bocor**



Lokasi: Pusat Jualan Sungai Burung, PNK Sungai Besar,  
Selangor  
Tarikh: 6 November 2012

**GAMBAR 2.18**  
**Kebocoran Pada Penyambung Hos**



Lokasi: ST4, PNK Sungai Tinggi, Perak  
Tarikh: 17 Januari 2013

Pada pendapat Audit, LKIM tidak menitikberatkan keselamatan kemudahan di pusat jualan sehingga berlaku *skid tank* dan jeti jualan yang usang serta kebocoran kepada penyambung hos dan pam.

**Maklum balas daripada LKIM diterima pada 22 Mei 2013.**

*LKIM telah mengambil tindakan secara berperingkat dengan mengurangkan bilangan pusat jualan yang tidak sesuai daripada aspek keselamatan. Sebanyak 6 pusat jualan di PNK Matang dan 5 pusat jualan di PNK Hilir Perak telah diarah tutup atas sebab keselamatan dan tidak mematuhi syarat. LKIM dalam proses pembinaan jeti dan di beberapa pusat jualan di PNK Kerian, Perak yang tidak sesuai dan tidak selamat. Program pemusatan dan pembinaan akan diteruskan di Negeri Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan Labuan apabila kompleks/jeti siap sepenuhnya.*

#### **2.4.8 KO-NELAYAN Sebagai Peruncit Diesel Bersubsidi Tanpa Lesen**

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga dan Bekalan Diesel telah melantik KO-NELAYAN sebagai pemborong diesel bersubsidi sahaja di seluruh Negeri Sabah pada 1 Jun 2006. Semakan Audit mendapati KO-NELAYAN menjalankan urusan sebagai pemborong dan peruncit diesel bersubsidi pada masa yang sama. Bagaimanapun, KO-NELAYAN tidak mempunyai Lesen Berniaga Runcit daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk berniaga diesel bersubsidi secara runcit. Perkara ini disebabkan oleh KPDNKK hanya mengeluarkan lesen berniaga runcit atas nama PNK sahaja. Oleh itu, KO-NELAYAN telah menjalankan fungsi sebagai peruncit diesel bersubsidi tanpa lesen. Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan telah membincangkan mengenai peranan KO-NELAYAN sebagai pemborong dan peruncit.

**Pada pendapat Audit, KO-NELAYAN telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana menjual diesel subsidi secara runcit tanpa lesen.**

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan perkara ini telah dipanjangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Nelayan. Bagaimanapun, perkara ini akan dirujuk kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi memastikan bekalan diesel bersubsidi kepada nelayan berjalan lancar. Semua pusat jualan KO-NELAYAN telah mempunyai lesen Petroleum Development Act 1974 yang sah. KO-NELAYAN juga telah mengemukakan permohonan lesen runcit kepada KPDNKK pada 12 September 2012.*

#### **2.4.9 Bekalan Diesel Bersubsidi Tidak Mencukupi**

NEKMAT bertanggungjawab membuat pengagihan kuota diesel bersubsidi berdasarkan bilangan vesel yang berdaftar di setiap PNK. PNK Hilir Perak mempunyai 873 vesel yang berdaftar dengan anggaran 15.83 juta liter diesel sebulan tetapi NEKMAT hanya meluluskan kuota sebanyak 9 juta liter diesel sebulan. Lawatan Audit pada 21 Januari 2013 di Pusat Jualan Diesel Sungai Burung 1 dan Sungai Burung 2 di PNK Hilir Perak mendapati transaksi jualan pada 15 dan 18 Januari 2013 merupakan transaksi terakhir jualan kepada pemilik vesel kerana ketiadaan bekalan diesel di pusat jualan tersebut. Di samping itu, pertambahan sebanyak 62 vesel yang berpindah daripada pusat jualan lain ke PNK Hilir Perak telah menyebabkan permintaan bekalan diesel bersubsidi semakin bertambah. Perkara ini mengakibatkan kekurangan bekalan diesel bersubsidi bagi Zon A, B dan C di PNK Hilir Perak.

**Pada pendapat Audit, LKIM perlu peka terhadap permintaan sebenar diesel bersubsidi oleh nelayan di PNK Hilir Perak supaya bekalan diesel bersubsidi mencukupi dan tidak menjejaskan aktiviti penangkapan ikan di kawasan tersebut.**

#### **Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan keperluan kuota adalah berdasarkan musim ikan, keadaan cuaca dan faktor lain. Oleh itu, kuota yang tidak digunakan di sesuatu kawasan akan dipindahkan kepada kawasan yang memerlukan pada masa itu.*

#### **2.4.10 Penerimaan Diesel Bersubsidi Kurang Berbanding Kuantiti Yang Dipesan**

Pembekalan diesel bersubsidi adalah berdasarkan pesanan dari PNK kepada pemborong iaitu NEKMAT, PENESA atau KO-NELAYAN. Setelah pesanan diluluskan, pemborong akan membuat tempahan daripada syarikat pembekal minyak iaitu PETRONAS, BHP, SHELL atau CALTEX. Syarikat pembekal minyak akan menghantar bekalan terus ke pusat jualan diesel bersubsidi di PNK berkenaan. Semakan Audit terhadap transaksi pesanan dan penerimaan diesel bersubsidi di PNK Sungai Tinggi, Perak pada 1 hingga 7 Januari 2013 mendapati bekalan diesel bersubsidi yang diterima kurang berbanding kuantiti yang dipesan daripada NEKMAT iaitu sejumlah 281,190 liter. Ini menyebabkan nelayan tidak mendapat bekalan diesel yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah memastikan pemborong membekalkan diesel bersubsidi seperti yang dipesan oleh PNK supaya bekalan diesel bersubsidi sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan nelayan.

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN perlu memastikan bekalan diesel dapat disalurkan sehingga hujung bulan dan langkah catuan perlu dilaksanakan di peringkat PNK. Jumlah kuota diesel yang diluluskan hanya 100 juta liter sebulan berbanding kuota sebenar sebanyak 128.37 juta liter sebulan. Sehubungan itu, pemborong terpaksa menyelaras anggaran keperluan kuota bagi setiap PNK manakala PNK pula perlu memastikan vesel diberikan had kuantiti berdasarkan keperluan sebenar untuk satu trip operasi sahaja. PNK yang memerlukan tambahan diesel bersubsidi boleh mendapatkan bekalan diesel bersubsidi daripada pemborong yang masih mempunyai bekalan diesel.*

**2.4.11 Pemantauan Pengisytiharan Pendaratan**


Mengikut Pekeliling Pengisytiharan Pendaratan Bilangan 2 Tahun 2008, pegawai LKIM hendaklah memantau dan merekod maklumat berkaitan vesel yang mendaratkan ikan, anggaran jumlah tangkapan dan status pendaratan vesel pada setiap hari. Pemantauan tersebut dibuat terhadap semua vesel yang mendarat di Kompleks LKIM, 70% vesel di Jeti PNK dan 30% vesel di Jeti Swasta bertujuan bagi mendapatkan diesel bersubsidi. Diesel bersubsidi terdiri daripada Diesel Super Subsidi bagi Zon A, B dan C dan Diesel Subsidi bagi Zon C2. Penetapan harga diesel bersubsidi adalah berbeza mengikut zon tangkapan manakala kelulusan kuota diesel pula adalah berdasarkan peralatan menangkap ikan mengikut zon seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.6  
KUOTA DIESEL BAGI SETIAP VESEL  
BERDASARKAN ZON TANGKAPAN**

ZON TANGKAPAN	KUOTA DIESEL (Liter)
A	500 – 15,000
B	5,000 – 20,000
C	2,500 – 28,000
C2	25,000 – 32,000

*Sumber: Seksyen Pengurusan Bantuan Nelayan, Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM*

**GAMBAR 2.19**  
**KUOTA DIESEL BERSUBSIDI DITETAPKAN MENGIKUT**  
**PERALATAN MENANGKAP IKAN DAN ZON TANGKAPAN**



*Nota: \*\*Tiada halangan bagi vesel yang berhampiran pantai untuk menjalankan operasi tangkapan ikan di zon yang lebih jauh sebagai contoh vesel yang beroperasi di Zon A boleh menangkap ikan di Zon B, C dan C2.  
 Sumber: Laman Web Jabatan Perikanan Malaysia*

Semakan Audit mendapati pemantauan pengisytiharan pendaratan bagi Zon A, B dan C tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, pemantauan pengisytiharan pendaratan hasil tangkapan hanya dibuat bagi vesel Zon C2 oleh pegawai LKIM bersama wakil Jabatan Perikanan. Ini disebabkan oleh kekurangan pegawai LKIM yang ditempatkan di pusat pengisytiharan dan pendaratan hasil tangkapan yang tidak berpusat menyukarkan kerja pemantauan. Sehubungan itu, pengesahan hasil tangkapan tidak dapat disahkan secara fizikal dan hanya berdasarkan resit jualan atau Borang Perakuan Jualan Oleh Nelayan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan pengisytiharan pendaratan yang dilaksanakan adalah kurang berkesan kerana pendaratan tidak dapat disahkan di Zon A, B dan C. Ini menyebabkan kuota pengagihan diesel subsidi tidak dapat dibuat secara adil dan tepat kerana tiada maklumat pemantauan yang menyeluruh.**

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM akan mengeluarkan pekeliling baru yang mewajibkan semua Urus Setia Pemasaran melakukan pemantauan secara persampelan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Satu mesyuarat khas bagi membincangkan masalah ketirisan pemberian Insentif Hasil Tangkapan Ikan, Subsidi Minyak dan Elaun Sara Hidup akan dibuat.*



#### 2.4.12 Halangan Ke Lokasi Pusat Jualan

Lokasi pusat jualan di tempat yang bersesuaian akan memudahkan nelayan mendapat bekalan diesel bersubsidi. Lawatan Audit pada 30 November 2012 di Kompleks LKIM Bintulu, Sarawak mendapati laluan vesel ke pusat jualan adalah cetek dan sempit disebabkan oleh pembinaan benteng kayu yang menghalang laluan vesel nelayan ke Kompleks berkenaan. Oleh itu, nelayan perlu menunggu air pasang untuk membolehkan pembelian diesel bersubsidi dilakukan. Keadaan pusat jualan di Kompleks LKIM Bintulu adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2.20**  
Jeti Jualan Cetek Dan Sempit



Lokasi: Jeti Pendaratan Ikan Bintulu, Sarawak  
Tarikh: 30 November 2012

**GAMBAR 2.21**  
Jeti Jualan Cetek Dan Sempit



Lokasi: Jeti Pendaratan Ikan Bintulu, Sarawak  
Tarikh: 30 November 2012

**Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah mengkaji semula kesesuaian lokasi Kompleks LKIM Bintulu, Sarawak untuk memudahkan nelayan membeli diesel bersubsidi.**

**Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013.**

*LKIM memaklumkan PNK Bintulu, Sarawak mempunyai 2 pusat jualan untuk memenuhi keperluan nelayan setempat iaitu di Kompleks LKIM Bintulu dan pusat jualan diesel bersubsidi di Lot 2006, Kampung Sebulan Besar, Bintulu. LKIM juga memaklumkan setakat ini tiada rungutan daripada nelayan bagi membeli diesel bersubsidi di Kompleks LKIM Bintulu. Bagaimanapun, terdapat cadangan daripada pengurusan PNK Bintulu untuk mencari tapak bagi menggantikan kawasan sedia ada.*

#### 2.5 PEMANTAUAN

Skim Diesel Bersubsidi yang dilaksanakan mulai tahun 2006 memerlukan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani serta LKIM memantau pelaksanaannya supaya ia dapat diuruskan dengan teratur serta mencapai matlamat

yang ditetapkan dan memberi manfaat kepada golongan sasaran. Semakan Audit mendapati pemantauan terhadap Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi adalah seperti berikut:

### **2.5.1 Peringkat Kementerian**

Pemantauan Skim Diesel Bersubsidi telah dijalankan di peringkat Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Nelayan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2010 hingga 2012 jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 4 hingga 5 kali setahun.

### **2.5.2 Peringkat Ibu Pejabat LKIM**

Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat LKIM dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2012 dan sebanyak 3 kali pada tahun 2010 dan 2011. Semakan lanjut mendapati LKIM tidak mempunyai garis panduan atau prosedur mengenai mekanisme pemantauan secara khusus terhadap pusat jualan yang dikendalikan oleh PNK.

### **2.5.3 Peringkat LKIM Negeri**

Pemantauan di peringkat LKIM Negeri dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi Peringkat LKIM Negeri. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa telah bermesyuarat dan membincangkan kes yang dilaporkan seperti Kad e-Diesel, e-Pengisytiharan, tindakan pemantauan dan penguatkuasaan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan pengurusan Skim Diesel Bersubsidi adalah kurang memuaskan di Ibu Pejabat LKIM. LKIM hendaklah memastikan Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi di peringkat Ibu Pejabat bermesyuarat dengan lebih kerap untuk menangani isu yang dibangkitkan. LKIM juga hendaklah menyediakan prosedur mengenai mekanisme pemantauan secara khusus supaya pemantauan berkesan dapat dilakukan terhadap pusat jualan diesel bersubsidi yang dikendalikan oleh PNK.**

## 2.6 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan LKIM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.6.1 LKIM hendaklah membuat penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi untuk menentukan peruntukan yang dibelanjakan mencapai objektif yang ditetapkan.

2.6.2 LKIM hendaklah memastikan pusat jualan Diesel Subsidi bagi Zon C2 mengikut harga yang ditetapkan. LKIM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pusat jualan yang telah menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2.

2.6.3 LKIM hendaklah membuat penambahbaikan terhadap PDA supaya memaparkan maklumat kapasiti tangki vesel bagi mengawal penjualan diesel bersubsidi.

2.6.4 LKIM hendaklah menyemak semula kuota diesel bersubsidi di setiap PNK dan memastikan pengagihan adalah mencukupi berdasarkan penggunaan bulanan setiap zon.

2.6.5 LKIM hendaklah memastikan PNK membuat pemeriksaan stok fizikal diesel bersubsidi pada setiap hari dengan menggunakan alat pengukur yang bersesuaian. Selain itu, LKIM perlu memastikan pemilik pusat jualan membaiki *skid tank* dan pusat jualan yang usang, pam yang bocor serta memasang pagar berkunci.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

## PERBADANAN LABUAN

### 3. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN PASAR, STESEN BAS DAN TEKSI

#### 3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Perbadanan Labuan telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001 (Akta 609) berkuat kuasa pada 1 Julai 2001 dan dikawal selia oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB). Perbadanan Labuan berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab memaju, merangsang, memudah dan mengusahakan pembangunan ekonomi serta sosial di Wilayah Persekutuan Labuan.

3.1.2 Selaras dengan fungsinya, pada tahun 2003 Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) untuk Projek Timbus Tanah bagi tujuan penyediaan tapak Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi di Wilayah Persekutuan Labuan. Pada tahun 2006 hingga 2008, Kerajaan telah meluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) berjumlah RM36.50 juta untuk Projek Pembinaan Pasar dan sejumlah RM8.30 juta untuk Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi. Selain itu, Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) berjumlah RM20 juta untuk Projek Pembinaan Pasar dan sejumlah RM3 juta untuk Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi.

3.1.3 Projek Pembinaan Pasar dilaksanakan kerana pasar lama yang telah beroperasi sejak tahun 1982 tidak mampu menampung bilangan peniaga yang meningkat dan kedudukan gerai yang tidak teratur. Projek Pembinaan Pasar pada asalnya dilaksanakan oleh Labindo Engineering Sdn. Berhad secara tender terbuka dengan nilai kontrak berjumlah RM24.89 juta dan projek sepatutnya siap pada 17 Januari 2010. Bagaimanapun, syarikat ini tidak dapat menyiapkan pembinaan mengikut tempoh yang ditetapkan dan Perbadanan Labuan telah melantik Infolada Engineering (M) Sdn. Berhad secara tender terhadap pada 19 Julai 2010 dengan kos berjumlah RM33.54 juta. Projek ini dijangka siap pada 16 Julai 2012 tetapi telah dilulus lanjutan masa untuk menyiapkan projek sehingga 24 April 2014.

3.1.4 Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi dilaksanakan bagi menampung bilangan pengguna yang meningkat dan mengatasi kesesakan lalu lintas kerana parkir bas dan teksi yang telah beroperasi sejak tahun 1992 tidak sistematik. Projek ini pada asalnya dilaksanakan oleh Syarikat AS Supply Sdn. Berhad secara tender terbuka dengan nilai kontrak berjumlah RM4.68 juta dan projek sepatutnya siap pada

12 Ogos 2009. Syarikat ini gagal menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan dan syarikat Koridor Borneo Sdn. Berhad telah dilantik sebagai kontraktor penyiap melalui tender terhad berjumlah RM4.62 juta pada 19 Julai 2010. Projek ini perlu siap pada 2 April 2012 tetapi Perbadanan Labuan telah meluluskan pelanjutan masa untuk menyiapkan projek sehingga 14 Januari 2013.

3.1.5 Keseluruhan perbelanjaan projek bagi bayaran kontraktor dan perkhidmatan perunding setakat bulan Disember 2012 adalah berjumlah RM23.01 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.1  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN PASAR,  
STESEN BAS DAN TEKSI SEHINGGA BULAN DISEMBER 2012**

PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
<b>KERJA TIMBUS TANAH</b>		
Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8)	10.00	5.09
<b>JUMLAH</b>	<b>10.00</b>	<b>5.09</b>
<b>PEMBINAAN PASAR</b>		
Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe- 9)	36.50	12.38
Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)	20.00	
<b>JUMLAH</b>	<b>56.50</b>	<b>12.38</b>
<b>PEMBINAAN STESEN BAS DAN TEKSI</b>		
Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe- 9)	8.30	5.54
Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)	3.00	
<b>JUMLAH</b>	<b>11.30</b>	<b>5.54</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>77.80</b>	<b>23.01</b>

*Sumber : Jabatan Kewangan*

### 3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

### 3.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi bagi tahun 2006 hingga 2012. Semakan dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen projek yang berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai Perbadanan Labuan, pihak perunding dan kontraktor projek. Lawatan juga telah dibuat di tapak Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi.

### 3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September sehingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi adalah seperti berikut:

- i. Kelewatan dalam pengurusan projek seperti berikut:
  - Projek Timbus Tanah lewat disiapkan selama 40 bulan dan sebanyak 5 lanjutan masa telah diberi.
  - Projek Pembinaan Pasar yang sepatutnya siap pada 17 Januari 2010 belum disiapkan dan Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi yang sepatutnya siap pada 12 Ogos 2009 hanya dapat disiapkan pada 15 Mac 2013.
  - Kelewatan penamatan kerja kontraktor asal walaupun kemajuan kerja pembinaan telah mengalami kelewatan melebihi 30%.
- ii. Pemilihan kontraktor yang kurang berkelayakan bagi Projek Pembinaan Pasar kerana tiada pengalaman dalam bidang pembinaan bangunan dan keupayaan kewangan yang bergantung kepada kemudahan overdraf bank.
- iii. Peningkatan kos bagi Projek Pembinaan Pasar sejumlah RM8.65 juta atau 34.8% iaitu daripada RM24.89 juta menjadi RM33.54 juta. Pembayaran telah dibuat kepada kontraktor asal berjumlah RM8.55 juta terhadap projek pembinaan pasar dan sejumlah RM2.72 juta bagi pembinaan stesen bas dan teksi.
- iv. Wang Pendahuluan bagi Projek Pembinaan Pasar berjumlah RM3.60 juta tidak dapat dituntut disebabkan tempoh jaminan bank telah luput.
- v. Perakuan Muktamad Projek Timbus Tanah belum disediakan walaupun projek telah siap pada 18 Mac 2008.
- vi. Tuntutan Kerugian Kerajaan terhadap kontraktor asal Projek Pembinaan Pasar berjumlah RM21.10 juta dan Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi berjumlah RM2.72 juta kerana gagal menyiapkan projek belum diperoleh sehingga bulan September 2012.
- vii. Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur asal kurang memuaskan kerana terdapat kesilapan pada lukisan reka bentuk dan perunding gagal menghadiri mesyuarat tapak.
- viii. Kualiti kerja pembinaan oleh kontraktor asal dan penyiap tidak memuaskan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

### 3.4.1 Prestasi Projek

#### 3.4.1.1 Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat kontrak, tempoh pembinaan bagi Projek Timbus Tanah, Projek Pembinaan Pasar dan Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi adalah antara 8 hingga 23 bulan. Bagaimanapun, sehingga tarikh tamat kontrak, ketiga-tiga projek tersebut gagal disiapkan. Projek Timbus Tanah mengambil masa sebanyak 40 bulan untuk disiapkan dengan 5 lanjutan masa. Projek tersebut hanya siap pada 18 Mac 2008. Perbadanan Labuan telah mengenakan denda ganti rugi kepada kontraktor sejumlah RM236,726 terhadap kelewatan ini.
- b. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan September 2012, kemajuan kerja bagi Projek Pembinaan Pasar yang sepatutnya siap pada 17 Januari 2010 hanya siap 17.5% manakala Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi yang sepatutnya siap pada 12 Ogos 2009 hanya siap 92.1%. Bagaimanapun, lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 mendapati Stesen Bas dan Teksi telah siap dibina dan sedang digunakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan carta berikut:


**JADUAL 3.2**  
**PRESTASI PEMBINAAN PROJEK PADA BULAN SEPTEMBER 2012**

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	LANJUTAN MASA			TARIKH SIAP SEBENAR	KEMAJUAN SEBENAR SIAP (%)
				BIL.	TARIKH SIAP	HARI		
Timbus Tanah	AS Supply Sdn. Berhad	23.11.2004 - 04.07.2005 (8 bulan)	5.21	1	04.11.2005	780	18.03.2008	100.0
				2	02.07.2006			
				3	29.09.2006			
				4	16.05.2007			
				5	02.08.2007			
Pembinaan Pasar	<b>Kontraktor Asal:</b> Labindo Engineering Sdn. Berhad	18.03.2008 - 17.01.2010 (22 bulan)	24.89	-	-	-	-	-
	<b>Kontraktor Penyiap:</b> Infolada Engineering (M) Sdn. Berhad	16.08.2010 - 16.07.2012 (23 bulan)	33.54	1	17.08.2013	397	*	17.5
Pembinaan Stesen Bas dan Teksi	<b>Kontraktor Asal:</b> AS Supply Sdn. Berhad	18.03.2008 - 12.08.2009 (17 bulan)	4.68	-	-	-	-	-
	<b>Kontraktor Penyiap:</b> Koridor Borneo Sdn. Berhad	16.08.2010 - 2.04.2012 (20 bulan)	4.62	1	14.01.2013	215	*	92.1

Sumber: Jabatan Kejuruteraan

\*Projek tersebut masih dalam pembinaan sehingga bulan September 2012.

**CARTA 3.1  
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN PASAR DAN PROJEK PEMBINAAN STESEN BAS DAN TEKSI  
SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2012**



Sumber: Laporan Kemajuan Fizikal

Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memantau prestasi kerja pembinaan dengan lebih berkesan bagi memastikan pembinaan dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

**Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan tindakan pemantauan dibuat terhadap semua projek melalui Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Teknikal Perunding Dan Kontraktor dan Mesyuarat Pemantauan Projek Perbadanan Labuan. Selain itu, masalah mengenai projek dilaporkan kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar. Perbadanan Labuan juga telah melantik Pasukan Jurutera Tapak dan 3 kerani tapak untuk menyelia kerja pembinaan dan melaporkan kepada Perbadanan Labuan pada setiap minggu.*

**3.4.1.2 Projek Timbus Tanah**

- a. Projek Timbus Tanah dilaksanakan oleh syarikat AS Supply Sdn. Berhad untuk menyediakan tapak bagi Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas dan Teksi. Mengikut perjanjian, nilai kontrak adalah sejumlah RM4.74 juta dengan tempoh kontrak selama 8 bulan bermula daripada 23 November 2004 hingga 4 Julai 2005 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 15 bulan. Perbadanan Labuan telah meluluskan satu Arahan Perubahan Kerja



berjumlah RM0.47 juta menjadikan kos Projek Timbus Tanah berjumlah RM5.21 juta. Perbadanan Labuan juga telah meluluskan 5 lanjutan masa kepada kontraktor bagi menyiapkan Projek Timbus Tanah. Justifikasi permohonan dan kelulusan lanjutan masa oleh Perbadanan Labuan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.3**  
**JUSTIFIKASI PERMOHONAN LANJUTAN MASA PROJEK TIMBUS TANAH**

BILANGAN LANJUTAN MASA	TARIKH		TARIKH LANJUTAN MASA	SEBAB LANJUTAN MASA
	PERMOHONAN	KELULUSAN		
Lanjutan Masa No. 1	20.05.2005	22.06.2005	04.11.2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelewatan mendapat permit pasir laut.</li> <li>Kelewatan menerima perakuan reka bentuk untuk <i>Seawall Type 2</i>.</li> <li>Faktor cuaca.</li> </ul>
Lanjutan Masa No. 2	20.10.2005	08.12.2005	02.07.2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelewatan mendapat kelulusan permit pasir laut.</li> <li>Menunggu kelulusan penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar.</li> <li>Larangan menjalankan kerja di tapak sepanjang tempoh penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar.</li> </ul>
Lanjutan Masa No.3	Tiada maklumat	11.08.2006	29.09.2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menunggu permit mengeluarkan, mengalih dan mengangkut bahan batuan (pasir laut) dari Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan Labuan.</li> <li>Keperluan membaiki kerosakan hakisan pada <i>Bund Seawall Type 1</i>.</li> </ul>
Lanjutan Masa No.4	28.09.2006	10.04.2007	16.05.2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan cuaca luar biasa yang berlaku mengakibatkan hujan.</li> <li><i>Remobilisation</i> bagi <i>Sand Pump Dreger Dee Han P2</i> bagi mengurangkan <i>idling cost</i> sementara menunggu kelulusan permit tanah serta Laporan Kajian Penilaian Alam Sekitar.</li> </ul>
Lanjutan Masa No.5	30.07.2007	Tiada maklumat	02.08.2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan cuaca luar biasa yang berlaku mengakibatkan hujan</li> </ul>

**Sumber : Surat Permohonan Lanjutan Masa Oleh Kontraktor**

- b. Bagaimanapun, sehingga tempoh lanjutan masa tamat pada 2 Ogos 2007, kontraktor gagal menyiapkan projek. Sijil Perakuan Siap Kerja bagi Projek Timbus Tanah dikeluarkan pada 18 Mac 2008 dengan kelewatan siap kerja selama 7 bulan. Oleh itu, Perbadanan Labuan telah mengenakan denda ganti rugi kepada kontraktor sejumlah RM236,726. Projek Timbus Tanah gagal disiapkan mengikut jadual kerana penangguhan kerja timbus tanah selama 8 bulan bagi penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar, kelewatan memperoleh permit mengambil pasir laut daripada Jabatan Tanah serta kelewatan memperoleh kelulusan penggunaan *sea wall* daripada Perbadanan Labuan.

**Pada pendapat Audit pengurusan Projek Timbus Tanah adalah tidak memuaskan kerana projek yang sepatutnya siap dalam tempoh 8 bulan telah mengambil masa selama 40 bulan.**

## **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan bahawa Projek Timbus Tanah ini mengambil masa selama 40 bulan disebabkan kerja di tapak dihentikan buat sementara untuk penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar atas arahan Jawatankuasa Exco Tanah Wilayah Persekutuan Labuan. Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar tidak perlu disediakan pada awalnya kerana keluasan tapak hanya 11 ekar. Selain itu, berlaku kelewatan mendapat permit pasir daripada Jabatan Tanah, kelewatan menerima perakuan reka bentuk untuk Seawall Type 2, kerosakan hakisan pada Bund Seawall Type 1 dan hujan.*

### **3.4.1.3 Projek Pembinaan Pasar**

- a. Projek Pembinaan Pasar dilaksanakan oleh Labindo Engineering Sdn. Berhad secara tender terbuka. Nilai kontrak adalah sejumlah RM24.89 juta dan projek dijangka siap pada 17 Januari 2010. Semakan Audit mendapati pada 26 November 2009, kemajuan kerja projek hanya mencapai 22.2% iaitu kelewatan sebanyak 73.8%. Oleh itu, Perbadanan Labuan telah mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak pada 7 Januari 2010. Projek ini gagal disiapkan kerana kontraktor menghadapi masalah kekurangan simen, penambahan kerja cerucuk, perubahan reka bentuk struktur bangunan dan lain-lain. Setakat bulan Disember 2012, sejumlah RM8.55 juta telah dibayar kepada Labindo Engineering Sdn. Berhad.
- b. Lanjutan daripada penamatan kontrak ini, Infolada Engineering (M) Sdn. Berhad dilantik pada 19 Julai 2010 melalui proses tender terhad bagi tujuan membina semula pasar dengan nilai kontrak berjumlah RM30.08 juta. Bagaimanapun, setelah Arahan Perubahan Kerja dan pelarasan harga kontrak, kos projek berjumlah RM33.54 juta dan projek dijangka siap pada 16 Julai 2012.
- c. Skop kerja bagi projek baru adalah sama dengan kontrak asal seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4  
SKOP KERJA PROJEK PEMBINAAN PASAR**


<b>SKOP KERJA</b>		<b>BILANGAN LOT/PETAK</b>
Aras Bawah	Pasar Bumiputera	156
	Pasar Terbuka/Pelbagai	142
	Meja Ikan	78
	Meja Daging	12
	Meja Ayam	12

SKOP KERJA		BILANGAN LOT/PETAK
	Kedai Runcit	2
Aras Satu	Gerai	116
	Gerai Cenderahati	1
Aras Dua	Ruang Lapang	
	Gerai Makan	12
	Cafe Cyber	1
Parkir Motor		66
Parkir Kereta		171

Sumber: Kertas Maklumat Projek Sakit

- d. Semakan Audit mendapati Projek Pembinaan Pasar tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Perbadanan Labuan telah meluluskan satu lanjutan masa selama 397 hari kerana kelewatan menerima arahan dan maklumat berhubung kerja sivil dan struktur daripada perunding. Prestasi Projek Pembinaan Pasar setakat bulan September 2012 dan keadaan di tapak projek pembinaan pasar adalah seperti di carta serta gambar berikut:

**CARTA 3.2  
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN PASAR  
SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2012**



Sumber: Laporan Kemajuan Fizikal

**GAMBAR 3.1**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 28 September 2012

**GAMBAR 3.2**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 28 September 2012

**GAMBAR 3.3**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 28 September 2012

**GAMBAR 3.4**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 28 September 2012

- e. Lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 mendapati pembinaan pasar masih belum siap dan tahap kemajuan kerja adalah sebanyak 60% sahaja. Projek ini telah diberi lanjutan masa dan dijangka siap pada 27 April 2014. Keadaan di tapak projek pembinaan adalah seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 3.5**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 5 Julai 2013

**GAMBAR 3.6**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 5 Julai 2013

**GAMBAR 3.7**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 5 Julai 2013

**GAMBAR 3.8**  
**Keadaan Di Tapak**  
**Projek Pembinaan Pasar**



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Pasar  
Tarikh : 5 Julai 2013

**Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Pembinaan Pasar tidak memuaskan kerana projek yang sepatutnya siap pada 17 Januari 2010 gagal disiapkan. Selain itu, peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh berjumlah RM56.50 juta tidak dapat dimanfaatkan untuk pembinaan pasar bagi menambah baik kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Labuan.**

**Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

***Perbadanan Labuan memaklumkan Laporan Prestasi Projek Pembinaan Pasar telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar. Surat Amaran Kemungkinan Kontraktor No. 1 telah dikeluarkan pada 8 Mac 2013 bagi mengingatkan kontraktor mengenai kelewatan projek. Perbadanan Labuan***

*beranggapan projek ini mampu disiapkan dan tidak wajar sekiranya ianya ditamatkan kerana akan lebih meningkatkan kos. Perbadanan Labuan juga telah menerima semua peruntukan daripada Unit Perancangan Ekonomi dan tiada peruntukan tambahan akan diberi lagi sekiranya tender dibuka semula.*

#### **3.4.1.4 Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi**

- a. Perbadanan Labuan telah membuat pelawaan tender bagi Projek Pembinaan Stesen Bas dan Teksi pada 17 Julai 2007 dan Jawatankuasa Penilaian Tender telah memperakukan petender AS Supply Sdn. Berhad dengan nilai kontrak sejumlah RM4.68 juta pada 29 November 2007. Seterusnya, Lembaga Perolehan B Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar telah meluluskan pelantikan ini pada 7 Januari 2008. Kerja pembinaan telah dimulakan pada 18 Mac 2008 dan perlu disiapkan pada 12 Ogos 2009. Pada tarikh tamat kontrak, kemajuan kerja adalah sebanyak 46.5% dan Perbadanan Labuan telah mengeluarkan Notis Penamatan Kerja pada 7 Januari 2010. Kelewatan ini disebabkan kontraktor menghadapi masalah kekurangan bekalan simen, pindaan terhadap pelan infrastruktur bangunan dan lain-lain. Setakat bulan Disember 2012, sejumlah RM2.72 juta telah dibayar kepada AS Supply Sdn. Berhad.
- b. Perbadanan Labuan telah melantik Koridor Borneo Sdn. Berhad secara tender terhad pada 19 Julai 2010 sebagai kontraktor penyiap untuk membina semula stesen bas dan teksi. Nilai kontrak berjumlah RM4.62 juta dan projek bermula pada 16 Ogos 2010 serta perlu siap pada 2 April 2012. Skop kerja bagi kontrak baru adalah sama dengan kontrak asal iaitu pembinaan stesen bas dan teksi berbumbung yang mempunyai 27 petak parkir teksi, 36 petak parkir bas serta 2 petak parkir bas persiaran.
- c. Lanjutan masa selama 215 hari telah diberi kepada kontraktor penyiap kerana kelewatan kontraktor menerima arahan dan pelan daripada perunding serta kelewatan penamaan subkontraktor. Tarikh siap kerja yang baru adalah pada 14 Januari 2013 dan setakat bulan September 2012, kemajuan kerja Projek Pembinaan Stesen Bas dan Teksi adalah sebanyak 92.1%. Keadaan di tapak projek pembinaan stesen bas dan teksi adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 3.9**  
Keadaan Di Tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 28 September 2012

**GAMBAR 3.10**  
Keadaan Di Tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 28 September 2012

- d. Lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 mendapati Stesen Bas dan Teksi telah siap dibina dan mula beroperasi pada 15 Mac 2013. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit pada tarikh tersebut mendapati stesen bas digunakan tetapi tidak ada teksi di stesen teksi dan stesen tersebut digunakan untuk letak kereta awam. Keadaan di tapak projek pembinaan stesen bas dan teksi adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 3.11**  
Keadaan Stesen Bas Yang Telah Beroperasi



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 5 Julai 2013

**GAMBAR 3.12**  
Keadaan Stesen Bas Yang Telah Beroperasi



Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 5 Julai 2013



**GAMBAR 3.13**  
**Stesen Teksi Yang Digunakan Oleh Orang Awam**

Lokasi : Tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 5 Julai 2013

Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi menyebabkan peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh berjumlah RM11.30 juta tidak dapat dimanfaatkan bagi menambah baik kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Labuan.

**Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 25 Julai 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan bahawa Projek Pembinaan Stesen Teksi Dan Bas telah siap dan mula beroperasi pada 15 Mac 2013. Persatuan Pengusaha Teksi memohon supaya penggunaan stesen teksi dikuatkuasakan apabila projek pasar siap sepenuhnya. Ini disebabkan kebanyakan pengguna teksi masih tertumpu di kawasan bandar. Selain itu, Perbadanan Labuan juga telah mengecat semula petak parkir teksi di kawasan bandar untuk parkir kenderaan awam.*

### **3.4.2 Pengurusan Pembinaan**

#### **3.4.2.1 Pemilihan Kontraktor Asal Projek Pembinaan Pasar**

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah menilai kemampuan teknikal petender dari segi bilangan kakitangan profesional dan teknikal, pengalaman kerja, rekod prestasi, projek yang sedang dilaksanakan dan loji yang disewa atau milik sendiri. Selain itu, Jawatankuasa juga perlu menilai kemampuan kewangan petender dari segi modal pusingan, nilai aset bersih, kemudahan kredit dan nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap bagi memilih petender yang layak.
- b. Semakan Audit mendapati Lembaga Perolehan A Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar telah bersetuju untuk melantik Labindo Engineering Services Sdn. Berhad sebagai kontraktor walaupun



tidak diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender Perbadanan Labuan kerana tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan bangunan. Bagaimanapun, penilaian Lembaga Perolehan A adalah berdasarkan kepada tawaran harga kontrak yang terendah, kontraktor tempatan serta berkeyakinan kontraktor mampu melaksanakan kerja pembinaan.

- c. Kontraktor telah mengalami kerugian sejumlah RM792,951 pada tahun 2007 dan mempunyai liabiliti semasa melebihi aset semasa sejumlah RM177,634. Selain itu, keupayaan kewangannya bergantung kepada kemudahan overdraf bank sejumlah RM7.20 juta. Kontraktor juga tidak mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2008 hingga 2011 kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Oleh itu, prestasi kewangannya bagi tempoh tersebut tidak dapat ditentukan.
- d. Semakan selanjutnya mendapati Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan bagi tempoh 1 Jun 2011 hingga 31 Mei 2012 mempunyai kepentingan dalam Labindo Engineering Services Sdn. Berhad. Beliau merupakan pemilik syarikat dengan pegangan saham sebanyak 99.9%. Beliau adalah Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan bagi tempoh 10 Oktober 2005 hingga 31 Mei 2011 iaitu semasa pelantikan kontraktor dibuat.

**Pada pendapat Audit, justifikasi pemilihan kontraktor hendaklah dibuat dengan menitikberatkan keupayaan teknikal dan kewangan bagi memastikan kontraktor yang dilantik dapat menyiapkan projek mengikut jadual dan mengelakkan peningkatan kos.**

#### **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan bahawa analisis Jawatankuasa Penilaian Tender Perbadanan Labuan adalah berdasarkan kriteria dan syarat yang berpatutan dari segi kemampuan kewangan dan teknikal (kakitangan dan alatan), pengalaman kerja dan bebanan kerja semasa. Selain itu, kos tawaran dan tempoh siap yang munasabah serta tidak bergantung kepada harga terendah. Bagaimanapun, keputusan Penilaian Lembaga Perolehan A adalah muktamad berdasarkan harga terendah dan kontraktor bumiputera tempatan.*

#### **3.4.2.2 Kelewatan Penamatan Kerja Kontraktor Asal Projek Pembinaan Pasar**

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2006, kontrak kerja pembinaan perlu ditamatkan sekiranya projek dikategorikan sebagai projek sakit iaitu kemajuan kerja projek mengalami kelewatan melebihi 3 bulan atau sebanyak 30%. Selanjutnya mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2009, projek dikategorikan sebagai projek

sakit apabila kemajuan kerja projek mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% yang berkuat kuasa pada 1 September 2009. Mengikut klausa 51 dalam dokumen kontrak, Pegawai Penguasa boleh menamatkan kontrak sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak atau cuai menunaikan obligasinya di bawah kontrak tersebut.

- b. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja Projek Pembinaan Pasar telah mengalami kelewatan melebihi 30% mulai bulan Julai 2009 dan tiada peningkatan kemajuan kerja bagi tempoh Julai hingga September 2009. Selain itu, kerja pembinaan telah berhenti setakat 26 November 2009. Perbadanan Labuan telah mengeluarkan 2 surat peringatan kepada kontraktor pada 19 Mac 2009 dan 11 September 2009. Notis Penamatan Kerja Kontraktor dikeluarkan pada 7 Januari 2010 iaitu lewat selama 5 bulan selepas projek dikategorikan sebagai projek sakit pada bulan Julai 2009. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5**  
**KELEWATAN DALAM KEMAJUAN KERJA PROJEK**

TARIKH PENILAIAN	KEMAJUAN KERJA MENGIKUT JADUAL (%)	KEMAJUAN KERJA SEBENAR (%)	KELEWATAN (%)
31.07.2009	56.2	21.2	35.0
31.08.2009	67.8	21.2	46.6
30.09.2009	79.4	21.2	58.2
31.10.2009	84.0	21.8	62.2
26.11.2009	96.0	22.2	73.8

*Sumber: Laporan Kemajuan Fizikal*

Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu mengambil tindakan segera apabila projek mengalami kelewatan melebihi 20% daripada jadual sebenar. Ini bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan pelantikan kontraktor penyiap dapat dibuat dengan segera.

#### **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan laporan projek telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada bulan Ogos 2009. Penamatan kontrak lewat dibuat kerana memberi peluang kepada kontraktor untuk memperbaiki prestasi kerja projek tersebut. Akibat dari kelewatan yang ketara dan berterusan, Perbadanan Labuan telah mendapat nasihat daripada ahli Jawatankuasa Projek Sakit yang terdiri dari pegawai Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kewangan serta Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk menamatkan kontrak. Selain itu, Perbadanan Labuan juga telah diberikan senarai kontraktor penyiap untuk membuat tawaran tender.*

### 3.4.2.3 Peningkatan Kos Projek Pembinaan Pasar

- a. Perbadanan Labuan telah mengarahkan perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur membuat pemeriksaan kerja pembinaan di tapak dan menilai kerja membaik pulih selepas penamatan kerja kontraktor asal. Perunding telah menilai kerja di tapak pada bulan Julai 2011 dan menganggarkan tambahan kos projek sejumlah RM3.46 juta diperlukan bagi kerja membaik pulih dan pembinaan semula projek. Lembaga Perolehan A Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar pada 16 Julai 2012 telah meluluskan Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak berjumlah RM3.46 juta.
- b. Semakan Audit mendapati jumlah sebenar kos projek setelah dibuat Arahan Perubahan Kerja dan pelarasan harga kontrak adalah berjumlah RM33.54 juta iaitu peningkatan sejumlah RM8.65 juta atau 34.8% daripada kos asal projek yang berjumlah RM24.89 juta. Peningkatan kos projek antaranya disebabkan peningkatan harga kontrak bagi kerja pembinaan bangunan utama serta kerja mekanikal dan elektrik. Selain itu, peningkatan kos projek juga disebabkan Arahan Perubahan Kerja untuk merobohkan dan membina semula cerucuk, lantai serta rasuk yang telah dibina kerana kerja kontraktor asal yang tidak mengikut spesifikasi serta kos tambahan kerja yang lain. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.6  
PENINGKATAN KOS PROJEK PEMBINAAN PASAR**

PERKARA	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	NILAI KONTRAK BARU (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) KOS (RM Juta)
Butiran Harga Kontrak			
<i>Preliminaries</i>	0.71	0.61	(0.10)
<i>Piling Works</i>	1.89	-	(1.89)
<i>Main Building Work</i>	13.64	18.87	5.23
<i>External Works</i>	3.15	2.96	(0.19)
<i>Ancillary Works</i>	0.22	0.35	0.13
<i>Mechanical &amp; Electrical Works</i>	4.81	6.94	2.13
<i>Rectification Works</i>	-	0.14	0.14
<i>Provisional Sum</i>	0.47	0.50	0.03
<i>Credit Material On Site</i>	-	(0.29)	(0.29)
<b>JUMLAH</b>	<b>24.89</b>	<b>30.08</b>	<b>5.19</b>
Arahan Perubahan Kerja No.1 – No.7	-	3.48	3.48
Pelarasan Harga Kontrak	-	(0.02)	(0.02)
<b>JUMLAH</b>	<b>24.89</b>	<b>33.54</b>	<b>8.65</b>

*Sumber: Dokumen Kontrak*

Pada pendapat Audit, projek pembinaan pasar yang gagal disiapkan mengikut jadual menyebabkan Perbadanan Labuan menanggung kenaikan kos projek sejumlah RM8.65 juta. Ini mengakibatkan kos tambahan kepada Kerajaan kerana perlu menyalurkan peruntukan tambahan kepada Perbadanan Labuan bagi menampung kenaikan kos projek.

#### **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan, Perbadanan Labuan telah mengambil tindakan tuntutan perundangan melalui proses timbang tara bagi menuntut semula bayaran balik sejumlah RM21.10 juta termasuk wang pendahuluan, kos tambahan untuk menyiapkan pembinaan, kos tambahan perunding dan kos lain yang berkaitan akibat daripada penamatan kerja kontraktor asal.*

#### **3.4.2.4 Tuntutan Wang Pendahuluan Projek Pembinaan Pasar**

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, bayaran pendahuluan adalah dibenarkan kepada kontraktor utama sehingga 25% daripada nilai kerja pembinaan atau maksimum RM10 juta mengikut amaun yang terendah. Kontraktor perlu mengemukakan jaminan bank kepada agensi untuk bayaran pendahuluan tersebut dan tempoh sah laku jaminan mestilah meliputi tempoh kontrak atau tempoh pelanjutan masa yang diluluskan.
- b. Semakan Audit mendapati Perbadanan Labuan telah membayar wang pendahuluan sejumlah RM3.60 juta kepada Labindo Engineering Services Sdn. Berhad pada 27 Februari 2008 untuk memulakan kerja pembinaan pasar. Syarikat ini telah mengemukakan jaminan bank bernilai RM3.60 juta kepada Perbadanan Labuan untuk pendahuluan tersebut. Semakan lanjut mendapati tarikh luput jaminan bank tersebut adalah pada 7 Oktober 2009 iaitu sebelum tarikh kontrak tamat pada 17 Januari 2010. Bagaimanapun, kontrak tersebut telah ditamatkan oleh Perbadanan Labuan pada 7 Januari 2010. **Pada 18 Januari 2010, Perbadanan Labuan telah menuntut semula wang pendahuluan tersebut melalui jaminan bank tetapi tidak berjaya kerana tempoh jaminan bank telah luput pada 7 Oktober 2009.**

Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memastikan jaminan bank yang dikemukakan oleh kontraktor meliputi tempoh kontrak atau tempoh pelanjutan masa yang diluluskan bagi menjaga kepentingan Perbadanan Labuan. Wang pendahuluan yang tidak dapat dituntut semula menyebabkan Perbadanan Labuan menanggung kerugian sejumlah RM3.60 juta.

## **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Penundaan tarikh milik tapak adalah antara faktor menyebabkan berlakunya kekeliruan dan terlepas pandang mengenai tarikh tamat jaminan bank pada 7 Oktober 2009. Perbadanan Labuan melalui surat bertarikh 24 April 2008 telah meminta kontraktor untuk mengambil tindakan berkaitan pertukaran tarikh milik tapak ini tetapi ianya tidak dilaksanakan oleh kontraktor.*

### **3.4.2.5. Tuntutan Kerugian Kerajaan**

- a. Mengikut Klausula 51 (c) (v) dalam dokumen kontrak, kontraktor hendaklah membayar sebarang kerugian kepada Kerajaan kerana penamatan kerja kontraktor di bawah kontrak tersebut. Semakan Audit mendapati Perbadanan Labuan telah mengemukakan tuntutan kerugian Kerajaan terhadap Labindo Engineering Services Sdn. Berhad berjumlah RM21.10 juta pada 7 Januari 2010 bagi menanggung kerugian Kerajaan kerana penamatan kontrak kerja pembinaan pasar. Tuntutan sejumlah RM2.72 juta juga dibuat terhadap AS Supply Sdn. Berhad akibat penamatan kontrak kerja pembinaan stesen bas dan teksi. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:
  - i. Perbadanan Labuan telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Labindo Engineering Services Sdn. Berhad dan sehingga bulan September 2012, tuntutan kerugian tersebut masih dalam proses tindakan mahkamah.
  - ii. Perbadanan Labuan juga telah mengambil tindakan undang-undang terhadap AS Supply Sdn. Berhad. Bagaimanapun, Jabatan Insolvensi Malaysia telah memaklumkan kepada Perbadanan Labuan bahawa AS Supply Sdn. Berhad telah diisytiharkan bankrap pada 14 Oktober 2010. Sehingga bulan September 2012, tindakan undang-undang tidak dapat diteruskan dan Perbadanan Labuan masih menunggu keputusan daripada Mahkamah Tinggi mengenai tuntutan kerugian Kerajaan tersebut.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu memantau proses tindakan undang-undang terhadap kontraktor tersebut bagi memastikan Perbadanan Labuan mendapat tuntutan berjumlah RM23.82 juta kerana penamatan kontrak kerja akibat kegagalan kontraktor menyiapkan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi.**

### **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 25 Julai 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan Statement of Claim telah dikemukakan kepada penimbang tara pada 28 Februari 2013 untuk tuntutan terhadap Labindo Engineering Services Sdn. Berhad. Oleh itu, pihak kontraktor perlu memfailkan Statement of Defence pada atau sebelum 1 April 2013. First hearing timbang tara akan diadakan pada 7 hingga 11 Oktober 2013. Selain itu, Prove of Debt telah difailkan pada 14 November 2012 di pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia untuk tuntutan terhadap AS Supply Sdn. Berhad. Jabatan Insolvensi Malaysia sedang dalam menyediakan notis kepada pemuitang dan Perbadanan Labuan masih menunggu panggilan mesyuarat pertama pemuitang yang akan ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.*

#### **3.4.2.6 Perakuan Muktamad Projek Timbus Tanah Belum Disediakan**

- a. Mengikut klausa 48 perjanjian Projek Timbus Tanah, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau 3 bulan selepas Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Perakuan muktamad hendaklah disokong dengan penilaian muktamad Pegawai Penguasa terhadap kerja yang telah dilaksanakan, memperakui jumlah bayaran projek dan sebagainya.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga bulan September 2012, Perbadanan Labuan belum menyediakan Perakuan Muktamad bagi Projek Timbus Tanah yang telah siap pada 18 Mac 2008 dan tempoh tanggungan kecacatan yang telah tamat pada 18 Jun 2009.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan hendaklah menyediakan Perakuan Muktamad bagi memastikan bayaran dapat diselesaikan dengan segera dan tiada lebihan bayaran kepada kontraktor.**

### **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 25 Julai 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan pihaknya melalui perunding telah mengemukakan Perakuan Muktamad kepada kontraktor pada 14 Februari 2011 tetapi Perakuan Muktamad tersebut tidak dikembalikan semula kepada Perbadanan Labuan. Usaha untuk menyelesaikan perkara ini sedang dijalankan dengan Jabatan Insolvensi Malaysia memandangkan syarikat kontraktor telah berstatus bankrap.*

### 3.4.2.7 Pelantikan Perunding

- a. Perbadanan Labuan telah melantik 4 perunding yang bertanggungjawab terhadap Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi. Perunding yang telah dilantik dan skop kerja utama adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.7**  
**PERUNDING PROJEK PEMBINAAN PASAR, STESEN BAS DAN TEKSI**

NAMA PERUNDING	KOS PERUNDING (RM JUTA)	SKOP KERJA UTAMA
Arifin Sudin Architect (Perunding Arkitek)	1.21	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyedia lukisan reka bentuk untuk membolehkan konsultan lain menyediakan <i>Detailed Design Work</i>.</li></ul>
YM Consulting Engineers (Perunding Kejuruteraan Awam & Struktur)	0.82	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyemak reka bentuk yang disediakan oleh arkitek dan menyediakan semula reka bentuk bagi struktur bangunan.</li><li>Menyelia, memantau dan memberi nasihat pakar serta kemahiran teknikal dalam pelaksanaan kerja pembinaan sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan.</li></ul>
Teknis Konsult (Perunding Mekanikal & Elektrikal)	0.34	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyedia reka bentuk dan lukisan tender untuk kerja mekanikal dan elektrikal.</li><li>Menyelia, memantau dan memberi nasihat serta kemahiran teknikal dalam pelaksanaan kerja mekanikal dan elektrikal sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan.</li></ul>
Jurukur Bahan Konsultant (Sabah) (Perunding Ukur Bahan)	0.43	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyedia anggaran kos projek.</li><li>Menyedia <i>Bill of Quantities</i>.</li><li>Menilai kemajuan kerja pembinaan.</li><li>Menyedia Perakuan Muktamad projek.</li></ul>
<b>JUMLAH</b>	<b>2.80</b>	

Sumber: Surat Perjanjian Pelantikan Perunding

#### b. Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur

- i. Perunding perlu menghadiri semua mesyuarat tapak projek bagi mengenalpasti dan menyelesaikan masalah teknikal yang berkaitan kejuruteraan awam. Semakan Audit mendapati perunding YM Consulting Engineering tidak hadir mesyuarat tapak projek sebanyak 2 kali pada tahun 2009 dan sebanyak 6 kali berturut-turut bagi tempoh 10 November 2010 hingga 3 Mac 2011.
- ii. Perbadanan Labuan telah memberi surat peringatan bertarikh 11 Januari 2010 kepada YM Consulting Engineering kerana tidak hadir dalam mesyuarat tapak dan surat pelepasan perkhidmatan perunding pada 9 Mac 2010. YM Consulting Engineering telah menarik diri daripada menjalankan perkhidmatan perundingan pada 23 Mac 2011 kerana perunding utama mengalami masalah kesihatan. Tindakan denda/penalti tidak dikenakan terhadap perunding oleh kerana tidak ada klausa dalam perjanjian. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan pada 31 Mei 2011 telah melantik perunding Era Daya Sdn. Berhad sebagai perunding ganti dengan nilai kontrak berjumlah RM806,840.

Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memastikan perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian pelantikan perunding. Kegagalan perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur untuk hadir dalam mesyuarat tapak menyebabkan tindakan segera tidak dapat diambil bagi menyelesaikan masalah teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan awam. Selain itu, Perbadanan Labuan perlu melaporkan ketidakcekan perunding kepada Kementerian Kewangan supaya syarikat tersebut boleh disenaraihitamkan. Laporan kepada Badan Profesional juga perlu dibuat supaya tindakan tatatertib boleh diambil terhadap perunding tersebut.

**Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan juga akan memastikan perunding ganti iaitu Perunding Era Daya Sdn. Berhad melaksanakan tugas dan tanggungjawab di tapak supaya masalah teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan awam dan struktur dapat diselesaikan segera. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada perunding yang gagal hadir pada Mesyuarat Tapak.*

#### **c. Kesilapan Lukisan Reka Bentuk**

- i. Kajian yang menyeluruh perlu dibuat oleh pereka bentuk sebelum sesuatu bangunan dibina untuk memastikan struktur bangunan dapat menampung beban yang akan dikenakan ke atasnya. Kajian ini penting kerana ia akan menentukan keselamatan dan ketahanan sesuatu struktur bangunan.
- ii. Semakan Audit mendapati perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur yang baru iaitu Era Daya Sdn. Berhad telah membuat semakan lukisan reka bentuk yang disediakan oleh perunding YM Consulting Engineering. Berdasarkan Laporan Awalan Pengumpulan Data, Semakan dan Cadangan Pembetulan yang disediakan oleh Era Daya Sdn. Berhad pada bulan Ogos 2011, terdapat **kesilapan pada lukisan reka bentuk** Projek Pembinaan Pasar seperti berikut:
  - Kekurangan bilangan cerucuk dan besi tetulang pada bahagian asas.
  - Rasuk tidak dapat menampung beban di Grid line B3A/11-12 dan H/44-45.
  - Reka bentuk bahagian kerangka tidak menepati pengiraan Perunding Era Daya di Bahagian Truss C Grid Line 7, Truss A Grid Line 3 serta Truss L Grid Line 34 dan 45.



- iii. Pihak Audit juga mendapati berdasarkan Laporan Masalah Teknikal yang disediakan oleh kontraktor penyiap, lukisan pembinaan *apron* dan lukisan terperinci untuk tangga, *ramp* serta kekuda tidak disediakan. Selain itu, terdapat **perbezaan antara Lukisan Jurutera dan Lukisan Arkitek** mengenai ketinggian kekuda. Butiran lanjut adalah seperti di Jadual berikut:

**JADUAL 3.8  
MASALAH TEKNIKAL PADA LUKISAN PEMBINAAN PASAR**

PERKARA	LOKASI
Lukisan Pembinaan <i>Apron</i> tidak disediakan	<i>Edge of Ground Slab at Gridline 3-16/A dan Gridline 3/AF</i>
Lukisan Terperinci untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>Tangga 1 dan <i>ramp</i> tidak disediakan</li> <li>Tangga 3 dan <i>ramp</i> tidak disediakan</li> <li>Tangga 4 dan 5 tidak disediakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aras bawah antara <i>Gridline 11 – 12</i></li> <li>Pelan Susunatur antara <i>Gridline 33 – 34</i></li> <li>Tingkat 3 ke <i>Doom</i></li> </ul>
Lukisan Terperinci untuk kekuda tidak disediakan	Rasuk bumbung di <i>Gridline 17 - 28</i>
Perbezaan antara lukisan Jurutera dengan Lukisan Arkitek mengenai ketinggian kekuda	Kekuda bumbung di <i>Gridline 34 – 39</i>

*Sumber: Laporan Masalah Teknikal*

Pihak Audit berpendapat, pemantauan yang berterusan oleh Perbadanan Labuan perlu dilaksanakan untuk memastikan perunding menjalankan tugas dan tanggungjawabnya mengikut perjanjian yang ditetapkan supaya pelaksanaan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

#### **Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan mengambil maklum mengenai perkara ini dan berusaha untuk memastikan perunding berkompentensi dan memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian perlantikan perunding. Aduan akan dikemukakan kepada Board of Engineers Malaysia atas kegagalan perunding untuk membuat kiraan dengan betul dan tepat. Jurutera tapak telah diminta untuk mengemukakan laporan mingguan kepada Perbadanan Labuan.*

#### **3.4.3 Kualiti Pembinaan Projek Pembinaan Pasar oleh Kontraktor Asal**

- Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan pada tahap piawai yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif.
- Semakan Audit terhadap Laporan Awalan Pengumpulan Data, Semakan Dan Cadangan Pembetulan yang disediakan oleh perunding dan Laporan Masalah Teknikal yang disediakan oleh kontraktor penyiap, Infolada

Engineering (M) Sdn Berhad mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor asal tidak memuaskan. Bagaimanapun, tindakan pembetulan telah diambil oleh Perbadanan Labuan seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 3.9  
KERJA PEMBINAAN TIDAK BERKUALITI**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Bangunan Utama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cerucuk terkeluar daripada kedudukan asal.</li> <li>• Keretakan pada <i>ground beam</i> seperti di <b>Gambar 3.14 dan 3.15</b>.</li> <li>• Jurang di bahagian tiang seperti di <b>Gambar 3.16</b>.</li> <li>• Nos keluli <i>pile cap</i> tidak sama dengan lukisan pembinaan seperti di <b>Gambar 3.17</b>.</li> <li>• Tiada <i>started steel bar</i> dipasang pada <i>ground slab</i> seperti di <b>Gambar 3.18</b>.</li> <li>• Rod keluli untuk <i>ground beam</i> telah berkarat seperti di <b>Gambar 3.19</b>.</li> <li>• Saiz diameter paip yang digunakan adalah 100 mm berbeza dengan lukisan yang berdiameter 150 mm seperti di <b>Gambar 3.20</b>.</li> </ul>

**GAMBAR 3.14**  
Keretakan Pada *Ground Beam*



Sumber : Infolada Engineering (M) Sdn Bhd  
Lokasi : Bangunan Utama Pasar  
Tarikh: 05.04.2011

**GAMBAR 3.15**  
Keretakan Pada *Ground Beam*



Sumber : Infolada Engineering (M) Sdn Bhd  
Lokasi : Bangunan Utama Pasar  
Tarikh: 05.04.2011

**GAMBAR 3.16**  
Jurang Di Bahagian Tiang



Sumber : Infolada Engineering (M) Sdn Bhd  
Lokasi : Bangunan Utama Pasar  
Tarikh: 10.11.2010

**GAMBAR 3.17**  
Nos Keluli *Pile Cap* Berbeza Dengan Lukisan Pembinaan



Sumber : Infolada Engineering (M) Sdn Bhd  
Lokasi : Bangunan Utama Pasar  
Tarikh: 16.11.2010

**GAMBAR 3.18**  
**Tiada Started Steel Bar Dipasang Pada**  
**Ground Slab**




Sumber : Infolada Engineering (M) Sdn Bhd  
Lokasi : Bangunan Utama Pasar  
Tarikh: 25.06.2011

**GAMBAR 3.19**  
**Rod Keluli Untuk Ground Beam**  
**Telah Berkarat**



Sumber : Infolada Engineering (M) Sdn Bhd  
Lokasi : Bangunan Utama Pasar  
Tarikh: 25.06.2011



**GAMBAR 3.20**  
**Saiz Diameter Paip Yang Digunakan**  
**Adalah 100 mm Berbeza Dengan**  
**Lukisan Yang Berdiameter 150 mm**

Sumber : Infolada Engineering (M) Sdn Bhd  
Lokasi : Bangunan Utama Pasar  
Tarikh: 25.06.2011

- c. Perbadanan Labuan memaklumkan pihak kontraktor penyiap telah membaiki kecacatan dan kerosakan berdasarkan syor daripada pihak perunding antaranya menutup jurang di bahagian tiang dan membaiki keretakan pada *groud beam* dengan menggunakan bahan sika bagi mengelakkan pengaratan besi yang terdedah kepada tanah pasir.

#### **3.4.4 Kualiti Kerja Kontraktor Penyiap Projek Pembinaan Pasar**

- a. Lawatan fizikal Audit pada 29 April 2013 di tapak Projek Pembinaan Pasar mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyiap adalah tidak memuaskan seperti di jadual berikut:



**JADUAL 3.10  
KUALITI KERJA PEMBINAAN TIDAK MEMUASKAN**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	CATATAN
Tingkat 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sisa batu-bata digunakan bagi pembinaan dinding seperti di <b>Gambar 3.21 dan 3.22</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontraktor akan merobohkan dinding bata di antara garisan grid 33/G-H dan membina semula dinding mengikut kualiti bahan dan spesifikasi.</li> </ul>
Tingkat Bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kualiti pembinaan tiang konkrit tidak memuaskan seperti di <b>Gambar 3.23 dan 3.24</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontraktor dan perunding telah membuat pemeriksaan pada 17 Jun 2013 untuk memperbaiki kecacatan.</li> </ul>
Kawasan Luar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja lanskap yang belum siap seperti di <b>Gambar 3.25</b>.</li> <li><i>Housekeeping</i> tapak bina yang tidak kemas seperti di <b>Gambar 3.26</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja lanskap adalah diluar skop kerja kontraktor. Perbadanan Labuan akan melaksanakan kerja lanskap selepas jalan keluar masuk disediakan.</li> <li><i>Housekeeping</i> di tapak bina akan dilakukan secara berperingkat.</li> </ul>

**GAMBAR 3.21**  
**Sisa Batu Bata Digunakan Bagi Pembinaan Dinding**



Lokasi : Tingkat 1, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.22**  
**Sisa Batu Bata Digunakan Bagi Pembinaan Dinding**



Lokasi : Tingkat 1, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.23**  
**Kualiti Pembinaan Tiang Konkrit Tidak Memuaskan**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.24**  
**Kualiti Pembinaan Tiang Konkrit Tidak Memuaskan**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.25**  
Kerja Lanskap Yang Belum Siap



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.26**  
Housekeeping Tapak Bina Yang Tidak Kemas



Lokasi : Kawasan Luar ,Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

- b. Selain itu, lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 di tapak Projek Pembinaan Pasar mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyiap yang tidak memuaskan telah diambil tindakan pembaikan selepas teguran Audit seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.11**  
**PEMBAIKAN TERHADAP KERJA PEMBINAAN**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	TINDAKAN PEMBAIKAN
Tingkat 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja lepaan dinding yang tidak kemas seperti di <b>Gambar 3.27</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja lepaan antara dinding bata dan <i>stiffener</i> telah dilaksanakan seperti di <b>Gambar 3.28</b>.</li> </ul>
Tingkat Bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemadatan rasuk konkrit yang tidak sempurna seperti di <b>Gambar 3.29</b>.</li> <li>Ketinggian meja gerai yang tidak sama seperti di <b>Gambar 3.31</b>.</li> <li><i>Housekeeping</i> tapak bina yang tidak kemas seperti di <b>Gambar 3.33</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rasuk konkrit telah dibaiki dengan menggunakan bahan sika seperti <b>Gambar 3.30</b>.</li> <li>Meja gerai dalam proses dirobohkan untuk membina semula meja gerai yang sama ketinggian seperti di <b>Gambar 3.32</b>.</li> <li><i>Housekeeping</i> di dalam bangunan telah dilakukan secara berperingkat seperti di <b>Gambar 3.34</b>.</li> </ul>

Sumber : Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 3.27**  
Kerja Lepaan Dinding Yang Tidak Kemas



Lokasi : Tingkat 1, Bangunan Utama Pas  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.28**  
Kerja Lepaan Antara Dinding Bata Dan Stiffener Telah Dilakukan



Lokasi : Tingkat 1, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 05.07.2013



**GAMBAR 3.29**  
**Pemadatan Rasuk Konkrit Yang Tidak Sempurna**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.30**  
**Rasuk Konkrit Yang Telah Dibaiki**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 05.07.2013

**GAMBAR 3.31**  
**Ketinggian Meja Gerai Yang Tidak Sama**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.32**  
**Meja Gerai Yang Dirobohkan Untuk Membina Semula Meja Gerai Yang Sama Ketinggian**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 05.07.2013

**GAMBAR 3.33**  
**Housekeeping Di Dalam Bangunan Yang Tidak Kemas**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.34**  
**Housekeeping Di Dalam Bangunan Telah Dilakukan Secara Berperingkat**



Lokasi : Tingkat Bawah, Bangunan Utama Pasar  
Tarikh : 05.07.2013

### 3.4.5 Kualiti Kerja Kontraktor Penyiap Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi

- a. Lawatan fizikal Audit pada 29 April 2013 di tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyiap adalah tidak memuaskan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.12  
KUALITI KERJA PEMBINAAN TIDAK MEMUASKAN**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	CATATAN
Kawasan Luar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahagian belakang <i>kerb</i> yang tidak sempurna seperti di <b>Gambar 3.35 dan 3.36</b>.</li> <li>Kualiti pembinaan longkang dan <i>sump</i> yang tidak kemas seperti di <b>Gambar 3.37 dan 3.38</b>.</li> </ul>	Skop kerja pembaikan longkang ini adalah dibawah kontrak kontraktor penyiap Projek Pasar, bukan dibawah Projek Stesen Bas Dan Teksi. Oleh itu, pembaikan longkang akan dilaksanakan oleh kontraktor penyiap Projek Pasar apabila projek pasar siap kelak.
	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Kerb</i> yang telah dipasang pecah akibat kerja lanskap yang sedang dijalankan seperti di <b>Gambar 3.39 dan 3.40</b>.</li> <li>Air bertakung di atas jalan dan memenuhi keseluruhan penutup lurang seperti di <b>Gambar 3.41 dan 3.42</b>.</li> <li>Air bertakung di atas jalan seperti di <b>Gambar 3.43 dan 3.44</b>.</li> </ul>	Kontraktor telah diminta untuk membuat pembaikan dan setakat 5 Julai 2013, kerja pembaikan belum dilaksanakan.

Sumber : Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 3.35**  
Bahagian Belakang *Kerb* Yang Tidak Sempurna



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.36**  
Bahagian Belakang *Kerb* Yang Tidak Sempurna



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013



**GAMBAR 3.37**  
Kualiti Kerja Pembinaan Longkang Dan Sump Yang Tidak Kemas



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.38**  
Kualiti Kerja Pembinaan Longkang Dan Sump Yang Tidak Kemas



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.39**  
Kerb Yang Telah Dipasang Pecah Akibat Kerja Lanskap Yang Sedang Dijalankan



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.40**  
Kerb Yang Telah Dipasang Pecah Akibat Kerja Lanskap Yang Sedang Dijalankan



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.41**  
Air Bertakung Di Atas Jalan Dan Memenuhi Keseluruhan Penutup Lurang



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.42**  
Air Bertakung Di Atas Jalan Dan Memenuhi Keseluruhan Penutup Lurang



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013



**GAMBAR 3.43**  
Air Bertakung Di Atas Jalan



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.44**  
Air Bertakung Di Atas Jalan



Lokasi : Kawasan Luar, Tapak Pembinaan  
Tarikh : 29.04.2013

b. Selain itu, lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 di tapak Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyiap yang tidak memuaskan telah diambil tindakan pembaikan selepas teguran Audit seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.13**  
**PEMBAIKAN TERHADAP KERJA PEMBINAAN**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	TINDAKAN PEMBAIKAN
Bangunan Stesen Bas Dan Teksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keretakan di antara struktur lantai dan apron bangunan seperti di <b>Gambar 3.45</b>.</li> <li>Kerangka bumbung perhentian bas berkarat seperti di <b>Gambar 3.47</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keretakan telah dibaiki. Ia akan dipantau dari semasa ke semasa dan kontraktor dikehendaki meroboh serta membina semula sekiranya didapati keretakan berulang di <b>Gambar 3.46</b>.</li> <li>Kerja mengikis karat dan mengecat semula <i>purlin</i> dan <i>tie rod</i> sedang dilakukan seperti di <b>Gambar 3.48</b>.</li> </ul>

Sumber : Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 3.45**  
Keretakan Di Antara Struktur Lantai Dan Apron Bangunan




Lokasi : Bangunan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.46**  
Keretakan Di Antara Struktur Lantai Dan Apron Bangunan Telah Dibaiki



Lokasi : Bangunan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 05.07.2013

**GAMBAR 3.47**  
Kerangka Bumbung Perhentian Bas Berkarat



Lokasi : Bangunan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 29.04.2013

**GAMBAR 3.48**  
Kerja Pembaikan Sedang Dilaksanakan



Lokasi : Bangunan Stesen Bas Dan Teksi  
Tarikh : 05.07.2013

**Pada pendapat Audit, pemantauan rapi dan berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan kerja pembaikan adalah berkualiti. Perbadanan Labuan juga perlu memastikan kerja pembinaan adalah berkualiti dan mengikut spesifikasi bagi kerja pembinaan yang masih dalam pelaksanaan kontraktor penyiap.**

**Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan memaklumkan pihaknya tidak mengabaikan elemen kualiti ini malah ianya diberi keutamaan dan selalu dibincangkan dalam mesyuarat yang berkaitan. Jurutera Tapak perlu memastikan kualiti pembinaan mengikut spesifikasi dan lukisan pembinaan. Mesyuarat Teknikal dibuat antara kontraktor dan perunding setiap bulan. Teguran telah dibuat oleh Jurutera Tapak berulang kali tetapi ianya tidak dilaksanakan oleh Labindo Engineering Sdn. Berhad dan sebahagian kerja telah ditolak.*

### **3.4.6 Pemantauan**

- a. Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dengan segera.
- b. Semakan Audit mendapati prestasi projek dan masalah yang dihadapi bagi projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi ada dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sejak tahun 2003. Bagaimanapun, sejak tahun 2007

prestasi projek dan masalah yang dihadapi bagi projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, semakan Audit mendapati mesyuarat tapak yang diadakan pada tahun 2008 hingga tahun 2009 tidak membincangkan masalah yang dihadapi secara terperinci berbanding mesyuarat tapak semasa kontraktor penyiap pada tahun 2010. Ini menyebabkan kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan perunding pada peringkat awal projek pembinaan tidak dapat dikenal pasti.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan Labuan perlu membentangkan prestasi dan masalah projek kepada Lembaga Pengarah secara berkala serta membincangkan masalah yang dihadapi secara terperinci di dalam mesyuarat tapak supaya tindakan penyelesaian dapat diambil dengan segera.**

**Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013.**

*Perbadanan Labuan mengambil maklum cadangan pihak Audit. Perbadanan Labuan daripada semasa ke semasa akan memaklumkan prestasi projek kepada Lembaga Pengarah dan ianya telah dibuat pada setiap tahun mulai tahun 2011, 2012 dan bagi tahun 2013 ianya telah dibentangkan pada Mesyuarat Perbadanan Labuan pada 6 Mac 2013.*

### **3.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan Perbadanan Labuan mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

3.5.1 Perbadanan Labuan perlu memantau kerja kontraktor dan perkhidmatan perunding bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan siap dalam tempoh yang ditetapkan.

3.5.2 Justifikasi pemilihan kontraktor hendaklah dibuat dengan menitikberatkan keupayaan teknikal dan kewangan bagi memastikan kontraktor yang dilantik dapat menyiapkan projek mengikut jadual dan mengelakkan peningkatan kos.

3.5.3 Perbadanan Labuan hendaklah tegas dalam menguatkuasakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak.

3.5.4 Perbadanan Labuan perlu mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal mengambil kira keperluan semasa dalam menyediakan reka bentuk bangunan dengan menyenaraihitamkan perunding berkenaan daripada mengambil bahagian dalam mana-mana projek pembinaan pada masa hadapan. Laporan juga perlu dibuat kepada Badan Profesional berkenaan untuk tindakan tatatertib terhadap perunding berkenaan.

3.5.5 Perbadanan Labuan hendaklah memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini diambil perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan projek akan datang.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

## LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

### 4. PENGURUSAN GERAN DASAR JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA/SKIM INSENTIF PENGELUARAN PADI

#### 4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ditubuhkan pada 14 Februari 1973 di bawah Akta 110 (Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973) dan dikawal selia oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Tugas utama LPP ialah untuk menggalak, mempergiat, memudah dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial Pertubuhan Peladang. LPP juga bertanggungjawab mendaftar, mengawal dan menyelia Pertubuhan Peladang serta mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan. Selain itu, LPP juga perlu mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti Pertubuhan Peladang supaya dasar Kerajaan khususnya yang berhubung dengan penyusunan semula masyarakat dapat dilaksanakan.

4.1.2 Berikutan peningkatan harga beras di pasaran antarabangsa dan kekurangan bekalan makanan serta kebergantungan kepada import beras akibat krisis makanan global, Kerajaan telah mewujudkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM) untuk tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun 2008 sehingga 2010. Antara objektif DJBM adalah seperti berikut:

- Meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara;
- Menambah pengeluaran dengan meningkatkan intensiti penanaman dan pembukaan kawasan baru bagi tempoh jangka panjang;
- Memodenkan aktiviti tanaman padi dengan penggunaan baja berkualiti yang ekonomi, sistematik dan berkesan; dan
- Sebagai insentif kepada pesawah bagi meningkatkan pengeluaran padi negara serta mengurangkan pengimportan beras.

4.1.3 Di bawah dasar ini, LPP adalah agensi yang bertanggungjawab terhadap pembekalan input pertanian iaitu baja NPK Tambahan, racun dan kapur. Selain itu, dasar ini juga membantu memperkukuhkan khidmat sokongan kepada pesawah melalui pemilikan jentera dan mekanisasi ladang. Pada tahun 2011, DJBM telah diteruskan melalui Program Jaminan Bekalan Makanan tetapi projek pemilikan jentera dan mekanisasi ladang tidak lagi diteruskan. Program ini masih diteruskan pada tahun 2012 iaitu di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).

4.1.4 LPP juga berperanan sebagai agensi penyelia dan pelaksana DJBM/SIPP manakala Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) pula adalah sebagai stokis dan menguruskan pendaftaran pesawah serta pengagihan input pertanian. Melalui projek pemilikan jentera dan mekanisasi ladang, LPP akan membekalkan jentera seperti traktor, jentuai dan peralatan pertanian yang lain kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

4.1.5 Pesanan input pertanian seperti baja, racun dan kapur dibuat berdasarkan keluasan, keperluan dan jadual tanaman yang diselia oleh PPK. Kadar bantuan bagi setiap hektar tanaman ialah 6 beg atau 25kg setiap beg baja NPK Tambahan, RM200 untuk racun makhluk perosak dan pengapuran sejumlah RM970 atau 3 metrik tan sehektar, sekali dalam tempoh 3 tahun.

## **4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Geran Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi telah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

## **4.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Pengurusan Geran Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi bagi tahun 2010 sehingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod kewangan, dokumen input pertanian dan mekanisasi ladang serta meneliti minit mesyuarat berkaitan. Semakan telah dibuat di Ibu Pejabat LPP, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian Sarawak (JPS), Pertubuhan Peladang Negeri Jentera (PPNJ), Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Negeri Kedah, Perak dan Sarawak serta Ibu Pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai yang terlibat serta soal selidik diedarkan kepada pesawah untuk mendapat maklum balas daripada mereka. Pemeriksaan fizikal juga dijalankan terhadap jentera, baja dan racun makhluk perosak di stor dan bengkel PPK/PPNJ yang dilawati.

## **4.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya Pengurusan Geran Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Tiada penilaian *outcome* dilaksanakan terhadap program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM)/Skim Insentif Pengeluaran Padi.
- ii. Perbelanjaan DJBM melebihi jumlah peruntukan yang diluluskan sejumlah RM26.64 juta bagi tahun 2011 dan sejumlah RM3.31 juta bagi tahun 2012. Tambahan pula, LPP masih belum menjelaskan tuntutan bayaran kepada pembekal iaitu sejumlah RM10.07 juta bagi tahun 2011 dan sejumlah RM58.87 juta bagi tahun 2012. Manakala, anggaran baki tuntutan pembekalan input pertanian yang belum dikemukakan oleh pembekal kepada LPP bagi tahun 2012 adalah sejumlah RM195.23 juta.
- iii. Kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan jentera dan mekanisasi ladang adalah seperti berikut:
  - Jabatan Pertanian Sarawak (JPS)/Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) telah menyerahkan jentera/peralatan mekanisasi ladang sejumlah RM3.28 juta kepada Syarikat Ceria Agriculture Sdn. Berhad tanpa kebenaran Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak.
  - Sebanyak 111 unit *new portable power paddy thresher* berjumlah RM941,280 masih belum diterima oleh JPS dengan tempoh kelewatan selama 631 hari dari tarikh lanjutan pembekalan.
  - Sebanyak 7 buah traktor dengan kos berjumlah RM528,300 di Pertubuhan Peladang Negeri Jentera (PPNJ), Perak Utara tidak digunakan secara optimum.
  - Sehingga bulan November 2012, sebanyak 100 unit *new portable power paddy thresher* berjumlah RM848,000 yang diterima pada bulan Jun dan Julai 2012, masih belum diagihkan ke Pusat Gunasama Kejenteraan Ladang (PGK). Selain itu, sebanyak 57 unit jentera/peralatan mekanisasi ladang berjumlah RM1.38 juta yang telah diterima sejak tahun 2009 hingga 2011 juga masih belum diagihkan ke PGK/PPNS.
- iv. Sehingga bulan Disember 2012, 2 unit Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang (PKL) masih belum dibina walaupun peruntukan sejumlah RM1.05 juta telah diterima lebih daripada dua tahun iaitu pada bulan Januari 2010.
- v. Pesanan baja NPK Tambahan di 5 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) adalah melebihi jumlah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis iaitu sejumlah RM277,853.
- vi. Sebanyak 30 jenis racun berjumlah RM221,769 bagi musim 1/2011 dan 2/2011 masih belum diedarkan kepada pesawah.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### 4.4.1 Prestasi Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi

4.4.1.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan supaya Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan penilaian *outcome* program untuk memastikan hasil pulangan yang maksimum daripada peruntukan yang dibelanjakan.

4.4.1.2 Semakan Audit mendapati bagi tahun 2010 hingga 2012, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani ada melaporkan pengeluaran hasil padi bagi setiap tahun berbanding keluasan bertanam padi berdasarkan data yang disediakan oleh Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian (JP). Bagaimanapun, tiada perbandingan dibuat antara keluasan bertanam padi dengan peruntukan yang dibelanjakan. Berdasarkan data yang diperolehi dari Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian mendapati peningkatan pengeluaran padi bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah selaras dengan pertambahan keluasan bertanam padi. Peningkatan keluasan bertanam padi bagi tahun 2011 adalah sebanyak 9,632 hektar atau 1.4% berbanding tahun 2010. Peningkatan keluasan bertanam padi bagi tahun 2012 pula adalah sebanyak 4,824 hektar atau 0.7% berbanding tahun 2011.

4.4.1.3 Hasil pengeluaran padi bagi tahun 2011 meningkat sejumlah 0.11 juta tan metrik atau 4.5% berbanding tahun 2010 manakala bagi tahun 2012 juga meningkat sejumlah 0.17 juta tan metrik atau 6.8% berbanding tahun 2011. Butiran lanjut seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 4.1**  
**KELUASAN BERTANAM DAN PENGELUARAN PADI MENGIKUT NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**


NEGERI	TAHUN 2010		TAHUN 2011		TAHUN 2012	
	KELUASAN (Hektar)	PENGELUARAN (Tan Metrik)	KELUASAN (Hektar)	PENGELUARAN (Tan Metrik)	KELUASAN (Hektar)	PENGELUARAN (Tan Metrik)
Johor	2,918	11,224	3,022	11,477	2,787	11,314
Kedah	213,193	835,630	215,930	878,430	219,559	1,021,460
Kelantan	70,964	271,300	70,939	272,805	73,762	278,348
Melaka	2,156	5,071	2,228	7,505	2,544	8,590
N. Sembilan	2,203	8,830	2,016	6,447	2,475	11,143
Pahang	7,467	25,312	8,351	27,110	7,385	29,452
Perak	81,489	294,705	82,150	323,445	83,342	344,219
Perlis	51,988	222,884	52,075	232,674	52,003	236,076



NEGERI	TAHUN 2010		TAHUN 2011		TAHUN 2012	
	KELUASAN (Hektar)	PENGELUARAN (Tan Metrik)	KELUASAN (Hektar)	PENGELUARAN (Tan Metrik)	KELUASAN (Hektar)	PENGELUARAN (Tan Metrik)
P. Pinang	25,564	142,434	25,564	144,613	25,564	144,946
Selangor	37,472	210,292	37,460	221,295	37,599	218,363
Terengganu	17,196	74,962	17,851	77,796	17,873	78,651
Sabah	43,353	147,531	42,907	129,722	43,485	152,142
Sarawak	121,921	214,655	127,023	242,669	123,962	215,701
<b>JUMLAH</b>	<b>677,884</b>	<b>2,464,830</b>	<b>687,516</b>	<b>2,575,988</b>	<b>692,340</b>	<b>2,750,405</b>
<b>PENINGKATAN (Hektar/Tan Metrik)</b>	-	-	9,632	111,158	4,824	174,417
<b>PENINGKATAN (%)</b>	-	-	1.4	4.5	0.7	6.8

Sumber : Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian

**CARTA 4.1**  
**KELUASAN BERTANAM DAN PENGELUARAN PADI MENGIKUT NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**



Sumber : Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian

4.4.1.4 LPP tidak menilai peningkatan pengeluaran padi oleh pesawah yang diberi bantuan kerana ia cuma bertindak sebagai agensi pelaksana. Bagaimanapun, LPP memberi bantuan input pertanian kepada pesawah berdasarkan keluasan bertanam padi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis di peringkat PPK. Analisis Audit mendapati anggaran keluasan bertanam padi oleh LPP adalah melebihi keluasan yang direkodkan oleh Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian iaitu sejumlah 2,436 hektar bagi tahun 2012. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.2**  
**PERBANDINGAN ANGGARAN KELUASAN BERTANAM PADI OLEH LEMBAGA PERTUBUHAN**  
**PELADANG DAN JABATAN PERTANIAN BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

NEGERI	TAHUN 2010			TAHUN 2011			TAHUN 2012		
	LPP	JP	LEBIHAN/ (KURANGAN)	LPP	JP	LEBIHAN/ (KURANGAN)	LPP	JP	LEBIH/ (KURANGAN)
	KELUASAN (Hektar)								
Johor	3,440	2918	522	3,198	3,022	176	3,241	2,787	454
Kedah	247,136	213,193	33,943	248,900	215,930	32,970	251,635	219,559	32,076
Kelantan	78,830	70,964	7,866	86,031	70,939	15,092	75,848	73,762	2,086
Melaka	2,836	2,156	680	2,952	2,228	724	3,296	2,544	752
N. Sembilan	2,600	2,203	397	1,689	2,016	(327)	2,875	2,475	400
Pahang	10,118	7,467	2,651	12,255	8,351	3,904	13,783	7,385	6,398
Perak	90,440	81,489	8,951	89,429	82,150	7,279	90,547	83,342	7,205
Perlis	57,548	51,988	5,560	57,605	52,075	5,530	59,635	52,003	7,632
P. Pinang	28,643	25,564	3,079	27,815	25,564	2,251	27,309	25,564	1,745
Selangor	43,378	37,472	5,906	40,559	37,460	3,099	43,172	37,599	5,573
Terengganu	23,192	17,196	5,996	14,659	17,851	(3,192)	23,676	17,873	5,803
Sabah	25,397	43,353	(17,956)	26,047	42,907	(16,860)	31,336	43,485	(12,149)
Sarawak	62,094	121,921	(59,827)	70,948	127,023	(56,075)	68,423	123,962	(55,539)
<b>JUMLAH</b>	<b>675,652</b>	<b>677884</b>	<b>(2,232)</b>	<b>682,087</b>	<b>687,516</b>	<b>(5,429)</b>	<b>694,776</b>	<b>692,340</b>	<b>2,436</b>

Sumber: Lembaga Pertubuhan Peladang dan Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian

Pada pendapat Audit, tanpa penilaian *outcome* terhadap program yang dilaksanakan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani serta LPP tidak dapat menilai pencapaian sebenar program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi.

**Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013.**


*LPP memaklumkan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah bersetuju supaya kajian “outcome” keseluruhan bantuan DJBM/SIPP dipanjangkan ke mesyuarat pengurusan Kementerian untuk dilaksanakan. Perbezaan keluasan bertanam padi yang berdaftar di bawah LPP berbanding Jabatan Pertanian adalah sebanyak 0.35%. Perbezaan ini disebabkan LPP menggunakan keluasan yang dicatatkan pada geran tanah/resit hasil setiap pesawah manakala keluasan Jabatan Pertanian mengunapakai kaedah “Crop Cutting Survey”. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani akan membawa perkara ini untuk diputuskan di peringkat Jawatankuasa Dasar Kementerian bagi penetapan asas penentu keluasan tanaman padi standard seluruh negara.*

#### 4.4.2 Keberkesanan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi

4.4.2.1 Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 46 pesawah di 9 PPK yang dilawati di Negeri Kedah dan Sarawak bagi pelaksanaan program DJBM/SIPP yang melibatkan penerimaan bantuan baja, racun, pemilikan jentera/peralatan dan perkhidmatan kejenteraan.

4.4.2.2 Analisis Audit terhadap soal selidik ini mendapati secara keseluruhan kesemua pesawah menyatakan kepuasan terhadap pelaksanaan program ini. Bagaimanapun, terdapat beberapa masalah berkaitan penanaman padi iaitu sebanyak 30 pesawah atau 58.8% menyatakan tanaman padi diancam makhluk perosak seperti siput gondang, burung pipit dan tikus. Sebanyak 19 pesawah atau 37.3% pula menghadapi masalah dengan sistem pengairan manakala 2 pesawah atau 3.9% tiada kemudahan jentera/peralatan yang membantu mempercepatkan proses penanaman padi. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 4.2**  
**ANALISIS MASALAH PENANAMAN PADI**



Sumber: Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

4.4.2.3 Selain itu, terdapat 69 cadangan yang diberikan oleh pesawah bagi menambahbaik program ini seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.3**  
**CADANGAN PETANI TERHADAP PROGRAM DASAR JAMINAN**  
**BEKALAN MAKANAN NEGARA/SKIM INSENTIF PENANAMAN PADI**

CADANGAN PESAWAH	BILANGAN CADANGAN	PERATUS CADANGAN (%)
Tambahan Senarai Racun	14	20.3
Pembekalan Racun Rumput	16	23.2
Penambahbaikan Terhadap Sistem Pengairan	16	23.2
Tambahan Baja Kompaun	10	14.5
Mesin Pembajakan Yang Sesuai Mengikut Tanah	8	11.6
Penukaran Bekalan Racun <i>Foliar</i> Ke Baja Butiran	5	7.2
<b>JUMLAH</b>	<b>69</b>	<b>100</b>

*Sumber: Soal Selidik, Jabatan Audit Negara*

Pada pendapat Audit, Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi telah diterima baik oleh pesawah tetapi Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan LPP perlu memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi serta mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh pesawah bagi meningkatkan keberkesanan program ini.

**Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*LPP memaklumkan sebagai tindakan penambahbaikan Kementerian dan LPP telah bersetuju untuk menambah produk racun pada tahun 2012 dan 2013 termasuk produk untuk kawalan siput gondang dan tikus. Selain itu, LPP melalui Pertubuhan Peladang Negeri (Jentera) telah memberikan kemudahan perkhidmatan jentera/peralatan sebanyak 23% bagi pembajakan dan 27.1% bagi penuaian di kawasan kendalian PPN (Jentera) di seluruh negara. Program matching-grant juga dapat membantu meningkatkan kapasiti perkhidmatan kejenteraan/ peralatan kepada pesawah.*

**4.4.3 Prestasi Kewangan Program**

4.4.3.1 Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bertanggungjawab menguruskan permohonan bajet geran Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi (DJBM/SIPP) untuk kelulusan Kementerian Kewangan pada setiap tahun.

4.4.3.2 Analisis Audit mendapati perbelanjaan DJBM/SIPP adalah melebihi peruntukan yang diluluskan iaitu sejumlah RM26.64 juta bagi tahun 2011 dan sejumlah RM3.31 juta bagi tahun 2012. Perkara ini berlaku setiap tahun kerana perbelanjaan DJBM/SIPP adalah berdasarkan perjanjian yang telah dibuat dengan pembekal manakala peruntukan sebenar yang diterima kurang daripada

nilai perjanjian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perbelanjaan tahunan DJBM/SIPP adalah tidak melebihi nilai perjanjian. Pada setiap tahun, LPP akan memohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi menampung kekurangan ini. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.4**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DJBM/SIPP BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

TAHUN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN			PERBELANJAAN			LEBIHAN/ KURANGAN (RM Juta)
	INPUT PERTANIAN (RM Juta)	PEMILIKAN JENTERA & MEKANISASI LADANG (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	INPUT PERTANIAN (RM Juta)	PEMILIKAN JENTERA & MEKANISASI LADANG (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	
2010	*67.71	**25.50	93.21	425.81	48.85	474.66	8.13
	***365.60	23.98	389.58				
2011	400.00	-	400.00	426.64	-	426.64	(26.64)
2012	403.86	-	403.86	****407.17	-	407.17	(3.31)
<b>JUMLAH</b>	<b>1,237.17</b>	<b>49.48</b>	<b>1,286.65</b>	<b>1,259.62</b>	<b>48.85</b>	<b>1,308.47</b>	

Sumber: Lembaga Pertubuhan Peladang dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Nota: \* Baki peruntukan tahun 2008 & 2009

\*\* Baki peruntukan tahun 2009

\*\*\* Jumlah peruntukan adalah berdasarkan jumlah sebenar yang diterima oleh LPP

\*\*\*\* Perbelanjaan adalah termasuk anggaran baki tuntutan yang belum dikemukakan oleh pembekal kepada LPP

4.4.3.3 Semakan lanjut mendapati peruntukan sejumlah RM175.60 juta bagi perbelanjaan tahun 2010 hanya diterima secara berperingkat pada tahun 2011 mulai bulan Januari hingga Disember 2011. Peruntukan sejumlah RM210 juta bagi perbelanjaan tahun 2011 pula hanya diterima oleh LPP pada tahun 2012 iaitu mulai Januari hingga September 2012. Walaupun peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi tahun 2012 adalah sejumlah RM403.86 juta, tetapi sehingga 31 Disember 2012, peruntukan yang telah diterima hanyalah sejumlah RM259.87 juta manakala baki sejumlah RM143.99 juta masih belum diterima oleh LPP.

4.4.3.4 Penyaluran peruntukan tahunan geran DJBM/SIPP yang tidak mencukupi menyebabkan kelewatan pembayaran kepada pembekal sehingga melebihi tahun kewangan semasa. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani perlu memohon kelulusan dari Kementerian Kewangan bagi menjelaskan tuntutan pembekalan tahun sebelum dengan menggunakan peruntukan tahun semasa. Butiran lanjut prestasi kewangan program ini adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.5  
PRESTASI KEWANGAN PROGRAM DJBM/SIPP  
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA DARI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (RM Juta)		TUNTUTAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)
	Baki Tahun 2008 & 2009				
2010	Baki Tahun 2008 & 2009	*25.50 67.71	*48.85 425.81	*48.85 425.81	*0.63 7.50
	Terima Tahun 2010	*23.98 190.00			
	Terima Tahun 2011	175.60			
<b>Jumlah</b>		<b>482.79</b>	<b>474.66</b>	<b>474.66</b>	<b>8.13</b>
2011	Terima Tahun 2011	214.40	426.64	416.57	****(10.07)
	Terima Tahun 2012	**210.00			
<b>Jumlah</b>		<b>424.40</b>	<b>426.64</b>	<b>416.57</b>	<b>(10.07)</b>
2012	Terima Tahun 2012	**259.87	***211.94	153.07	58.87
<b>Jumlah</b>		<b>259.87</b>	<b>211.94</b>	<b>153.07</b>	<b>58.87</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>1,167.06</b>	<b>1,113.24</b>	<b>1,044.30</b>	

Sumber: Bahagian Perniagaantani, Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang

Nota:\* Peruntukan/perbelanjaan pemilikan jentera dan mekanisasi ladang

\*\* Peruntukan bagi tahun 2011 dan 2012 masih belum diterima sepenuhnya

\*\*\* Tuntutan bagi pembekalan tahun 2012 masih belum dikemukakan sepenuhnya oleh pembekal

\*\*\*\* Baki tuntutan yang belum dibayar adalah tidak termasuk bayaran perkhidmatan

Pada pendapat Audit, penggunaan peruntukan semasa oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi pembayaran perbelanjaan tahun sebelum akan menjejaskan peruntukan semasa yang telah dirancang untuk program lain. Kementerian sepatutnya memohon peruntukan tambahan setiap tahun untuk mengatasi masalah ini kerana perbelanjaan sebenar adalah berdasarkan keluasan sawah.

**Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*LPP memaklumkan sebagai tindakan penambahbaikan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyalurkan keseluruhan peruntukan bagi kontrak pembekalan tahun 2012 berjumlah RM412.98 juta melalui dua fasa. Penyaluran peruntukan ini membolehkan LPP menjelaskan keseluruhan tuntutan pembekalan tahun 2012 kepada pembekal.*

#### 4.4.4 Pengurusan Pembayaran

##### 4.4.4.1 Kelewatan Pembayaran Input Pertanian Kepada Pembekal

- a. Merujuk kepada perjanjian baja NPK Tambahan, racun makhluk perosak dan aktiviti pengapuran antara Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dengan pembekal, LPP hendaklah membuat bayaran kepada pembekal dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan diterima.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, tuntutan sejumlah RM10.07 juta bagi tahun 2011 dan sejumlah RM58.87 juta bagi tahun 2012 masih belum dibayar oleh LPP kepada pembekal dengan tempoh kelewatan antara 7 hingga 507 hari. Sehubungan itu, pembekal perlu menggunakan kemudahan bank seperti *overdraft bank* untuk dijadikan sebagai pusingan modal perniagaan dan menanggung faedah atas kemudahan yang digunakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.6**  
**INVOIS YANG BELUM DIBAYAR KEPADA PEMBEKAL**  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

TAHUN	BUTIRAN	JUMLAH TERTUNGGAK (RM Juta)	TARIKH INVOIS DIHANTAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
2011	Baja NPK Tambahan	0.50	29.07.2011	507
		9.57	22.02.2012	299
<b>Jumlah</b>		<b>10.07</b>		
2012	Baja NPK Tambahan	10.17	01.11.2012	47
		13.11	27.12.2012	-
	Racun	10.48	10.12.2012	7
		14.08	10.12.2012	7
		6.57	10.12.2012	7
	Pengapuran	4.46	22.10.2012	56
<b>Jumlah</b>		<b>58.87</b>		
<b>JUMLAH</b>		<b>68.94</b>		

Sumber: *Pertubuhan Peladang Kebangsaan*

- c. Semakan lanjut mendapati permohonan baki peruntukan tahun 2011 sejumlah RM11.80 juta oleh LPP kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani hanya dibuat pada 18 Disember 2012. Permohonan baki tersebut adalah termasuk bayaran perkhidmatan sejumlah RM1.73 juta.
- d. Dokumen perjanjian tahunan untuk input pertanian di antara Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan pembekal bagi pembekalan baja NPK Tambahan, racun makhluk perosak dan pengapuran bagi tahun 2011 serta 2012 hanya siap ditandatangani dan disetem serta dikemukakan ke

Kementerian pada 27 Disember 2011 dan 18 Oktober 2012. Kelewatan penyediaan perjanjian bagi tahun 2011 dan 2012 telah memberi kesan terhadap proses bayaran pembekalan tahun semasa kepada pembekal. Ini disebabkan perjanjian perlu disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang lain bagi tujuan pembayaran.

#### 4.4.4.2 Baki Tuntutan Yang Belum Dikemukakan Oleh Pembekal

Semakan Audit mendapati sehingga 22 Januari 2013, anggaran baki tuntutan pembekalan input pertanian dan pengapuran yang belum dikemukakan oleh pembekal kepada LPP adalah sejumlah RM195.23 juta. Kelewatan tuntutan bayaran ini adalah disebabkan nota hantaran tidak dikemukakan sepenuhnya oleh PPK kepada pembekal. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.7**  
**ANGGARAN BAKI TUNTUTAN YANG BELUM**  
**DIKEMUKAKAN OLEH PEMBEKAL**

TAHUN	BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
2012	Baja NPK Tambahan	106.95
	Racun	78.91
	Pengapuran	9.37
	<b>JUMLAH</b>	<b>195.23</b>

*Sumber: Pertubuhan Peladang Kebangsaan*

Pada pendapat Audit, kelemahan urusan tuntutan bayaran telah menyebabkan kelewatan pembayaran dan perbelanjaan tersebut dibayar menggunakan peruntukan tahun semasa.

#### **Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*LPP memaklumkan tuntutan sejumlah RM0.50 juta pada tahun 2011 telah lewat dibayar disebabkan pembekal diarah untuk membuat pembedahan terhadap tuntutan yang tidak lengkap selepas semakan lanjut oleh LPP. Bagaimanapun, LPP telah menjelaskan keseluruhan tuntutan tahun 2011 kepada pembekal. Sehingga kini, LPP telah menjelaskan nilai tuntutan pembekalan tahun 2012 sebanyak RM270.16 juta termasuk RM17.87 juta bagi tuntutan racun serta RM127,652 bagi tuntutan kapur. Bagi tender pembekalan tahun 2013, LPP telah memohon penyaluran peruntukan tahun 2013 bagi tempoh enam bulan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah RM175.55 juta.*



#### 4.4.5 Pengurusan Perkhidmatan Jentera Dan Mekanisasi Ladang

LPP berperanan memperkukuhkan khidmat sokongan kepada pesawah melalui pemilikan jentera dan mekanisasi ladang bagi memperkasakan program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi. Perolehan jentera dibuat oleh LPP dan akan diserahkan kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN)/Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk tujuan memberi perkhidmatan kepada pesawah.

##### 4.4.5.1 Penyerahan Jentera Kepada Syarikat Swasta

- a. Berdasarkan perjanjian penyerahan jentera/pengangkutan/peralatan antara Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) dan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS), JPS bersetuju menyerahkan jentera/pengangkutan/peralatan kepada PPNS dan membenarkan PPNS menggunakan jentera/pengangkutan/peralatan tersebut bagi urusan yang berkaitan industri padi atau beras sahaja. Klausula 1.3 perjanjian menyatakan PPNS tidak akan membenarkan pihak lain mengguna, memandu, menumpang, membawa atau mengangkut jentera/pengangkutan/peralatan tersebut melainkan dengan kebenaran bertulis daripada JPS. Klausula 1.13 perjanjian pula, menyatakan PPNS hendaklah sentiasa merekodkan dan mengemas kini pergerakan atau penggunaan jentera/pengangkutan/peralatan tersebut di dalam buku log.
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak yang diadakan pada 22 Februari 2011 memutuskan semua jentera/peralatan yang dibekalkan hanya boleh digunakan oleh PPN dan PPK bagi memberi khidmat kejenteraan kepada pesawah. PPN dan PPK tidak dibenarkan untuk menyewa/menyerahkan aset Kerajaan kepada pihak ketiga/swasta. Lawatan Audit pada 11 Disember 2012 mendapati perkara berikut:
  - i. **JPS/PPNS telah menyerahkan jentera/peralatan mekanisasi ladang sejumlah RM3.28 juta kepada Syarikat Ceria Agriculture Sdn. Berhad (CASB) tanpa kebenaran Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak.** Butirannya seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 4.8  
JENTERA MEKANISASI LADANG YANG DIGUNAKAN OLEH CASB**

JENTERA/PERALATAN	BILANGAN (UNIT)	HARGA/UNIT (RM)	JUMLAH (RM Juta)
Combine Harvester KUKJE DKC 515	6	110,000	0.66
Mitsubishi Self Propelled Motorised Paddy Thresher	5	38,500	0.19
Reaper Binder	1	22,000	0.02
John Deere 60 HP Tractor	3	93,080	0.28
Kubota DC-68G Combine Harvester	9	170,000	1.53
Power Tiller	2	15,150	0.03
Kubota 95 HP Wheel Tractor	4	98,000	0.39
Nissan Lorry Self Loader	1	183,900	0.18
<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>		<b>3.28</b>

Sumber: Syarikat Ceria Agriculture Sdn. Berhad

**GAMBAR 4.1  
Kubota DC-68G Combine Harvester**



Lokasi: Bengkel CASB di Bau, Sarawak  
Tarikh: 11 Disember 2012

**GAMBAR 4.2  
Combine Harvester KUKJE DKC 515**



Lokasi: Bengkel CASB di Bau, Sarawak  
Tarikh: 11 Disember 2012

**GAMBAR 4.3  
Nissan Lorry Self Loader**



Lokasi: Bengkel CASB di Bau, Sarawak  
Tarikh: 11 Disember 2012

**GAMBAR 4.4  
Mitsubishi Self Propelled Motorised Paddy Thresher**



Lokasi: Bengkel CASB di Bau, Sarawak  
Tarikh: 11 Disember 2012

**GAMBAR 4.5**  
**Reaper Binder**



Lokasi: Bengkel CASB di Bau, Sarawak  
Tarikh: 11 Disember 2012

**GAMBAR 4.6**  
**Combine Harvester KUKJE DKC 515**  
**Yang Rosak**



Lokasi: Bengkel CASB di Bau, Sarawak  
Tarikh: 11 Disember 2012

- ii. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan kekerapan penggunaan jentera/peralatan pertanian tersebut memandangkan ia digunakan oleh syarikat swasta.

**Pada pendapat Audit, penyerahan/penyewaan jentera/peralatan kepada syarikat swasta adalah bercanggah dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak.**

**Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013.**

***JPS memaklumkan sebelum PPNS dilantik sebagai agen pelaksana pada bulan November 2011, JPS telah memanfaatkan jentera LPP terhadap permohonan syarikat untuk tujuan aktiviti pertanian perusahaan padi di Negeri Sarawak.***

#### **4.4.5.2 Pembekalan New Portable Power Paddy Thresher Lewat Disempurnakan**

- a. Perjanjian menetapkan pembekalan *new portable power paddy thresher* perlu disempurnakan dalam tempoh 13 minggu daripada tarikh surat setuju terima tawaran. Selain itu, klausa 15(b) dalam perjanjian kontrak juga menyatakan jika pembekal berulang kali gagal membekal jentera/peralatan yang dipesan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian, Lembaga Perolehan boleh mengemukakan notis kepada pembekal berhubung keingkaran kepada perjanjian.

- b. Surat setuju terima tawaran telah ditandatangani pada 6 September 2010 dan tarikh bekalan perlu disempurnakan adalah pada 17 Disember 2010. Semakan Audit mendapati pembekal telah mengemukakan permohonan bagi lanjutan tempoh pembekalan kepada LPP pada 1 Disember 2010 dan lanjutan tempoh pembekalan tersebut telah diluluskan sehingga 10 April 2011. Bagaimanapun, surat kelulusan bagi permohonan lanjutan tersebut hanya dikeluarkan pada 5 Ogos 2011 iaitu selepas 117 hari daripada tarikh lanjutan tempoh pembekalan.
- c. Semakan lanjut mendapati sehingga 31 Disember 2012, sebanyak **111 daripada 211 unit *new portable power paddy thresher*** berjumlah **RM941,280** masih belum diterima daripada pembekal dengan tempoh kelewatan selama **631 hari** dari tarikh lanjutan tempoh pembekalan.

Pada pendapat Audit, kelewatan membekal *new portable power paddy thresher* telah menyebabkan pesawah tidak dapat menggunakan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan mengikut perancangan.

#### **Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013.**

*LPP memaklumkan kelewatan meluluskan lanjutan masa adalah disebabkan Mesyuarat Lembaga Tender telah beberapa kali ditunda bagi memastikan kuorum yang mencukupi dan mesyuarat ini hanya dapat dijalankan pada 4 Ogos 2011. Selain itu, bencana tsunami di Jepun telah menyebabkan kelewatan mendapatkan 'parts' dan menyebabkan pembekal lewat menghantar mesin berkenaan. Pada 18 Oktober 2012, wakil syarikat pembekal telah dijemput untuk berbincang mengenai perancangan dan tarikh jangkaan bekalan dihantar ke JPS. LPP turut mengeluarkan surat peringatan kepada pembekal bertarikh 5 Ogos 2011 bagi memastikan penghantaran segera dibuat kepada JPS. Baki 111 unit *new portable power paddy thresher* telah selesai dibekalkan kepada JPS secara berperingkat sebanyak 8 kali penghantaran. Peringkat terakhir pembekalan adalah sebanyak 33 unit iaitu pada 22 Mac 2013.*

#### **4.4.5.3 Jentera Tidak Digunakan Secara Optimum**

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengelakkan pembaziran dan menjimatkan kos. Setiap jentera/peralatan yang diperolehi juga hendaklah digunakan secara optimum bagi mencapai objektif program yang ditetapkan.



- b. Lawatan Audit pada 17 dan 19 Oktober 2012 di Pertubuhan Peladang Negeri Jentera (PPNJ), Perak Utara mendapati sebanyak **7 buah traktor dengan kos perolehan berjumlah RM528,300 hanya digunakan dalam tempoh 10 bulan hingga 1 tahun 7 bulan sahaja**. Tarikh akhir kesemua traktor tersebut digunakan adalah antara bulan Disember 2009 hingga bulan Ogos 2010. Semakan lanjut mendapati sebuah daripada traktor tersebut telah rosak sejak bulan Ogos 2010 dan tiada tindakan pembaikan diambil. Perkara ini berlaku disebabkan tiada permintaan bagi menggunakan traktor tersebut oleh pesawah di kawasan berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 4.9**  
**SENARAI JENTERA YANG TIDAK DIGUNAKAN DI PPNJ, PERAK UTARA**  
**SEHINGGA 19 OKTOBER 2012**

BIL.	NO. PENDAFTARAN JENTERA	KOS (RM)	TARIKH DITERIMA	TARIKH AKHIR DIGUNAKAN	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Hari)
1.	WSH 8197	74,900	23.02.2009	30.12.2009	1,024
2.	WSH 1359	74,900	23.02.2009	27.01.2010	996
3.	WSH 1371	74,900	23.02.2009	27.02.2010	965
4.	WSH 8351	74,900	23.02.2009	20.01.2010	1,003
5.	WSH 1643	74,900	23.02.2009	27.02.2010	965
6.	WSH 1410	74,900	23.02.2009	28.02.2010	964
7.	WSF 5368	78,900	12.01.2009	27.08.2010	784
<b>JUMLAH</b>		<b>528,300</b>			

Sumber: Pertubuhan Peladang Negeri Jentera, Perak Utara

**GAMBAR 4.7**  
**Traktor Yang Telah Rosak Dan Tidak Boleh Dibaiki**



Lokasi: PPNJ, Perak Utara  
Tarikh: 19 Oktober 2012

**GAMBAR 4.8**  
**Traktor Yang Tidak Digunakan Secara Optimum**



Lokasi: PPNJ, Perak Utara  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**Pada pendapat Audit, traktor yang tidak digunakan secara optimum bagi membantu aktiviti penanaman padi adalah satu pembaziran.**

### **Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*LPP memaklumkan kesemua 7 traktor berkapasiti 68 hp ini, pada asalnya dicadangkan untuk operasi di sawah yang dalam (kawasan Kerian) khusus untuk pembajakan pusingan kedua dan ketiga sahaja. Kerja pembajakan pusingan pertama akan menggunakan traktor berkapasiti lebih tinggi beserta peralatan 'Heavy Duty'. Permintaan pembajakan sawah oleh petani cuma tertumpu kepada pembajakan pertama dan sedikit pembajakan kedua. Sebagai usaha meluaskan penggunaan 6 buah traktor tersebut, pihak PPN akan menumpukan pembajakan sawah di kawasan yang kurang bermasalah untuk pembajakan pusingan kedua dan ketiga. Selain itu, khusus bagi kawasan sawah dalam, PPN akan mengubahsuai traktor tersebut dengan sistem roda separa berantai bagi membolehkannya beroperasi mulai pusingan pertama di sawah tersebut. Sehingga kini, sebanyak 4 buah traktor separa berantai telah ditempatkan di kawasan tersebut.*

#### **4.4.5.4 Kelewatan Pengagihan Jentera Ke Pusat Gunasama Kejenteraan Ladang**

- a. Pemeriksaan Audit di Bengkel Pusat Bahagian Kejuruteraan Pertanian dan Stor Sementara, Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) pada 29 Oktober 2012 dan 1 November 2012, mendapati jentera/peralatan yang telah diterima masih belum diagihkan ke PGK yang berkenaan. Butiran lanjut jentera/peralatan yang belum diagihkan ke PGK adalah seperti berikut:
  - i. Sebanyak **100 unit** *new portable power paddy thresher* yang bernilai RM848,000 telah **diterima** secara berperingkat pada bulan Jun dan Julai 2012 dengan tempoh **kelewatan di antara 436 hingga 474 hari** dari tarikh lanjutan pembekalan. Bagaimanapun, mesin ini **masih belum diagihkan** kepada Pusat Gunasama Kejenteraan Ladang (PGK) yang berkenaan dan ditempatkan di Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan Pertanian, JPS. Semakan lanjut mendapati jentera tersebut masih dalam proses pemasangan oleh pihak pembekal. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 4.9**  
**New Portable Power Paddy Thresher Yang**  
**Masih Belum Diagihkan Ke PGK**



Lokasi: Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan Pertanian,  
 Jabatan Pertanian Sarawak  
 Tarikh: 29 Oktober 2012

**GAMBAR 4.10**  
**New Portable Power Paddy Thresher Yang**  
**Masih Belum Diagihkan Ke PGK**



Lokasi: Stor Sementara, Ibu Pejabat Pertanian (annex),  
 Bahagian Kuarantin Tumbuhan, Sarawak  
 Tarikh: 1 November 2012

- ii. Sebanyak 12 unit *self propelled paddy thresher*, 8 unit *ripper binder*, 19 unit *power tiller* dan 14 unit *power sprayer* berjumlah RM955,750 juga masih belum diagihkan kepada PGK dengan tempoh kelewatan pengagihan di antara 659 hingga 671 hari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 4.10**  
**JENTERA/PERALATAN YANG BELUM DIAGIH KE PUSAT GUNASAMA KEJENTERAAN**  
**SETAKAT 1 NOVEMBER 2012**

JENTERA/PERALATAN	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)	TARIKH DITERIMA	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
<i>Self Propelled Paddy Thresher</i>	12	466,200	11 .01. 2011	659
<i>Power Tiller</i>	19	287,850	30 .12. 2010	671
<i>Reaper Binder</i>	8	174,400	10 .01 2011	660
<i>Power Sprayer</i>	14	27,300	6 .01 2010	664
<b>JUMLAH</b>	<b>53</b>	<b>955,750</b>		

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

**GAMBAR 4.11**  
**Self Propelled Paddy Thresher Yang Masih**  
**Belum Diagihkan Ke PGK**



Lokasi: Stor Sementara, Ibu Pejabat Pertanian (annex),  
 Bahagian Kuarantin Tumbuhan, Sarawak  
 Tarikh: 1 November 2012

**GAMBAR 4.12**  
**Power Tiller Yang Masih Belum Diagihkan**  
**Ke PGK**



Lokasi: Stor Sementara, Ibu Pejabat Pertanian (annex),  
 Bahagian Kuarantin Tumbuhan, Sarawak  
 Tarikh: 1 November 2012



**GAMBAR 4.13**  
**Reaper Binder Yang Masih Belum Diagihkan Ke PGK**



Lokasi: Stor Sementara, Ibu Pejabat Pertanian (annex),  
Bahagian Kuarantin Tumbuhan, Sarawak  
Tarikh: 1 November 2012

**GAMBAR 4.14**  
**Reaper Binder Yang Masih Belum Diagihkan Ke PGK**



Lokasi: Stor Sementara, Ibu Pejabat Pertanian (annex),  
Bahagian Kuarantin Tumbuhan, Sarawak  
Tarikh: 1 November 2012

**GAMBAR 4.15**  
**Power Sprayer Yang Masih Belum Diagihkan Ke PGK**



Lokasi: Stor Sementara, Ibu Pejabat Pertanian (annex),  
Bahagian Kuarantin Tumbuhan, Sarawak  
Tarikh: 1 November 2012

- iii. Sebanyak 3 unit jentuai dan 1 unit traktor berjumlah RM423,080 masih belum diambil oleh pihak PPNS dan ditempatkan di Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan Pertanian, JPS sejak bulan Oktober 2009. Ini menyebabkan tempoh waranti tidak dapat digunakan sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 4.16**  
**Traktor Yang Masih Belum Diambil oleh**  
**PPNS**



Lokasi: Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan  
Pertanian, Jabatan Pertanian Sarawak  
Tarikh: 1 November 2012

**GAMBAR 4.17**  
**Jentuai Yang Masih Belum Diambil**  
**oleh PPNS**



Lokasi: Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan Pertanian,  
Jabatan Pertanian Sarawak  
Tarikh: 29 Oktober 2012

**Pada pendapat Audit, kelewatan pengagihan jentera/peralatan pertanian adalah satu pembaziran kerana tidak dapat dimanfaatkan oleh pesawah.**

**Maklum Balas D daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*LPP memaklumkan sebanyak 100 unit new portable power paddy thresher yang telah diterima secara berperingkat pada bulan Jun dan Julai 2012 telah diagihkan kepada PGK masing-masing oleh JPS. Sebanyak 78 unit daripada 111 unit yang baru diterima pada bulan Mac 2013 telah selesai diagih ke PGK masing-masing pada 30 April 2013. Kesemua 12 unit self propelled paddy thresher, 8 unit ripper binder, 19 unit power tiller dan 14 unit power sprayer telah selesai diagihkan kepada PGK yang berkenaan. Selain itu, sebanyak 3 unit jentuai dan 1 unit traktor di bengkel pusat juga telah diagihkan ke PGK.*

#### **4.4.6 Kelewatan Pembinaan Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang**

Pemberian perkhidmatan kejenteraan kepada pesawah di kawasan utama penanaman padi di Sarawak adalah melalui Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang (PKL). Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) telah mendapat peruntukan DJBM sejumlah RM1.05 juta pada 26 Januari 2010 untuk pembinaan 2 unit PKL di Stumbin dan Daro. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2012, pembinaan 2 unit PKL ini masih di peringkat reka bentuk oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dijangka akan dimulakan pada bulan Januari 2013. Perkara ini disebabkan oleh kelemahan perancangan dan kelewatan mengambil tindakan oleh pihak JPS dan JKR. Sehubungan itu, PKL masih tidak dapat berfungsi sepertimana yang dirancang. Semakan lanjut juga mendapati tiada perancangan perjawatan diwujudkan oleh PPNS bagi mengendalikan 2 unit PKL tersebut.

Pada pendapat Audit, kelewatan pembinaan PKL telah menyebabkan jentera/peralatan yang diterima tidak dapat diagihkan ke PKL dan perkhidmatan kejenteraan tidak dapat diberikan kepada pesawah di kawasan yang berkenaan seperti mana yang dirancang.

**Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*Menurut pihak JKR, projek PKL Stumbin telah ditawarkan kepada kontraktor pada bulan November 2012 dan dijangka siap pada September 2013. Kerja kerja pembinaan telah mencapai 77% manakala PKL Daro telah ditawarkan kepada kontraktor pada bulan Mac 2013 dan dijangka siap pada Januari 2014. Kerja-kerja pembinaan telah mencapai 25%.*

**4.4.7 Pengurusan Pesanan Baja NPK Tambahan Dan Racun MakhluK Perosak**

Manual Pelaksanaan SBPKP menyatakan pesanan baja oleh PPK kepada pembekal hendaklah berdasarkan kepada Senarai Pendaftaran Pesawah Yang Diluluskan (SBPKP2) oleh Jawatankuasa Penapis, Ringkasan Maklumat Peladang-Peladang Didaftar (SBPKP3) dan baki baja sebagaimana yang direkodkan di buku stok. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

**4.4.7.1 Pesanan Baja NPK Tambahan Melebihi Jumlah Yang Diluluskan**

Sebanyak 5 daripada 14 PPK yang dilawati di Changlun, Merbok, Gerak Maju, Semangat Baru di Kedah dan di Tanjung Piandang, Perak telah membuat pesanan baja NPK Tambahan melebihi jumlah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis di SBPKP2. Lebihan pesanan baja NPK Tambahan yang tertinggi adalah di PPK Changlun iaitu sebanyak 1,864 beg berjumlah RM111,840 bagi musim 1/2012. Lebihan pesanan baja NPK Tambahan disebabkan oleh PPK tidak mematuhi peraturan ditetapkan berkaitan pengurusan pesanan input pertanian. Sekiranya masalah ini berterusan, ia boleh menyebabkan jumlah pembekalan melebihi nilai perjanjian dan tidak mengikut jumlah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis serta PPK terlibat akan menyimpan stok melebihi jumlah yang dibenarkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.11**  
**PESANAN BAJA NPK TAMBAHAN MELEBIHI JUMLAH KELULUSAN MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PENAPIS**

NEGERI	PPK	MUSIM/ TAHUN	SBPKP2 (Beg)	PESANAN TEMPATAN (Beg)	LEBIHAN PESANAN		
					KUANTITI (Beg)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
Kedah	Changlun	Musim 2/2011	16,524	18,000	1,476	67.50	99,630
		Musim 1/2012	16,636	18,500	1,864	60.00	111,840
		Musim 2/2012	18,253	18,500	247	60.00	14,820
	Merbok	Musim 2/2011	24,867	25,000	133	67.50	8,978
		Musim 2/2012	24,737	25,000	263	60.00	15,780
	Gerak Maju	Musim 1/2011	23,291	23,480	189	67.50	12,757
	Semangat Baru	Musim 1/2011	23,695	23,840	145	67.50	9,788
Musim 1/2012		23,727	23,740	13	60.00	780	
Perak	Tanjung Piandang	Musim 2/2012	23,860	23,918	58	60.00	3,480
<b>JUMLAH</b>			<b>195,590</b>	<b>199,978</b>	<b>4,388</b>		<b>277,853</b>

Sumber: *Pertubuhan Peladang Kawasan*

#### 4.4.7.2 Pesanan Baja NPK Tambahan dan Racun Tanpa Kelulusan

Lawatan Audit pada 5 November 2012 di PPK Merbok, Kedah mendapati pesanan baja NPK Tambahan sebanyak 25,000 beg berjumlah RM1.50 juta dan racun makhluk perosak sejumlah RM1.50 juta bagi musim 2/2012 telah dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Penapis. Perkara ini disebabkan Mesyuarat Jawatankuasa Penapis bagi musim 2/2012 masih belum diadakan walaupun penanaman padi bagi musim 2/2012 telah bermula pada bulan Oktober 2012.

#### 4.4.7.3 Kelewatan Pesanan Baja NPK Tambahan

- a. Manual Pelaksanaan SBPKP menyatakan PPK hendaklah membuat pesanan bekalan baja kepada pembekal sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh keperluan sebenar. Sekiranya tarikh keperluan sebenar adalah kurang daripada 30 hari dari tarikh pesanan, pembekal hendaklah menyediakan dan membuat penghantaran baja kepada PPK dalam tempoh 30 hari dari tarikh pesanan berkenaan. Denda lewat akan dikenakan kepada pembekal bagi pembekalan yang melebihi tempoh keperluan sebenar seperti yang dinyatakan di borang pesanan pada kadar RM10/tan/hari. Semakan Audit terhadap borang pesanan dan nota penghantaran baja NPK Tambahan di 14 PPK mendapati perkara seperti berikut:
  - i. Sebanyak 65 borang pesanan baja NPK Tambahan bagi tahun 2011 dan 2012 di 14 PPK telah dikemukakan kepada pembekal dalam tempoh kurang daripada 30 hari dari tarikh keperluan sebenar bekalan iaitu antara 8 hingga 29 hari. Sehubungan itu, baja tidak dapat dibekalkan oleh pembekal ke PPK berkenaan mengikut tempoh dikehendaki seperti

yang dinyatakan di borang pesanan. Tempoh kelewatan pembekalan adalah di antara 1 hingga 58 hari.

- ii. Pembekalan baja NPK Tambahan bagi 119 borang pesanan telah lewat diterima dari tarikh keperluan sebenar, walaupun borang pesanan tersebut dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Tempoh kelewatan bekalan diterima adalah antara 1 hingga 126 hari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menyemak jumlah denda yang dikenakan sehingga 31 Disember 2012 kerana rekod denda masih belum dikemas kini oleh LPP.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pesanan baja NPK tambahan adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selain itu, kegagalan mengemaskini rekod denda menyebabkan LPP tidak dapat mengenakan denda kepada pembekal. Kelemahan ini telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.**

#### **Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*LPP memaklumkan PPK akan mengambil kira lebih pesanan tersebut untuk kegunaan musim berikutnya. Didapati pegawai di PPK masih kurang kesedaran terhadap prosedur kadar baja mengikut sifir seperti di manual. LPP Kedah akan memastikan prosedur sebenar dilaksanakan pada musim 2/2013. Penurunan kuasa telah diberi kepada Timbalan Pengarah LPP Negeri, Pegawai Penyelia Daerah dan Ketua Cawangan Perniagaantani LPP Negeri untuk menguruskan mesyuarat supaya ia dapat dijalankan mengikut tempoh. Sistem Aplikasi Bersepadu secara 'online' (e-Padi) yang dibangunkan oleh NAFAS akan digunakan di PPK bagi menambah baik kaedah pesanan. Sistem ini telah siap dibangunkan dan kini dalam proses uji lari di Negeri Perlis. Antara sebab kelewatan penghantaran bekalan ke PPK adalah kerana kemampuan stor PPK yang terhad. Sehubungan itu, pembekal telah menyediakan peruntukan geran berjumlah RM3.26 juta bagi menaiktaraf stor di 196 PPK. Selain itu, Pengurusan LPP akan menempatkan seorang pegawai bagi melaksanakan pengiraan denda lewat.*

#### **4.4.8 Kelewatan Pengedaran Baja NPK Tambahan Dan Racun**

4.4.8.1 Mengikut Manual Pelaksanaan SBPKP, PPK hendaklah mengedarkan baja kepada pesawah dalam tempoh 1 hingga 3 hari selepas tarikh penerimaan baja daripada pembekal. Sebelum pengedaran baja dan racun dilakukan, PPK perlu menyemak senarai semua pesawah yang berdaftar bagi sesuatu musim mengikut borang SBPKP2 seperti mana yang disahkan oleh



Jawatankuasa Penapis. Pesawah pula hendaklah menandatangani resit penerimaan baja dan racun di ruang yang disediakan sebagai akuan terimaan.

4.4.8.2 Lawatan Audit pada 8 November 2012, di PPK Gerak Maju, Alor Senibong, Kedah mendapati sebanyak 30 jenis racun berjumlah RM221,769 bagi musim 1/2011 dan 2/2011 masih belum diedarkan kepada pesawah. Semakan lanjut mendapati ada antara stok racun tersebut yang mana kotak bungkusannya telah terkoyak dan botol racun telah kemek. Tempoh kelewatan pengedaran kepada pesawah tidak dapat dikenal pasti kerana sistem tidak merekodkan tarikh bekalan diterima. Bagaimanapun, mengikut anggaran Audit stok tersebut telah disimpan melebihi 1 tahun berdasarkan musim ia dibekalkan iaitu bagi musim 1/2011 dan 2/2011. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 4.18**  
**Stok Racun Tahun 2011 Yang Belum**  
**Diedarkan Kepada Pesawah**




Lokasi: Stor Racun PPK Gerak Maju, Alor Senibong, Kedah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 4.19**  
**Stok Racun Tahun 2011 Yang Belum**  
**Diedarkan Dan Telah Bersawang**



Lokasi: Stor Racun PPK Gerak Maju, Alor Senibong, Kedah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 4.20**  
**Stok Racun Tahun 2011 Yang Belum**  
**Diedarkan dan Telah Kemek**



Lokasi: Stor Racun PPK Gerak Maju, Alor Senibong, Kedah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 4.21**  
**Stok Racun Tahun 2011 Yang Belum**  
**Diedarkan Dan Telah Koyak**



Lokasi: Stor Racun PPK Gerak Maju, Alor Senibong, Kedah  
Tarikh: 8 November 2012

Pada pendapat Audit, kelewatan mengedarkan baja NPK Tambahan dan racun dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan kerosakkan dan tamat tempoh penggunaannya serta mengakibatkan pembaziran kepada Kerajaan.

**Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013.**

*LPP memaklumkan pihak PPK terlibat telah selesai mengedarkan baki stok racun tersebut kepada pesawah yang berkenaan. Tarikh akhir edaran racun bagi musim 1/2011 adalah pada 27 November 2012 manakala musim 2/2011 adalah pada 2 Jun 2013.*

#### 4.4.9 Pelupusan Baja Yang Rosak

Manual Pelaksanaan SBPKP menyatakan sekiranya terdapat baja yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi, permohonan pelupusan perlu dikemukakan oleh PPK kepada Lembaga Pemeriksa LPP Negeri. Semakan Audit mendapati ada longgokan baja yang sudah rosak dan tidak digunakan tetapi masih disimpan serta belum dilupuskan di 3 daripada 15 stor PPK yang dilawati iaitu PPK Gerak Maju, Alor Senibong di Kedah dan PPK Siburan di Sarawak. Perkara ini menyebabkan stor menjadi sempit dan tidak tersusun. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 4.22**  
Longgokan Baja Yang Masih Belum Dibuat Pelupusan



Lokasi: Stor Baja PPK Siburan, Sarawak  
Tarikh: 31 Oktober 2012

**GAMBAR 4.23**  
Longgokan Baja Yang Masih Belum Dibuat Pelupusan



Lokasi: Stor Racun PPK Gerak Maju, Alor Senibong, Kedah  
Tarikh: 8 November 2012





**GAMBAR 4.24**  
**Longgokan Baja Yang Masih Belum Dibuat Pelupusan**

Lokasi: Stor Baja PPK Siburan, Sarawak  
Tarikh: 31 Oktober 2012

**Pada pendapat Audit, kelewatan pelupusan baja NPK tambahan yang tamat tempoh menyebabkan ruang penyimpanan menjadi terhad.**

**Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*Lembaga Kemajuan Pertanian Muda memaklumkan PPK Gerak Maju telah membuat permohonan pelupusan pada 13 Jun 2013 dan masih menunggu kelulusan. Selain itu, JPS juga memaklumkan bagi PPK Siburan di Sarawak, tindakan pelupusan telah dimulakan dengan mengambil kira tatacara baru pelupusan dari Kementerian.*

#### **4.4.10 Penyelenggaraan Rekod**

4.4.10.1 Mengikut Manual Pelaksanaan SBPKP, buku stok bagi penerimaan dan pengedaran baja/racun hendaklah dikemas kini secara harian sekiranya ada transaksi. Setiap jenis baja dan racun perlu mempunyai buku stok yang berbeza dan hendaklah disahkan oleh Pengurus Besar pada setiap minggu serta sekiranya berlaku kehilangan akibat kecuaiian, pegawai PPK yang berkenaan hendaklah bertanggungjawab. Buku log atau kad pergerakan bagi setiap kenderaan dan jentera juga perlu dikemas kini bagi memudahkan rujukan dan pemantauan pergerakan jentera/kenderaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Buku stok baja dan racun tidak disahkan secara mingguan oleh Pengurus Besar PPK seperti yang ditetapkan dalam Manual SBPKP di kesemua 14 PPK yang dilawati.
- b. Buku stok baja dan racun di PPK Changlun, Kedah tidak diselenggara dengan lengkap dan dikemas kini. Buku stok baja NPK tambahan bagi musim 2/2012, tidak merekodkan tarikh, jumlah pengedaran dan baki stok. Selain itu, rekod penerimaan dan pengedaran racun musim 1/2012 ada diselenggara tetapi hanya secara ringkas manakala bagi musim 2/2012 tiada

rekod diselenggara. Rekod ini sepatutnya diselenggarakan secara harian berdasarkan penerimaan dan pengedaran stok yang dibuat kepada pesawah.

- c. Pemeriksaan Audit pada 31 Oktober 2012 di PPK Siburan, Kuching mendapati buku stok racun dikemas kini tetapi terdapat perbezaan baki stok racun yang direkodkan dalam buku stok berbanding dengan pengiraan yang dibuat bersama oleh pihak Audit dan pegawai PPK Siburan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penyelenggaraan rekod di semua PPK yang dilawati adalah kurang memuaskan.**

### **Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*LPP memaklumkan Bahagian Perniagaantani merancang mengadakan bengkel bagi mendedahkan anggota terutama yang baru dilantik dari segi kefahaman dalam pengurusan rekod. PPK Changlun telah menggunakan sistem I-Racun (Sis-Jadi). Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam sistem di mana rekod pengedaran tidak dapat dijana. PPK Changlun telah diarah supaya menaik taraf sistem atau menggunakan cara manual sepenuhnya pada musim 2/2013. LPP memaklumkan bahawa surat peringatan kepada 14 PPK telah dihantar pada 19 Julai 2013.*

#### **4.4.11 Pemantauan**

4.4.11.1 Manual Pelaksanaan SBPKP telah menetapkan Kementerian dan Agensi pelaksana hendaklah memantau pelaksanaan program ini. Di peringkat Kementerian, pemantauan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi Dan Beras manakala di peringkat LPP, pemantauan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi Dan Beras (JPP). Di peringkat PPK pula, pemantauan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi Dan Beras Peringkat Zon.

4.4.11.2 JPP perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun sebelum mesyuarat peringkat Kementerian diadakan dan Jawatankuasa di peringkat zon pula bermesyuarat 3 kali setahun sebelum mesyuarat JPP. Jawatankuasa Teknikal pula dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MARDI dan dianggotai oleh wakil Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) manakala sekiranya perlu pembekal hendaklah hadir dalam mesyuarat tersebut. Jawatankuasa ini perlu mengadakan

mesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun dan bertanggungjawab menyalurkan maklumat teknikal kepada JPP bagi isu berkaitan SBPKP serta isu lain yang berkenaan. Jawatankuasa di peringkat zon pula merupakan agensi pelaksana yang membuat pemantauan secara langsung terhadap program DJBM/SIPP di zon yang berkenaan. Butiran JPP di peringkat zon adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.12  
JPP PERINGKAT ZON**

ZON	NEGERI YANG TERLIBAT
Utara	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, MADA
Tengah	Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka
Timur	Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, KADA
Sabah	Sabah
Sarawak	Sarawak (Jabatan Pertanian Sarawak)

*Sumber: Lembaga Pertubuhan Peladang*

4.4.11.3 Semakan Audit di peringkat LPP mendapati JPP telah bermesyuarat sebanyak 3 kali setahun bagi tahun 2010 sehingga 2012. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat JPP mendapati antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan isu dari Laporan Mesyuarat JPP Peringkat Zon dan Laporan Kemajuan Jawatankuasa Teknikal. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan isu berkenaan penambahbaikan sistem penyampaian bantuan Kerajaan, penambahbaikan sistem pengurusan stor dan stok, kualiti baja yang kurang memuaskan dan kaedah bayaran ganti rugi tunai kepada pesawah akibat kelewatan pembekalan baja.

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyeliaan dan Pelaksanaan di peringkat LPP adalah baik kerana mesyuarat dilaksanakan secara berkala dan pemantauan dibuat terhadap laporan kemajuan JPP di peringkat Zon serta Jawatankuasa Teknikal. Kehadiran wakil Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani juga memudahkan rujukan terhadap perkara berbangkit dan masalah yang dihadapi oleh LPP berkaitan program DJBM/SIPP.**

## 4.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan Lembaga Pertubuhan Peladang mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1 Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan LPP hendaklah mengkaji *outcome* program DJBM/SIPP bagi memastikan objektif meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras negara tercapai secara perbandingan dengan bantuan yang diberi.

4.5.2 Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani hendaklah memohon peruntukan tambahan untuk mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa bagi pembayaran perbelanjaan tahun sebelum.

4.5.3 Lembaga Perolehan LPP hendaklah memainkan peranan dengan berkesan dalam memantau prestasi pembekalan jentera oleh pembekal. Surat peringatan perlu dikeluarkan dengan segera kepada pembekal sekiranya pembekal gagal mematuhi tempoh penyempurnaan bekalan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

4.5.4 JPS hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak supaya membenarkan pihaknya melaksanakan penyerahan/penyewaan jentera/peralatan mekanisasi ladang kepada syarikat swasta. Perjanjian yang lengkap hendaklah disediakan bagi memastikan aset dan kepentingan Kerajaan dijaga. LPP dan JPS hendaklah merancang keperluan sebenar untuk perolehan jentera/peralatan pertanian bagi mengelakkan pembaziran dan kelewatan agihan kepada PPN/PKL/PGK.

4.5.5 PPK hendaklah memastikan pesanan baja atau racun dibuat berdasarkan jumlah kelulusan oleh Jawatankuasa Penapis. Selain itu, PPK juga hendaklah memastikan semua baja dan racun diedarkan kepada pesawah dalam tempoh yang ditetapkan.

4.5.6 Pegawai Stor hendaklah memastikan buku stok sentiasa dikemas kini dengan lengkap. Setiap pergerakan stok perlu direkod dalam buku stok bagi memudahkan rujukan dan pemantauan terhadap baki stok sedia ada. Selain itu, pergerakan jentera/peralatan juga perlu direkod dan dikemas kini di buku log serta kad pergerakan bagi memudahkan pemantauan pergerakan jentera/peralatan.

4.5.7 LPP hendaklah mengkaji masalah dan cadangan yang diutarakan oleh pesawah seperti serangan makhluk perosak dan keperluan jentera.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

# LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

## 5. PENGURUSAN TANAH

### 5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia 1980 (Akta 231) dan dikawal selia oleh Kementerian Kerja Raya. Selaras dengan Seksyen 11(1) Akta 231, LLM bertanggungjawab menyelia dan menyediakan reka bentuk pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya, kawasan rehat dan rawat serta kemudahan lain di sepanjang lebuhraya. Selain itu, LLM juga bertanggungjawab mengawal jalan masuk dan keluar di sepanjang lebuhraya. Fungsi LLM telah berubah daripada agensi pelaksana kepada agensi kawal selia berikutan pelaksanaan dasar penswastaan oleh Kerajaan Persekutuan mulai tahun 1983 menyebabkan sebahagian besar fungsi LLM diambil alih oleh syarikat konsesi.

5.1.2 Sehingga tahun 2012, LLM memiliki 7 lot tanah berkeluasan 48.7 ekar yang telah mendapat status hak milik dengan bayaran premium sejumlah RM5.26 juta. Selain itu, LLM juga masih dalam proses memohon hak milik bagi 10 lot tanah yang telah dibuat pengambilan balik bagi projek lebuhraya. Lot tanah yang telah mendapat hak milik adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.1**  
**LOT TANAH YANG TELAH MENDAPAT HAK MILIK**

BIL.	LOT TANAH	KELUASAN (EKAR)	NILAI PREMIUM (RM)
1.	LOT 8895 HSD 34158 Mukim Durian Tunggal Daerah Alor Gajah	20.77	2,204,994
2.	LOT PT 2553 HSM 3085 Mukim 13 Daerah Timur Laut, Batu Uban Pulau Pinang	0.47	1,879,593
3.	LOT PT 1682 HSM 2164 Mukim 13 Daerah Timur Laut, Batu Uban Pulau Pinang	2.55	1,012,287
4.	LOT 44117 PN 40719 Mukim Dengkil Daerah Sepang	13.06	108,790
5.	LOT 44116 PN 40718 Mukim Dengkil Daerah Sepang	6.31	53,381
6.	LOT PT 17372 HSM 4894 Mukim Bentong Daerah Bentong (Bangunan Pejabat Genting Sempah)	1.89	2,837
7.	LOT PT 17371 HSM 4893 Mukim Bentong Daerah Bentong (Kuarters Genting Sempah)	3.65	2,691
<b>JUMLAH</b>		<b>48.70</b>	<b>5,264,573</b>

Sumber: *Geran Hak Milik Tanah LLM*

5.1.3 Bahagian Kewangan Dan Pengurusan Aset (BKPA) bertanggungjawab menguruskan tanah yang telah diberi hak milik manakala Bahagian Pengurusan Tanah (BUT) pula bertanggungjawab bagi urusan tanah yang masih dalam permohonan hak milik.

## **5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan tanah LLM telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhan LLM.

## **5.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan tanah milik LLM bagi tahun 2010 sehingga 2012. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan serta temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab. Lawatan Audit ke lokasi tanah dan bangunan LLM juga telah dijalankan di sekitar Kedah, Pahang, Selangor, Kuala Lumpur dan Melaka. Semakan juga telah dibuat di Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) dan Pejabat Tanah Daerah di lokasi yang telah dipilih.

## **5.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2012 mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan tanah LLM. Secara keseluruhannya, pengurusan tanah LLM tidak diurus dengan cekap dan teratur. Perancangan dan permohonan hak milik tidak dibuat dengan sempurna serta pemantauan yang kurang berkesan adalah punca kelemahan yang perlu diberi perhatian. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Susulan terhadap status permohonan hak milik tanah lewat dibuat.
- ii. Tanah dan bangunan LLM tidak disenggara menyebabkan kawasan ditumbuhi semak samun dan berlaku kerosakan bangunan kerana vandalisme oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- iii. Institut Latihan Dan Pengurusan LLM di Wilayah Timur, Kuantan, Pahang masih tidak dibina kerana tiada tindakan susulan terhadap status penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok.
- iv. Kadar sewaan/pajakan adalah rendah, tidak mengikut prosedur dan tidak dikaji semula.
- v. Perjanjian sewaan/pajakan tidak dibuat menyebabkan kepentingan LLM tidak dilindungi.
- vi. Penyelenggaraan rekod dan pemantauan pengurusan tanah kurang memuaskan.

#### 5.4.1 Kelewatan Proses Susulan Permohonan Hak Milik Tanah

5.4.1.1 Bahagian Pengurusan Tanah (BUT) LLM bertanggungjawab menguruskan permohonan untuk menukar hak milik tanah kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Negeri (JKPTG). JKPTG Negeri bertanggungjawab mengesahkan status tanah yang dipohon sebelum LLM boleh mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sebagai Pegawai Pengawal kepada tanah rizab Persekutuan. Seksyen 81 dan 82 Kanun Tanah Negara menyatakan satu Notis Borang 5A akan dikeluarkan kepada pemohon setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Pemohon hendaklah menandatangani jumlah wang yang dinyatakan dalam notis tersebut kepada Pentadbir Tanah. Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam masa yang ditetapkan, kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk pemberi milikan itu adalah luput.

5.4.1.2 Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan proses susulan permohonan hak milik terhadap 4 lot tanah. Permohonan hak milik tanah bagi 4 lot tersebut dibuat antara tahun 1991 dan 2002 manakala susulan terakhir dibuat pada tahun 2001 dan 2005. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.2**  
**SUSULAN STATUS PERMOHONAN HAK MILIK TANAH TIDAK DIBUAT**

BIL	LOKASI	TARIKH POHON HAK MILIK	TARIKH SUSULAN TERAKHIR OLEH LLM SEBELUM PENGAUDITAN OLEH UAD LLM	CATATAN
1.	PETAK B Mukim Dengkil Daerah Sepang	29.03.1991	23.11.2001	Tiada tindakan susulan oleh pihak LLM
2.	PETAK D Mukim Dengkil Daerah Sepang			
3.	PLOT 1 Mukim Derga Daerah Kota Setar	12.07.2000	06.05.2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kegagalan pihak LLM membuat bayaran Notis 5A</li> <li>Kehilangan fail maklumat permohonan hak milik tanah oleh LLM di PTD Kota Setar</li> </ul>
4.	PLOT 1 Mukim Bentong Daerah Bentong	27.04.2002	26.03.2005	PTD Bentong terlepas pandang untuk memproses permohonan penukaran hak milik

Sumber: Fail Surat-Menyurat Bahagian Pengurusan Tanah LLM

5.4.1.3 Berdasarkan laporan Unit Audit Dalam LLM pada bulan Januari 2011, tindakan susulan selanjutnya terhadap permohonan hak milik tanah masih lewat dibuat oleh LLM. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara pada bulan Disember 2012 mendapati kelewatan membuat tindakan susulan adalah antara 13 hingga 19 bulan. Bagaimanapun, tindakan susulan bagi permohonan Plot 1, Mukim Derga Daerah Kota Setar telah dibuat pada 7 Mac 2011,



14 November 2011 dan yang terakhir pada 20 Mac 2013. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.3  
KELEWATAN SUSULAN DARI TARIKH POHON HAK MILIK SEHINGGA UAD  
MENJALANKAN PENGAUDITAN PENGURUSAN TANAH LLM**

BIL	LOKASI	TARIKH SUSULAN/TINDAKAN TERAKHIR OLEH LLM SELEPAS PENGAUDITAN OLEH UAD LLM	TEMPOH TIDAK MEMBUAT SUSULAN SEHINGGA PENGAUDITAN OLEH JAN PADA DISEMBER 2012 (BULAN)
1.	PETAK B Mukim Dengkil Daerah Sepang	14.04.2011	19
2.	PETAK D Mukim Dengkil Daerah Sepang		
3.	PLOT 1 Mukim Derga Daerah Kota Setar	14.11.2011	13
4.	PLOT 1 Mukim Bentong Daerah Bentong	15.07.2011	16

*Sumber: Fail Surat-Menyurat Bahagian Pengurusan Tanah LLM*

Pada pendapat Audit, pihak LLM perlu membuat tindakan susulan terhadap status permohonan hak milik kepada PTD dan KPTG Negeri supaya tidak berlaku kelewatan untuk mendapat hak milik tanah. Selain itu, pihak Audit mencadangkan supaya bayaran Notis 5A bagi lot tanah di Mukim Derga diselesaikan supaya tanah diletak di bawah nama PTP. Ini membolehkan LLM memohon pajakan daripada KPTG serta memajak kecil kepada pihak ketiga dan seterusnya mendapatkan hasil pajakan ke atas tanah tersebut.

**Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013.**

*LLM memaklumkan telah menarik balik permohonan hak milik terhadap tanah Petak B dan D Mukim Dengkil Daerah Sepang memandangkan tanah telah menjadi Right of Way (R.O.W) Lebuhraya SILK. LLM juga telah menghantar surat kepada pihak berkaitan bagi 2 lagi lot tanah untuk mendapatkan status terkini permohonan hak milik tanah.*

**5.4.2 Tanah Dan Bangunan Tidak Disenggara**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987 mengenai Pengurusan Tanah Yang Diambil Balik Oleh Kerajaan Persekutuan Untuk Projek Pembangunan menyatakan pemeriksaan semula kesemua tanah yang diambil balik perlu dibuat dari semasa ke semasa. Penyenggaraan perlu dibuat untuk memastikan tanah dan bangunan bersih dan terpelihara supaya dapat memberi lebih nilai sekiranya ia disewa atau dipajak. Lawatan Audit ke tanah dan bangunan milik LLM di Genting Sempah, Pahang dan Ayer Keroh, Melaka mendapati perkara berikut:

#### 5.4.2.1 Bangunan Pejabat dan Makmal Tidak Disenggara Dan Diceroboh

- a. Lawatan Audit pada 8 November 2012 telah dibuat ke tanah milik LLM seluas 1.89 ekar di Lot PT 17372 HSM 4894 Mukim Bentong, Genting Sempah, Pahang mendapati 3 bangunan pejabat dan satu bangunan makmal tidak digunakan, terbiar dan dipenuhi semak samun. Bangunan pejabat dan makmal yang tidak disenggara menyebabkan kerosakan terhadap siling, dinding dan peralatan makmal. Keadaan bangunan pejabat dan makmal adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 5.1**  
**Bangunan Pejabat Yang Terbiar Dan**  
**Ditumbuhi Semak Samun**



Lokasi: Lot PT17372 Mukim Bentong  
Tarikh: 08 November 2012

**GAMBAR 5.2**  
**Menara Kawalan Yang Terbiar Dan**  
**Ditumbuhi Semak Samun**



Lokasi: Lot PT17372 Mukim Bentong  
Tarikh: 08 November 2012

**GAMBAR 5.3**  
**Bangunan Makmal Yang Terbiar**  
**Dan Usang**



Lokasi: Lot PT17372 Mukim Bentong  
Tarikh: 08 November 2012

**GAMBAR 5.4**  
**Bilik Makmal Yang Rosak Dan Berselerak**



Lokasi: Lot PT17372 Mukim Bentong  
Tarikh: 08 November 2012

- b. Selain itu, syarikat MTD Prime Sdn. Berhad telah menduduki 2 buah bangunan pejabat tersebut sejak tahun 2010 sebagai pejabat operasi dan penginapan pekerja tanpa kelulusan LLM. Semakan lanjut mendapati syarikat tersebut telah memohon untuk menyewa lot tanah pejabat tetapi sehingga pengauditan dijalankan perjanjian masih belum dimuktamadkan. Pemeriksaan Audit mendapati bangunan pejabat yang dijadikan penginapan pekerja berada dalam keadaan kotor dan rosak manakala bahan penyenggaraan diletakkan dalam kawasan LLM seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 5.5**  
**Bangunan Pejabat Yang Dijadikan**  
**Penginapan Pekerja**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 5.6**  
**Bangunan Pejabat Yang Dijadikan**  
**Penginapan Pekerja**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 5.7**  
**Pekerja Kontraktor Memasak**  
**Di Bangunan Pejabat**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 5.8**  
**Kotak Suis Yang Telah Rosak**  
**Dan Tidak Berfungsi**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012



**GAMBAR 5.9**  
**Tong Minyak Yang Diletakkan**  
**Di Dalam Kawasan LLM**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 5.10**  
**Tiang Lampu Dan Kabel Yang Diletakkan**  
**Di Dalam Kawasan LLM**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 5.11**  
**Batu Dan Pasir Yang Diletakkan**  
**Di Dalam Kawasan LLM**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012

**GAMBAR 5.12**  
**Pekerja Kontraktor Menjalankan Operasi**  
**Di Dalam Kawasan LLM**



Lokasi: Genting Sempah  
Tarikh: 8 November 2012

#### **5.4.2.2 Tanah Tidak Disenggara**

- a. LLM mempunyai satu lot tanah di Lot 8895 HSD 34158 Mukim Durian Tunggal, Ayer Keroh, Melaka seluas 20.77 ekar terdiri daripada sebuah bangunan pejabat, sebuah depoh penyenggaraan dan sebuah kabin yang digunakan sebagai pejabat sementara. Tanah tersebut sebelum ini telah digunakan sebagai Pejabat Wilayah Selatan. Bagaimanapun, tanah dan bangunan pejabat tersebut tidak disenggara secara berkala atau tetap dan telah terbiar semenjak tahun 2010. Lawatan Audit pada 14 November 2012 mendapati tanah tersebut tidak disenggara menyebabkan ia dipenuhi semak samun seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 5.13**  
**Tanah Ditumbuhi Lalang**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.14**  
**Tanah Dipenuhi Semak Samun**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

- i. Lawatan Audit pada 14 November 2012 juga mendapati bangunan pejabat dan Depoh Penyenggaraan Kenderaan LLM terbiar, usang dan tidak digunakan menyebabkan berlakunya kerosakan pada struktur bangunan, siling pecah dan kerosakan kelengkapan dalaman bangunan seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 5.15**  
**Depoh Penyenggaraan Yang Usang**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.16**  
**Ruang Dalam Depoh Tidak Disenggara**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012



**GAMBAR 5.17**  
**Bangunan Pejabat Semakin Usang**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.18**  
**Ruang Dalam Pejabat Yang Rosak**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.19**  
**Siling Bumbung Yang Rosak**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.20**  
**Ruang Dalam Bangunan Yang Rosak**



Lokasi: Lot 8895 HSD 4158 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

- ii. Pemeriksaan Audit yang telah dijalankan pada 14 November 2012 mendapati berlaku pencerobohan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang memecah masuk untuk mencuri kabel dan besi tingkap mengakibatkan kerosakan teruk kepada bangunan LLM seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 5.21**  
**Siling Yang Dirosakkan**  
**Untuk Mencuri Kabel Elektrik**



Lokasi: Lot 8895 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.22**  
**Siling Yang Dirosakkan**  
**Untuk Mencuri Kabel Elektrik**



Lokasi: Lot 8895 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.23**  
**Tingkap Yang Dirosakkan**  
**Untuk Mencuri Bingkai Besi**



Lokasi: Lot 8895 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**GAMBAR 5.24**  
**Bingkai Besi Dan Tingkap Yang Hilang**  
**Dan Dicuri**



Lokasi: Lot 8895 Mukim Durian Tunggal  
Tarikh: 14 November 2012

**Pada pendapat Audit, kawasan persekitaran tanah dan bangunan yang tidak disenggara menyebabkan keutuhan struktur bangunan dan kebersihan kawasan sekitar terjejas. Persekitaran tanah yang tidak disenggara dan ditumbuhi semak samun memudahkan pihak luar menceroahi bangunan dan tanah LLM. Tanah LLM dan tanah yang masih dalam permohonan hak milik termasuk rizab lebuh raya hendaklah dipantau dengan lebih kerap oleh pihak pengurusan di Ibu Pejabat serta Pejabat Wilayah yang berkenaan. Ini bagi memastikan tanah tidak diceroboh oleh pihak luar dan LLM mendapat pulangan hasil sewaan atau pajakan yang sepatutnya. Selain itu, kerosakan yang dilakukan oleh penceroboh terhadap bangunan di atas tanah LLM mengakibatkan perbelanjaan kos kerana memerlukan kos yang tinggi untuk pembaikan.**

## **Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013 dan 24 Julai 2013.**

*LLM memaklumkan perjanjian penyewaan dengan Syarikat MTD Prime Sdn. Berhad bagi tanah di Genting Sempah, Pahang telah pun ditandatangani pada 1 April 2013. Bangunan di Genting Sempah tidak sesuai untuk dijadikan pejabat, untuk di perbaiki serta tiada peruntukan untuk penyenggaraan. LLM juga memaklumkan tawaran sebut harga kerja pembersihan di Ayer Keroh, Melaka dipanggil semula dan ditutup pada 17 Julai 2013.*

### **5.4.3 Pembangunan Institut Latihan Dan Pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia, Wilayah Timur, Kuantan, Pahang**

5.4.3.1 Pembangunan Institut Latihan Dan Pengurusan LLM telah diluluskan dengan kos sejumlah RM30 juta pada Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2002. Ia bertujuan untuk menjadi pusat kecemerlangan yang akan menawarkan kepakaran dan bantuan teknikal pengurusan lebuhraya di dalam dan luar negara. Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang pada tahun 2003 juga telah meluluskan permohonan tersebut yang melibatkan 5 lot tanah seluas 36.25 ekar yang merupakan Kawasan Penempatan Berkelompok. Kuasa untuk menamatkan status kawasan ini di bawah Pihak Berkuasa Negeri dan Menteri berkenaan. Pengambilan tanah dibuat mengikut Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 iaitu untuk kegunaan awam dan diwartakan di bawah Seksyen 8 akta yang sama.

5.4.3.2 Semakan Audit mendapati pembangunan Institut Latihan Dan Pengurusan LLM tidak dapat dilaksanakan kerana tanah tersebut masih belum ditamatkan sebagai Kawasan Penempatan Berkelompok walaupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang telah bersetuju untuk menamatkan status kawasan tersebut mengikut Seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Surat daripada Pejabat Tanah Daerah Kuantan pada 15 April 2011 menyatakan masih tiada pengesahan daripada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Negeri (JKPTG) berkaitan status penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok. Sehingga bulan Disember 2012, LLM tidak membuat susulan terhadap status tanah tersebut.

**Pada pendapat Audit, LLM hendaklah membuat susulan berterusan bagi memperoleh hak milik tanah berkenaan dan perlu merujuk kepada JKPTG bagi mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri yang membolehkan JKPTG melaksanakan urusan penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok.**

## **Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013.**

*LLM memaklumkan Kementerian Kerja Raya sedang membangunkan Pusat Kecemerlangan Kerja Raya dan kemudahan di pusat berkenaan akan diguna sama oleh Kementerian dan agensi di bawahnya termasuk LLM. Selain itu, LLM telah mengemukakan surat bertarikh 26 April 2013 kepada JKPTG Pahang bagi mendapatkan maklum balas terkini permohonan tanah terbiar.*

### **5.4.4 Pengurusan Penyewaan/Pajakan Tanah Milik LLM**

Garis Panduan Penyewaan Atau Pajakan Tanah Di Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diluluskan pada 18 Ogos 2009 menyatakan LLM boleh menyewa atau memajak tanah yang telah didaftarkan atas nama LLM kepada pihak ketiga selaras dengan Seksyen 221 Kanun Tanah Negara 1960. LLM mempunyai 3 lot tanah hak milik dan 3 lot tanah dalam proses penukaran hak milik yang disewa atau dipajak. Bagaimanapun, LLM telah mendapat kelulusan daripada JKPTG menyewakan tanah di Mukim Kuala Kuantan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4  
TANAH YANG DISEWAKAN/DIPAJAKKAN OLEH LLM**

<b>BIL</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENYEWA</b>	<b>TEMPOH SEWA (Tahun)</b>
<b>A.</b>	<b>TANAH HAK MILIK LLM</b>		
1.	Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13 Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang	Koperasi LLM	30
2.	Lot 44116 PN 40718 Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Koperasi LLM	30
3.	Lot PT 17371 HSM 4893 Mukim Bentong, Daerah Bentong	Koperasi LLM	3
<b>B.</b>	<b>TANAH DALAM PROSES PENUKARAN HAK MILIK</b>		
1.	Plot 2 Mukim Kuala Kuantan	Kuantan Projek Team	5
2.	Plot 3 Mukim Kuala Kuantan	Kuantan Projek Team	5
3.	Plot 4 Mukim Kuala Kuantan	Kuantan Projek Team	5

Sumber: Perjanjian Sewaan/Pajakan Tanah LLM

#### **5.4.4.1 Kadar Sewaan/Pajakan Yang Rendah Kepada Koperasi LLM Berhad**

LLM telah menyewa/memajak 3 lot tanah hak miliknya kepada Koperasi LLM Berhad dan telah memperoleh hasil sewaan/pajakan berjumlah RM812,180. Kadar sewa tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga LLM dan tidak dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Sebanyak 3 lot tanah tersebut telah disewa semula oleh Koperasi LLM kepada pihak ketiga dengan jumlah

RM4.18 juta. Ini menunjukkan perbezaan dalam sewaan sejumlah RM3.37 juta atau 414%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.5**  
**PERBEZAAN KADAR SEWAAN/PAJAKAN LLM**  
**KEPADA KOPERASI LLM BERHAD**

BIL	LOKASI	TEMPOH PAJAKAN/ SEWAAN (TAHUN)	KADAR SEWA KEPADA KOPERASI	KADAR SEWAAN KOPERASI KEPADA PIHAK KETIGA	PERBEZAAN (RM)
			HARGA (RM)	HARGA (RM)	
1.	Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13 Daerah Timur Laut Batu Uban, Pulau Pinang	30	300	2,700,000	2,699,700
2.	Lot 44116 PN 40718 Mukim Dengkil Daerah Sepang	30	800,000	1,350,000	550,000
3.	Lot PT 17371HSM 4893 Mukim Bentong Daerah Bentong	3	11,880	130,680	118,800
<b>JUMLAH</b>			<b>812,180</b>	<b>4,180,680</b>	<b>3,368,500</b>

*Sumber: Perjanjian sewaan/pajakan*

**a. Pajak Tanah Di Batu Uban, Pulau Pinang**

LLM telah memberi pajakan kepada Koperasi bagi Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang. Perjanjian ini ditandatangani pada 12 Januari 2002 bagi tempoh 30 tahun dengan kadar sewa sejumlah RM10 setahun. Kadar pajakan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LLM pada bulan Julai 2001. Semakan Audit mendapati Koperasi telah memajakkan tanah tersebut bagi tempoh 30 tahun kepada Shell Trading Malaysia Sdn. Berhad berjumlah RM2.70 juta dengan perbezaan berjumlah RM2,699,700 atau 9,000% berbanding sewaan oleh LLM kepada Koperasi yang hanya berjumlah RM300.

**b. Pajak Tanah Di Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor**

LLM telah memberi pajakan kepada Koperasi bagi Lot 44116 Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor dengan keluasan 35,000 kaki persegi. Perjanjian ditandatangani pada 11 Ogos 2010 bagi tempoh 30 tahun dengan kadar RM800,000. Semakan Audit mendapati Koperasi telah memajakkan tanah tersebut bagi tempoh 30 tahun kepada sebuah syarikat berjumlah RM1.35 juta dengan perbezaan RM550,000 berbanding pajakan oleh LLM kepada Koperasi.

**c. Sewaan Kuarters Di Genting Sempah**

LLM telah menyewakan 11 unit kuarters di Lot PT 17371 HSM 4893 Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang kepada Koperasi pada bulan September 2010 hingga 31 Ogos 2013. Semakan Audit mendapati LLM telah

menyewakan kuarters tersebut dengan kadar yang rendah berbanding kadar yang disewakan oleh Koperasi kepada pihak ketiga. Kadar sewaan bagi satu unit kuarters oleh Koperasi kepada pihak ketiga sejumlah RM330 sebulan berbanding kadar sewa kepada Koperasi sejumlah RM30 sebulan bagi tempoh 36 bulan. Hasil penyewaan yang diperoleh oleh Koperasi berjumlah RM130,680 berbanding hasil sewaan LLM kepada Koperasi berjumlah RM11,880 dengan perbezaan sejumlah RM118,800. Penetapan kadar yang rendah ini dibuat tanpa penilaian oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta atau penilai swasta untuk menentukan kadar sewaan mengikut harga pasaran.

#### **d. Kadar Sewaan Tanah Tidak Dikaji Semula**

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987 berkaitan Garis Panduan Pengurusan Tanah menyatakan jika perjanjian menetapkan bayaran sewaan atau pajakan tertakluk kepada harga pasaran, Kementerian berkenaan hendaklah memastikan pelarasan bayaran sewa atau pajak dibuat dari semasa ke semasa. Perjanjian hendaklah dipatuhi dan bayaran mestilah dipungut mengikut perjanjian.
- ii. Semakan Audit mendapati LLM tidak membuat kajian semula terhadap kadar sewaan kuarters dan pajakan tanah miliknya yang rendah seperti sewaan kuarters di Lot PT 17371 HSM 4893 Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang dan pajakan tanah di Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang. Kadar sewa perlu dikaji semula untuk memastikan ia mengikut kadar pasaran semasa. Penetapan kadar sewa yang rendah menyebabkan hasil sewaan semakin menurun setiap tahun serta menunjukkan ketidakcekapan dalam pengurusan aset.

**Pada pendapat Audit, penyewaan/pajakan tanah kepada Koperasi LLM pada kadar yang rendah adalah bertentangan dengan tadbir urus yang baik dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, kajian semula terhadap kadar sewaan yang sedia ada perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut nilai pasaran semasa bagi memastikan kadar yang ditetapkan memberi pulangan yang setimpal kepada LLM.**

**Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013 dan 24 Julai 2013.**

***LLM memaklumkan laporan penilaian kadar sewaan kuarters telah diperoleh daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 22 April 2013. Perjanjian sewaan kuarters semasa akan tamat pada 31 Ogos 2013 dan kadar baru akan diguna pakai bagi perjanjian penyewaan kuarters yang baru***

*mulai bulan September 2013. Kadar sewaan baru adalah RM150 seunit sebulan telah diluluskan oleh Lembaga pada 18 Julai 2013.*

#### **5.4.4.2 Sewaan/Pajakan Kepada Koperasi Tidak Mengikut Prosedur**

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987, tanah yang berhasil hendaklah disewa atau dipajakkan dengan segera secara tender atau mana-mana cara yang diluluskan. Sekiranya bekas pemilik tanah diberi pajak atau sewa secara rundingan terus, kadar bayaran hendaklah dipersetujui oleh Perbendaharaan. Kadar itu mestilah realistik dan jika perlu nasihat Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) hendaklah diperoleh. Garis Panduan Penyewaan Atau Pajak Tanah Di Lembaga Lebuhraya Malaysia menyatakan semua permohonan sewaan, pajakan, usaha sama perlulah dilakukan melalui Sebut Harga, Tender atau Rundingan Terus. Semua permohonan yang diterima perlulah mempunyai penilaian harga oleh JPPH atau penilai swasta.
- b. Semakan Audit mendapati 3 lot tanah milik LLM telah disewakan kepada Koperasi dengan jumlah RM812,180 tanpa melalui prosedur tender yang berkuat kuasa. Semakan lanjut mendapati Pengerusi Koperasi yang merupakan Pengarah Bahagian Ukur Bahan LLM adalah juga Ahli Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga.

**Pada pendapat Audit, LLM hendaklah mematuhi prosedur yang berkuat kuasa supaya nilai yang disewa/dipajakkan adalah realistik dan tidak merugikan LLM. Ini bagi memastikan kepentingan kerajaan dijamin dan LLM memperoleh keuntungan yang sepatutnya berdasarkan penilaian semasa. Perkara ini juga boleh mengelakkan percanggahan kepentingan kerana ahli Lembaga Koperasi merupakan pegawai kanan di LLM.**

**Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013.**

***Pemilihan penyewa/pemajak diputuskan oleh mesyuarat Lembaga LLM. Kesemua ahli Lembaga Koperasi LLM Berhad bukan ahli Lembaga LLM atau urus setia kepada mesyuarat Lembaga LLM. Oleh itu, pegawai berkenaan tidak terlibat dalam membuat keputusan bagi pemilihan penyewa/pemajak.***

#### **5.4.4.3 Penyewaan/Pajakan Tanah Tidak Sah**

Mengikut Kanun Tanah Negara 1965, tanah yang dirizabkan di bawah Akta ini telah diberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk memajak tanah rizab kepada mana-mana pihak dengan persetujuan Pegawai Pengawal. Selain itu, bagi tanah yang diambil balik menerusi Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan lebuhraya, kuasa untuk memberi kebenaran memajak tanah rizab



lebuhraya adalah di bawah Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya tanah tersebut telah dilupuskan secara pemberimilikan atau perizaban kepada PTP melalui pembayaran Notis 5A - Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar, maka LLM perlu memohon pajakan daripada PTP bagi menjalankan aktiviti di atas tanah tersebut seperti memajak kecil kepada pihak lain.

Semakan Audit mendapati LLM telah memajak tanah rizab lebuhraya seluas 14.55 ekar yang bukan miliknya di Plot 1, Mukim Derga Daerah Kota Setar, Kedah kepada individu dan Koperasi LLM Berhad seperti berikut:

- a. Surat setuju terima oleh seorang penyewa telah ditandatangani pada 10 Mei 2002 bagi tempoh sewaan selama 12 bulan dengan kadar RM1,500 sebulan. Bagaimanapun, perjanjian telah ditamatkan lebih awal iaitu pada bulan Disember 2002 kerana penyewa gagal membayar sewa bulanan. Sehingga 31 Disember 2012, tunggakan hasil sewaan termasuk faedah adalah berjumlah RM48,220.
- b. LLM juga telah memajak tanah yang sama kepada Koperasi LLM Berhad mulai tahun 2007 bagi tempoh 60 bulan dengan kadar sejumlah RM1,000 sebulan melalui surat kelulusan Ketua Pengarah LLM kepada Pengerusi Koperasi. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:
  - i. Pajakan kecil antara LLM dan Koperasi pada tahun 2007 adalah tidak sah kerana tidak mematuhi Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965.
  - ii. LLM tidak mempunyai hak untuk memberi pajakan kecil tersebut kepada Koperasi kerana tanah tersebut masih di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri. LLM juga masih belum menjelaskan bayaran Notis 5A untuk proses pelupusan tanah secara perizaban di bawah hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).
  - iii. Koperasi telah menyewakan tanah tersebut kepada pihak ketiga pada tahun 2007.
  - iv. Koperasi tidak membuat bayaran sewa kepada LLM sejak tahun 2007 berjumlah RM36,000 bagi tempoh 3 tahun mulai 2007 hingga 2010.
  - v. LLM telah membatalkan kelulusan penyewaan tersebut pada bulan Februari 2010 kerana menyedari pihaknya tidak mempunyai hak untuk memberi pajakan kecil tanah tersebut. Tanah rizab lebuhraya di Mukim Derga adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 5.25**  
**Tapak Pejabat Syarikat Penyewa**



Lokasi: Plot 1 Mukim Derga Daerah Kota Setar  
Tarikh: 19 November 2012

**GAMBAR 5.26**  
**Peralatan Landasan Berkembar**



Lokasi: Plot 1 Mukim Derga Daerah Kota Setar  
Tarikh: 19 November 2012

**GAMBAR 5.27**  
**Tapak Pejabat Syarikat Penyewa**



Lokasi: Plot 1 Mukim Derga Daerah Kota Setar  
Tarikh: 19 November 2012

**GAMBAR 5.28**  
**Peralatan Penyenggaraan**



Lokasi: Plot 1 Mukim Derga Daerah Kota Setar  
Tarikh: 19 November 2012

**Pada pendapat Audit, LLM perlu memastikan pemberian pajakan oleh PTP dan Kerajaan Negeri diselesaikan terlebih dahulu sebelum perjanjian ditandatangani untuk mengelakkan pajakan tanah yang tidak sah. LLM perlu membuat bayaran Notis 5A kepada Pejabat Tanah Daerah untuk membolehkan pembermilikan status tanah atas nama PTP seterusnya memohon pajakan terhadap tanah tersebut dan memajak kecil kepada Koperasi LLM.**

**Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013 dan 24 Julai 2013**

***LLM telah mengeluarkan surat bertarikh 8 Mei 2013 kepada pihak JKPTG bagi memohon JKPTG membenarkan wang kutipan sewaan disimpan di dalam akaun milik LLM. Pemohonan LLM tidak dipertimbangkan. Sebarang***

*permohonan penyewaan atau pemajakan hendaklah mendapat kelulusan PTP dan hasilnya dimasukkan ke kumpulan wang yang disatukan.*

#### 5.4.5 Keperluan Kewangan

5.4.5.1 Peruntukan yang mencukupi bagi tujuan menjalankan sesuatu aktiviti adalah penting untuk memastikan segala perancangan dapat dijalankan dengan lancar dan mengikut jadual yang ditetapkan. Semua rancangan perbelanjaan bagi aktiviti pembangunan tanah hendaklah dijalankan selaras dengan peruntukan yang telah diluluskan.

5.4.5.2 Semakan Audit mendapati LLM hanya menyediakan peruntukan bagi bayaran cukai tanah berjumlah RM120,000 bagi tahun 2010 dan 2011 manakala sejumlah RM143,840 bagi tahun 2012. Perbelanjaan sebenar bayaran cukai tanah pada tahun 2010 berjumlah RM122,639, tahun 2011 berjumlah RM120,062 dan tahun 2012 berjumlah RM118,895. Pihak Audit juga mendapati LLM tidak menyediakan peruntukan bagi pembangunan tanah miliknya walaupun terdapat kos pengambilan tanah untuk pembinaan Institut Latihan LLM berjumlah RM5.68 juta dengan menggunakan peruntukan mengurusnya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.6  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN CUKAI TANAH  
BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	LEBIHAN/(KURANGAN) PERBELANJAAN (RM)	LEBIHAN/(KURANGAN) (%)
2010	120,000	122,639	2,639	2.2
2011	120,000	120,062	62	0.05
2012	143,840	118,895	(24,945)	(17.3)

Sumber: Bil Cukai Tanah

Pada pendapat Audit, LLM perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi memastikan aktiviti pengurusan tanah dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mengikut jadual yang ditetapkan.

**Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013.**

*LLM mengambil maklum teguran Audit dan keperluan bagi penyenggaraan tanah disediakan dalam Belanjawan Mengurus tahun 2014 dan 2015.*

#### 5.4.6 Penyelenggaraan Rekod

Penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemas kini merupakan satu mekanisme pemantauan yang baik dan berkesan. Semakan Audit mendapati LLM tidak menyelenggarakan rekod yang lengkap seperti perjanjian sewaan/pajakan, fail

surat-menyurat tidak mengikut turutan dan salinan surat-menyurat berkaitan tidak difailkan secara sistematik. Selain itu, geran asal hak milik tanah tiada dalam simpanan LLM bagi dua lot tanah di Lot PT 2553 Batu Uban, Pulau Pinang dan Lot PT 44116 Mukim Dengkil, Selangor.

**Pada pendapat Audit, LLM hendaklah menyelenggarakan daftar rekod perjanjian sewaan/pajakan dan surat-menyurat dengan teratur dan kemas kini. Selain itu, geran asal hak milik tanah perlu disimpan dengan selamat bagi mengelakkan kehilangan dan kecurian kerana ia merupakan dokumen penting.**

**Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 27 Mac 2013.**

***LLM memaklumkan daftar perjanjian sewaan/pajakan telah diwujudkan. LLM juga telah mewujudkan fail individu bagi setiap lot tanah bagi memastikan urusan surat-menyurat diselenggarakan dengan teratur. Kesemua surat hak milik tanah atas nama LLM berada dalam simpanan LLM.***

#### **5.4.7 Pemantauan**

5.4.7.1 Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan tanah dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dengan segera. Tanah milik LLM sebelum ini dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Tanah dan diserahkan kepada Bahagian Kewangan Dan Pengurusan Aset pada tahun 2010. Bahagian bertanggungjawab hendaklah memantau secara berkala terhadap tanah bagi memastikan tanah tidak dicerobohi oleh pihak luar dan berada dalam keadaan baik.

5.4.7.2 Semakan Audit mendapati Bahagian Pengurusan Tanah tidak pernah membuat pemantauan terhadap tanah milik LLM. Tiada pemantauan secara berkala dibuat dan tiada laporan keadaan tanah dilaporkan kepada pihak Pengurusan LLM. Bagaimanapun, pemantauan secara berkala telah dijalankan 2 kali setahun setelah pengurusan tanah milik diambil alih oleh Bahagian Kewangan Dan Pengurusan Aset pada tahun 2010. Laporan pemantauan dilaporkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan Jabatan tetapi keputusan mesyuarat tidak dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya.

**Pada pendapat Audit, laporan pemantauan tanah LLM perlu dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya supaya perhatian dan tindakan segera dapat diambil terhadap tanah LLM seperti di Lot 8895 Mukim Durian Tunggal, Melaka dan Lot PT 17372, Mukim Bentong, Pahang. Ini bagi**

mengelakkan tanah daripada dicerobohi dan tiada hasil yang dapat dikutip oleh agensi bagi satu tempoh yang lama.

**Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013.**

*LLM telah menyediakan Garis Panduan Penyelenggaraan Dan Pemantauan Tanah pada 2 Mei 2013 sebagai panduan bagi memastikan tanah dan bangunan berada dalam keadaan baik dan tidak dicerobohi oleh pihak luar.*

## **5.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan LLM memberi pertimbangan bagi menambah baik pengurusan tanah perkara seperti berikut:

5.5.1 LLM hendaklah membuat susulan terhadap status permohonan tanah dan memastikan hak milik tanah diperoleh terlebih dahulu sebelum meluluskan sewaan/pajakan tanah. Sekiranya bukan miliknya, LLM hendaklah mendapat kelulusan daripada JKPTG/Pihak Berkuasa Negeri.

5.5.2 LLM hendaklah membuat penyenggaraan tanah miliknya dari semasa ke semasa supaya tanah terpelihara serta mengelakkan pencerobohan. Perancangan terhadap pembangunan tanah yang terbiar perlu dibuat bagi menjana pendapatan kepada LLM.

5.5.3 LLM hendaklah memastikan perjanjian sewaan ditandatangani dan mengkaji semula kadar sewa dari semasa ke semasa mengikut harga pasaran.

5.5.4 LLM hendaklah memastikan semua permohonan dan pemberian sewaan kepada Koperasi LLM Berhad mengikut peraturan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan percanggahan kepentingan.

5.5.5 LLM sepatutnya menyerahkan semula tanah yang tidak dibangunkan kepada Kerajaan supaya penggunaan tanah dapat dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan atau mengkaji alternatif lain bagi memanfaatkan tanah tersebut untuk tujuan pembangunan lebuhraya.

5.5.6 LLM hendaklah menyelenggarakan daftar rekod perjanjian sewaan/pajakan dan surat menyurat dengan teratur dan kemas kini.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

## **6. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN KAMPUS TETAP UNIMAP**

### **6.1 LATAR BELAKANG**

6.1.1 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merupakan institusi pengajian tinggi awam yang ditubuhkan pada 25 Julai 2001 dan sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Penubuhan UniMAP bertujuan untuk melahirkan jurutera kemahiran tinggi dan kompeten bagi memenuhi dan menyokong Pelan Industri Negara. UniMAP telah menubuhkan 8 Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) iaitu PPK Komputer dan Perhubungan, PPK Mikroelektrik, PPK Sistem Elektrik, PPK Mekatronik, PPK Bahan, PPK Pembuatan, PPK Bioproses, PPK Alam Sekitar, dan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan. Selain itu, UniMAP mempunyai 2 Institut, 8 Pusat Pemantapan Akademik dan satu Pusat Kecemerlangan.

6.1.2 Projek pembinaan kampus tetap UniMAP telah dimulakan pada tahun 2002 di bawah RMKe-8 dan bersambung sehingga RMKe-10. Mengikut *Master Plan* yang disediakan pada bulan Mei 2005, UniMAP akan membina 25 bangunan yang terdiri daripada 9 bangunan akademik, 2 bangunan pentadbiran dan 14 bangunan sokongan.

6.1.3 Projek pembinaan kampus tetap UniMAP adalah di Pauh Putra, Arau, Perlis seluas 1,028 ekar dan di Sungai Chuchuh, Perlis seluas 253 ekar yang masih di peringkat pembangunan. Peruntukan yang diluluskan di bawah RMKe-8 berjumlah RM21.32 juta manakala projek ini bersambung pada RMKe-9 dan RMKe-10 dengan peruntukan sejumlah RM283.19 juta dan RM134.13 juta. Secara keseluruhannya, peruntukan yang diluluskan berjumlah RM438.64 juta dengan melibatkan 5 pakej pembinaan. Pakej 1 hingga 4 telah siap dilaksanakan manakala Pakej 5 tidak dilaksanakan kerana tidak mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Butiran seperti di jadual berikut:



**JADUAL 6.1  
PAKEJ PEMBINAAN KAMPUS TETAP UNIMAP DI PAUH PUTERA**

PAKEJ	PEMBINAAN
1	Pengambilan Tanah
2	PPK Pembuatan & PPK Mekatronik
3A	Kerja-kerja Tanah
3B	Perpustakaan, Dewan Kuliah Dan Kompleks Sukan
4	PPK Mikroelektronik Dan Pusat Kejuruteraan
5	PPK Bahan, PPK Sistem Elektrik, PPK Komputer & Perhubungan, Canselori, Dewan Serba guna, Pusat ICT dan Pusat Islam/Masjid (pembinaan belum dimulakan lagi)

*Sumber: Kertas Taklimat Pengurusan Projek Pembangunan Kampus Tetap UniMAP*

6.1.4 Unit Projek Khas Kampus Tetap, Jabatan Pembangunan UniMAP bertanggungjawab menguruskan Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP daripada peringkat perolehan dan kelulusan tapak sehingga bangunan disiapkan. Pada 15 Januari 2002, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan pelantikan kontraktor iaitu Konsortium Pauh Indah secara konsep Reka dan Bina sebagai kontraktor utama dan Crimson Network Sdn. Berhad sebagai Perunding Pengurus Projek (PMC). Bagaimanapun, PMC ini telah ditamatkan perkhidmatannya pada 28 November 2006 dan pengurusan projek dipertanggungjawabkan kepada Unit Projek Khas Kampus Tetap, UniMAP bagi Pakej 3B dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi Pakej 4.

## **6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan kampus tetap UniMAP dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## **6.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan kampus tetap UniMAP bagi Pakej 3B dan Pakej 4 di Pauh Putra, Arau bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Semakan dibuat terhadap dokumen kontrak, fail, minit mesyuarat, rekod dan dokumen yang berkaitan di UniMAP. Perbincangan dan temubual telah diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan projek ini. Lawatan fizikal juga telah dibuat ke tapak projek kampus tetap UniMAP. Selain itu, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada seramai 200 pelajar di Kampus Tetap UniMAP Pauh Putra untuk menilai tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

## 6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP adalah seperti berikut:

- i. Kemajuan kerja bagi Pakej 3B adalah 76.1% dan Pakej 4 adalah 93.9% pada tarikh akhir projek patut disiapkan. Lanjutan masa sebanyak 215 hari dan 217 hari telah diluluskan bagi Pakej 3B dan Pakej 4.
- ii. Kelewatan dalam proses pengurusan projek pembinaan seperti berikut :-
  - Permohonan lanjutan masa ke-2 dikemukakan lewat 40 hari dan permohonan lanjutan masa ke-3 lewat dikemukakan 95 hari. Lanjutan masa ke-2 dan ke-3 juga lewat diluluskan iaitu masing-masing 52 hari dan 277 hari.
  - Kontrak antara UniMAP dan PMC ditandatangani pada bulan September 2009 iaitu kelewatan selama 16 bulan. Sebanyak 2 bayaran telah dibuat berjumlah RM2.51 juta walaupun kontrak belum ditandatangani.
  - Kontrak bagi Pakej 3B dan Pakej 4 telah lewat dimuktamadkan selama 20 bulan dan 14 bulan dari tarikh Surat Niat dikeluarkan.
  - Pakej 3B telah mengalami tempoh kelewatan mendapatkan Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) selama 9 bulan dan Pakej 4 selama 5 bulan.
- iii. Kualiti Kerja Pembinaan
  - Kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan, tidak sempurna, tidak kemas dan tidak sesuai seperti terdapat keretakan pada permukaan dinding Dewan Kuliah 6, kesan air di dinding dan lantai bangunan dan pembinaan lurang yang tidak sesuai di kawasan parkir.
  - Peralatan yang dibekalkan untuk bangunan bagi Pakej 3B dan Pakej 4 tidak berfungsi sepenuhnya dan rosak.
- iv. UniMAP telah menyiapkan 4 bangunan akademik dan 3 bangunan sokongan iaitu hanya 25% daripada yang ditetapkan di dalam *Master Plan* dan menanggung kos sewaan bangunan dan sewaan bas dari tahun 2002 hingga bulan September 2012 berjumlah RM138.40 juta.
- v. Hasil analisis terhadap 200 responden mendapati secara purata 55.6% pelajar berpendapat bahawa kemudahan dan perkhidmatan di Kampus Tetap Pauh Putra adalah tidak memuaskan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### 6.4.1 Prestasi Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP

##### 6.4.1.1 Prestasi Fizikal Projek

- a. Di bawah Pakej 3B, hanya 3 projek dilaksanakan berbanding 8 projek yang dirancang manakala bagi Pakej 4 hanya 2 projek dilaksanakan berbanding 3 projek yang diluluskan. Projek ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut *master plan* yang ditetapkan kerana permohonan peruntukan kewangan telah ditolak oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.2**  
**SKOP PEMBINAAN BAGI PAKEJ 3B DAN PAKEJ 4**

PAKEJ 3B	
MASTER PLAN	SEBENAR DIBINA
1. Perpustakaan 2. Dewan Kuliah 3. Kompleks Sukan 4. Pusat Islam 5. Jabatan Pembangunan 6. Jabatan Hal Ehwal Pelajar 7. PPK Bahan 8. Dewan Serbaguna	1. Perpustakaan 2. Dewan Kuliah 3. Kompleks Sukan } Peruntukan tidak diluluskan
PAKEJ 4	
MASTER PLAN	SEBENAR DIBINA
1. PPK Mikroelektronik 2. Pusat Kejuruteraan 3. Bangunan Canselori	1. PPK Mikroelektronik 2. Pusat Kejuruteraan 3. Permohonan telah ditolak oleh EPU.

Sumber: Master Plan Dan Kertas Taklimat Pengurusan Projek Pembangunan Kampus Tetap UniMAP


- b. Mengikut syarat kontrak, Pakej 3B perlu siap pada 27 Mac 2011 dan Pakej 4 pada 16 Ogos 2011. Bagaimanapun, sehingga tarikh akhir projek ini patut disiapkan kemajuan kerja bagi Pakej 3B adalah 76.1% manakala bagi Pakej 4 pula adalah 93.9% dan telah diluluskan lanjutan masa melibatkan tempoh sebanyak 215 hari dan 217 hari. Pakej 3B telah disiapkan pada 9 November 2011 iaitu kelewatan sebanyak 11 hari manakala Pakej 4 telah disiapkan pada 1 Mac 2012 iaitu 19 hari lebih awal dari tarikh akhir lanjutan masa. Butiran adalah seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 6.3  
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN KAMPUS TETAP UNIMAP**

PAKEJ	TARIKH SEPATUTNYA SIAP	LANJUTAN MASA			TARIKH SEBENAR SIAP	KELEWATAN (HARI)	JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA
		EOT	TARIKH KELULUSAN EOT	TEMPOH KELULUSAN EOT (HARI)			
3B	27/3/2011	1	23.9.2011	215	-	-	1. Bencana banjir 2. Kesukaran mendapatkan bahan binaan 3. Kerja tambahan yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
		2	14.10.2011		-	-	1. Kelewatan kelulusan pelan Pihak Berkuasa Tempatan
		3	28.10.2011		9.11.2011	11	1. Kelewatan mendapat bekalan perabot
4	16/8/2011	1	14.12.2011	217	-	-	1. Kelewatan mendapat kelulusan pihak Tenaga Nasional Berhad 2. Kelewatan mendapat kelulusan pelanggan berkenaan reka bentuk <i>Built In Furniture</i> 3. Bencana banjir
		2	20.3.2012		1.3.2012	-	1. Kelewatan memberi kelulusan bagi kerja <i>Built In &amp; Loose Furniture</i>


Sumber: Kontrak Dan Sijil Perakuan Siap Kerja

**CARTA 6.1  
PRESTASI KEMAJUAN KERJA PAKEJ 3B**



Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Pakej 3B

CARTA 6.2  
PRESTASI KEMAJUAN KERJA PAKEJ 4



Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Pakej 4

Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Unit Projek Khas Kampus Tetap UniMAP bagi Pakej 3B dan JKR bagi Pakej 4 perlu memantau kemajuan projek dengan lebih cekap dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kontraktor yang gagal menunjukkan prestasi yang baik.

#### **Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan antara punca kelewatan bagi Pakej 3B adalah kerana banjir yang melanda negeri Perlis pada bulan November 2010 menyebabkan penghantaran bahan binaan ke tapak terjejas, kesukaran mendapat bekalan cerucuk spun dan kerja-kerja tambahan paip pembentungan di Zon Utara. Bagaimanapun, UniMAP telah memberi notis peringatan kepada kontraktor sebanyak 5 kali sepanjang tempoh kontrak.*

*Selain itu, kelewatan bagi Pakej 4 adalah kerana kelewatan mendapat kelulusan terkini kehendak pihak TNB, kelulusan pelanggan berkenaan rekabentuk Built In Furniture dan kelulusan bagi kerja Provisional Item 'Built in & Loose Furniture'. Perakuan Pendudukan Separa (CPO) telah dikeluarkan bagi 4 blok PPK Mikroelektronik yang telah disiapkan pada 10 November 2011. Tarikh Siap Semasa selepas EOT ke-2 ialah pada 20 Mac 2012 dan kontraktor telah berjaya menyiapkan projek pada 1 Mac 2012.*

### 6.4.1.2 Prestasi Kewangan

Sehingga 30 September 2012, Pakej 3B dan Pakej 4 telah siap serta bayaran telah dibuat kepada kontraktor berjumlah RM210.61 juta atau 83.9%. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.4**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBINAAN KAMPUS TETAP UNIMAP**  
**SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012**

PAKEJ	KOS PROJEK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
3B	93.75	88.09	94.0
4	157.42	122.52	77.8
<b>JUMLAH</b>	<b>251.17</b>	<b>210.61</b>	<b>83.9</b>

Sumber: Laporan Kewangan Bagi RMKe-8, RMKe-9 dan RMKe-10 Bagi Projek Pembangunan Kampus Tetap UniMAP

### 6.4.1.3 Kelewatan Permohonan dan Kelulusan Lanjutan Masa

- Berdasarkan klausa 45 syarat kontrak Pakej 3B, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis bagi memohon perakuan kelambatan dan lanjutan masa sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja.
- Semakan Audit mendapati permohonan lanjutan masa ke-2 bagi pakej 3B telah dikemukakan lewat 40 hari dari tarikh tamat EOT pertama. Permohonan lanjutan masa ke-3 bagi pakej yang sama juga lewat dikemukakan iaitu 95 hari dari tarikh tamat EOT kedua. Selain itu, permohonan lanjutan masa ke-2 dan ke-3 lewat diluluskan oleh UniMAP iaitu masing-masing 52 hari dan 277 hari. Kelulusan bagi lanjutan masa ke-3 juga hanya diberikan setelah Perakuan Siap Kerja Praktikal (CPC) dikeluarkan pada 9 November 2011. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.5**  
**PERMOHONAN LANJUTAN MASA LEWAT DIKEMUKAKAN BAGI PAKEJ 3B**

NO. EOT	TARIKH TAMAT EOT	TARIKH SEPATUT MEMOHON EOT	TARIKH PERMOHONAN EOT	KELEWATAN PERMOHONAN (HARI)	TARIKH KELULUSAN PENGARAH PROJEK	KELEWATAN KELULUSAN (HARI)
1	23.09.2011	27.03.2011	23.02.2011	-	18.03.2011	-
2	14.10.2011	≤23.09.2011	02.11.2011	40	14.11.2011	52
3	28.10.2011	≤14.10.2011	17.01.2012	95	17.07.2012	277

Sumber: Kertas Permohonan Dan Kelulusan Lanjutan Masa Pakej 3B

- Klausa 42 syarat kontrak bagi Pakej 3B menetapkan UniMAP boleh mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM25,245 sehari sekiranya pihak kontraktor lewat menyiapkan projek. Berdasarkan klausa ini, UniMAP boleh mengenakan LAD berjumlah RM631,149 atau sebanyak 25 hari atas kelewatan kepada kontraktor. Bagaimanapun, LAD



yang dikenakan adalah berjumlah RM277,705 atau 11 hari kerana kelulusan lanjutan masa ke-3 telah diberikan kepada kontraktor.

**Pada pendapat Audit, kelewatan permohonan lanjutan masa menunjukkan kontraktor tidak peka terhadap syarat kontrak yang ditandatangani. Selain itu, tindakan UniMAP meluluskan lanjutan masa ke-3 menyebabkan UniMAP tidak dapat menuntut LAD sepenuhnya.**

#### **Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan peringatan telah diberikan kepada kontraktor pada 25 Ogos 2011 supaya mempercepatkan kemajuan kerja bagi mengelakkan kelewatan dan dikenakan denda LAD. Bagaimanapun tiada permohonan dibuat oleh kontraktor. Sehubungan itu, UniMAP telah mengeluarkan surat pemberitahuan kuat kuasa LAD bermula pada 24 September 2011. Lanjutan masa ke-3 adalah lanjutan daripada permohonan asal EOT ke-2 sebanyak 120 hari berbanding kelulusan yang diberikan sebanyak 21 hari sahaja. Mesyuarat dengan pengurusan UniMAP mencadangkan supaya dipertimbangkan EOT No. 3 dengan merujuk kepada klausa 42 & 45 syarat-syarat kontrak DB/T 2002. Bagaimanapun keputusan muktamad tertakluk kepada Pengarah Projek.*

#### **6.4.1.4 Dokumentasi Perjanjian**

##### **a. Kontrak Perunding Pengurus Projek Lewat Ditandatangani**

- i. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2006 menetapkan perjanjian perkhidmatan perunding hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan daripada tarikh kos perkhidmatan perunding diluluskan. Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju untuk melantik Crimson Network Sdn. Berhad sebagai Perunding Pengurus Projek (PMC) pembinaan Kampus Tetap UniMAP pada bulan Januari 2002 secara rundingan terus dengan menggunakan konsep Reka dan Bina. Surat Niat telah dikeluarkan kepada PMC pada bulan Julai 2002. Bagaimanapun, khidmat PMC telah ditamatkan pada bulan November 2006 selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2004 yang menetapkan pengurusan projek baru hendaklah dilaksanakan oleh Agensi Teknikal Kerajaan iaitu Jabatan Kerja Raya. Kronologi adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.6**  
**KRONOLOGI KONTRAK PMC LEWAT DITANDATANGANI**

TARIKH	PERKARA
15.1.2002	Surat Niat daripada Kementerian Kewangan kepada UniMAP
1.7.2002	Surat Niat daripada UniMAP kepada PMC
24.4.2006	Kementerian Kewangan memaklumkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bahawa selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2004, pengurusan projek baru hendaklah dilaksanakan oleh agensi teknikal kerajaan
14.11.2006	Mesyuarat penilaian Pampasan Perkhidmatan PMC bil 1/2006 dengan KPT
28.11.2006	Perkhidmatan PMC ditamatkan selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2004
12.12.2006	Mesyuarat penilaian Pampasan Perkhidmatan PMC bil 2/2006 dengan KPT
17.1.2007	PMC mengemukakan pindaan tuntutan bayaran daripada RM12 juta kepada RM9 juta
12.4.2007	Mesyuarat penilaian Pampasan Perkhidmatan PMC bil 1/2007 dengan KPT
9.4.2008	Kementerian Kewangan meluluskan siling perkhidmatan PMC sebanyak RM3.57 juta
<b>September 2009</b>	<b>Kontrak PMC ditandatangani</b>
12.1.2011	Sebanyak 4 bayaran telah dibuat mulai tahun 2003 dan bayaran terakhir pada bulan Januari 2011

*Sumber: Kertas Taklimat Pengurusan Projek Pembangunan Kampus Tetap UniMAP*

- ii. Semakan Audit mendapati kontrak antara UniMAP dan PMC telah ditandatangani pada bulan September 2009 iaitu kelewatan selama 16 bulan daripada kelulusan kos perunding pada 9 April 2008 oleh Kementerian Kewangan. Selain itu, kontrak tersebut juga ditandatangani setelah perkhidmatan PMC ditamatkan. Sebanyak 2 bayaran telah dibuat kepada PMC mulai tahun 2003 berjumlah RM2.51 juta walaupun kontrak belum ditandatangani. Butiran bayaran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.7**  
**MAKLUMAT TERPERINCI BAYARAN KEPADA PMC**

PERKHIDMATAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BAYARAN		
		TARIKH	AMAUN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Yuran Profesional: • <i>Project Brief</i> , Keperluan Keluasan Ruang (SOA), <i>Cost Estimate</i> , <i>Land Matters and Bid Document</i> • <i>Concept Master Plan</i> • <i>Design Audit</i> • Rundingan Harga • Penyeliaan Tapak Imbuan Balik Lain-Lain Kos	3.35	12.8.2003	1.37	*2.51
		1.6.2004	1.14	
		14.10.2010	0.62	0.62
		12.1.2011	0.22	0.22
<b>JUMLAH</b>				<b>3.35</b>

*Sumber: Perakuan Bayaran PMC*

*\* Nota: Jumlah bayaran sebelum kontrak ditandatangani*

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani perjanjian ini menyebabkan UniMAP tidak dapat mengambil sebarang tindakan sekiranya PMC gagal melaksanakan tanggungjawabnya dan kepentingan UniMAP tidak dapat dilindungi.

### **Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan Perunding Pengurusan Projek (PMC) telah dilantik oleh UniMAP (KUKUM) berdasarkan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Pihak Pengurusan Tertinggi UniMAP pada masa tersebut masih belum mempunyai kakitangan teknikal yang boleh memberikan nasihat berkaitan penyediaan perjanjian/kontrak yang formal antara PMC dan UniMAP. Surat Setuju Terima sahaja yang ada dan diguna pakai sebagai asas perjanjian dan skop kerja. Proses perbincangan telah diadakan dengan PMC bersama wakil KPT. Oleh kerana persetujuan berkaitan dengan PMC tidak dapat dicapai maka kes tersebut dirujuk kepada Kementerian Kewangan yang akhirnya dimuktamadkan pada 9 April 2008. Selepas itu perjanjian kontrak formal disediakan dan ditandatangani.*

#### **b. Surat Setuju Terima Lewat Dikeluarkan**

- i. Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2002, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga, tempoh siap dan lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh lima bulan selepas surat niat dikeluarkan bagi projek bernilai lebih daripada RM50 juta. Setelah Surat Niat dikeluarkan, kontraktor perlu menandatangani Surat Setuju Terima (SST) sebagai pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan.
- ii.. Semakan Audit mendapati rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap bagi Pakej 3B dan Pakej 4 telah lewat dimuktamadkan. Ini menyebabkan SST telah lewat dikeluarkan selama 20 bulan dan 14 bulan dari tarikh Surat Niat seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.8  
SURAT SETUJU TERIMA LEWAT DIKELUARKAN**

PAKEJ	TARIKH SURAT NIAT	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA SEPATUTNYA DIKELUARKAN	TEMPOH KELEWATAN (BULAN)
3B	1.8.2007	15.9.2009	1.1.2008	20
4	8.6.2007	21.1.2009	8.11.2007	14

Sumber: Surat Setuju Terima Dan Surat Niat

### **c. Tarikh Tandatangan Tiada Dalam Kontrak**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST bagi Pakej 3B telah dikeluarkan pada bulan September 2009. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh kelewatan kontrak ditandatangani kerana tarikh dokumen kontrak tidak dicatat.

**Pada pendapat Audit, dokumentasi kontrak adalah kurang memuaskan kerana rundingan dengan kontraktor lewat dimuktamadkan dan tidak ada tarikh kontrak ditandatangani. Dokumen kontrak adalah penting bagi memastikan kontraktor mematuhi semua kontrak yang ditetapkan bagi menjaga kepentingan UniMAP.**

**Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan proses mengemukakan semula tender, penilaian dan juga proses runding harga semula telah menyebabkan kontrak ini mengambil masa untuk dimuktamadkan. Seterusnya penyediaan kontrak dokumen juga lewat disediakan berikutan kelewatan memuktamadkan kontrak.*

#### **6.4.1.5 Kerja Pembinaan**

Mengikut syarat kontrak bagi Pakej 3B dan Pakej 4, UniMAP hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada kontraktor sebarang kecacatan dan ketidaksempurnaan atau kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati kontrak dalam tempoh tanggungan kecacatan. Kontraktor pula hendaklah memperbaiki semua kecacatan dan kerosakan dengan perbelanjaannya sendiri. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, UniMAP berhak meminta pihak lain melakukan kerja pembaikan dan memotong dari bon pelaksanaan kontraktor.

#### **a. Kualiti Pembinaan Tidak Memuaskan**


- i. Lawatan Audit pada 16 dan 17 Oktober 2012 di Kampus Tetap UniMAP mendapati kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan kerana kurang sempurna dan kurang kemas seperti terdapat resapan air di lantai, siling koridor tertanggal dan cat pudar. Pihak Audit juga mendapati pembinaan yang tidak sesuai dan praktikal untuk digunakan seperti pembinaan lurang di kawasan parkir dan pembinaan *scupper drain* yang tiada aras kedalaman. Butiran adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 6.9  
KUALITI KERJA PEMBINAAN TIDAK MEMUASKAN**

PAKEJ	LOKASI	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN
3B	Kompleks Dewan Kuliah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keretakan pada permukaan dinding Dewan Kuliah 6 seperti di <b>gambar 6.1</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tindakan belum diambil</li> </ul>
	Kompleks Sukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air bertakung di Gelanggang Futsal seperti di <b>gambar 6.2</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tindakan belum diambil</li> </ul>
	Perpustakaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laluan <i>Interlocking Paver</i> rosak seperti di <b>gambar 6.3</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laluan <i>Interlocking Paver</i> telah dibaiki seperti di <b>gambar 6.4</b></li> </ul>
4	PPK Mikroelektronik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cat pudar dan tidak kemas walaupun bangunan baru disiapkan pada bulan Mac 2012 seperti <b>gambar 6.5</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bangunan telah dicat semula pada bulan Jun 2013 seperti di <b>gambar 6.6</b></li> </ul>
	Pusat Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Resapan air membasahi lantai dan air bertakung di dalam soket elektrik seperti di <b>gambar 6.7</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tindakan telah diambil seperti di <b>gambar 6.8</b></li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Kedudukan pembinaan lurang yang tidak sesuai di kawasan parkir motosikal dan bahagian tepi lurang telah disimen seperti di <b>gambar 6.9</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tindakan telah diambil seperti di <b>gambar 6.10</b></li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan <i>Scupper Drain</i> yang tiada aras kedalaman seperti di <b>gambar 6.11</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tindakan telah diambil seperti di <b>gambar 6.12</b></li> </ul>

Sumber: Lawatan Audit Pada 16 dan 17 Oktober 2012.

**GAMBAR 6.1  
Keretakan Pada Permukaan Dinding  
Dewan Kuliah 6**



Lokasi: Kompleks Dewan Kuliah  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 6.2  
Air Bertakung Di Gelanggang Futsal**



Lokasi: Kompleks Sukan  
Tarikh: 17 Oktober 2012



**GAMBAR 6.3**  
Laluan *Interlocking Paver* Rosak



Lokasi: Perpustakaan  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 6.4**  
Laluan *Interlocking Paver* Yang Telah Dibaiki



Lokasi: Perpustakaan  
Tarikh: 28 Jun 2013

**GAMBAR 6.5**  
Cat Pudar Dan Tidak Kemas Walaupun Bangunan Baru Disiapkan Pada Bulan Mac 2012



Lokasi: PPK Mikroelektronik  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 6.6**  
Bangunan Telah Dicat Semula Pada Bulan Jun 2013




Lokasi: PPK Mikroelektronik  
Tarikh: 28 Jun 2013

**GAMBAR 6.7**  
Resapan Air Membasahi Lantai Dan Air Bertakung Di Dalam Soket Elektrik



Lokasi: Pejabat Pusat Kejuruteraan  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 6.8**  
Resapan Air Tidak Berlaku



Lokasi: Pejabat Pusat Kejuruteraan  
Tarikh: 28 Jun 2013



**GAMBAR 6.9**  
**Kedudukan Pembinaan Lurang Yang Tidak Sesuai Di Kawasan Parkir Motosikal Dan Bahagian Tepi Lurang Telah Disimen**



Lokasi: Parkir Pusat Kejuruteraan  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 6.10**  
**Pembinaan Manhole Di Kawasan Parkir Motosikal**



Lokasi: Parkir Pusat Kejuruteraan  
 Tarikh: 28 Jun 2013

**GAMBAR 6.11**  
**Pembinaan Scupper Drain Yang Tiada Aras Kedalaman**



Lokasi: Pusat Kejuruteraan  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 6.12**  
**Pembinaan Scupper Drain Yang Mempunyai Aras Kedalaman**



Lokasi: Pusat Kejuruteraan  
 Tarikh: 28 Jun 2013

Pada pendapat Audit, kualiti kerja kontraktor yang tidak sempurna dan tidak kemas disebabkan kurang pemantauan di tapak pembinaan. UniMAP hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan dengan segera bagi memastikan tahap keselamatan pengguna terjamin.

**Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan antara tindakan yang akan diambil adalah keretakan dinding Dewan Kuliah 6 akan dibaiki dan takungan air di gelanggang Futsal akan dibaiki dalam tempoh kecacatan. Di PPK Mikroelektronik, UniMAP telah mengecat sebahagian bangunan yang cat telah pudar dan tidak kemas dan JKR sedang memastikan pihak kontraktor membaiki kesan air di dinding dan lantai bangunan semasa dalam tempoh kecacatan. Selain itu, di Pusat*

**Kejuruteraan JKR sedang memastikan pihak kontraktor memperbaiki semua kecacatan semasa dalam tempoh kecacatan.**

**b. Peralatan Tidak Berfungsi Dengan Baik Dan Berbahaya**

- i. Setiap peralatan yang dibekalkan oleh kontraktor mestilah sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Pemeriksaan Audit pada 16 dan 17 Oktober 2012 terhadap peralatan yang dibekalkan untuk kegunaan Pakej 3B dan Pakej 4 mendapati 2 peralatan tidak berfungsi dengan baik dan berbahaya untuk digunakan. Tambahan pula beberapa kebakaran telah berlaku di bangunan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.10  
PERALATAN TIDAK BERFUNGSI DENGAN BAIK DAN BERBAHAYA**

LOKASI	PERALATAN	PENEMUAN AUDIT
Perpustakaan	<i>Chiller</i> jenama <i>Carrier</i> (Gambar 6.13)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegagalan <i>chiller</i> berfungsi menyebabkan penyaman udara berpusat bagi perpustakaan sering terganggu semasa beroperasi</li> <li>• Ini boleh menjejaskan sistem penghawa dingin di perpustakaan secara keseluruhannya.</li> <li>• <i>Chiller</i> tidak dapat berfungsi dengan baik disebabkan oleh masalah <i>water balancing</i>.</li> <li>• Kegagalan berfungsi ini dikesan bermula pada bulan Mac 2012 dan sehingga bulan Oktober 2012 masih belum dibaiki.</li> </ul>
Perpustakaan dan PPK Mikroelektronik	Lampu 2' x 4' jenama <i>DAVIS</i> (Gambar 6.14 dan 6.15)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lampu 2' x 4' terbakar menyebabkan kebakaran kecil di bangunan.</li> <li>• Sehingga bulan September 2012, sebanyak 3 kebakaran telah berlaku di PPK Mikroelektronik dan 3 kebakaran di Perpustakaan.</li> <li>• Perkara ini terjadi kerana terdapat komponen pada lampu tersebut melebur bila terbakar dan menimpa karpas.</li> <li>• Kejadian kebakaran lampu ini bermula pada bulan Mei 2012 dan sehingga bulan Oktober 2012 pihak kontraktor hanya memperbaiki lampu yang terbakar tetapi tidak membuat pemeriksaan secara menyeluruh bagi semua lampu.</li> </ul>

Sumber: Lawatan Audit Pada 16 dan 17 Oktober 2012.



**GAMBAR 6.13  
Kegagalan *Chiller* Ini Berfungsi  
Menyebabkan Penyaman Udara Sepusat  
Bagi Perpustakaan Sering Terganggu**

Lokasi: Perpustakaan  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 6.14**  
**Lampu Yang Terbakar Di**  
**PPK Mikroelektronik Dan Perpustakaan**



Lokasi: Perpustakaan dan PPK Mikroelektronik  
 Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 6.15**  
**Kapasitor Lampu Yang Baru Di**  
**PPK Mikroelektronik Dan Perpustakaan**



Lokasi: Perpustakaan dan PPK Mikroelektronik  
 Tarikh: 28 Jun 2013

Pada pendapat Audit, peralatan yang dibekalkan oleh kontraktor adalah tidak berkualiti dan boleh menjejaskan keselesaan serta membahayakan pengguna. Sehubungan itu, kontraktor perlu menukar atau membaiki peralatan yang rosak dengan kadar segera.

**Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan tindakan pembaikan chiller masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya dan Peringatan Pertama dan Kedua telah dikeluarkan kepada kontraktor. Manakala semua kapasitor bagi lampu jenama Davis telah ditukar oleh pembekal Davis dan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2013.*

**6.4.1.6 Pembinaan Kampus Tetap Tidak Mengikut Master Plan**

- a. Mengikut *Master Plan* yang disediakan pada bulan Mei 2005, UniMAP akan membina 25 bangunan yang terdiri daripada 9 bangunan akademik, 2 bangunan pentadbiran dan 14 bangunan sokongan. Sehingga bulan Oktober 2012, UniMAP telah menyiapkan 4 bangunan akademik dan 3 bangunan sokongan iaitu hanya 25% daripada yang ditetapkan di dalam *Master Plan*. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.11**  
**PEMBINAAN KAMPUS TETAP UNIMAP**

PERANCANGAN MENGIKUT <i>MASTER PLAN</i>	PELAKSANAAN SEBENAR
<b>ZON AKADEMIK</b>	
1. PPK Sistem Pembuatan 2. PPK Mekatronik 3. PPK Mikroelektrik 4. Pusat Kejuruteraan 5. PPK Perhubungan	1. PPK Sistem Pembuatan 2. PPK Mekatronik 3. PPK Mikroelektrik 4. Pusat Kejuruteraan

PERANCANGAN MENGIKUT <i>MASTER PLAN</i>	PELAKSANAAN SEBENAR
6. PPK Sistem Elektrik 7. Pusat Kemahiran Akademik 8. PPK Komputer 9. PPK Bahan	
<b>ZON PENTADBIRAN</b>	
1. Kompleks Bangunan Canselori 2. Bangunan Persatuan Pelajar dan Kakitangan	TIADA
<b>ZON SOKONGAN</b>	
1. Perpustakaan 2. Dewan Kuliah 3. Kompleks Sukan 4. Kolej Kediaman Pelajar 5. Pusat Komersial 6. Pusat Pelajar 7. Rumah Rektor 8. Rumah Kakitangan 9. Pusat ICT 10. Dewan Peperiksaan 11. Kafeteria 12. Jabatan Pembangunan 13. Pejabat Keselamatan 14. Pusat Islam	1. Perpustakaan 2. Dewan Kuliah 3. Kompleks Sukan

**Sumber:** *Master Plan Dan Kertas Taklimat Pengurusan Projek Pembangunan Kampus Tetap UniMAP*

- b. Berdasarkan kelulusan yang diperoleh daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), hanya 3 projek dilaksanakan bagi Pakej 3B berbanding 8 projek yang dirancang manakala bagi Pakej 4 hanya 2 projek dilaksanakan berbanding 3 projek yang dirancang. Permohonan telah dibuat oleh UniMAP bagi melaksanakan baki projek yang dirancang. Bagaimanapun, permohonan tersebut ditolak oleh UPE dan tiada projek baru diluluskan kerana kekangan peruntukan kewangan.
- c. Pembinaan Kolej Kediaman Pelajar tidak termasuk dalam Pakej 1 hingga Pakej 5 walaupun terdapat dalam *master plan*. Ini menyebabkan UniMAP menyewa bangunan lain untuk dijadikan tempat pembelajaran dan kolej kediaman pelajar sejak tahun 2002. Selain itu, UniMAP juga telah menyewa bas untuk pelajar berulang alik dari kolej kediaman ke tempat pengajian bagi memudahkan pergerakan pelajar.
- d. Semakan Audit mendapati UniMAP telah menanggung kos sewaan bangunan dan sewaan bas dari tahun 2002 hingga bulan September 2012 berjumlah RM138.40 juta. Kos sewaan bangunan meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2010 manakala kos sewaan bas juga meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2008. UniMAP juga terpaksa menggunakan peruntukan sedia ada disebabkan kos penempatan dan pengangkutan pelajar tidak diambil kira sebagai kos yang akan ditanggung di dalam harga kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.12  
SEWAAN BANGUNAN DAN BAS DARI TAHUN 2002 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2012**

TAHUN	SEWAAN (RM)		
	SEWA BILIK KULIAH/PUSAT PEMBELAJARAN (RM)	SEWA KOLEJ KEDIAMAN (RM)	SEWA BAS (RM)
2002	675,768	76,800	130,500
2003	2,836,132	657,120	267,000
2004	3,633,345	910,800	1,068,951
2005	5,261,408	2,233,062	1,173,790
2006	6,534,139	2,323,354	2,034,610
2007	7,240,644	4,657,558	2,479,630
2008	5,469,262	4,963,782	1,771,445
2009	9,572,649	5,120,530	2,979,600
2010	10,231,049	4,767,762	4,407,200
2011	14,934,908	5,492,785	4,984,100
September 2012	12,471,427	2,950,290	4,087,800
<b>JUMLAH</b>	<b>78,860,731</b>	<b>34,153,843</b>	<b>25,384,626</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>138,399,200</b>

Sumber: Ringkasan Kos Sewaan UniMAP

Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan Kampus Tetap UniMAP telah menyebabkan kos penyewaan kemudahan yang tinggi dibayar oleh UniMAP. Pembinaan kampus tetap ini penting disiapkan dengan cepat supaya pelajar mendapat kemudahan yang sepatutnya dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

**Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan pembinaan kampus induk UniMAP tidak dapat disiapkan sepenuhnya kerana peruntukan yang diterima secara berperingkat-peringkat mengikut Rancangan Malaysia. Peruntukan yang diterima pula mengikut agihan UPE dan tidak mencukupi untuk menyiapkan keseluruhan Kampus sekaligus. Skop asal dimohon oleh Crimson Network Sdn. Bhd. selaku Project Management Consultant berjumlah RM1.4 bilion pada tahun 2005. Bagaimanapun nilai peruntukan diperolehi adalah secara berperingkat sehingga bulan Jun 2013 berjumlah RM476.75 juta iaitu hanya 20% dari jumlah asal dimohon.*

**6.4.1.7 Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan**

Kontraktor hendaklah mendapatkan Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) daripada pihak berkuasa tempatan sebelum sesuatu bangunan dapat diduduki. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2012, CCC masih



belum diperoleh walaupun bangunan telah diduduki di Pakej 3B dan Pakej 4. Pakej 3B telah mengalami tempoh kelewatan mendapatkan CCC selama 9 bulan dan Pakej 4 selama 5 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.13**  
**KELEWATAN MENDAPATKAN PERAKUAN SIAP KERJA**  
**DAN PEMATUHAN SEHINGGA BULAN OKTOBER 2012**

PAKEJ	TARIKH MENDUDUKI BANGUNAN	TEMPOH LEWAT (BULAN)
Pakej 3B	Februari 2012	9
Pakej 4	Jun 2012	5

*Sumber: Perakuan Siap Kerja Praktikal Pakej 3B dan Pakej 4*

Pihak Audit berpendapat kelewatan kontraktor mendapat Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan boleh menjejaskan keselamatan pengguna terutamanya para pelajar.

**Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan semua kelulusan telah diperolehi kecuali kelulusan dari IWK. Pemeriksaan oleh IWK telah diadakan pada 11 Mac 2013 untuk kelulusan. Kelulusan gagal diperolehi kerana kerja-kerja sambungan paip pembetung oleh projek bangunan ICT. Perunding projek ICT sedang menyiapkan laporan ujian untuk diserahkan kepada IWK. Pemeriksaan untuk kelulusan IWK boleh dibuat semula selepas itu.*

**6.4.1.8 Soal Selidik Kepuasan Pelajar Mengenai Kemudahan dan Perkhidmatan di Kampus Tetap**


- a. Pihak Audit telah menjalankan soal selidik mengenai tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di PPK Mikroelektronik, Pusat Kejuruteraan, Perpustakaan, Kompleks Sukan dan Dewan Kuliah. Seramai 200 responden telah dipilih daripada pelajar yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan di Kampus Tetap Pauh Putra. Pihak Audit menggunakan skala 1 hingga 3 di dalam soal selidik tersebut iaitu skala 1 adalah tidak memuaskan, skala 2 adalah baik dan skala 3 adalah sangat baik. Sebanyak 9 kriteria telah dinilai bagi menentukan tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Kampus Tetap Pauh Putra. Kriteria yang dinilai adalah seperti berikut:
  - Pembinaan bangunan di PPK mikroelektronik adalah berkualiti (tiada keretakan, kebocoran, dan cat dinding pudar);
  - Kemudahan internet/rangkaian di perpustakaan adalah mencukupi;



- Bilangan soket elektrik dan pencahayaan/lampu di pusat sukan mencukupi;
- Kemudahan lain di pusat sukan seperti tandas, surau, tempat letak kereta dan landskap mencukupi;
- Gelanggang yang disediakan di pusat sukan adalah mencukupi;
- Gelanggang yang disediakan di pusat sukan digunakan pada tahap optimum;
- Peralatan kerusi dan meja di dewan kuliah yang dibekalkan adalah berkualiti, sesuai dan mencukupi;
- Peralatan dan keperluan amali di dewan kuliah mencukupi dan beroperasi sepenuhnya; dan
- Tahap kepuasan pengguna secara keseluruhan

b. Hasil analisis terhadap 200 responden mendapati secara purata 55.6% pelajar berpendapat bahawa kemudahan dan perkhidmatan di Kampus Tetap UniMAP adalah tidak memuaskan, 31% pelajar berpendapat kemudahan dan perkhidmatan adalah baik dan 13.4% pelajar berpendapat ia sangat baik. Butiran lanjut penilaian bagi 9 kriteria penilaian adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 6.3**  
**TAHAP KEPUASAN PELAJAR TERHADAP KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIKAN DI KAMPUS TETAP UNIMAP**



Sumber: Berdasarkan soal selidik terhadap 200 responden

**Petunjuk:**

- (%)
- A - Pembinaan Bangunan Di PPK Mikroelektronik Adalah Berkualiti (Tiada Keretakan, Kebocoran, Dan Cat Dinding Pudar)
  - B - Kemudahan Internet/Rangkaian Di Perpustakaan Adalah Mencukupi
  - C - Bilangan Soket Elektrik Dan Pencahayaan/Lampu Di Pusat Sukan Mencukupi
  - D - Kemudahan Lain Di Pusat Sukan Seperti Tandas, Surau, Tempat Letak Kereta Dan Lanskap Mencukupi
  - E - Gelanggang Yang Disediakan Di Pusat Sukan Adalah Mencukupi
  - F - Gelanggang Yang Disediakan Di Pusat Sukan Digunakan Pada Tahap Optimum
  - G - Peralatan Kerusi Dan Meja Di Dewan Kuliah Yang Dibekalkan Adalah Berkualiti, Sesuai Dan Mencukupi
  - H - Peralatan Dan Keperluan Amali Di Dewan Kuliah Mencukupi Dan Beroperasi Sepenuhnya
  - I - Tahap Kepuasan Pengguna Secara Keseluruhan

- c. Berdasarkan kriteria penilaian yang digunakan hanya satu kriteria penilaian yang baik iaitu kemudahan internet/rangkaian di Perpustakaan manakala 8 kriteria penilaian menunjukkan tidak memuaskan. Secara keseluruhannya, sebanyak 86.6% atau lebih separuh responden tidak berpuas hati terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di kampus tetap UniMAP.

**Pada pendapat Audit, maklum balas daripada pengguna amat penting bagi menganalisis tahap kepuasan pengguna UniMAP. Selain itu, UniMAP boleh mengenal pasti segala kelemahan dan mengambil tindakan untuk memperbaikinya. Pemantauan secara berterusan perlu dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dapat diguna dengan sepenuhnya.**

#### **Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan Pusat Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) telah membuat kajian tahap kepuasan mahasiswa pada tahun 2012 yang lalu. Ianya dilaksanakan melalui portal UniMAP dan dibuka selama 2 minggu. Hasil kajian mendapati sebanyak 73.9% para pelajar berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Kampus UniMAP. Bilangan responden adalah 984 orang. UniMap akan memastikan kemudahan para pelajar dipertingkatkan dari masa ke semasa bergantung kepada peruntukan yang diterima.*

#### **6.4.1.9 Pemantauan**

Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Pihak Audit mendapati UniMAP telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap projek pembinaan kampus tetap UniMAP di pelbagai peringkat. Kemajuan pelaksanaan projek dan masalahnya dibincangkan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti dan pihak pengurusan UniMAP. Di samping itu, pemantauan melalui mesyuarat tapak, laporan mingguan pengurusan projek, buku harian tapak dan lawatan fizikal juga ada dibuat semasa projek dalam pelaksanaan. Bagaimanapun, kelemahan pelaksanaan dan tindakan terhadap pemantauan menyebabkan projek lewat disiapkan. Kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan, tidak sempurna dan tidak kemas. Peralatan yang dibekalkan juga rosak dan tidak selamat untuk digunakan.

#### **Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.**

*UniMAP memaklumkan Projek Pakej 3B dan pakej 4 merupakan projek design & build secara rundingan terus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dimana pemantauan dan pengawasan projek dilakukan oleh perunding-*

*perunding yang dilantik oleh pihak kontraktor. Pemantauan di tapak, kelulusan bahan dan kemajuan kerja dan kualiti kerja kontraktor adalah di bawah tanggungjawab pihak perunding yang telah dilantik oleh kontraktor. Pihak UniMAP selaku pelanggan dan pengurusan projek berperanan untuk membuat pemantauan dan pengauditan projek dengan mengeluarkan audit-audit pemantauan dan NCR projek di mana perunding perlu memastikan ianya di laksana dengan baik.*

## **6.5. SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan supaya UniMAP dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1 UniMAP perlu merancang dan membuat pemantauan dengan teliti pada setiap projeknya supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, berdasarkan peruntukan yang diluluskan dan pembinaan dilaksanakan dengan berkualiti.

6.5.2 UniMAP hendaklah memastikan permohonan dan kelulusan lanjutan masa adalah sebelum tempoh kontrak siap seperti yang ditetapkan di dalam kontrak bagi memastikan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan yang dikenakan adalah tepat.

6.5.3 UniMAP perlu membuat pemeriksaan semula terhadap kerja kontraktor dan kecacatan yang telah diperbaiki bagi memastikan kontraktor melakukan pembaikan segera terhadap semua kecacatan yang masih belum diperbaiki.

6.5.4 UPE perlu mempertimbangkan Master Plan pembinaan kampus tetap UniMAP supaya kos sewaan bangunan dan pengangkutan dapat diijimatkan.

6.5.5 UniMAP hendaklah memastikan peranan setiap pihak dalam jawatankuasa adalah jelas dan lebih fokus kepada pemantauan, pengesahan kerja dan lawatan fizikal.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

# LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

## 7. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN FELDAJAYA

### 7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956. FELDA berperanan sebagai *Development Authority* seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Objektif penubuhannya adalah untuk menjadikan FELDA sebagai peneraju industri sawit dan menjadikan warga peneroka berpendapatan tinggi melalui pengeluaran hasil kebun yang tinggi, penyediaan kemudahan dan infrastruktur, peningkatan potensi dan kualiti modal insan, mewujudkan budaya inovasi dan kreativiti serta mempelbagaikan sumber ekonomi.

7.1.2 Selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga FELDA pada tahun 2002 untuk meningkatkan potensi pembangunan di tanah rancangan, FELDA telah membangunkan pusat pertumbuhan dan industri baru yang dikenali sebagai FELDAjaya. Ia merangkumi penempatan moden dilengkapi rumah kediaman, kawasan rekreasi, premis perniagaan dan lain-lain perkhidmatan sebagaimana yang terdapat di kawasan bandar.

7.1.3 Objektif FELDAjaya adalah untuk memberi peluang kepada warga FELDA terutama generasi peneroka menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik serta berpotensi menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan moden. Pihak yang terlibat secara langsung dengan pengurusan projek pembangunan FELDAjaya adalah seperti berikut:

**JADUAL 7.1**  
**AGENSI/SYARIKAT YANG TERLIBAT DENGAN PROJEK FELDAJAYA**

AGENSI/SYARIKAT	TANGGUNGJAWAB
Jabatan Tanah FELDA	Bertanggungjawab dalam menguruskan pembangunan projek hingga projek siap sepenuhnya.
Felda Properties Sdn. Berhad (FPROP)	Dilantik sebagai perunding pengurusan projek menggantikan FESSB pada tahun 2005 dan bertanggungjawab dalam aspek pemasaran, penjualan rumah banglo serta rumah kedai. FPROP juga bertanggungjawab sebagai ejen bagi mengutip sewa rumah banglo.
Felda Engineering Services Sdn. Berhad (FESSB)	Bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan di FELDAjaya. FESSB juga bertanggungjawab sebagai ejen bagi mengutip sewa rumah kedai, hentian bas dan medan selera.

Sumber: Jabatan Tanah FELDA

7.1.4 Projek Pembangunan FELDAjaya mula dilaksanakan pada tahun 2003 dan terdapat 3 projek FELDAjaya dibangunkan iaitu FELDAjaya Mempaga di Pahang, FELDAjaya Raja Alias di Negeri Sembilan dan FELDAjaya Trolak di Perak dengan keluasan 417.77 ekar melibatkan kos pembangunan berjumlah RM206.62 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.2  
PROJEK FELDAJAYA**

FELDAJAYA	TAHUN SIAP	KELUASAN (Ekar)	KOS (RM Juta)
Mempaga	2006	121.59	65.84
Raja Alias	2007	207.12	73.94
Trolak	2007	89.06	66.84
<b>JUMLAH</b>		<b>417.77</b>	<b>206.62</b>

*Sumber: Jabatan Tanah FELDA*

## 7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pembangunan FELDAjaya dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## 7.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penyenggaraan projek pembangunan FELDAjaya. Pemeriksaan dibuat terhadap dokumen kontrak, fail, minit mesyuarat, rekod dan dokumen berkaitan bagi tahun 2010 sehingga 2012 di Jabatan Kewangan dan Jabatan Tanah di FELDA, FPROP, FESSB serta pejabat FESSB Cawangan Bentong, Jempol dan Trolak. Di samping itu, temu bual dibuat bersama pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan projek berkenaan. Lawatan fizikal juga dibuat di FELDAjaya Mempaga, FELDAjaya Raja Alias dan FELDAjaya Trolak.

## 7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 sehingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan projek pembangunan FELDAjaya adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan projek pembangunan FELDAjaya adalah seperti berikut:

- i. Kajian kemungkinan dijalankan selepas projek pembinaan dimulakan menyebabkan projek FELDAjaya tidak berdaya maju.

- ii. Kesemua 80 lot pasar awam dan 16 lot hentian bas di FELDAjaya Raja Alias dan Trolak dibina dengan kos sejumlah RM2.22 juta serta 10 lot medan selera di semua FELDAjaya tidak mempunyai penyewa.
- iii. Tunggakan bayaran sewa bulanan bagi rumah banglo, rumah kedai, medan selera dan hentian bas sejumlah RM1.31 juta. Tempoh tunggakan tertinggi adalah 72 bulan.
- iv. Perjanjian Kediaman FELDAjaya tidak dipatuhi oleh pembeli di mana 22 buah rumah kediaman dijadikan premis perniagaan dan 40 buah rumah kediaman diubahsuai tanpa kebenaran.
- v. Projek pembangunan di FELDAjaya Trolak dijalankan di atas tanah pertanian yang belum ditukar status kepada tanah pembangunan. Pembeli rumah masih belum menerima kelulusan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan akibat status tanah tersebut.
- vi. Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyenggaraan tidak diperbaharui menyebabkan tunggakan tuntutan kerja penyenggaraan oleh FESSB sejumlah RM330,924.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### **7.4.1 Kajian Kemungkinan Dijalankan Selepas Projek Pembinaan Dimulakan**

7.4.1.1 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1992 menghendaki kajian kemungkinan dijalankan sebelum projek pembangunan dilaksanakan. Kajian ini meliputi analisis yang boleh dipertimbangkan sama ada sesuatu projek itu berdaya maju seperti mana yang ditetapkan dalam dokumen projek. Analisis ini perlu mengambil kira kesan terhadap alam sekitar, kewangan, ekonomi dan sosial. FESSB telah dilantik sebagai Perunding Pengurusan Projek yang bertanggungjawab mendapatkan kelulusan yang diperlukan untuk memulakan projek pembangunan, mengurus, mengawasi projek yang dilaksanakan oleh kontraktor dan memastikan Sijil Layak Menduduki diperoleh.

7.4.1.2 Semakan Audit mendapati projek pembinaan FELDAjaya Mempaga telah dimulakan pada bulan Mei 2003 manakala FELDAjaya Raja Alias dan Trolak pada bulan Julai 2003. Bagaimanapun, kajian kemungkinan hanya dijalankan pada bulan Jun 2004 iaitu lewat masing-masing 14 dan 12 bulan.

7.4.1.3 Semakan Audit selanjutnya terhadap kajian kemungkinan yang dijalankan di FELDAjaya Raja Alias dan Trolak mendapati projek tersebut adalah tidak berdaya maju. Ini disebabkan tiada faktor pemangkin kepada pembangunan seperti pembinaan institut penyelidikan berkaitan pertanian dan perubatan, institusi pendidikan dan pembangunan pelancongan. Selain itu, kajian yang dijalankan di FELDAjaya Trolak mendapati permintaan pasaran



sedia ada kurang berbanding pembangunan yang dirancang manakala sehingga kini, FELDA masih belum mengemukakan kajian kemungkinan bagi FELDAjaya Mempaga.

Pada pendapat Audit, kajian kemungkinan hendaklah dijalankan sebelum projek dimulakan supaya FELDA boleh membuat keputusan yang lebih tepat sebelum memulakan projek untuk mengelakkan projek yang tidak berdaya maju dibangunkan dan memastikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

***Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.***

***FELDA memaklumkan pembinaan MRSM FELDA Trolak menyumbang kemajuan pembangunan di FELDAjaya tersebut. Lokasi FELDAjaya Raja Alias adalah sangat strategik kerana terletak di kawasan Majlis Daerah Jempol. Sementara di FELDAjaya Mempaga pula, terdapat pembangunan tambahan 48 unit kuarters kakitangan FELDA dan pembinaan serta pembukaan Kompleks Penjara Mempaga dan Sekolah Berasrama Penuh Berintergrasi Mempaga.***

**7.4.2 Kemudahan Yang Disediakan Tiada Penyewa**

7.4.2.1 Setiap kemudahan yang dibina hendaklah dirancang dengan teliti untuk mengelakkan pembaziran, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Mengikut perjanjian, kontraktor yang dilantik perlu membina kemudahan antaranya 80 lot pasar awam, 24 lot hentian bas dan 30 lot medan selera di kesemua FELDAjaya dengan kos berjumlah RM4.77 juta.

7.4.2.2 Semakan Audit mendapati kesemua 80 lot pasar awam dan 16 lot hentian bas di FELDAjaya Raja Alias dan Trolak dibina dengan kos sejumlah RM2.22 juta serta 10 lot medan selera di semua FELDAjaya tidak mempunyai penyewa. Bagaimanapun, 7 lot hentian bas di FELDAjaya Mempaga telah disewakan walaupun selain daripada pengusaha bas. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.3  
STATUS SEWAAN KEMUDAHAN DI FELDAJAYA**

FELDAJAYA	PASAR AWAM			HENTIAN BAS			MEDAN SELERA		
	BINA	SEWA	TIDAK DISEWA	BINA	SEWA	TIDAK DISEWA	BINA	SEWA	TIDAK DISEWA
Mempaga	-	-	-	8	7	1	10	9	1
Raja Alias	40	0	40	8	0	8	10	1	9
Trolak	40	0	40	8	0	8	10	10	0
<b>JUMLAH</b>	<b>80</b>	<b>0</b>	<b>80</b>	<b>24</b>	<b>7</b>	<b>17</b>	<b>30</b>	<b>20</b>	<b>10</b>

Sumber: Felda Engineering Services Sdn. Berhad

7.4.2.3 Lawatan Audit ke FELDAjaya Raja Alias dan FELDAjaya Trolak mendapati pasar awam, hentian bas dan medan selera yang dibina tidak mempunyai penyewa seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 7.1**  
**Pasar Awam Yang Tiada Penyewa**



Lokasi: FELDAjaya Raja Alias, Negeri Sembilan  
Tarikh: 19 Disember 2012

**GAMBAR 7.2**  
**Pasar Awam Yang Tiada Penyewa**



Lokasi: FELDAjaya Trolak, Perak  
Tarikh: 7 Disember 2012

**GAMBAR 7.3**  
**Hentian Bas Yang Tiada Penyewa**



Lokasi: FELDAjaya Raja Alias, Negeri Sembilan  
Tarikh: 19 Disember 2012

**GAMBAR 7.4**  
**Hentian Bas Yang Tiada Penyewa**



Lokasi: FELDAjaya Trolak, Perak  
Tarikh: 7 Disember 2012



**GAMBAR 7.5**  
**Medan Selera Yang Tiada Penyewa**

Lokasi: FELDAjaya Raja Alias  
Tarikh: 19 Disember 2012

7.4.2.4 Semakan selanjutnya mendapati hanya satu daripada 10 lot medan selera di FELDAjaya Raja Alias yang disewakan. Ini disebabkan kedudukannya yang tidak strategik iaitu bertentangan dengan medan selera sedia ada yang lebih mudah diakses dan bersebelahan dengan jalan utama.

**Pada pendapat Audit, kemudahan awam yang tidak digunakan sepenuhnya menyebabkan pembaziran dan kerugian hasil kepada FELDA.**

***Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.***

*FELDA memaklumkan pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh FESSB untuk mendapatkan penyewa seperti menawarkan sewa percuma selama 3 bulan dan menganjurkan program seperti karnival jualan, karnival belia dan program gerbang malam (uptown) bagi menjemput peniaga berpotensi untuk berniaga dan menarik orang ramai ke tempat tersebut. Bagaimanapun ia hanya dianjurkan secara berkala dan tidak menjamin penyewaan secara berterusan. FELDA juga bercadang untuk membina stesen minyak dan Kompleks Transformasi Luar Bandar.*

**7.4.3 Prestasi Kutipan Sewa Bulanan**

7.4.3.1 Pembangunan projek FELDAjaya merangkumi pembinaan rumah banglo dan rumah kedai untuk dijual serta kemudahan seperti pasar awam, hentian bas dan medan selera keseluruhannya sebanyak 420 unit. Kesemua rumah banglo dan 27 rumah kedai dijual secara sewa beli kepada warga peneroka dan kakitangan FELDA manakala 3 rumah kedai dan kemudahan lain disewakan kepada pengusaha perniagaan yang terpilih. Sehingga 31 Disember 2012, status jualan/sewaan rumah banglo, rumah kedai dan kemudahan di kesemua FELDAjaya adalah seperti berikut:

**JADUAL 7.4  
STATUS JUALAN/SEWAAN RUMAH BANGLO DAN KEMUDAHAN DI FELDAJAYA  
SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

FELDAJAYA	UNIT (Bil.)				LOT (Bil.)						JUMLAH	
	RUMAH BANGLO		RUMAH KEDAI		MEDAN SELERA		PASAR AWAM		HENTIAN BAS			
	BINA	JUAL	BINA	JUAL/SEWA	BINA	SEWA	BINA	SEWA	BINA	SEWA	BINA	JUAL/SEWA
Mempaga	100	100	10	9/1	10	9	-	-	8	7	128	126
Raja Alias	88	88	10	9/1	10	1	40	0	8	0	156	99
Trolak	68	68	10	9/1	10	10	40	0	8	0	136	88
<b>JUMLAH</b>	<b>256</b>	<b>256</b>	<b>30</b>	<b>30</b>	<b>30</b>	<b>20</b>	<b>80</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>7</b>	<b>420</b>	<b>313</b>

Sumber: Felda Properties Sdn. Berhad

7.4.3.2 Mengikut perjanjian, ejen bertanggungjawab mengutip bayaran sewaan dan senggaraan rumah banglo, rumah kedai, medan selera dan hentian bas secara bulanan pada atau sebelum hari ketujuh setiap bulan. Sekiranya pembeli gagal membuat bayaran bulanan selepas 14 hari daripada tempoh yang ditetapkan, ejen boleh memberi tempoh satu bulan notis kepada pembeli untuk mengosongkan premis tersebut dan berhak melupuskan bayaran deposit. Sehingga 31 Disember 2012, jumlah keseluruhan tunggakan bagi FELDAjaya adalah RM1.31 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.5**  
**TUNGGAKAN KESELURUHAN FELDAJAYA SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

FELDAJAYA KEMUDAHAN	TUNGGAKAN (RM)			JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
	MEMPAGA	RAJA ALIAS	TROLAK	
Rumah Banglo	783,475	300,350	181,900	1,265,725
Rumah Kedai	22,400	2,400	3,250	28,050
Medan Selera	9,900*	400	5,825	16,125
Hentian Bas	1,900	-	-	1,900
<b>JUMLAH</b>	<b>817,675</b>	<b>303,150</b>	<b>190,975</b>	<b>1,311,800</b>

Sumber: *Felda Properties Sdn. Berhad dan Felda Engineering Services Sdn. Berhad*  
Nota: \*Tunggakan yang dikira adalah dari tahun 2011 dan 2012 sahaja

### 7.4.3.3 Tunggakan Kutipan Bulanan Rumah Banglo

a. Perjanjian sewaan menetapkan bayaran bulanan sejumlah RM400 dan RM50 bagi sewaan dan senggaraan. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan kutipan bulanan rumah banglo bagi kesemua FELDAjaya sejak diduduki sehingga 31 Disember 2012 adalah RM1.23 juta bagi sewaan atau 45.9% daripada sepatutnya diterima dan RM39,010 atau 28.6% bagi senggaraan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.6**  
**TUNGGAKAN KUTIPAN BULANAN RUMAH BANGLO**  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

FELDAJAYA	SEPATUT DITERIMA (RM)		DITERIMA (RM)		TUNGGAKAN (RM)	
	SEWAAN	SENGGARAAN	SEWAAN	SENGGARAAN	SEWAAN	SENGGARAAN
Mempaga	1,440,000	61,010	675,285	42,250	764,715	18,760
Raja Alias	826,400	25,650	530,800	20,900	295,600	4,750
Trolak	406,000	49,850	239,600	34,350	166,400	15,500
<b>JUMLAH</b>	<b>2,672,400</b>	<b>136,510</b>	<b>1,445,685</b>	<b>97,500</b>	<b>1,226,715</b>	<b>39,010</b>

Sumber: *Felda Properties Sdn. Berhad*

b. Analisis pengumuman terhadap tunggakan kutipan sewaan bulanan menunjukkan tempoh tunggakan tertinggi adalah melebihi 37 bulan iaitu sejumlah RM908,750. FELDAjaya Mempaga mencatatkan jumlah tunggakan

sewaan tertinggi berjumlah RM764,715 berbanding FELDAjaya lain. Ini disebabkan tiada pemantauan kutipan bulanan dibuat oleh FPROP dan tiada tindakan penguatkuasaan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.7  
ANALISIS PENGUMURAN TUNGGAKAN  
KUTIPAN SEWAAN BULANAN RUMAH BANGLO**

FELDAJAYA	TUNGGAKAN BULANAN					JUMLAH (RM)
	1 - 6 (RM)	7 - 12 (RM)	13 - 24 (RM)	25 - 36 (RM)	37 - 72 (RM)	
Mempaga	17,200	14,400	46,400	49,165	637,550	764,715
Raja Alias	16,400	26,800	47,600	42,800	162,000	295,600
Trolak	5,200	23,200	15,600	13,200	109,200	166,400
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>38,800</b>	<b>64,400</b>	<b>109,600</b>	<b>105,165</b>	<b>908,750</b>	<b>1,226,715</b>

Sumber: *Felda Properties Sdn. Berhad*

#### 7.4.3.4 Tunggakan Kutipan Bulanan Rumah Kedai

a. FELDA menyediakan 10 lot rumah kedai di setiap FELDAjaya dan hanya satu lot yang disewakan manakala selebihnya telah dijual. Kadar sewaan dan senggaraan bulanan rumah kedai adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.8  
KADAR SEWAAN DAN SENGGARAAN BULANAN RUMAH KEDAI**

FELDAJAYA	PENYEWAJA	KADAR BULANAN (RM)	
		SEWAAN	SENGGARAAN
Mempaga	Sawari Cafe & Bakery	800	-
Raja Alias	Felda Palm Industries Sdn. Berhad	1,200	-
Trolak	Sawari Cafe & Bakery	600	50

Sumber: *Felda Engineering Services Sdn. Berhad*

b. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, tunggakan kutipan bulanan rumah kedai di semua FELDAjaya berjumlah RM28,050 atau 29.4% berbanding kutipan yang sepatutnya diterima. Semakan selanjutnya mendapati penyewa rumah kedai di FELDAjaya Mempaga tidak membuat bayaran sewaan selama 28 bulan dari bulan September 2010 sehingga Disember 2012. Bagaimanapun, FESSB tidak mengeluarkan notis pengosongan rumah kedai sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian sewa. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.9  
TUNGGAKAN KUTIPAN BULANAN  
RUMAH KEDAI SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

FELDAJAYA	SEPATUT DITERIMA (RM)		DITERIMA (RM)		TUNGGAKAN (RM)	
	SEWAAN	SENGGARAAN	SEWAAN	SENGGARAAN	SEWAAN	SENGGARAAN
Mempaga	28,800	-	6,400	-	22,400	-
Raja Alias	43,200	-	40,800	-	2,400	-
Trolak	21,600	1,800	18,600	1,550	3,000	250
<b>JUMLAH</b>	<b>93,600</b>	<b>1,800</b>	<b>65,800</b>	<b>1,550</b>	<b>27,800</b>	<b>250</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>95,400</b>		<b>67,350</b>		<b>28,050</b>	

Sumber: Felda Engineering Services Sdn. Berhad

**7.4.3.5 Tunggakan Kutipan Bulanan Medan Selera**

a. FELDA menyediakan 30 lot medan selera untuk disewakan di semua FELDAjaya. Bagaimanapun, sebanyak 20 lot telah disewakan. Kadar sewaan dan senggaraan bulanan medan selera adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.10  
KADAR SEWAAN BULANAN MEDAN SELERA**

FELDAJAYA	KADAR BULANAN (RM)		
	LOT 1 DAN 10	LOT 2 HINGGA 9	SENGGARAAN
Mempaga	250	200	-
Raja Alias	250	200	-
Trolak	125	100	50

Sumber: Felda Engineering Services Sdn. Berhad

b. Semakan Audit mendapati tunggakan kutipan bulanan medan selera bagi kesemua FELDAjaya berjumlah RM16,125 dengan tunggakan tertinggi sejumlah RM9,900 oleh penyewa medan selera di FELDAjaya Mempaga seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.11  
TUNGGAKAN KUTIPAN BULANAN  
MEDAN SELERA SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

FELDAJAYA	TUNGGAKAN (Bulan)	TUNGGAKAN (RM)		
		SEWA	SENGGARAAN	JUMLAH
Mempaga	43	9,900*	-	9,900
Raja Alias	2	400	-	400
Trolak	37	3,975	1,850	5,825
<b>JUMLAH</b>	<b>82</b>	<b>14,275</b>	<b>1,850</b>	<b>16,125</b>

Sumber: Felda Engineering Services Sdn. Berhad

Nota: \* Tunggakan yang dikira adalah dari tahun 2011 dan 2012 sahaja



#### 7.4.3.6 Tunggakan Sewaan Hentian Bas

a. Perjanjian sewaan menetapkan bayaran sewaan sejumlah RM100 sebulan bagi setiap lot hentian bas. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, FELDAjaya Mempaga mempunyai tunggakan sewaan sejumlah RM1,900 bagi 7 lot hentian bas.

**Pada pendapat Audit, FELDA tidak memantau dengan berkesan prestasi kutipan sewaan oleh ejen yang dilantiknya dan telah menyebabkan tunggakan sewaan yang tinggi.**

#### ***Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.***

***FELDA memaklumkan telah mengadakan perbincangan bersama antara FESSB, FELDA Wilayah dan penyewa bagi mengutip sewa yang tertunggak. Penyewa rumah kedai tidak dapat menjelaskan sewa bulanan berikutan lebih pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menjelaskan kadar sewa. Sehingga kini, terdapat penurunan tunggakan sewa kerana penyewa telah memberi komitmen untuk membayar balik tunggakan tersebut. FELDA juga memaklumkan kertas cadangan potongan bayaran bulanan telah disediakan dan draf perjanjian pinjaman sedang disemak oleh Bahagian Perundangan FELDA.***

#### 7.4.4 Perjanjian Kediaman Rumah Banglo Tidak Dipatuhi

##### 7.4.4.1 Ubahsuai Luaran Rumah Tanpa Kelulusan

a. Mengikut Perjanjian Kediaman FELDAjaya, pembeli rumah banglo dilarang membuat sebarang ubahsuai di bahagian luar rumah termasuk membina pagar kekal, pondok atau garaj tanpa kebenaran daripada FELDA. Hasil lawatan Audit di kesemua FELDAjaya mendapati 40 rumah banglo telah diubahsuai tanpa kebenaran FELDA antaranya seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 7.6**  
**Reka Bentuk Asal Rumah Banglo FELDAjaya**

Lokasi: FELDAjayaTrolak  
Tarikh: 12 Disember 2012

**GAMBAR 7.7**  
**Pembinaan Pagar Rumah Tanpa Kebenaran**



Lokasi: FELDAjaya Mempaga, Pahang  
Tarikh: 12 Disember 2012

**GAMBAR 7.8**  
**Pembinaan Pagar Rumah Tanpa Kebenaran**



Lokasi: FELDAjaya Mempaga, Pahang  
Tarikh: 12 Disember 2012

**GAMBAR 7.9**  
**Ubahsuai Rumah Tanpa Kebenaran**



Lokasi: FELDAjaya Raja Alias, Negeri Sembilan  
Tarikh: 19 Disember 2012

**GAMBAR 7.10**  
**Ubahsuai Rumah Tanpa Kebenaran**



Lokasi: FELDAjaya Raja Alias, Negeri Sembilan  
Tarikh: 19 Disember 2012

**GAMBAR 7.11**  
**Ubahsuai Rumah Tanpa Kebenaran**



Lokasi: FELDAjaya Raja Alias, Negeri Sembilan  
Tarikh: 19 Disember 2012

**GAMBAR 7.12**  
**Ubahsuai Rumah Tanpa Kebenaran**



Lokasi: FELDAjaya Raja Alias, Negeri Sembilan  
Tarikh: 19 Disember 2012



**GAMBAR 7.13**  
**Ubahsuai Rumah Tanpa Kebenaran**

Lokasi: FELDAjaya Trolak, Perak  
Tarikh: 5 Disember 2012

#### 7.4.4.2 Rumah Banglo Dijadikan Premis Perniagaan

a. Mengikut Perjanjian Kediaman FELDAjaya, pembeli rumah banglo tidak dibenar menjadikan tempat tinggal sebagai premis perniagaan. Semakan Audit mendapati 21 unit rumah banglo telah dijadikan *homestay* iaitu sebanyak 6 unit di FELDAjaya Mempaga, 5 di FELDAjaya Raja Alias dan 10 di FELDAjaya Trolak. Selain itu, sebuah rumah banglo di FELDAjaya Mempaga telah dijadikan pusat rawatan kecantikan. Antara rumah banglo yang dijadikan premis perniagaan adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 7.14**  
**Rumah Banglo Dijadikan *Homestay***



Lokasi: FELDAjaya Trolak, Perak  
Tarikh: 5 Disember 2012



**GAMBAR 7.15**  
Rumah Banglo Dijadikan *Homestay*



Lokasi: FELDAjaya Trolak, Perak  
Tarikh: 5 Disember 2012

**GAMBAR 7.16**  
Rumah Banglo Dijadikan Pusat Rawatan Kecantikan



Lokasi: FELDAjaya Mempaga, Pahang  
Tarikh: 12 Disember 2012

**Pada pendapat Audit, FELDA tidak menguatkuasakan Perjanjian Kediaman terhadap pembeli yang mengubahsuai rumah banglo tanpa kelulusan FELDA selain menjadikan kediaman sebagai premis perniagaan.**

***Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.***

***FELDA memaklumkan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan akan diadakan bagi membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan.***

#### **7.4.5 Permohonan Pertukaran Status Tanah FELDAjaya Trolak Belum Diluluskan**

7.4.5.1 Mengikut Seksyen 115(1)(a) dan 115(4) Kanun Tanah Negara 1965, tanah yang tertakluk kepada kategori pertanian tidak boleh dibina struktur

bangunan selain daripada bangunan yang berkaitan dengan tujuan pertanian atau maksud yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 124(1)(a) pula menyatakan sebarang permohonan bagi perubahan kategori penggunaan tanah boleh dibuat oleh pemilik tanah dan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu, Seksyen 127(1A)(b) menyatakan pelanggaran syarat tanah boleh menyebabkan denda RM100 sehari dikenakan bermula daripada tarikh projek dimulakan sehingga pertukaran status tanah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

7.4.5.2 Semakan Audit mendapati FELDAjaya Trolak dibangunkan di atas tanah milik FELDA yang masih berstatus tanah pertanian. FELDA telah mengemukakan permohonan pertukaran status tanah pertanian kepada tanah pembangunan kepada Majlis Daerah Tapah (MDT). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan status permohonan tersebut. Berdasarkan perkiraan Audit, FELDA boleh dikenakan denda sejumlah RM353,300 oleh MDT iaitu bermula 2 Mei 2003 sehingga 31 Disember 2012.

7.4.5.3 Kelewatan kelulusan menukar status tanah di FELDAjaya Trolak menyebabkan FELDA terpaksa menyediakan kemudahan kepada 28 pembeli rumah banglo untuk membuat bayaran secara sewa beli sejumlah RM400 sebulan. Ini disebabkan pembeli rumah banglo tidak berjaya membuat pinjaman perumahan daripada institusi kewangan kerana status tanah yang masih belum ditukar kepada tanah pembangunan. Berdasarkan perkiraan Audit, FELDA sepatutnya menerima RM5.13 juta sekiranya kesemua pembeli dapat membuat pembiayaan daripada institusi kewangan.

**Pada pendapat Audit, FELDA perlu mendapatkan kelulusan pertukaran status tanah daripada MDT terlebih dahulu sebelum pembangunan FELDAjaya Trolak bagi mematuhi Seksyen 115 Kanun Tanah Negara 1965.**

#### **7.4.6 Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyenggaraan Tidak Ditandatangani**

7.4.6.1 FELDA telah melantik FPROP sebagai ejen bagi menjalankan kerja perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan di FELDAjaya Mempaga untuk tempoh 1 Jun 2006 sehingga 31 Mei 2010 manakala FELDAjaya Raja Alias dan Trolak bermula pada 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2010. FPROP bertanggungjawab mentadbir, mengurus dan memberi perkhidmatan antaranya menyenggara dan membaik pulih jalan raya, menyenggara bangunan dan infrastruktur, mengutip sewa serta membersihkan dan membaikpulihan kemudahan awam di persekitaran FELDAjaya.

7.4.6.2 Semakan Audit mendapati setelah tamat tempoh perjanjian antara FELDA dengan FPROP, FELDA telah menyerahkan kerja perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan kepada FESSB. Bagaimanapun, tiada perjanjian baharu ditandatangani antara kedua belah pihak. Semakan lanjut mendapati FESSB telah menjalankan kerja penyenggaraan sejak bulan Jun 2010. Analisis Audit mendapati tempoh perkhidmatan tanpa perjanjian adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.12  
TEMPOH PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN  
PENYENGGARAAN OLEH FELDA ENGINEERING SERVICES SDN.  
BERHAD TANPA PERJANJIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

FELDAJAYA	TEMPOH PERKHIDMATAN	TEMPOH TIADA PERJANJIAN (Bulan)
Mempaga	01.06.2010 – 31.12.2013	31
Raja Alias	01.01.2011 – 31.12.2013	24
Trolak	01.01.2011 – 31.12.2013	24

*Sumber: Felda Properties Sdn. Berhad*

7.4.6.3 Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, FESSB telah membuat tuntutan berjumlah RM737,819 bagi perkhidmatan yang dijalankan sejak tahun 2011 dan FELDA telah membuat pembayaran sejumlah RM406,895. Jumlah tuntutan FESSB adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam perjanjian antara FELDA dengan FPROP. Bagaimanapun, jumlah tuntutan dan pembayaran ini tidak dapat disahkan kerana tiada perjanjian dimeterai antara FELDA dan FESSB.

**Pada pendapat Audit, tuntutan dan bayaran perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan kepada FESSB telah dibuat tanpa sebarang perjanjian ditandatangani antara FELDA dan FESSB. Tanpa perjanjian yang sah, hak dan tanggungjawab FELDA tidak dilindungi sekiranya berlaku percanggahan kepentingan.**

***Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.***

***FELDA memaklumkan draf Perjanjian Perkhidmatan dan Pengurusan sedang disemak oleh Bahagian Perundangan FELDA. Perjanjian ini dijangka akan dimuktamadkan pada bulan Ogos 2013 bagi mengesahkan peranan FESSB sebagai agen pengurusan.***

## 7.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan FELDA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:



7.5.1 FELDA hendaklah memastikan kajian kemungkinan dijalankan terlebih dahulu sebelum projek dimulakan bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan berdaya maju dan mencapai objektif yang ditetapkan.

7.5.2 FELDA hendaklah mengambil inisiatif bagi mewujudkan daya tarikan untuk menggalakkan lebih ramai peniaga dan pelanggan ke medan selera serta pasar awam. Strategi pemasaran perlu dirangka dan menjalankan kerjasama dengan agensi seperti FAMA atau MARDI bagi menjalankan aktiviti bersama seperti pasar tani. FELDA juga hendaklah mencari alternatif lain bagi memastikan hentian bas dapat digunakan sepenuhnya.

7.5.3 FELDA hendaklah memantau kaedah kutipan sewa bulanan yang diwujudkan oleh Felda Properties Sdn. Berhad dan Felda Engineering Services Sdn. Berhad. Ini bagi memastikan kaedah kutipan adalah berkesan dan semua hasil sepatutnya diterima mengikut tempoh ditetapkan.

7.5.4 FELDA perlu mengkaji dan menyemak semula Perjanjian Kediaman yang dimeterai agar perjanjian tersebut dapat dikuatkuasakan bagi memastikan ia relevan dengan keadaan semasa.

7.5.5 FELDA hendaklah membuat tindakan susulan terhadap status permohonan pertukaran tanah dengan pihak Majlis Daerah Tapah supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan segera.

7.5.6 FELDA hendaklah memperbaharui dokumen Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan dengan Felda Engineering Services Sdn. Berhad bagi menjaga kepentingan bersama.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

## 8. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN FAKULTI DAN KEMUDAHAN AWAM

### 8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bermula dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik pada 16 September 1993 yang bertujuan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan. Pada 12 April 1996, ia dikenali sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO). Pada 27 September 2000, ITTHO telah dinaik taraf kepada sebuah universiti di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (KUiTTHO). Pada 20 September 2006, Kabinet telah meluluskan pertukaran nama KUiTTHO kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkuat kuasa pada 1 Februari 2007 dan dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Objektif penubuhan UTHM adalah untuk menyediakan program akademik berkualiti tinggi yang berasaskan sains dan teknologi untuk memenuhi harapan pelanggan melalui pengurusan organisasi yang cemerlang dan penambahbaikan yang berterusan.

8.1.2 Selaras dengan objektif penubuhannya, KPT telah meluluskan dana Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) berjumlah RM91 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) kepada UTHM bagi membina Masjid Dan Pusat Islam, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran. Peruntukan bagi pembinaan Masjid Dan Pusat Islam berjumlah RM29 juta, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP) berjumlah RM42 juta serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran bernilai RM20 juta di atas tanah seluas 23.7 ekar di Kampus Induk Parit Raja, Johor.

8.1.3 Sehingga bulan September 2012, semua projek telah siap dilaksanakan kecuali pembinaan Kolam Renang yang hanya mencapai status kemajuan 85.6% manakala Blok Pentadbiran telah diserahkan kepada UTHM pada 16 Februari 2012. Bayaran sejumlah RM33.06 juta telah dibuat kepada kontraktor bagi Projek Masjid Dan Pusat Islam dengan lebih peruntukan berjumlah RM4.06 juta ditampung daripada kos keseluruhan projek PFI dan rizab dalaman UTHM. Selain itu, bayaran yang telah dibuat bagi projek pembinaan FPTP berjumlah RM36.15 juta atau 86.1% dan untuk projek pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran adalah sejumlah RM14.11 juta atau 70.6%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.1  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN  
SEHINGGA BULAN DISEMBER 2012**

PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Masjid Dan Pusat Islam	29.00	25.95	33.06	114.0
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan	42.00	30.73	36.15	86.1
Kolam Renang dan Blok Pentadbiran	20.00	21.80	14.11	70.6
<b>JUMLAH</b>	<b>91.00</b>	<b>78.48</b>	<b>83.32</b>	

*Sumber: Peruntukan Kewangan daripada SAGA*

## 8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan melalui dana Inisiatif Pembiayaan Swasta di UTHM telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat.

## 8.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembinaan melalui dana Inisiatif Pembiayaan Swasta di UTHM. Pengauditan tertumpu kepada 2 peringkat pembinaan iaitu projek yang telah siap iaitu pembinaan Masjid Dan Pusat Islam, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP) dan projek yang masih dalam pembinaan iaitu Kolam Renang dan Blok Pentadbiran. Semakan dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pembinaan bagi semua projek tersebut. Selain itu, lawatan fizikal telah dijalankan ke tapak projek dan temu bual telah diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

## 8.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan projek pembinaan di UTHM adalah kurang memuaskan. Ketiga-tiga projek pembinaan mengalami kelewatan dan kos pembinaan telah meningkat sebanyak 8.9% daripada sejumlah RM78.48 juta kepada RM85.44 juta. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. Kelewatan dalam pengurusan projek pembinaan:
  - Pembinaan Masjid Dan Pusat Islam lewat disiapkan selama 547 hari, FPTP lewat selama 175 hari, Blok Pentadbiran lewat selama 484 hari manakala Kolam Renang masih belum disiapkan.

- Kelewatan mengemukakan permohonan lanjutan masa antara 18 hingga 75 hari dan kelulusan lanjutan masa mengambil masa sehingga 414 hari.
  - Kelewatan mengemukakan insurans bagi lanjutan masa pertama selama 82 hari dari tarikh Sijil Perakuan Lanjutan Masa bagi pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran.
- ii. Perubahan kerja berjumlah RM7.44 juta telah dilaksanakan sebelum kelulusan Arahkan Perubahan Kerja.
  - iii. Prestasi kerja kontraktor kurang memuaskan di mana kerja yang dilaksanakan kurang berkualiti, tidak mengikut spesifikasi dan reka bentuk serta spesifikasi tidak sesuai.
  - iv. Sebanyak 107 kecacatan dan kerosakan yang dilaporkan sehingga bulan Oktober 2012 masih belum diambil tindakan oleh kontraktor.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### **8.4.1 Prestasi Projek**

8.4.1.1 Projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam, FPTP serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran dilaksanakan di bawah dana Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang berjumlah RM91 juta. Bagaimanapun, nilai projek yang ditawarkan kepada kontraktor berjumlah RM78.48 juta dan perbelanjaan sebenar sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM83.32 juta. Pelantikan kontraktor bagi semua projek dilaksanakan melalui tender terbuka.


8.4.1.2 Semakan Audit mendapati semua projek telah lewat disiapkan. Projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam hanya siap pada 20 Oktober 2011 dengan kelewatan selama 547 hari. Projek pembinaan FPTP pula hanya siap pada 19 Julai 2011 dengan kelewatan selama 175 hari. Selain itu, projek pembinaan Blok Pentadbiran siap pada 16 Februari 2012 dengan kelewatan selama 484 hari tetapi kolam renang masih belum siap sehingga tempoh lanjutan masa (EOT) tamat. Butiran lanjut prestasi pembinaan projek adalah seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 8.2  
PROJEK PEMBINAAN DI UTHM**

PERKARA	PROJEK		
	MASJID DAN PUSAT ISLAM	FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN PERNIAGAAN	KOLAM RENANG DAN BLOK PENTADBIRAN
Kontraktor	MBN Consortium Sdn. Berhad	Kosmo Setegas Sdn. Berhad	AZM Corporation Sdn. Berhad
Skop Kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masjid Dan Pusat Islam</li> <li>Rumah Kakitangan, Tadika Dan Taska</li> <li>Bangunan Sokongan</li> <li>- Rumah Sampah</li> <li>- Tempat Penyembelihan</li> <li>- TNB <i>Substation</i></li> <li>- Rumah Pengurusan Jenazah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ruang Pentadbiran</li> <li>Ruang Akademia</li> <li>Ruang Pengajaran dan Pembelajaran</li> <li>Makmal Umum</li> <li>Makmal Jabatan Pengurusan dan Teknologi</li> <li>Jabatan Pengurusan Binaan dan Harta Tanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Blok Pentadbiran dan Kebudayaan Akademik</li> <li>Kolam Renang Tertutup</li> </ul>
Nilai Kontrak	RM25.95 juta	RM30.73 juta	RM21.80 juta
Tempoh Projek	18 bulan	18 bulan	18 bulan
Tarikh Mula	9 Oktober 2008	2 Jun 2009	9 April 2009
Tarikh Jangka Siap	21 April 2010	25 Januari 2011	20 Oktober 2010
Kemajuan Kerja Sebenar Pada Tarikh Jangka Siap	45%	71%	33%
Tarikh Siap Sebenar	20 Oktober 2011	19 Julai 2011	16 Februari 2012 (Blok Pentadbiran sahaja)
Tempoh Kelewatan Dari Tarikh Jangka Siap (Hari)	547	175	484

Sumber: Surat Kelulusan Skop Bagi RMKe-9 UTHM bertarikh 3 Ogos 2007, 5 September 2007 dan 18 Mac 2008, Dokumen Kontrak

**CARTA 8.1  
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN MELALUI DANA PFI DI UTHM**



Sumber: Laporan Mesyuarat Tapak

\*Nota: Jadual Projek Siap = — Kemajuan Sebenar = ---

8.4.1.3 Kemajuan kerja kontraktor MBN Consortium Sdn. Berhad bagi projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam pada tarikh asal projek siap hanya 45%.

Berdasarkan Laporan Prestasi Kontraktor Terhadap Projek Yang Sudah Siap oleh UTHM mendapati prestasi kemajuan kerja kontraktor adalah tidak memuaskan. Pada 7 Jun 2010, UTHM telah mengemukakan Surat Amaran bahawa Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap akan dikeluarkan kepada kontraktor jika gagal menyiapkan kerja mengikut syarat kontrak. Kelewatan menyiapkan projek Masjid Dan Pusat Islam menyebabkan ia tidak dapat digunakan oleh pelajar dan orang awam serta tarikh pembukaan ditunda ke bulan Oktober 2011 berbanding tarikh asal pada bulan April 2010.

8.4.1.4 Kemajuan kerja kontraktor Kosmo Setegas Sdn. Berhad bagi projek pembinaan Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP) pada tarikh siap asal adalah sebanyak 71%. UTHM telah mengemukakan Surat Amaran kepada kontraktor pada 26 Oktober 2010 untuk mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap jika gagal menyiapkan kerja mengikut syarat kontrak.

8.4.1.5 Setakat pemeriksaan Audit pada bulan September 2012, kemajuan kerja pembinaan Kolam Renang adalah 85.6% walaupun telah diberi 2 lanjutan masa (EOT) iaitu sehingga 18 Julai 2011 dan 31 Disember 2011. UTHM telah mengeluarkan Surat Amaran pada 25 Ogos 2011 kepada kontraktor kerana gagal menyiapkan kerja mengikut syarat kontrak. Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 17 Januari 2012 setelah EOT kedua tamat pada 31 Disember 2011. Bagaimanapun, projek tersebut masih tidak dapat disiapkan dan kontraktor telah memohon EOT ketiga pada 15 Mac 2012 tetapi EOT tersebut hanya diluluskan pada 19 Mac 2013 oleh Jawatankuasa Lanjutan Masa.

8.4.1.6 Semakan Audit mendapati antara sebab utama kelewatan projek adalah masalah teknikal, perubahan kerja, reka bentuk dan struktur, kelewatan kelulusan bahan binaan, pengurusan kontrak yang lemah dan pemantauan di tapak kurang memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.3  
KELEWATAN PROJEK PEMBINAAN**

PROJEK	MASALAH PROJEK	SEBAB
Masjid Dan Pusat Islam	Masalah Teknikal	Kontraktor tidak memahami lukisan pembinaan struktur yang disediakan oleh perunding.
		Perubahan lukisan yang disediakan oleh perunding tidak sama dengan lukisan semasa tender dikeluarkan.
	Kelewatan Kelulusan Bahan Binaan	Kelewatan kelulusan bahan untuk jubin lantai.
	Pengurusan Kontrak Yang Lemah	Kontraktor gagal menyediakan Pelan Pemulihan ke atas Program Kerja dan Pengurus Projek yang kurang kompeten di tapak bina.
	Kelemahan Pemantauan Di Tapak	Kekurangan kakitangan perunding serta pasukan Pembangunan Dan Pengurusan Hartabina bagi menyelia tapak.
Fakulti Pengurusan	Lokasi	Kelewatan memulakan kerja kerana tapak pembinaan fakulti berada di kawasan pembinaan projek pembangunan lain yang diselia oleh JKR.



PROJEK	MASALAH PROJEK	SEBAB
Teknologi Dan Perniagaan	Perubahan Reka Bentuk	Perubahan <i>drainage layout</i> disebabkan perubahan 'existing drainage' oleh pihak kontraktor yang diselia oleh JKR.
	Masalah Teknikal Dan Perubahan Kerja	Penambahbaikan tanah berdasarkan keputusan ujian <i>Mackintosh Probe</i> untuk kerja jalan dan <i>sewerage line</i> . Kerja sistem penyaman udara tertangguh disebabkan <i>Nominated Sub-contractor</i> ditamatkan kontrak dan mengambil masa untuk melantik <i>Nominated Sub-contractor</i> yang baru.
Kolam Renang dan Blok Pentadbiran	Kerja Tanah	Penambahan tanah melebihi reka bentuk dan kontrak disebabkan oleh banyak material yang tidak sesuai perlu dikeluarkan dari tapak menyebabkan kerja penyediaan tapak mengalami kelewatan.
	Kerja Struktur (Blok Pentadbiran)	Kegagalan kontraktor menyiapkan pembinaan tiang ( <i>column</i> ) dengan sempurna menyebabkan kelewatan kontraktor menyiapkan kerja penyediaan dinding.
	Pemasangan Pintu (Blok Pentadbiran)	Kontraktor tidak memasang pintu mengikut ketinggian yang ditetapkan menyebabkan hampir keseluruhan pintu ditukar semula sehingga mengalami kelewatan penyerahan.
	Pencawang Elektrik	Kegagalan kontraktor <i>Nominated Sub-contractor</i> menghantar peralatan pencawang elektrik menyebabkan bekalan elektrik tidak dapat disalurkan ke Blok Pentadbiran dan menyukarkan proses penyerahan bangunan tersebut.
	Perubahan Reka bentuk ( <i>Pool Deck</i> )	Perubahan reka bentuk <i>pool deck</i> oleh kontraktor utama disebabkan oleh masalah kelewatan koordinasi dengan kontraktor kolam renang sehingga menyebabkan reka bentuk tersebut dibuat sebanyak 3 kali bagi menyesuaikan keperluan teknikal di tapak.
	Cerucuk Masalah Teknikal – Kerosakan	Cerucuk senget di bahagian kolam junam disebabkan oleh berlakunya pergerakan tanah kerana kesilapan kontraktor menjalankan kerja dan kelewatan mencari kaedah pembaikan yang memuaskan juga telah menyebabkan kelewatan menyiapkan <i>pile cap</i> dan kerja <i>ground beam</i> di bahagian tersebut.
	Masalah Pengurusan Kontraktor	Masalah perubahan pengurusan kontraktor juga menyebabkan projek ini tergendala hampir 2 bulan dan tiada aktiviti kerja di tapak semasa tempoh peralihan tersebut.
	Masalah Kewangan	Kelewatan penghantaran dan pemasangan bumbung kolam renang. Kelewatan penyerahan tapak kepada kontraktor <i>Nominated Sub-contractor</i> .

Sumber: Minit Mesyuarat Tapak, Laporan Kemajuan Bulanan dan Fail Projek Pembinaan

8.4.1.7 Semakan lanjut mendapati EOT telah dikeluarkan 2 kali kepada kontraktor Masjid Dan Pusat Islam serta FPTP dan 3 kali untuk Kolam Renang dan Blok Pentadbiran. Pembinaan bagi Masjid Dan Pusat Islam lewat disiapkan sebanyak 231 hari selepas tamat tempoh EOT kedua pada 1 Mac 2011 dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM1.11 juta. Pembinaan FPTP lewat disiapkan 8 hari selepas tamat tempoh EOT kedua pada 10 Julai 2011 dan kontraktor telah dikenakan LAD sejumlah RM37,385. Pembinaan Kolam Renang pula masih belum siap dibina sehingga tarikh tamat EOT kedua pada 31 Disember 2011 dan Blok Pentadbiran telah lewat diserahkan sebanyak 47 hari. Pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran juga telah dikenakan LAD berjumlah RM1 juta bagi kelewatan sebanyak 376 hari sehingga bulan Januari 2013.

**Pada pendapat Audit, prestasi projek pembinaan UTHM adalah kurang memuaskan kerana tiada perancangan yang teliti menyebabkan**

percanggahan lukisan seni bina dan struktur serta projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

#### **Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013.**

*UTHM akan memastikan kontraktor dan perunding menyediakan kakitangan teknikal yang kompeten selain menyemak lukisan seni bina dan struktur sebelum memulakan kerja di tapak bina bagi mengelakkan sebarang percanggahan lukisan struktur dan arkitek. UTHM juga telah melibatkan pelanggan daripada peringkat perancangan lagi dan akan mendapatkan persetujuan dan pengesahan daripada pemohon semasa peringkat Service Oriented Architecture (SOA) serta akan memastikan Sub Kontraktor Dinamakan dan kontraktor pakar dilantik lebih awal.*

### **8.4.2 Pengurusan Pembinaan**

#### **8.4.2.1 Pelantikan Kontraktor**

UTHM telah membuat pemilihan kontraktor secara tender terbuka dan penilaian awal petender dinilai dari segi kesempurnaan tender dan kecukupan dokumen. Penilaian terperinci dibuat kepada petender yang melepasi peringkat penilaian awal berdasarkan harga, analisis keupayaan sumber kewangan dan analisis keupayaan kakitangan teknikal syarikat. Selain itu, mempunyai pengalaman dalam kerja yang serupa dan pemilihan petender ini akan diputuskan oleh Lembaga Perolehan A. Semakan lanjut mendapati beberapa kelemahan adalah seperti berikut:

##### **a. Tiada Penilaian Terperinci Bagi Pemilihan Kontraktor Masjid Dan Pusat Islam**

Tawaran tender pembinaan Masjid Dan Pusat Islam telah dibuat pada 1 Julai 2008 hingga 14 Julai 2008 dan ditutup pada 21 Julai 2008. Semakan Audit mendapati MBN Consortium Sdn. Berhad telah tersenarai dan dipilih dalam penilaian peringkat awal yang menawarkan harga yang munasabah. Bagaimanapun, kontraktor ini gagal melepasi analisis peringkat awal kerana pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah tamat tempoh pada 6 Disember 2007. Semakan lanjut mendapati kontraktor ini telah memperbaharui pendaftaran dengan CIDB di mana tempoh sah laku dari 7 Disember 2007 hingga 6 Disember 2010. Penilaian dan pemilihan kontraktor telah dibuat tanpa analisis keupayaan kewangan petender, pengalaman dan keupayaan teknikal. Kontraktor ini juga tidak tersenarai dalam jadual keputusan penilaian terperinci tender. Bagaimanapun, kontraktor ini dicadangkan selepas proses temu bual kerana mempunyai peralatan pembinaan

sendiri, pekerja yang mencukupi, pengalaman pembinaan dan menawarkan harga yang berpatutan.

#### b. Prestasi Kontraktor Masjid Dan Pusat Islam

Berdasarkan Laporan Projek Sakit yang disediakan oleh UTHM pada 12 Ogos 2010 mendapati kelewatan penyiapan projek adalah kerana faktor berikut:

- i. Kelemahan pengurusan tapak.
- ii. Kekurangan pekerja dan pekerja kurang mahir.
- iii. Kontraktor gagal melaksanakan arahan walaupun persetujuan dan kelulusan telah diberikan kerana tiada pegawai teknikal yang berpengalaman dapat memberikan arahan dan mengawal kerja di tapak bina.

Semakan lanjut mendapati UTHM telah memberi kelulusan tambahan kos perkhidmatan penyeliaan tapak kepada perunding sejumlah RM96,875 bagi tempoh 12 bulan. Selain itu, UTHM telah melantik sub kontraktor lain bagi menyiapkan skop kerja pembinaan yang tidak dapat disiapkan oleh kontraktor utama berjumlah RM0.20 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.4**  
**SKOP KERJA YANG DILAKSANAKAN OLEH SUB KONTRAKTOR**

SUB KONTRAKTOR	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	SKOP KERJA	JUMLAH (RM)
Abdullah Markah Enterprise	02.02.2012	Kerja membekal dan memasang aluminium <i>strip fascia board</i> untuk <i>gutter</i> bagi <i>star roof</i> di Masjid.	113,900
Supa'at Berkat	31.01.2012	Kerja memasang <i>decorative hard door</i> untuk pintu Masjid.	58,450
ZJ Construction	31.01.2012	Kerja-kerja pembaikan <i>water proofing</i> dan <i>tiling</i> tempat wuduk wanita termasuk dinding penghadang Masjid.	32,550
<b>JUMLAH</b>			<b>204,900</b>

*Sumber: Surat Setuju Terima Sebut Harga dan Baucar Bayaran*

**Pada pendapat Audit pemilihan kontraktor yang tidak dibuat secara teliti mengakibatkan pemilihan kontraktor boleh dipertikaikan.**

**Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013.**

**UTHM akan memastikan semua prosedur pemilihan kontraktor dipatuhi selain menambah baik proses penilaian kontraktor selaras dengan peraturan Kerajaan.**

**8.4.2.2 Kelewatan Permohonan Dan Kelulusan EOT**

- a. Berdasarkan kepada klausa 43 dalam Perjanjian, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada Pegawai Penguasa bagi memohon EOT sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja. Pegawai Penguasa pula hendaklah meluluskan permohonan tersebut sebelum tarikh siap atau tarikh EOT yang ditetapkan tamat. Semakan Audit mendapati kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT antara 18 hingga 75 hari bagi projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.5  
PERMOHONAN EOT LEWAT DIKEMUKAKAN**

PROJEK	KONTRAKTOR	EOT	TARIKH EOT TAMAT	TARIKH PERMOHONAN BARU	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Masjid Dan Pusat Islam	MBN Consortium Sdn. Berhad	Kedua	29.11.2010	17.12.2010	18
Kolam Renang dan Blok Pentadbiran	AZM Corporation Sdn. Berhad	Ketiga	31.12.2011	15.03.2012	75

*Sumber: Surat Permohonan EOT Oleh Kontraktor dan Surat Perakuan Kelambatan dan EOT*

- b. Semakan lanjut mendapati UTHM telah lewat memberi kelulusan lanjutan masa antara 37 hingga 414 hari daripada tarikh tamat EOT sebelumnya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.6  
KELEWATAN KELULUSAN EOT**

PROJEK	NOMBOR EOT	TARIKH SIAP ASAL/TARIKH MULA EOT	TARIKH TAMAT EOT	TARIKH MOHON EOT	TARIKH KELULUSAN EOT	TEMPOH KELEWATAN KELULUSAN (Hari)
Masjid Dan Pusat Islam	Pertama	21.04.2010	29.11.2010	11.03.2010	02.08.2010	103
	Kedua	29.11.2010	01.03.2011	17.12.2010	20.07.2011	233
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan	Kedua	29.04.2011	10.07.2011	13.04.2011	16.06.2012	414
Kolam Renang dan Blok Pentadbiran	Pertama	20.10.2010	18.07.2011	29.09.2010	26.11.2010	37
	Kedua	18.07.2011	31.12.2011	14.07.2011	12.12.2011	147
	Ketiga	31.12.2011	03.09.2012	15.03.2012	19.03.2013	369

*Sumber: Dokumen Kontrak, Surat Permohonan EOT Oleh Kontraktor dan Surat Perakuan Kelambatan dan EOT*

- c. EOT ketiga yang dipohon oleh kontraktor terhadap Kolam Renang dan Blok Pentadbiran hanya diluluskan oleh UTHM pada 19 Mac 2013 walaupun EOT kedua telah tamat pada 31 Disember 2011. EOT yang dikemukakan oleh kontraktor adalah kerana kelewatan penerimaan pembayaran interim dan kelewatan kelulusan *pool deck*. Pihak perunding melalui surat bertarikh 4 April 2012 menyatakan alasan kelewatan menerima bayaran interim tidak boleh dipertimbangkan kerana tidak terdapat dalam syarat kontrak. Selain itu, alasan kelewatan kelulusan *pool deck* ditolak kerana ia adalah di bawah skop kerja asal kontraktor utama dan telah mendapat kelulusan di bawah EOT pertama.

**Pada pendapat Audit, sebarang alasan kelewatan pembinaan oleh kontraktor yang tidak munasabah tidak boleh diberi kelulusan EOT dan ganti rugi (LAD) perlu dikenakan. Kontraktor yang terlibat juga gagal mematuhi syarat kontrak yang menetapkan permohonan EOT perlu dibuat dengan segera. Kelewatan ini menunjukkan kontraktor tidak peka terhadap syarat kontrak yang ditandatangani. Selain itu, UTHM perlu memastikan Perakuan EOT dikeluarkan sebelum tempoh EOT yang sebelumnya tamat supaya pelaksanaan projek dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.**

#### **Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013.**

*UTHM memaklumkan telah mengambil tindakan di mana kontraktor perlu membuat permohonan EOT dengan dokumen lengkap dalam tempoh 3 bulan sebelum tempoh masa sebenar tamat selaras dengan syarat-syarat kontrak. Selain itu, perunding dan pegawai tapak perlu memastikan semua dokumen sokongan permohonan EOT dilampirkan bagi memudahkan Jawatankuasa Lanjutan Masa membuat keputusan.*

#### **8.4.2.3 Kelewatan Mengemukakan Insurans**

Sebelum memulakan kerja, kontraktor perlu mengemukakan Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Polisi Insurans Kerja yang berkuat kuasa dalam tempoh kontrak. Sekiranya kontraktor diberi EOT, insurans perlu diperbaharui dan meliputi tempoh kontrak yang baru. Kesemua kontraktor telah mempunyai Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Polisi Insurans Kerja yang berkuat kuasa dalam tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati kontraktor Kolam Renang dan Blok Pentadbiran hanya mengemukakan insurans bagi EOT pertama kepada UTHM selepas 82 hari dari tarikh Sijil Perakuan EOT.

**Pada pendapat Audit, kelewatan kontraktor memperbaharui dan mengemukakan insurans kepada UTHM sebelum tempoh EOT bermula**

telah menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi sepanjang tempoh EOT tersebut.

**Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013.**

***UTHM akan memastikan Kontraktor telah memperbaharui dan mengemukakan insurans sebelum tempoh asal insurans tamat.***

#### 8.4.2.4 Perubahan Kerja Dilaksanakan Sebelum Kelulusan

- a. Arahan Perbendaharaan 202.2 menetapkan kelulusan bagi perubahan kerja hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada pihak berkuasa atau Jawatankuasa Arahan Kerja. Arahan Perbendaharaan 202.1(b) (i) pula menetapkan setiap Arahan Perubahan Kerja (APK) perlu dikeluarkan semasa tempoh kontrak masih berjalan. Kelulusan perubahan kerja hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa mengikut peraturan APK seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.7  
PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI KONTRAK BADAN BERKANUN**

NILAI PERUBAHAN	PIHAK BERKUASA MELULUS
Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak atau jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja yang dicadangkan tidak melebihi RM1 juta.	1 Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak.
Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau jika harga asal kontrak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja yang dicadangkan tidak melebihi RM4 juta.	Lembaga Perolehan Agensi
Dalam semua hal lain.	Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

**Sumber: Arahan Perbendaharaan**

- b. Semakan Audit mendapati APK telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja secara edaran yang terdiri daripada Pengerusi dan 2 Ahli Jawatankuasa. Semakan lanjut mendapati sebanyak 3 APK diluluskan selepas tamat tempoh kontrak, 3 APK tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat perakuan bayaran interim yang menyokong perubahan kerja tersebut dan 6 APK tidak dinyatakan tarikh kelulusan Jawatankuasa. Selain itu, kelulusan 16 APK masih belum diperoleh daripada Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:



**JADUAL 8.8  
SENARAI PERUBAHAN KERJA**

PROJEK	TARIKH TAMAT KONTRAK	NO. APK	KERJA DIJALANKAN	TARIKH DILULUSKAN JAWATAN KUASA ARAHAN PERUBAHAN KERJA	TARIKH PENILAIAN KERJA AWAL	JUMLAH (RM)
<b>Sebanyak 3 Arahan Perubahan Kerja Diluluskan Selepas Tamat Tempoh Kontrak</b>						
Masjid Dan Pusat Islam	01.03.2011	3	Pertambahan kerja-kerja cerucuk di tangga utama Masjid.	18.01.2012	16.06.2011	64,330
		4	Pertambahan tangga utama Masjid.	18.01.2012	16.06.2011	116,604
		5	Pertambahan jalan masuk ke bilik VVIP.	18.01.2012	06.12.2011	144,332
<b>JUMLAH</b>						<b>325,266</b>
<b>Sebanyak 3 Arahan Perubahan Kerja Tidak Dapat Disahkan</b>						
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan	10.07.2011	7	Tambahan kos bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik untuk perubahan makmal.	TM	Tidak Dapat Disahkan	513,459
		11	Mengecat semua bilik elektrik daripada jenis <i>proxy</i> .	TD	Tidak Dapat Disahkan	44,587
		15	Perubahan dan tambahan kerja penghawa dingin.	TM	Tidak Dapat Disahkan	560,034
<b>JUMLAH</b>						<b>1,118,080</b>
<b>Sebanyak 6 Arahan Perubahan Kerja Tidak Dinyatakan Tarikh Kelulusan Jawatankuasa</b>						
Masjid Dan Pusat Islam	01.03.2011	1	Perubahan spesifikasi karpet seperti mana diminta oleh UTHM.	TD	06.12.2011	268,672
		2	Kerja membina dan menyiapkan sebuah <i>crescent</i> .	TD	13.10.2010	1,904,809
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan	10.07.2011	10	Tambahan <i>roof top sun aluminium louvres</i> di bahagian tangki air di aras bumbung.	TD	Tiada	68,250
			Tambahan <i>roof top sun aluminium louvres</i> di bahagian <i>main entrance</i> .			
		11	Mengecat semua bilik elektrik daripada jenis <i>proxy</i> .	TD	Tidak Dapat Disahkan	44,587
		12	Tambahan <i>timber platform</i> di bilik AV.	TD	04.01.2012	2,300
13	Perubahan kemasan siling.	TD	04.01.2012	169,670		
<b>JUMLAH</b>						<b>2,458,288</b>
<b>Sebanyak 16 Arahan Perubahan Kerja Masih Belum Diperoleh Kelulusan Jawatankuasa</b>						
Masjid Dan Pusat Islam	01.03.2011	6	TM	TM	TM	47,695
		7	TM	TM	TM	50,634
		8	TM	TM	TM	1,137,163
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan	10.07.2011	1	Perubahan susun atur makmal.	TM	02.09.2010	128,685
		2	Perubahan susun atur dewan kuliah dan susun atur perpaipan <i>air conditioning</i> .	TM	02.09.2010	49,307
		3	Penggunaan <i>hollow core slab</i> di Dewan Kuliah bagi mendapatkan jarak/bukaan yang luas di kawasan Dewan Kuliah.	TM	08.12.2010	161,440
		4	Tambah dinding sekat dalaman di Tingkat 5 hingga Tingkat 8.	TM	03.01.2011	732,584
			Perubahan susun atur makmal nombor 2.			
		5	Tambahan tandas di Gridline D2a-D4a/5-6.	TM	01.02.2011	289,250
6	Diamond <i>wall saw cutting</i> dan <i>coring cutting to lift wall</i> .	TM	05.04.2011	300,676		
	To supply and install raised floor system for ICT requirements.					
	Revised size of tiling and additional tiling works at Makmal Komputer 1,2 & 3.					

PROJEK	TARIKH TAMAT KONTRAK	NO. APK	KERJA DIJALANKAN	TARIKH DILULUSKAN JAWATAN KUASA ARAHAN PERUBAHAN KERJA	TARIKH PENILAIAN KERJA AWAL	JUMLAH (RM)
		7	Tambahan kos bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik untuk perubahan makmal.	TM	Tidak Dapat Disahkan	513,459
		8	Perubahan kawasan tangki air daripada tingkat atas bangunan ke kawasan sampah bersebelahan rumah sampah.	TM	06.07.2011	301,930
		9	Pertukaran sistem struktur <i>I-beam</i> di kawasan <i>entrance car porch</i> .	TM	06.07.2011	26,235
		14	Kos buruh dan penyelenggaraan untuk tambahan pokok. Tambahan <i>fairoon aluminium composite ceiling</i> .	TM	06.07.2010	116,890
		15	Perubahan dan tambahan kerja penghawa dingin.	TM	Tidak Dapat Disahkan	560,034
Kolam Renang dan Blok Pentadbiran	31.12.2011	1	Perubahan reka bentuk pencawang elektrik.	TM	19.07.2011	90,383
		2	Pertambahan item mekanikal dan elektrik.	TM	19.07.2011	146,735
<b>JUMLAH</b>						<b>4,653,100</b>

Sumber: Surat Permohonan Untuk Mendapat kelulusan Perubahan Kerja, Perakuan Muktamad dan Sijil Bayaran Interim

Nota : TM – Tiada Maklumat

TD – Tidak Dinyatakan

- c. Semakan lanjut mendapati **kos ketiga-tiga projek pembinaan telah meningkat sejumlah RM6.96 juta atau 8.9% daripada RM78.48 juta kepada RM85.44 juta.** Jumlah sebenar kos projek bagi Masjid Dan Pusat Islam setelah dibuat APK dan pelarasan harga kontrak adalah berjumlah RM29.41 juta iaitu peningkatan sejumlah RM3.46 juta atau 13.3% daripada kos asal projek yang berjumlah RM25.95 juta. Kos pembinaan FPTP adalah berjumlah RM33.73 juta meningkat sejumlah RM3.0 juta atau 9.8% daripada kos asal projek yang berjumlah RM30.73 juta. Kos pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran pula adalah berjumlah RM22.30 juta meningkat sejumlah RM0.50 juta atau 2.3% daripada kos asal projek yang berjumlah RM21.80 juta. Butiran lanjut mengenai peningkatan kos bagi setiap projek pembinaan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.9  
PENINGKATAN KOS PROJEK PEMBINAAN**

PERKARA	NILAI KONTRAK BARU (RM Juta)	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) KOS (RM Juta)
i. Masjid Dan Pusat Islam			
Nilai Kontrak	22.16	25.95	(3.79)
Arahan Perubahan Kerja No.1 – No.8	3.73	-	3.73
Pelarasan Harga Kontrak	3.52	-	3.52
<b>JUMLAH</b>	<b>29.41</b>	<b>25.95</b>	<b>3.46</b>

PERKARA	NILAI KONTRAK BARU (RM Juta)	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) KOS (RM Juta)
ii. Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan			
Nilai Kontrak	30.73	30.73	-
Arahan Perubahan Kerja No.1 – No.15	3.47	-	3.47
Pelarasan Harga Kontrak	(0.47)	-	(0.47)
<b>JUMLAH</b>	<b>33.73</b>	<b>30.73</b>	<b>3.00</b>
iii. Kolam Renang dan Blok Pentadbiran			
Nilai Kontrak	21.80	21.80	-
Arahan Perubahan Kerja No.1 – No.2	0.24	-	0.24
Pelarasan Harga Kontrak	0.26	-	0.26
<b>JUMLAH</b>	<b>22.30</b>	<b>21.80</b>	<b>0.50</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>85.44</b>	<b>78.48</b>	<b>6.96</b>

Sumber: Sijil Bayaran Interim

Pada pendapat Audit, perancangan pembinaan UTHM adalah kurang memuaskan kerana berlaku banyak perubahan kerja dilaksanakan oleh kontraktor dan menyebabkan peningkatan kos. Selain itu perubahan kerja dibuat sebelum Arahan Perubahan Kerja yang diluluskan boleh menyebabkan penilaian pelarasan harga kontrak kurang tepat.

**Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013.**

*UTHM akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja secara berkala bagi menilai permohonan kelulusan APK. UTHM juga akan memastikan semua keputusan perubahan kerja dibuat melalui mesyuarat jawatankuasa dan direkodkan dengan betul sebelum diedarkan.*

#### 8.4.3 Kualiti Pembinaan

##### 8.4.3.1 Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan

Pembinaan hendaklah dilakukan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani dan piawaian kualiti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Apabila projek diserahkan, pihak kontraktor dan perunding perlu memastikan bangunan tersebut menepati spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) akan dikeluarkan apabila keseluruhan kerja pembinaan telah siap. Sehingga tarikh pengauditan, projek yang telah siap iaitu Masjid Dan Pusat Islam serta FFTP telah mendapat CPC pada 2 Mei 2012 dan 17 Oktober 2011. Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 di tapak pembinaan mendapati kualiti pembinaan bagi Masjid Dan

Pusat Islam, FPTP serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran masih kurang memuaskan dan perlu diambil tindakan segera. Semakan Audit bagi setiap projek pembinaan mendapati perkara berikut:

**a. Masjid Dan Pusat Islam**

- i. Lawatan Audit ke Masjid Dan Pusat Islam pada 16 Oktober 2012 mendapati kualiti pembinaan kurang memuaskan. Selepas teguran Audit tindakan pembetulan telah diambil seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 8.10**  
**KUALITI PEMBINAAN YANG TIDAK MEMUASKAN DI MASJID DAN PUSAT ISLAM**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN
Masjid – Ruang Makan	Terdapat bukaan pada binaan siling gantung. <b>(Gambar 8.1)</b>	Bukaan Pada Binaan Siling Gantung Telah Dibaiki. <b>(Gambar 8.2)</b>
Masjid - Tiang Di Pintu Masuk Utama	Keretakan pada permukaan kemasan penutup ( <i>box-up</i> ) tiang. <b>(Gambar 8.3)</b>	Keretakan pada permukaan kemasan penutup ( <i>box-up</i> ) tiang telah dibaiki. <b>(Gambar 8.4)</b>
Masjid – Tempat Penyembelihan	Pemasangan <i>timber pagola</i> yang tidak sempurna. <b>(Gambar 8.5)</b>	Belum diambil tindakan.
Kuarters - Binaan Siling Luar Kuarters	Terdapat bukaan pada siling gantung. <b>(Gambar 8.6)</b>	Belum diambil tindakan.
Masjid - <i>Courtyard</i>	Kesan pemendapan menyebabkan <i>interlocking paver</i> beralun. <b>(Gambar 8.7)</b>	Belum diambil tindakan.
Masjid - Tiang Di Pintu Masuk Utama	Pemilihan kemasan tiang yang tidak sesuai di mana tiang ditutup ( <i>box-up</i> ) dengan kepingan papan sahaja. <b>(Gambar 8.8)</b>	Belum diambil tindakan.
Tadika dan Taska - Lobi	Terdapat keretakan di antara <i>apron</i> dan longkang perimeter bangunan. <b>(Gambar 8.9)</b>	Belum diambil tindakan.


Sumber: Bahagian Teknikal, Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 8.1**  
**Terdapat Bukaan Pada Binaan Siling Gantung**



Lokasi: Ruang Makan, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.2**  
**Bukaan Pada Binaan Siling Gantung Telah Dibaiki**



Lokasi: Ruang Makan, Masjid  
Tarikh: 27 Mac 2013

**GAMBAR 8.3**  
Keretakan Pada Permukaan Kemasn Penutup Tiang



Lokasi: Tiang Di Pintu Masuk Utama, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.4**  
Keretakan Pada Permukaan Kemasn Penutup Tiang Telah Dibaiki



Lokasi: Tiang Di Pintu Masuk Utama, Masjid  
Tarikh: 27 Mac 2013

**GAMBAR 8.5**  
Pemasangan *Timber Pagola* Yang Tidak Sempurna



Lokasi: Tempat Penjualan, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.6**  
Terdapat Bukaan Pada Siling Gantung



Lokasi: Binaan Siling Luar, Kuarters  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.7**  
Kesan Pemandapan Menyebabkan *Interlocking Paver* Beralun



Lokasi: *Courtyard*, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.8**  
Tiang Ditutup Dengan Kepingan Papan - Kemasn Tiang Yang Tidak Sesuai



Lokasi: Tiang Di Pintu Masuk Utama, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012





**GAMBAR 8.9**  
**Terdapat Keretakan Di Antara Apron Dan**  
**Longkang Perimeter Bangunan**

Lokasi: Lobi, Tadika & Taska  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

- ii. Terdapat sisa bahan binaan yang masih belum dibawa keluar daripada Masjid Dan Pusat Islam walaupun ia telah siap dibina dan diserahkan pada 20 Oktober 2011. Selepas teguran Audit tindakan pembetulan telah diambil seperti di jadual dan gambar berikut:

**GAMBAR 8.10**  
**Sisa Bahan Binaan Belum Dibawa Keluar**



Lokasi: Bahagian Kanan Masjid, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.11**  
**Sisa Bahan Binaan Telah Dibawa Keluar**



Lokasi: Bahagian Kanan Masjid, Masjid  
 Tarikh: 27 Mac 2013

**GAMBAR 8.12**  
**Air Bertakung Dan Sampah-Sarap Tersekat**  
**Di Dalam Lurang**



Lokasi: Longkang Sebelah Parkir Pegawai, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.13**  
**Sisa Bahan Binaan Belum Dibersihkan**



Lokasi: Rumah Sampah, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012



## b. Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan

Lawatan Audit ke FPTP pada 17 Oktober 2012 mendapati kualiti pembinaan kurang memuaskan dan tindakan pembetulan masih belum diambil seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 8.14**  
Keretakan Pada Permukaan Tepi  
Concrete Plinth Tangki Air



Lokasi: Aras Bumbung, FPTP  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 8.15**  
Terdapat Keretakan Di Permukaan  
Lantai Bumbung Rata



Lokasi: Aras 3 Bumbung Rata, FPTP  
Tarikh: 17 Oktober 2012

## c. Kolam Renang Dan Blok Pentadbiran

Lawatan Audit ke blok Kolam Renang dan Blok Pentadbiran pada 18 Oktober 2012 mendapati kualiti pembinaan kurang memuaskan. Selepas teguran Audit tindakan pembetulan telah diambil seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 8.11**  
**KUALITI PEMBINAAN YANG TIDAK MEMUASKAN**  
**DI KOLAM RENANG DAN BLOK PENTADBIRAN**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN
Tingkat 1, Kolam Renang	Air bertakung di dalam bilik. (Gambar 8.16)	Tiada air bertakung dalam bilik. (Gambar 8.17)
Tingkat 1, Kolam Renang	Kesan resapan air dan pertumbuhan kulat pada permukaan dinding. (Gambar 8.18)	Kesan resapan air dan pertumbuhan kulat pada permukaan dinding telah dibaiki. (Gambar 8.19)
Blok Pentadbiran – Ruang Kerja, Aras 1	Bukaan pada siling gantung disebabkan kebocoran paip di atas siling. (Gambar 8.20)	Bukaan pada siling gantung disebabkan kebocoran paip di atas siling telah dibaiki. (Gambar 8.21)
Blok Pentadbiran – Bilik Pengarah, Aras 1	Bukaan pada binaan siling. (Gambar 8.22)	Bukaan pada binaan siling telah dibaiki. (Gambar 8.23)
Blok Pentadbiran – Courtyard	Keretakan pada struktur tiang. (Gambar 8.24)	Keretakan pada struktur tiang telah dibaiki. (Gambar 8.25)
Blok Pentadbiran – Ruang Persediaan	Pemasangan tingkap yang tidak kemas. (Gambar 8.26)	Pemasangan tingkap telah dibaiki. (Gambar 8.27)
Aras Bumbung, Blok Pentadbiran	Kebocoran pada bawah tangki air. (Gambar 8.28)	Belum diambil tindakan.

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN
Aras Bumbung, Blok Pentadbiran	Permukaan lantai retak dan telah pecah. (Gambar 8.29)	Belum diambil tindakan.
Blok Pentadbiran – Bilik Pengarah, Aras 1	Kemasan binaan dinding telah tercabut. (Gambar 8.30)	Belum diambil tindakan.
Blok Pentadbiran – Kafeteria, Aras Bawah	Paip air telah patah. (Gambar 8.31)	Belum diambil tindakan.

**GAMBAR 8.16**  
Air Bertakung Di Dalam bilik



Lokasi: Tingkat 1, Kolam Renang  
Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.17**  
Tiada Air Bertakung Di Dalam bilik



Lokasi: Tingkat 1, Kolam Renang  
Tarikh: 10 April 2013

**GAMBAR 8.18**  
Kesan Resapan Air Dan Pertumbuhan Kulat Pada Permukaan Dinding



Lokasi: Tingkat 1, Kolam Renang  
Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.19**  
Kesan Resapan Air Dan Pertumbuhan Kulat Pada Permukaan Dinding Telah Dibaiki



Lokasi: Tingkat 1, Kolam Renang  
Tarikh: 10 April 2013

**GAMBAR 8.20**  
**Bukaan Pada Siling Gantung Disebabkan**  
**Kebocoran Paip Di Atas Siling**



Lokasi: Aras 1, Ruang Kerja, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.21**  
**Bukaan Pada Siling Gantung Disebabkan**  
**Kebocoran Paip Di Atas Siling**  
**Telah Dibaiki**



Lokasi: Aras 1, Ruang Kerja, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 10 April 2013

**GAMBAR 8.22**  
**Bukaan Pada Binaan Siling**



Lokasi: Aras 1, Bilik Pengarah, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.23**  
**Bukaan Pada Binaan Siling Telah Dibaiki**



Lokasi: Aras 1, Bilik Pengarah, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 10 April 2013

**GAMBAR 8.24**  
**Keretakan Pada Struktur Tiang**



Lokasi: Courtyard, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012


**GAMBAR 8.25**  
**Keretakan Pada Struktur Tiang Telah**  
**Dibaiki**



Lokasi: Courtyard, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 10 April 2013



**GAMBAR 8.26**  
**Pemasangan Tingkap Yang Tidak Kemas**



Lokasi: Ruang Persediaan, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.27**  
**Pemasangan Tingkap Telah Dibaiki**



Lokasi: Ruang Persediaan, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 10 April 2013

**GAMBAR 8.28**  
**Kebocoran Pada Bawah Tangki Air**




Lokasi: Aras Bumbung, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.29**  
**Permukaan Lantai Retak Dan Telah Pecah**



Lokasi: Aras Bumbung, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.30**  
**Kemasan Binaan Dinding Telah Tercabut**



Lokasi: Bilik Pengarah, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.31**  
**Paip Air Telah Patah**



Lokasi: Aras Bawah, Kafeteria Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

Pada pendapat Audit, pemeriksaan menyeluruh tidak dibuat oleh UTHM dan ini menyebabkan semua kecacatan belum dibaiki dengan segera bagi memastikan ia dapat digunakan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

#### 8.4.3.2 Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan perubahan kerja yang diluluskan dari semasa ke semasa. Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 mendapati kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 8.12  
KERJA YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI**

PROJEK	LOKASI PEMBINAAN	SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN	KEADAAN FIZIKAL PEMBINAAN
Masjid Dan Pusat Islam	Masjid – Bilik Fail 1	Tiada struktur tiang berada di dalam Bilik Fail.	Struktur tiang berada di dalam bilik fail. Saiz ruang lebih kecil berbanding saiz yang direka bentuk. <b>(Gambar 8.32)</b>
	Masjid – Ruang <i>Switchgear</i>	Kipas pelawas hendaklah dipasang dengan sempurna dan lengkap dengan bukaan pada dinding di ruang <i>switchgear</i> .	Pemasangan kipas pelawas pada ruang tingkap kekisi tidak sempurna. <b>(Gambar 8.33)</b>
	Masjid – Pintu Masuk Utama	Ruang landskap hendaklah ditanam dengan landskap lembut sepertimana yang dinyatakan di dalam lukisan.	Pokok belum ditanam di ruang landskap. <b>(Gambar 8.34)</b>
	Tadika & Taska - Lobi	Saluran paip servis perlu ditutup ( <i>box up</i> ).	Saluran paip servis berada di atas pintu dan tidak ditutup ( <i>box up</i> ). <b>(Gambar 8.35)</b>

**GAMBAR 8.32**  
Struktur Tiang Berada Di Dalam Bilik Fail.  
Saiz Ruang Bilik Fail Lebih Kecil  
Berbanding Saiz Yang Direka Bentuk



Lokasi: Bilik Fail 1, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.33**  
Pemasangan Kipas Pelawas Pada Ruang  
Tingkap Kekisi Tidak Sempurna



Lokasi: Ruang *Switchgear*, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.34**  
Pokok Belum Ditanam Di Ruang Landskap



Lokasi: Pintu Masuk Utama, Masjid  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.35**  
Saluran Paip Servis Berada Di Atas Pintu Dan Tidak Ditutup (Box Up)



Lokasi: Lobi, Tadika & Taska  
Tarikh: 16 Oktober 2012

### 8.4.3.3 Reka Bentuk Dan Spesifikasi Yang Tidak Memenuhi Keperluan Pengguna

Setiap reka bentuk bagi struktur pembinaan hendaklah mengikut spesifikasi yang sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 mendapati kerja pembinaan yang tidak praktikal, tidak sesuai dan tidak memenuhi keperluan pengguna. Antara kerja pembinaan tersebut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 8.13**  
SPESIFIKASI TIDAK SESUAI

PROJEK	LOKASI PEMBINAAN	KEADAAN FIZIKAL PEMBINAAN	ULASAN AUDIT
Masjid Dan Pusat Islam	Masjid- Depan Ruang Dapur	Pemasangan saluran paip air tidak dipasang terus ke longkang perimeter bangunan. <b>(Gambar 8.36)</b>	Pemasangan saluran paip air sepatutnya dipasang terus ke longkang perimeter bangunan dan bukannya di atas apron. Pemasangan ini boleh menyebabkan air di atas apron dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan kulat atau lumut di atas permukaan apron.
	Masjid- Jalan Depan Masjid	Saluran penyambungan tidak ditanam di dalam tanah dan telah pecah. <b>(Gambar 8.37)</b>	Bagi mengalirkan air daripada permukaan jalan terus ke longkang, saluran penyambungan perlu diperbaiki dan ditanam di dalam tanah.
	Tadika & Taska – Tangga	Kemasan di bahagian hujung susur tangga tajam dan boleh mendatangkan bahaya. <b>(Gambar 8.38)</b>	Bagi tujuan keselamatan bahagian hujung susur tangan di tangga yang tajam perlu dirapikan.
	Masjid – Laluan Dari Courtyard Ke Wakaf	Longkang perimeter tidak ditutup sepenuhnya dan boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna. <b>(Gambar 8.39)</b>	Longkang perimeter di laluan dari <i>courtyard</i> ke wakaf perlu ditutup sepenuhnya bagi mengelakkan bahaya kepada pengguna.
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan	Aras 3, Tandas Lelaki	Kerangka siling diikat pada saluran paip. <b>(Gambar 8.40)</b>	Kerangka siling sepatutnya dipasang terus ke <i>concrete slab</i> dan bukan diikat pada saluran paip.
	Aras 8	Kerangka siling hanya diikat	Kerangka siling sepatutnya dipasang terus ke



PROJEK	LOKASI PEMBINAAN	KEADAAN FIZIKAL PEMBINAAN	ULASAN AUDIT
Perniagaan		dengan tali pada <i>trunking</i> elektrik. <b>(Gambar 8.41)</b>	<i>concrete slab</i> dengan menggunakan <i>hanger</i> yang sesuai dan bukannya menggunakan tali.
	Aras 3, Tandas Lelaki	Tiada tombol disediakan pada pintu tandas jenis tarik ke luar. <b>(Gambar 8.42)</b>	Tombol pada pintu tandas jenis tarik ke luar perlu dipasang.
Kolam Renang dan Blok Pentadbiran	Blok Pentadbiran – Aras Bumbung	Tiada besi penyokong yang dipasang di paip air dan penggunaan 2 paip yang berlainan jenis pada tangki air. <b>(Gambar 8.43)</b>	Sepatutnya paip air disokong dengan pendakap ( <i>bracket</i> ). Bagi tujuan penyenggaraan, sepatutnya hanya 1 jenis paip sahaja digunakan untuk pemasangan pada tangki air.
	Blok Pentadbiran – Courtyard	Lurang tidak ditutup dan berbahaya kepada pengguna kerana berhampiran pintu masuk kafeteria. Air kumbahan pula tidak mengalir dan bertakung di dalam lurang. <b>(Gambar 8.44)</b>	Lurang sepatutnya ditutup kerana berbahaya kepada pengguna kerana berhampiran dengan pintu masuk kafeteria. Memandangkan bangunan telah beroperasi, aliran sistem kumbahan sepatutnya juga telah beroperasi dengan lancar dan tidak bertakung di dalam lurang.
	Kolam Renang - Bebandul	Aras <i>outlet</i> untuk bebandul tidak mengikut amalan kejuruteraan yang baik dan lebih tinggi daripada aras jalan. <b>(Gambar 8.45)</b>	Aras <i>outlet</i> pada bebandul jalan lebih tinggi daripada aras jalan. Sepatutnya lebih rendah daripada aras jalan supaya air boleh mengalir daripada permukaan jalan.
	Kolam Renang - Longkang	Pembinaan saluran paip yang merentangi longkang. <b>(Gambar 8.46)</b>	Saluran paip dibina merentangi longkang. Sepatutnya dipasang dan ditanam lebih rendah daripada longkang.

#### a. Masjid Dan Pusat Islam

**GAMBAR 8.36**  
**Pemasangan Saluran Paip Air Tidak Dipasang Terus Ke Longkang Perimeter Bangunan**



Lokasi: Depan Ruang Dapur, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.37**  
**Saluran Penyambungan Tidak Ditanam Di Dalam Tanah Dan Telah Pecah**



Lokasi: Jalan Depan Masjid, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.38**  
**Kemasan Di Bahagian Hujung Susur**  
**Tangga Tajam Dan Boleh**  
**Mendatangkan Bahaya**



Lokasi: Tangga Ke Taska & Tadika, Tadika & Taska  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.39**  
**Longkang Perimeter Tidak Ditutup**  
**Sepenuhnya Dan Boleh Mendatangkan**  
**Bahaya Kepada Pengguna**



Lokasi: Laluan Dari Courtyard Ke Wakaf, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012


**b. Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan**

**GAMBAR 8.40**  
**Kerangka Siling Diikat Pada Saluran Paip**



Lokasi: Aras 3, Tandas Lelaki, FPTP  
 Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 8.41**  
**Kerangka Siling Hanya Diikat Dengan**  
**Tali Pada Trunking Elektrik**



Lokasi: Aras Lapan, FPTP  
 Tarikh: 17 Oktober 2012



**GAMBAR 8.42**  
**Tiada Tombol Disediakan Pada Pintu**  
**Tandas Jenis Tarik Ke Luar**

Lokasi: Aras 3, Tandas Lelaki, FPTP  
 Tarikh: 17 Oktober 2012

### c. Kolam Renang dan Blok Pentadbiran

**GAMBAR 8.43**  
Tiada Besi Penyokong Dipasang Di Paip Air Dan Penggunaan 2 Paip Yang Berlainan Jenis Pada Tangki Air



Lokasi: Aras Bumbung, Blok Pentadbiran  
Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.44**  
Lurang Tidak Ditutup Dan Air Kumbahan Tidak Mengalir



Lokasi: Courtyard, Blok Pentadbiran  
Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.45**  
Aras Outlet Untuk Bebendul Tidak Mengikut Amalan Kejuruteraan Yang Baik Dan Lebih Tinggi Daripada Aras Jalan



Lokasi: Bebendul, Kolam Renang  
Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.46**  
Pembinaan Saluran Paip Yang Merentangi Longkang



Lokasi: Longkang, Kolam Renang  
Tarikh: 18 Oktober 2012

#### 8.4.3.4 Tahap Keselamatan

Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 di tapak pembinaan mendapati tahap keselamatan kurang diberi perhatian di mana kerja mekanikal dan elektrik yang dijalankan adalah kurang memuaskan oleh pihak yang dilantik. Antara penemuan adalah *trunking* elektrik tidak ditutup sepenuhnya, bilik suis tidak dilengkapi dengan alat pengesan kebakaran, bilik suis dijadikan stor barang dan penyambungan pada *earth electrode* tidak menggunakan kaedah *exothermic welding*. Penemuan Audit adalah berdasarkan lawatan ke Masjid Dan Pusat Islam, FPTP serta Blok Pentadbiran seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 8.47**  
**Trunking Elektrik Tidak Ditutup**  
**Sepenuhnya. Penebat Kabel Yang**  
**Terdedah Mudah Rosak Dan**  
**Mengurangkan Jangka Hayat Kabel**




Lokasi: Bangunan *Crescent*, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.48**  
**Setiap Bilik Suis Tidak Dilengkapi Dengan**  
**Alat Pengesan Kebakaran Dan Alat**  
**Pemadam Api**




Lokasi: *Substation* Elektrik, Masjid  
 Tarikh: 16 Oktober 2012

**GAMBAR 8.49**  
**Bilik Suis Dijadikan Stor Barang**



Lokasi: Aras 3, Bilik Suis FPTP  
 Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 8.50**  
**Kesemua Silinder Karbon Dioksida Diikat**  
**Dengan Dawai**



Lokasi: Bilik MSB, FPTP  
 Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 8.51**  
**Penyambungan Pada *Earth Electrode***  
**Tidak Menggunakan Kaedah *Exothermic***  
***Welding***



Lokasi: Sistem Pembumian, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

**GAMBAR 8.52**  
**Notis DILARANG MASUK, BAHAYA Dan**  
**DILARANG MEROKOK Tidak Dilekatkan**  
**Pada Setiap Pintu Bilik Suis**



Lokasi: Bilik Suis, Blok Pentadbiran  
 Tarikh: 18 Oktober 2012

#### 8.4.3.5 Kontraktor Belum Membaiki Kecacatan

Perjanjian telah menetapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan, sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan atau kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau kualiti hasil kerja yang tidak menepati perjanjian akan dimaklumkan oleh UTHM kepada kontraktor secara bertulis. Semua kos kecacatan akan ditanggung oleh kontraktor sekiranya masih dalam tempoh tanggungan kecacatan.

Semakan Audit terhadap Laporan Kecacatan dan Kerosakan mendapati semua kecacatan telah dilaporkan bagi Projek Pembinaan Masjid Dan Pusat Islam, FFTP serta Blok Pentadbiran. Semakan lanjut mendapati sehingga akhir tempoh tanggungan kecacatan (DLP), sebanyak 107 daripada 210 kecacatan yang dilaporkan belum diambil tindakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.14**  
**BILANGAN KECACATAN DAN KEROSAKAN**  
**YANG DILAPORKAN SEHINGGA BULAN OKTOBER 2012**

PROJEK	TEMPOH DLP	BILANGAN KECACATAN DILAPORKAN	BILANGAN KECACATAN DIBAIKI	BILANGAN KECACATAN BELUM DIBAIKI
Masjid Dan Pusat Islam	21.10.2011 - 21.10.2012	102	0	102
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan	20.07.2011 - 20.07.2012	61	61	0
Blok Pentadbiran	16.02.2012 - 16.02.2013	47	42	5
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>210</b>	<b>103</b>	<b>107</b>

*Sumber: Defect List Daripada UTHM*

Pihak Audit mendapati sejumlah RM1.30 juta wang jaminan pelaksanaan bagi Pembinaan Masjid Dan Pusat Islam masih dipegang untuk menanggung kos pembaikan kecacatan. Bagaimanapun, nilai keseluruhan kecacatan tidak dapat disahkan kerana anggaran kos pembaikan kecacatan tidak dibuat oleh UTHM.

**Pada pendapat Audit, kerja pembinaan yang tidak menepati spesifikasi dan kualiti yang sempurna serta kegagalan kontraktor membaiki kecacatan dengan segera telah menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna.**

**Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013.**

*UTHM akan memastikan kontraktor dan perunding menyediakan kakitangan teknikal yang kompeten bagi menentukan kualiti kerja, prosedur dan peraturan kerja di tapak dipatuhi. UTHM juga memaklumkan sebahagian besar kerosakan dan kerja tidak mengikut spesifikasi adalah termasuk dalam*

*senarai kecacatan kontraktor. UTHM akan melantik pihak ketiga jika kontraktor sedia ada gagal membaiki kerosakan dan kecacatan yang dilaporkan.*

#### **8.4.4 Pemantauan**

Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dijalankan bagi pembinaan projek melalui dana PFI di UTHM adalah seperti berikut:

##### **8.4.4.1 Pemantauan Oleh UTHM**

UTHM yang dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek pembinaan melalui dana PFI. Semakan Audit mendapati UTHM telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap projek pembinaan PFI di peringkat pengurusan UTHM dan Kementerian. Selain itu, pemantauan dibuat melalui mesyuarat tapak, buku harian tapak dan lawatan fizikal semasa projek dalam pelaksanaan.

##### **8.4.4.2 Pemantauan Oleh Perunding**

Pemantauan terhadap projek pembinaan melalui dana PFI di UTHM juga dilaksanakan oleh perunding. Semakan Audit mendapati perunding telah mengadakan Mesyuarat Teknikal setiap bulan bagi memantau pelaksanaan projek. Perunding juga telah menyediakan laporan mengenai kerosakan dalam tempoh tanggungan kecacatan yang perlu dibaiki oleh kontraktor. Bagaimanapun, kontraktor bagi Masjid Dan Pusat Islam tidak mengambil tindakan bagi membaiki kerosakan sehingga tempoh tanggungan kecacatan tamat.

**Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan projek telah diwujudkan untuk memantau projek ini. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan kurang berkesan berdasarkan prestasi kemajuan projek yang lewat disiapkan dan kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan.**

#### **8.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan UTHM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

8.5.1 UTHM hendaklah memastikan kesemua kelulusan Arahan Perubahan Kerja diperoleh sebelum perubahan kerja dilaksanakan.



8.5.2 UTHM hendaklah memastikan kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak sesuai diambil tindakan segera bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna serta mencapai objektif pembinaan.

8.5.3 UTHM perlu membuat pemeriksaan menyeluruh dan memastikan semua kecacatan serta kerja pembinaan yang belum disiapkan diambil tindakan dengan segera. UTHM perlu mengenal pasti kelemahan yang wujud, menganalisis dan mengambil tindakan bagi mengelakkan kesilapan berulang.

8.5.4 UTHM perlu melaporkan kepada Kementerian Kewangan supaya kontraktor yang mempunyai prestasi tidak memuaskan dan tidak berkemampuan disenaraihitamkan. Laporan kepada badan profesional yang berkenaan hendaklah dibuat supaya tindakan tatatertib boleh diambil terhadap kontraktor dan perunding yang kurang cekap.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

# LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA

## 9. PENGURUSAN GERAN KEPADA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

### 9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) ditubuhkan pada 1 April 2007 di bawah Akta Lembaga Promosi Kesihatan 2006 (Akta 651) dan dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Tujuan penubuhan MySihat adalah sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang promosi kesihatan di peringkat nasional dan antarabangsa.

9.1.2 Selaras dengan fungsinya, MySihat telah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti promosi kesihatan untuk faedah masyarakat. Antara objektif aktiviti promosi kesihatan adalah membiayai dan menyokong pertubuhan sukan, rekreasi dan kebudayaan serta mempromosikan cara hidup dan persekitaran yang sihat.

9.1.3 MySihat telah memberi geran kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melaksanakan aktiviti promosi kesihatan sejak tahun 2008. Bidang keutamaan aktiviti promosi kesihatan yang layak mendapat geran adalah seperti projek kawalan dan pencegahan penggunaan tembakau, promosi cara hidup sihat seperti senaman atau pemakanan sihat, kesihatan persekitaran, kesihatan mental, pencegahan kanser dan diabetes serta promosi kesihatan melalui aktiviti sukan dan kebudayaan. Selain itu, MySihat turut memberi khidmat nasihat kepada NGO bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan NGO untuk melaksanakan aktiviti promosi kesihatan.

9.1.4 Pada tahun 2010 sehingga 2012, MySihat telah memperuntukkan geran sejumlah RM34.21 juta kepada NGO dan sejumlah RM25.91 juta atau 75.7% telah diluluskan kepada NGO yang layak di bawah 5 kategori yang melibatkan aktiviti seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.1**  
**KATEGORI GERAN KEPADA NGO**

BIL.	KATEGORI GERAN	AKTIVITI
1.	Promosi Kesihatan	Senamrobik, pengurusan berat badan, kem berhenti merokok, kem kesihatan dan aktiviti kesihatan persekitaran.
2.	Sukan & Rekreasi	Latihan dan pertandingan sukan, mendaki gunung dan berkayak.
3.	Kebudayaan	Senamseni, sukaneka, silat, pertandingan pidato, pementasan drama, boria dan dikir barat.
4.	Penyelidikan	Penyelidikan yang berkaitan kesihatan.
5.	Bina Upaya	Kem motivasi, bengkel dan seminar berkaitan kesihatan.

Sumber: *Garis Panduan Geran*

9.1.5 Kelulusan geran yang diberi kepada NGO oleh MySihat seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.2**  
**PERINGKAT KELULUSAN GERAN**

BIL.	NILAI GERAN	PERINGKAT KELULUSAN
1.	RM10,000 dan ke bawah	Pengerusi MySihat, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Ketua Pegawai Eksekutif
2.	RM10,001 hingga RM100,000	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal
3.	RM100,001 hingga RM500,000	Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Geran
4.	RM500,001 dan ke atas	Mesyuarat Ahli Lembaga

Sumber: *Garis Panduan Geran*

## 9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan geran MySihat dan aktiviti NGO telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## 9.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pemberian geran kepada 133 NGO bagi tahun 2010 sehingga 2012. Semakan Audit telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan pengurusan geran MySihat dan aktiviti NGO serta menganalisis data yang berkaitan. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai yang berkenaan serta lawatan fizikal turut dijalankan ke lokasi aktiviti NGO di Negeri Melaka, Pulau Pinang, Pahang, Sabah dan Sarawak.

## 9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2012 sehingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan geran oleh MySihat adalah baik. Bagaimanapun, aktiviti yang dijalankan oleh NGO adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Kajian impak terhadap setiap kategori geran yang diberikan kepada NGO belum dilaksanakan oleh MySihat;
- ii. Aktiviti yang dilaksanakan tidak mengikut perancangan menyebabkan masyarakat di kawasan yang terlibat tidak mendapat manfaat daripada program yang dijalankan;
- iii. Pembayaran sejumlah RM39,305 tanpa dokumen sokongan yang lengkap;

- iv. Bilangan peserta program tidak mencapai sasaran kerana program yang dijalankan tidak bersesuaian dan kurang publisiti;
- v. Program dilaksanakan sebelum Surat Tawaran *Ex-Gratia* ditandatangani dan dikemukakan oleh NGO;
- vi. Bahan promosi dan publisiti Program Melaka Bebas Asap Rokok kurang berkesan kerana bahan promosi yang digunakan telah kelihatan kecil dan terlindung;
- vii. Sebanyak 30 daripada 133 NGO tidak atau lewat mengemukakan laporan akhir bagi tahun 2010 sehingga 2012; dan
- viii. MySihat tidak mewujudkan kaedah pemantauan yang sistematik dan berkesan.

Penjelasan lanjut terhadap kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

#### 9.4.1 Prestasi Pengurusan Geran Kepada NGO

9.4.1.1 Setiap tahun MySihat akan mengagihkan geran kepada NGO untuk melaksanakan aktiviti berkaitan promosi kesihatan mengikut peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 691 aktiviti telah diluluskan oleh MySihat bagi tahun 2010 sehingga 2012 dan sebanyak 678 atau 98.1% telah dilaksanakan sehingga 31 Disember 2012. Hanya meliputi aktiviti yang diluluskan bagi tahun 2010 sehingga 2012 dan baki sebanyak 13 aktiviti yang diluluskan pada tahun 2012 akan dilaksanakan pada tahun 2013. Jumlah aktiviti yang diluluskan dan dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.3**  
**BILANGAN AKTIVITI YANG DILULUSKAN DAN DILAKSANAKAN**  
**BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

BIL.	KATEGORI GERAN	AKTIVITI DILULUSKAN				AKTIVITI DILAKSANAKAN			
		TAHUN			JUMLAH	TAHUN			JUMLAH
		2010	2011	2012		2010	2011	2012	
1.	Promosi Kesihatan	81	127	103	311	75	103	120	298
2.	Sukan Dan Rekreasi	40	98	89	227	38	82	107	227
3.	Kebudayaan	26	34	22	82	26	30	26	82
4.	Bina Upaya	17	22	20	59	17	21	21	59
5.	Penyelidikan	3	6	3	12	3	6	3	12
<b>JUMLAH</b>		<b>167</b>	<b>287</b>	<b>237</b>	<b>691</b>	<b>159</b>	<b>242</b>	<b>277</b>	<b>678</b>

Sumber: Unit Kewangan MySihat

9.4.1.2 Pada tahun 2010 sehingga 2012, pemberian geran kepada NGO mengikut pecahan jumlah geran, bilangan penerima dan peratusan penerima adalah seperti berikut:

**JADUAL 9.4  
BILANGAN NGO MENGIKUT JULAT GERAN  
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

BIL.	JUMLAH GERAN (RM)	BILANGAN NGO	PERATUSAN PENERIMA
1.	10,000 dan ke bawah	171	27.5
2.	10,001 hingga 50,000	368	59.3
3.	50,001 hingga 100,000	67	10.8
4.	100,001 hingga 500,000	10	1.6
5.	500,001 hingga 1,000,000	5	0.8
	<b>JUMLAH</b>	<b>621</b>	

Sumber: Unit Kewangan MySihat

9.4.1.3 Perbelanjaan bagi pemberian geran kepada NGO hendaklah dirancang selaras dengan peruntukan yang telah diluluskan. Pada tahun 2010 sehingga 2012, MySihat telah memperuntukkan geran sejumlah RM34.21 juta kepada NGO dan daripada peruntukan tersebut sejumlah RM25.91 juta atau 75.7% telah diluluskan kepada NGO yang layak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.5  
PERUNTUKAN DAN GERAN YANG DILULUSKAN  
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

TAHUN	PERUNTUKAN GERAN (RM)	GERAN DILULUSKAN KEPADA NGO (RM)	PERATUSAN (%)
2010	9,671,640	4,714,934	48.8
2011	10,973,000	10,793,952	98.4
2012	13,565,280	10,396,800	76.6
<b>JUMLAH</b>	<b>34,209,920</b>	<b>25,905,686</b>	

Sumber: Unit Kewangan MySihat

9.4.1.4 Kaedah pembayaran geran kepada NGO adalah secara berperingkat berdasarkan jumlah geran yang diluluskan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.6  
PERINGKAT PEMBAYARAN GERAN KEPADA NGO**

BIL.	JUMLAH GERAN	PERATUS PEMBAYARAN	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
1.	RM10,000 dan ke bawah	10%	i. Borang persetujuan menerima tawaran geran MySihat. ii. Surat Tawaran Geran <i>Ex-Gratia</i> yang telah ditandatangani.
		80%	i. Pelan pelaksanaan program terkini. ii. Perincian perbelanjaan terkini.
		10%	i. Laporan Akhir Projek termasuk penyata kewangan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.
2.	RM10,001 sehingga RM100,000	30%	i. Borang persetujuan menerima tawaran geran MySihat. ii. Surat Tawaran Geran <i>Ex-Gratia</i> yang telah ditandatangani.
		40%	i. Pelan pelaksanaan program terkini. ii. Perincian perbelanjaan terkini.

BIL.	JUMLAH GERAN	PERATUS PEMBAYARAN	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
		30%	i. Laporan Akhir Projek termasuk penyata kewangan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.
3.	RM100,001 dan ke atas	10%	i. Borang persetujuan menerima tawaran geran MySihat. ii. Surat Tawaran Geran <i>Ex-Gratia</i> yang telah ditandatangani.
		40%	i. Pelan pelaksanaan program terkini. ii. Perincian perbelanjaan terkini.
		40%	i. Laporan penilaian program.
		10%	i. Laporan Akhir Projek termasuk penyata kewangan yang disahkan oleh Akauntan Bertauliah.

Sumber: Surat Tawaran *Ex-Gratia*

9.4.1.5 Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 dan 2011, geran yang dibayar kepada NGO melebihi 95% berbanding geran yang diluluskan. Bagaimanapun, peratusan geran yang dibayar bagi tahun 2012 adalah lebih rendah daripada geran yang diluluskan iaitu 68.2%. Ini disebabkan terdapat program yang sedang dijalankan atau belum dimulakan oleh NGO. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.7**  
**GERAN YANG DILULUSKAN DAN DIBAYAR KEPADA NGO**  
**BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

BIL.	KATEGORI GERAN	2010			2011			2012		
		DILULUSKAN (RM)	DIBAYAR		DILULUSKAN (RM)	DIBAYAR		DILULUSKAN (RM)	DIBAYAR	
			(RM)	(%)		(RM)	(%)		(RM)	(%)
1.	Promosi Kesihatan	2,191,389	2,169,390	99.0	6,426,304	6,032,681	93.9	5,754,860	3,408,655	59.2
2.	Sukan & Rekreasi	1,046,771	1,046,771	100	2,266,946	2,265,946	99.9	3,089,440	2,290,017	74.1
3.	Kebudayaan	844,000	844,000	100	1,002,350	1,002,350	100	1,000,700	926,700	92.6
4.	Bina Upaya	522,774	515,774	98.7	713,550	694,650	97.4	453,500	384,059	84.7
5.	Penyelidikan	110,000	92,000	83.6	384,802	272,302	70.8	98,300	77,157	78.5
	<b>JUMLAH</b>	<b>4,714,934</b>	<b>4,667,935</b>	<b>99.0</b>	<b>10,793,952</b>	<b>10,267,929</b>	<b>95.1</b>	<b>10,396,800</b>	<b>7,086,588</b>	<b>68.2</b>

Sumber: Unit Kewangan MySihat

9.4.1.6 Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan yang menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut adalah penting untuk mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran. Semakan Audit mendapati MySihat belum menjalankan kajian impak terhadap setiap kategori geran yang diberi walaupun geran telah dibayar kepada NGO melebihi 95% bagi tahun 2010 dan 2011.



Pada pendapat Audit, MySihat telah menyalurkan geran kepada NGO untuk melaksanakan aktiviti mengikut perancangan. Bagaimanapun, MySihat tidak dapat menilai *outcome* terhadap geran yang telah diberi kepada NGO berkenaan kerana kajian impak secara keseluruhan terhadap setiap kategori geran belum dijalankan.

#### **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan masih belum melaksanakan kajian impak terhadap setiap kategori geran. Bagaimanapun, MySihat telah melaksanakan beberapa kajian seperti kajian formatif, kajian penilaian ekonomi, kajian impak terhadap Program Melaka Bebas Asap Rokok dan penilaian atas talian iaitu MySihat Online Evaluation System. MySihat juga akan mengkaji semula proses kerja pengurusan geran. Kertas cadangan penambahbaikan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga yang dijangka diadakan pada bulan September 2013.*

#### **9.4.2 Pelaksanaan Aktiviti Tidak Mengikut Perancangan**

Setiap NGO hendaklah mengemukakan Pelan Pelaksanaan Projek dan perincian bajet terkini berdasarkan peruntukan yang diluluskan kepada MySihat sebelum melaksanakan sesuatu projek. Pelan Pelaksanaan Projek hendaklah mengandungi tarikh, masa, tempat dan jenis aktiviti yang akan dilaksanakan. MySihat akan membuat pembayaran secara berperingkat mengikut jumlah geran yang diluluskan.

##### **9.4.2.1 Kelab Sukan Dan Rekreasi Kumpulan NSTP (M) Berhad**

Kelab Sukan Dan Rekreasi Kumpulan NSTP (M) Berhad telah melaksanakan Program 10,000 Langkah Sehari Bersama MySihat dan Berita Harian dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia melalui peruntukan geran sejumlah RM1 juta. Tempoh pelaksanaan program telah ditetapkan oleh MySihat selama setahun iaitu dari bulan Julai 2011 sehingga Jun 2012. Mengikut pelan pelaksanaan, sasaran peserta adalah antara seramai 3,000 hingga 10,000 orang di setiap lokasi dan dilaksanakan di 14 lokasi secara berperingkat mengikut negeri. Semakan lanjut mendapati Kelab Sukan Dan Rekreasi Kumpulan NSTP (M) Berhad gagal melaksanakan program seperti yang dirancang. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. MySihat telah membayar sejumlah RM500,000 atau 50% geran yang diluluskan kepada NGO tersebut bagi peringkat pertama dan kedua pada 17 Oktober 2011. Peruntukan sejumlah RM400,000 atau 40% pula dibayar pada 16 Julai 2012 untuk melaksanakan Program 10,000 Langkah Sehari di 14 lokasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, program tersebut dilaksanakan di

3 lokasi sahaja. Lokasi yang terlibat adalah di Putrajaya pada 23 Julai 2011 dengan penyertaan seramai 3,500 orang, di Bentong, Pahang pada 15 Oktober 2011 dengan penyertaan seramai 5,000 orang dan di Papar, Sabah pada 11 Disember 2011 dengan penyertaan seramai 7,000 orang.

- b. Pemantauan telah dijalankan oleh pegawai dari Bahagian Perancangan Dan Penilaian Program MySihat di setiap lokasi program. Bagaimanapun, tiada semakan terhadap perbelanjaan program dibuat oleh pegawai berkenaan. Laporan bagi 3 program tersebut diterima oleh MySihat pada 12 Jun 2012 dan sejumlah RM822,019 atau 82.2% daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan. MySihat telah mencadangkan baki program di 11 lokasi dilaksanakan walaupun berskala kecil tetapi ia tidak dapat dilaksanakan kerana NGO tersebut telah membelanjakan 91.3% daripada geran yang diterima.
- c. **Analisis Audit terhadap perbelanjaan berjumlah RM822,019 bagi 3 lokasi mendapati 84.7% daripada perbelanjaan tersebut adalah untuk peralatan, cenderahati dan persembahan artis serta juruacara.** Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.8**  
**PERBELANJAAN PROGRAM 10,000 LANGKAH SEHARI**  
**DI 3 LOKASI BERBANDING PELAN PELAKSANAAN**

BIL.	PERKARA	PELAN PELAKSANAAN (14 LOKASI) RM	LOKASI			JUMLAH PERBELANJAAN	
			PUTRAJAYA	BENTONG	PAPAR	RM	%
			RM	RM	RM		
1.	Pelancaran & Penyampaian Hadiah	30,000	2,800	5,065	2,050	9,915	33.1
2.	Promosi	165,000	17,545	22,041	-	39,586	23.9
3.	Peralatan/Acara	175,000	111,170	113,518	113,129	337,817	193.0
4.	Cenderahati&Hadiah	600,000	300,741	11,630	8,093	320,464	53.4
5.	Persembahan Artis	30,000	7,000	6,000	3,000	16,000	53.3
6.	Juruacara/ <i>Activation</i>	30,000	8,550	7,450	6,000	22,000	73.3
7.	Pentadbiran	10,000	12,753	3,375	109	16,237	162.4
8.	Sijil Penyertaan	-	10,000	10,000	10,000	(30,000)	(100.0)
9.	NSTP Group Event Team Management	-	10,000	10,000	10,000	(30,000)	(100.0)
<b>JUMLAH</b>		<b>1,040,000</b>	<b>480,559</b>	<b>189,079</b>	<b>152,381</b>	<b>822,019</b>	

Sumber: *Pelan Pelaksanaan Dan Laporan Akhir Projek 10,000 Langkah Sehari*

- d. MySihat telah membuat pemantauan di setiap lokasi program yang dijalankan. Bagaimanapun, NGO tersebut tidak dapat mengemukakan penyata pendapatan dan perbelanjaan serta dokumen sokongan untuk semakan. MySihat hanya menyedari NGO tersebut telah menggunakan

peruntukan yang tinggi setelah menerima Laporan Akhir Program selepas 6 bulan tamatnya program.

### **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan pelaksanaan projek ini telah dipantau dan mendapati beberapa kelemahan dari segi perancangan projek. Bagaimanapun, MySihat telah memberi teguran supaya NGO memenuhi syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia. Sehingga kini, NGO telah melaksanakan program pada skala kecil di 11 lokasi yang telah ditetapkan. Laporan Akhir Projek telah diterima dan Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Projek Geran Terbuka bertarikh 17 Jun 2013 telah bersetuju bahawa bayaran akhir sebanyak 10% (RM100,000) tidak diluluskan dan NGO akan disenarai hitam daripada permohonan akan datang.*

#### **9.4.2.2 Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong, Perak**

- a. Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong, Perak telah diluluskan geran berjumlah RM200,000 untuk mengadakan Karnival Sukan Parlimen Lenggong 2012 serta 12 siri program sukan dan kesihatan. Sasaran peserta yang akan menyertai karnival tersebut adalah seramai 6,100 orang manakala tempoh aktiviti adalah selama 3 bulan bermula 23 April 2012 dan hendaklah mengemukakan Laporan Akhir Projek sebelum 24 Ogos 2012. Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong telah menandatangani Surat Tawaran Geran Ex Gratia pada 29 Mac 2012 dan sejumlah RM180,000 telah dibayar oleh MySihat. Mengikut program Karnival Sukan tersebut, Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong juga akan melaksanakan 12 siri program sukan dan kesihatan berjumlah RM60,000 dengan peruntukan sejumlah RM5,000 bagi setiap siri.
- b. Karnival Sukan Parlimen Lenggong 2012 telah dilaksanakan pada 29 Mac sehingga 1 April 2012 dan Program Sukaneka Kampung Tawai, Lenggong pada 23 April 2012. Bagaimanapun, pihak Audit **tidak dapat mengesahkan sama ada baki 11 siri program sukan dan kesihatan telah dilaksanakan** kerana sehingga 31 Disember 2012 Laporan Akhir Projek masih belum dikemukakan. MySihat juga tidak mengeluarkan surat peringatan kepada NGO tersebut. Ini menyebabkan objektif program untuk memberi pendedahan mengenai kebaikan aktiviti sukan dan pendidikan kesihatan kepada masyarakat luar bandar tidak tercapai.

### **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan NGO masih belum mengemukakan Laporan Akhir Projek. Bagaimanapun, MySihat telah menghantar surat peringatan kepada NGO dan sekiranya laporan masih belum terima dalam bulan Ogos 2013, tindakan senarai hitam akan diambil dan baki geran tidak dibayar.*

#### **9.4.2.3 Persatuan Kebudayaan Dan Kesenian Kubang Jela Daerah Kuala Terengganu**

- a. MySihat telah meluluskan geran sejumlah RM15,000 kepada Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Kubang Jela Daerah Kuala Terengganu pada 23 Februari 2011 untuk melaksanakan Program Sukaneka Rakyat dan Mari Belajar Kompang. Program dirancang untuk dilaksanakan pada 5 Jun sehingga 15 Disember 2011.
- b. Program Sukaneka Rakyat telah dilaksanakan pada 25 Disember 2011 dengan perbelanjaan sejumlah RM8,314. Bagaimanapun, Program Mari Belajar Kompang yang perlu dijalankan sebanyak 24 kali tidak dilaksanakan. MySihat telah menerima surat penangguhan dan pindaan Program Mari Belajar Kompang kepada sukan boling pada 26 Jun 2012 tetapi MySihat menyarankan NGO meneruskan Program Mari Belajar Kompang. Sehubungan itu, NGO telah melaksanakan Majlis Penutup Latihan Kompang pada 14 Julai 2012 dengan perbelanjaan sejumlah RM6,600 bagi memenuhi kehendak MySihat. **Semakan lanjut terhadap Laporan Akhir Projek mendapati perbelanjaan tersebut terdiri daripada pembelian hamper dan cenderahati, sewa dewan serta membayar jurulatih aerobik. Program Mari Belajar Kompang gagal dilaksanakan kerana NGO tersebut tidak mempunyai pengalaman dan kurang bimbingan daripada MySihat.**

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program 10,000 Langkah Sehari dan Program Mari Belajar Kompang tidak mengikut perancangan menyebabkan objektif program tidak tercapai dan masyarakat setempat tidak mendapat manfaat daripada program tersebut. Selain itu, kegagalan Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong menghantar Laporan Akhir Projek dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan MySihat tidak dapat mengesahkan semua program telah dilaksanakan seperti yang dirancang.**

## **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan akan menambah baik syarat di dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia bagi membolehkan kes seperti ini ditadbir dengan baik pada masa hadapan.*

### **9.4.3 Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap**

Setiap perbelanjaan hendaklah disertakan dengan baucar bayaran yang disokong dengan invois, sebut harga, bil atau nota terima barang bagi memastikan kesahihan pembayaran. Semakan Audit mendapati sebanyak 3 NGO telah membuat pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

#### **9.4.3.1 Pertubuhan Pengusaha *Homestay* Semporna, Sabah**

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Promosi Kesihatan MySihat pada 13 Mei 2011 telah meluluskan permohonan daripada Pertubuhan Pengusaha *Homestay* Semporna, Sabah untuk melaksanakan Projek Promosi Kesihatan Persekitaran Pulau Bum-Bum dengan peruntukan geran berjumlah RM100,000. Laporan Akhir Projek Promosi Kesihatan Di Persekitaran Pulau Bum-Bum telah diterima pada 13 Jun 2012. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Ramadhan Tanpa Rokok, Gotong-royong Perdana, Perasmian Projek Kebersihan dan Keceriaan Pulau Bum-Bum, Kursus Promoter dan Bengkel Kebersihan.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Program Kursus Promoter dan Gotong-Royong Perdana mendapati baucar dan dokumen sokongan tidak dikemukakan bagi bayaran kepada penceramah dari Pejabat Kesihatan berjumlah RM2,875, pembelian *banner* berjumlah RM450 dan bayaran publisiti berjumlah RM500. Pembayaran kepada pembekal makanan berjumlah RM25,700 bagi Program Pelancaran Perasmian Projek Kebersihan dan Keceriaan Pulau Bum-Bum, Gotong-royong Perdana dan Ramadhan Tanpa Asap Rokok juga tidak disokong dengan dokumen lengkap. Semakan lanjut juga mendapati nama-nama pembekal makanan iaitu Pemborong Kasran dan Pemborong Kasram tidak wujud. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.9  
PEMBAYARAN KEPADA PEMBEKAL YANG TIDAK WUJUD**

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>PEMBEKAL</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>TARIKH BAUCAR/ INVOIS</b>	<b>CATATAN</b>
1.	Pelancaran Perasmian Projek Kebersihan dan Keceriaan Pulau Bum-Bum	Pemborong Kasran	12,000	02.06.2012	Hanya baucar dilampirkan

BIL.	AKTIVITI	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)	TARIKH BAUCAR/ INVOIS	CATATAN
2.	Gotong-royong Perdana	Pemborong Kasram	12,000	02.11.2011	Hanya invois dilampirkan
3.	Ramadhan Tanpa Asap Rokok	Pemborong Kasram	1,700	11.08.2011	Hanya baucar dilampirkan
JUMLAH			25,700		

Sumber: Laporan Akhir Projek Promosi Kesihatan Persekitaran Pulau Bum-Bum

- c. Pihak Audit mendapati nombor telefon yang tertera pada invois pembekal adalah milik Citra Beauty Saloon yang telah beroperasi melebihi 3 tahun di Semporna. Pemilik Citra Beauty Saloon memaklumkan tiada perniagaan Pemborong Kasram di Semporna. Selain itu, semakan dengan pendaftar perniagaan juga mendapati tiada rekod ditemui berkenaan Pemborong Kasram atau Pemborong Kasran.

### **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan NGO telah diluluskan dengan geran berjumlah RM100,000 dan bayaran berperingkat telah dilaksanakan mengikut Surat Tawaran Geran Ex-Gratia. Bagaimanapun, pembayaran NGO kepada vendor tidak disedari oleh MySihat. Sehubungan itu, MySihat akan mengkaji semula proses bayaran geran di samping memantau perbelanjaan projek oleh NGO supaya mematuhi peraturan Kerajaan dalam membelanjakan geran MySihat.*

#### **9.4.3.2 Persatuan Masyarakat Sihat Malaysia**

Persatuan Masyarakat Sihat Malaysia telah melaksanakan Program Remaja Sihat di Batu Caves, Selangor dengan peruntukan geran berjumlah RM30,000. Program ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Projek Promosi Kesihatan MySihat pada 17 November 2011. Program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kesihatan melalui senaman yoga dan makanan sihat yang telah dilaksanakan dari 14 Januari hingga 1 April 2012. Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Projek yang diterima pada 30 November 2012 mendapati sejumlah RM4,000 daripada RM30,000 telah dibayar tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Pembayaran sejumlah RM4,000 tersebut terdiri daripada bil telefon bimbit sejumlah RM1,210 serta perbelanjaan tol dan petrol berjumlah RM2,790.

#### **9.4.3.3 Persatuan Kebudayaan Dan Sosial Kuala Lumpur Dan Selangor**

Pada 17 November 2011, Jawatankuasa Projek Promosi Kesihatan telah meluluskan geran sejumlah RM30,000 kepada Persatuan Kebudayaan Dan Sosial Kuala Lumpur Dan Selangor bagi menjalankan Program *Healthy Lifestyle*.



Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Projek yang diterima pada 14 Januari 2013 mendapati sejumlah RM5,780 daripada RM30,000 telah dibayar tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Pembayaran sejumlah RM5,780 tersebut terdiri daripada bil telefon bimbit sejumlah RM1,690, perjalanan dan pengangkutan sejumlah RM2,990 dan cenderamata berjumlah RM1,100. MySihat membuat pembayaran kepada NGO tanpa menguatkuasakan syarat di dalam Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* yang menekankan supaya setiap pembayaran disokong dengan dokumen yang lengkap. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada perbelanjaan yang dibuat adalah sah.

**Pada pendapat Audit, MySihat sepatutnya meneliti setiap perbelanjaan sebelum pembayaran akhir dibuat bagi memastikan pembayaran dibuat secara teratur dan mengelakkan penyelewengan.**

### **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan telah meminta penjelasan daripada NGO mengenai keraguan dalam laporan yang dikemukakan. Bagaimanapun, Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Projek Geran Terbuka Bilangan 1 Tahun 2013 bertarikh 4 Mac 2013 telah meluluskan pembayaran akhir sebanyak 30% kepada NGO ini. MySihat akan meneliti dengan lebih terperinci jika ada permohonan geran daripada NGO ini pada masa hadapan. MySihat mengambil maklum dan akan mengkaji semula proses bayaran geran di samping memantau perbelanjaan projek oleh NGO supaya mematuhi peraturan Kerajaan dalam membelanjakan geran MySihat.*

#### **9.4.4 Bilangan Peserta Program Tidak Mencapai Sasaran**

9.4.4.1 Mengikut surat tawaran pemberian geran, setiap NGO perlu mematuhi syarat mengenai sasaran bilangan peserta yang terlibat bagi sesuatu program. Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Program, laporan penilaian program serta lawatan Audit di lokasi NGO semasa program dijalankan mendapati bilangan peserta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. NGO yang berkaitan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 9.10  
PESERTA PROGRAM TIDAK MENCAPAI SASARAN**

BIL.	NGO	PROGRAM	SASARAN PESERTA	PESERTA YANG TERLIBAT	PERBEZAAN PESERTA		CATATAN
					BILANGAN	%	
1.	Kelab Sukan Dan Rekreasi Kumpulan NSTP (M) Berhad	10,000 Langkah Sehari	42,000	15,500	26,500	63.1	Semakan Laporan Akhir Projek.
2.	Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Kubang Jela Daerah Kuala Terengganu	Sukaneka Rakyat dan Mari Belajar Kompang	750	400	350	46.7	Semakan Laporan Akhir Projek.

BIL.	NGO	PROGRAM	SASARAN PESERTA	PESERTA YANG TERLIBAT	PERBEZAAN PESERTA		CATATAN
					BILANGAN	%	
3.	Pergerakan Pemuda Malaysia	<i>ASAP Smoke Free Life Style Mini Concert</i>	300	120	180	60.0	Semakan laporan penilaian program.
4.	Kelab Sukan Dan Rekreasi Taman Metropolitan Relau	Program Tai Chi/Xiang Gong	60	20	40	66.7	Lawatan fizikal pada 10 November 2012.
5.	Persatuan Penggiat Seni Dan Kebudayaan Malaysia	Jom Diet	50	6	44	88.0	Lawatan fizikal pada 15 Disember 2012.
6.	Persatuan Kebajikan Nelayan Laut Dalam Sepanggar, Sabah	Pendidikan Kesihatan Di Kalangan Keluarga Nelayan	100	45	55	55.0	Lawatan fizikal pada 3 November 2012.

Sumber: Laporan Akhir, Laporan Penilaian Program Dan Lawatan Fizikal

**GAMBAR 9.1**  
Program *Tai Chi/Xiang Gong* Kurang Mendapat Sambutan (Sasaran 60 Peserta)



Lokasi: Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang  
Tarikh: 10 November 2012

**GAMBAR 9.2**  
Program Jom Diet Tiada Sambutan (Sasaran 50 Peserta)



Lokasi: Kuching, Sarawak  
Tarikh: 15 Disember 2012



**GAMBAR 9.3**  
Program Pendidikan Kesihatan Tidak Mendapat Sambutan Golongan Belia (Sasaran 100 Peserta)

Lokasi: Kampung Numbak, Sepanggar, Sabah  
Tarikh: 3 November 2012

9.4.4.2 Semakan Audit mendapati publisiti yang kurang berkesan seperti ketiadaan *banner*, cara penyampaian kepada kumpulan sasar dan kesesuaian program menyebabkan program yang dianjurkan kurang mendapat sambutan.

**Pada pendapat Audit, NGO yang berkenaan gagal mengenal pasti program yang bersesuaian dengan kumpulan sasar dan menyebabkan geran yang**

diterima tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta tidak mencapai objektif yang ditetapkan.

#### **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013.**

*MySihat akan mengkaji semula syarat kelulusan geran yang ditetapkan kepada NGO terutama dalam menetapkan bilangan sasaran peserta, kesesuaian aktiviti mengikut lokasi projek dan mempergiatkan publisiti projek bagi menarik minat lebih ramai peserta. Penjelasan daripada NGO berkaitan telah dimohon pada 12 Jun 2013.*

#### **9.4.5 Program Dilaksanakan Sebelum Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* Dikemukakan**

9.4.5.1 Mengikut peraturan, NGO tidak dibenar memulakan aktiviti sebelum Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* ditandatangani dan dikemukakan dalam tempoh 28 hari dari tarikh surat. Tawaran tersebut akan terbatal sekiranya MySihat tidak menerima surat tawaran tersebut dalam tempoh 28 hari.

9.4.5.2 MySihat telah meluluskan geran sejumlah RM6,000 untuk menjalankan Program Larian Grisek dan *Explorace* Grisek 2011 pada 30 Disember 2010 kepada Persatuan Belia Grisek Muar, Johor. Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* telah dikeluarkan pada 14 Disember 2011. Semakan Audit mendapati program tersebut dilaksanakan pada bulan Disember 2011 dan Januari 2012. Bagaimanapun, Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* telah lewat ditandatangani iaitu pada bulan April 2012 selepas program telah tamat. Semakan lanjut mendapati MySihat telah membuat bayaran sejumlah RM5,400 pada 21 Jun 2012 walaupun program yang dilaksanakan iaitu pertandingan memancing, ping pong, Jalan 10,000 Langkah dan J-Robik adalah berbeza dengan perancangan asal. Surat ketidakakuran telah dihantar kepada NGO pada 3 Ogos 2012 kerana NGO gagal mengemukakan Laporan Akhir Projek dan NGO tersebut telah disenaraihitamkan. Pihak Audit mendapati MySihat tidak memantau program ini secara berterusan menyebabkan program tidak dilaksanakan seperti yang dirancang.

**Pada pendapat Audit, MySihat tidak sepatutnya membuat bayaran kepada NGO berkenaan kerana tawaran tersebut terbatal disebabkan Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* lewat dikemukakan kepada MySihat.**

## Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013.

*MySihat memaklumkan akan memperketat syarat di dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia dengan menguatkuasakan tempoh sah tawaran geran selepas mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah.*

### 9.4.6 Bahan Promosi Dan Publisiti Melaka Bebas Asap Rokok Kurang Berkesan

9.4.6.1 Gabungan NGO Melaka Bebas Asap Rokok (GaNMBAR) telah ditubuhkan sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terdiri daripada 19 NGO untuk mempromosikan Program Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR). MySihat telah meluluskan geran kepada GaNMBAR sejumlah RM3.50 juta bagi tahun 2010 hingga 2013. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah RM1.40 juta atau 40% telah dibelanjakan untuk program ini. Kawasan yang terlibat dalam Program MBAR adalah Bandar Melaka, Melaka Raya, Melaka International Trade Centre (MITC), Pusat Bandar Alor Gajah dan Pusat Bandar Jasin.

9.4.6.2 Salah satu strategi Program MBAR ialah promosi dan advokasi yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai tentang Program MBAR dan bahaya merokok. Penerbitan dan pengedaran bahan promosi seperti *billboard*, *banner*, *bunting*, poster, risalah atau buku kecil merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan. Selain itu, MBAR juga berfungsi membuat menguatkuasaan kawasan larangan merokok.

9.4.6.3 Lawatan Audit pada 27 September 2012 dan 6 Disember 2012 di Pusat Bandar Alor Gajah, Pusat Bandar Jasin dan Bandar Melaka mendapati *billboard* yang tidak sesuai dipasang, orang awam merokok di kawasan larangan merokok, papan tanda yang kecil, sukar dilihat, tidak menarik perhatian orang ramai dan papan tanda terhalang oleh *banner* lain seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 9.4**  
**Billboard 'Bebas Asap Rokok'**  
**Tidak Sesuai Dipasang**



Lokasi: Jonker Street, Bandar Melaka  
Tarikh: 27 September 2012


**GAMBAR 9.5**  
**Billboard 'Bebas Asap Rokok'**  
**Yang Sesuai Telah Dipasang**



Lokasi: Jonker Street, Bandar Melaka  
Tarikh: 9 Julai 2013



**GAMBAR 9.6**  
Merokok Di Kawasan Larangan



Lokasi: Jonker Street, Bandar Melaka  
Tarikh: 27 September 2012

**GAMBAR 9.7**  
Papan Tanda Kecil Dan Kurang Menarik



Lokasi: Jonker Street, Bandar Melaka  
Tarikh: 27 September 2012

**GAMBAR 9.8**  
Papan Tanda Yang Tidak Jelas



Lokasi: Pusat Bandar Alor Gajah, Melaka  
Tarikh: 27 September 2012

**GAMBAR 9.9**  
Papan Tanda Terhalang Oleh Banner Lain



Lokasi: Pusat Bandar Jasin, Melaka  
Tarikh: 6 Disember 2012



**GAMBAR 9.10**  
Kedudukan Papan Tanda Kurang Sesuai

Lokasi: Jalan Melaka Raya, Melaka  
Tarikh: 27 September 2012

Pada pendapat Audit, Program Melaka Bebas Asap Rokok tidak dipantau menyebabkan program untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai bahaya merokok kurang berkesan.

## Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013.

*Lokasi pemasangan billboard di kawasan MBAR adalah berdasarkan persetujuan dan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Muzium Melaka. GanMBAR akan memantau dari semasa ke semasa terhadap papan tanda dan sebarang tindakan akan dimaklumkan kepada pihak PBT. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah melaksanakan penguatkuasaan secara berjadual di kawasan larangan merokok. Pendekatan yang digunakan merupakan penguatkuasaan bagi mendidik perokok dan orang awam supaya tidak merokok.*

### 9.4.7 Laporan Akhir Projek

#### 9.4.7.1 Laporan Akhir Projek Tidak Dikemukakan

- a. Laporan Akhir Projek hendaklah dikemukakan kepada MySihat dalam tempoh 2 bulan selepas selesai atau tamat program tersebut untuk proses pembayaran akhir. **Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 30 atau 22.6% daripada 133 NGO masih tidak mengemukakan Laporan Akhir Projek bagi aktiviti tahun 2011 dan 2012 dengan kelewatan antara 27 hingga 601 hari.** Semakan Audit mendapati aktiviti tersebut telah selesai dilaksanakan melebihi 2 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.11  
NGO YANG MASIH BELUM MENGEMUKAKAN LAPORAN AKHIR PROJEK  
SETAKAT 31 DISEMBER 2012**

BIL.	NGO	JUMLAH GERAN (RM)	TEMPOH PROJEK	TAMAT KONTRAK	KELEWATAN (HARI)
<b>TAHUN 2010</b>					
1.	Kelab Kebajikan & Sukan LHDN KL	20,000	10.01.2011-10.03.2011	10.05.2011	601
<b>TAHUN 2011</b>					
1.	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	15,000	25.03.2011-27.03.2011	27.05.2011	585
2.	Kelab Belia Wawasan 1Malaysia	15,000	30.04.2011	30.06.2011	550
3.	Persatuan Belia Pantai Sri Sengat, Parit Penyengat Laut, Parit Jawa, Muar, Johor	20,000	22.07.2011-26.07.2011	26.09.2011	463
4.	Persatuan Kebajikan Baoan Kota Kinabalu	10,000	Disember 2011-April 2012	28.04.2012	248
5.	Persatuan Kaunseling Malaysia	50,000	01.03.2011-29.02.2012	29.04.2012	247
6.	Gabungan Persatuan Cina Sabah	45,000	28.10.2011-08.04.2012	08.06.2012	207
7.	Persatuan Kesihatan Reprodukif Keluarga Selangor dan Wilayah Persekutuan	30,000	09.06.2011-20.04.2012	20.06.2012	195



BIL.	NGO	JUMLAH GERAN (RM)	TEMPOH PROJEK	TAMAT KONTRAK	KELEWATAN (HARI)
8.	Kelab Warga Emas Mukim Bundu Tuhan, Ranau, Sabah	100,000	10.09.2011-10.09.2012	10.11.2012	52
9.	Persatuan Diabetes Malaysia Cawangan Kecil Banting	100,000	15.09.2011-14.09.2012	14.11.2012	48
10.	Persatuan Diabetes Malaysia	60,000	Julai 2011 - Sept 2012	30.11.2012	32
<b>TAHUN 2012</b>					
1.	Persatuan Belia Geliga Grisek, Muar	6,000	25.12.2011, 26.12.2011 & 22.01.2012	22.03.2012	285
2.	Kelab Lions Serdang, Selangor	8,000	04.03.2012	04.05.2012	242
3.	Kelab Prostar Daerah Jasin, Melaka	50,000	12.10.2011-14.03.2012	14.05.2012	232
4.	Lions Club of Bentong	250,000	01.01.2012-31.03.2012	31.05.2012	215
5.	Kelab Belia Wawasan Kg. Bandar	3,000	12.05.2012	12.07.2012	173
6.	Gerakan Belia 4B Malaysia Cawangan KM4 Jalan Cheras	30,000	25.02.2012-20.05.2012	20.07.2012	165
7.	Lions Club of Bentong	100,000	20.05.2012	20.07.2012	165
8.	Persatuan Belia Hulu Langat	30,000	23.03.2012-9.06.2012	09.08.2012	145
9.	Majlis Belia Daerah Lenggong	200,000	30.03.2012-24.06.2012	24.08.2012	130
10.	Persatuan Sahabat Belia	10,000	27.05.2012-24.06.2012	24.08.2012	130
11.	Persatuan Wanita Sedar Negeri Terengganu	6,500	05.07.2012	05.09.2012	118
12.	Majlis Belia Daerah Seberang Perai Utara	10,000	17.06.2012-08.07.2012	08.09.2012	115
13.	Persatuan Barah Otak Dan Urat Saraf Kuala Lumpur dan Selangor	10,000	14.07.2012-15.07.2012	15.09.2012	108
14.	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Negeri Sembilan	10,000	16.07.2012-18.07.2012	19.09.2012	104
15.	Kelab Jaringan Gerak Usaha Pasir Mas	30,000	28.01.2012-21.07.2012	20.09.2012	103
16.	Kelab Bola Sepak Tropicana	30,000	19.05.2012-04.08.2012	04.10.2012	88
17.	Persatuan Khidmat Masyarakat India, Ipoh, Perak.	8,500	04.08.2012-05.08.2012	05.10.2012	87
18.	Persatuan Kesedaran Dan Saringan Kanser, Selangor	90,000	31.08.2012	30.10.2012	62
19.	Pusat Kebudayaan Dan Rekreasi Masyarakat Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah	35,000	14.07.2012-04.10.2012	04.12.2012	28

Sumber: Fail NGO

- b. Semakan lanjut mendapati Unit Pemantauan Dan Penilaian MySihat bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek mengikut pelan pelaksanaan terkini dan membuat penilaian terhadap Laporan Akhir Projek

untuk mengesyorkan baki pembayaran. Unit ini ada memberi peringatan kepada NGO yang terlibat melalui telefon, e-mel atau surat peringatan. Selain itu, tiada garis panduan khusus yang ditetapkan untuk membuat pemantauan.

#### 9.4.7.2 Laporan Akhir Projek Lewat Dikemukakan

Laporan Akhir Projek hendaklah dikemukakan kepada MySihat dalam tempoh 2 bulan selepas selesai atau siapnya program tersebut untuk proses pembayaran terakhir. **Semakan Audit mendapati sebanyak 30 atau 22.6% daripada 133 NGO telah lewat mengemukakan Laporan Akhir Projek dengan kelewatan antara 20 hingga 302 hari berdasarkan tarikh tamat kontrak.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.12  
NGO YANG LEWAT MENGENKEMUKAKAN LAPORAN AKHIR PROJEK  
SETAKAT 31 DISEMBER 2012**

NGO	JUMLAH GERAN (RM)	TEMPOH PROJEK	TAMAT KONTRAK	TARIKH HANTAR LAPORAN AKHIR	KELEWATAN (HARI)
<b>TAHUN 2011</b>					
Young Malaysians Movement	35,000	01.07.2011-30.09.2011	30.11.2011	27.09.2012	302
Persatuan Promosi Kesihatan Malaysia	50,000	10.10.2011-11.10.2011	11.12.2011	15.08.2012	248
Kelab Sukan & Rekreasi JKWP Labuan	10,000	3.12.2011-5.12.2011	05.02.2012	27.09.2012	233
Lions Club of Serdang	180,000	01.07.2011-31.12.2011	29.02.2012	07.08.2012	160
Gerakan Belia 4B Malaysia Cawangan Jenjarom Kuala Langat, Selangor	25,000	21.05.2011-22.05.2011	27.07.2011	02.12.2011	124
Pertubuhan Seni Silat Sekebun Malaysia (PSSM)	40,000	01.11.2011-01.02.2012	01.04.2012	13.07.2012	103
Kelab Minda Kelantan (Warga Emas Sejahtera)	100,000	01.07.2011-30.06.2012	30.08.2012	20.11.2012	80
Kelab Rekreasi & Kecergasan Semenyih, Selangor	50,000	28.10.2011-24.06.2012	24.08.2012	30.10.2012	67
Persatuan Pembangunan Masyarakat Negeri Pulau Pinang	50,000	24.12.2011-24.07.2012	24.09.2012	20.11.2012	57
Malaysian Healthy Ageing Society	40,000	01.04.2011-22.03.2012	22.05.2012	02.07.2012	41
Persatuan Diabetes Malaysia Cawangan Melaka	100,000	17.07.2011-16.07.2012	16.09.2012	15.10.2012	29
<b>TAHUN 2012</b>					
Malaysian Dental Association Eastern Zon	8,000	20.11.2011	20.01.2012	01.11.2012	286

NGO	JUMLAH GERAN (RM)	TEMPOH PROJEK	TAMAT KONTRAK	TARIKH HANTAR LAPORAN AKHIR	KELEWATAN (HARI)
Gerakan Belia 4B Malaysia Kawasan Parit Buntar Negeri Perak	45,000	12.04.2012-15.04.2012	15.06.2012	25.10.2012	132
Persatuan Pesara Pendidik Sekolah Cina Malaysia	7,500	11.03.2012-12.03.2012	12.05.2012	20.09.2012	131
Pertubuhan Belia Hindu Cawangan Batu	30,000	02.01.2012-30.03.2012	30.05.2012	05.09.2012	98
Persatuan Promosi Kesihatan Minda Malaysia (PROMINDA)	24,000	28.04.2012-16.06.2012	16.08.2012	19.11.2012	95
Kelab Sukan Komuniti Dinamik	50,000	04.01.2012-29.06.2012	29.08.2012	12.11.2012	75
Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa	10,000	07.07.2012-08.07.2012	08.09.2012	09.11.2012	62
Kelab Sukan dan Amal Sri Kandi, Perak	35,000	25.02.2012-15.07.2012	15.08.2012	05.10.2012	51
Kelab Ragbi Asas Malaysia	30,000	24.03.2012-21.05.2012	21.07.2012	03.09.2012	44
Gerakan Belia Gemilang Sungai Chua	9,000	01.07.2012	01.09.2012	10.10.2012	39
Majlis Belia Hindu Negeri Pahang	50,000	01.01.2012-30.06.2012	30.08.2012	28.09.2012	29
Gerakan Belia 4B Malaysia Cawangan Kampung Kumpulan	35,000	Februari-26.05.2012	27.07.2012	18.08.2012	22
Pertubuhan Gerak Bakti Sukan Dan Rekreasi Mukim Gual Ipoh, Tanah Merah, Kelantan	5,000	22.06.2012	22.08.2012	11.09.2012	20

Sumber: Fail NGO

**Pada pendapat Audit, kelewatan NGO mengemukakan Laporan Akhir Projek disebabkan MySihat tidak membuat pemantauan secara berterusan terhadap NGO untuk memastikan sama ada aktiviti telah dilaksanakan mengikut pelan pelaksanaan yang telah ditetapkan.**

#### **Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan proses kerja penghantaran Laporan Akhir Projek telah diberi penambahbaikan iaitu surat peringatan pertama akan dikeluarkan dalam tempoh 2 bulan selepas projek selesai dilaksanakan. Surat peringatan kedua dan ketiga akan dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu daripada setiap peringatan yang dihantar. Sekiranya NGO masih gagal memberi maklum balas surat ketidakakuran akan dikeluarkan dan NGO tidak akan menerima pembayaran akhir serta disenaraihitamkan.*

#### 9.4.8 Pemantauan

9.4.8.1 Pemantauan yang berkesan perlu dilakukan terhadap pengurusan pemberian geran dan pengurusan aktiviti oleh NGO bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Oleh itu, pemantauan terhadap pemberian geran perlu dilaksanakan bermula daripada proses permohonan geran sehingga program selesai dijalankan oleh NGO.

9.4.8.2 MySihat telah mewujudkan Unit Pemantauan Dan Penilaian MySihat di bawah Bahagian Perancangan Dan Penilaian Program. Unit ini bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek mengikut pelan pelaksanaan terkini dan membuat penilaian terhadap Laporan Akhir Projek untuk mengesyorkan baki pembayaran. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Penerangan Gred S44 dan dibantu oleh 2 orang pegawai kontrak Gred N41.

9.4.8.3 Semakan Audit mendapati MySihat tidak mewujudkan kaedah pemantauan yang berkesan dan bersistematik. Antara kelemahan pemantauan adalah seperti berikut:

- Tiada mekanisme bagi pemantauan terhadap program yang dilaksanakan oleh NGO.
- Tiada carta alir atau proses kerja pemantauan bagi pengurusan pemberian geran kepada NGO di dalam Manual Prosedur Kerja MySihat dan fail meja pegawai di Unit Pemantauan Dan Penilaian MySihat.
- MySihat tidak mempunyai rekod pemantauan yang teratur, kemas kini dan tepat berkaitan pemantauan yang telah dilaksanakan.
- Hanya 3 pegawai yang ditugaskan untuk menjalankan pemantauan berbanding dengan purata 200 aktiviti setahun yang dilaksanakan oleh NGO.

**Pada pendapat Audit, MySihat perlu memastikan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan terhadap program yang dilaksanakan oleh NGO supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan. MySihat juga hendaklah mendapat kerjasama daripada Jabatan Kesihatan Negeri untuk membuat pemantauan.**

**Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013.**

*MySihat memaklumkan kertas cadangan yang komprehensif akan disediakan bagi menambah baik mekanisme pemantauan supaya lebih berkesan. MySihat juga akan menyediakan kertas cadangan penambahan perjawatan terutamanya bagi melaksanakan pemantauan aktiviti. MySihat akan mewujudkan pangkalan data berpusat iaitu e-Grant Application Support*

***System (e-Grass) bagi pengumpulan data NGO yang memohon geran MySihat dan mekanisme pemantauan dan penilaian atas talian.***

## **9.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan MySihat memberi pertimbangan kepada perkara berikut bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang.

9.5.1 MySihat hendaklah mewujudkan satu sistem yang menyeluruh bagi pengurusan geran dan aktiviti yang dilaksanakan oleh NGO serta menyediakan laporan impak/*outcome* untuk menilai keberkesanan program yang dijalankan.

9.5.2 MySihat hendaklah menyediakan klausa denda kepada NGO yang gagal mematuhi syarat di dalam Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* serta menyenaraihitamkan NGO yang gagal mengemukakan Laporan Akhir Projek.

9.5.3 MySihat hendaklah memberi bimbingan kepada NGO yang baru berkaitan kaedah pengurusan program terutama dari segi pengurusan kewangan dan publisiti.

9.5.4 MySihat hendaklah menyediakan garis panduan pemantauan dan penilaian Laporan Akhir Projek sebagai rujukan utama bagi memastikan pemantauan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Rekod pemantauan hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemas kini untuk rujukan pihak pengurusan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.



# BAHAGIAN II

## PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

- |            |  |
|------------|--|
| <b>207</b> | 10. PENDAHULUAN                                    |
|            | <b>LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH</b>          |
| <b>208</b> | 11. Pengurusan Surada Jaya Sdn. Berhad             |
| <b>223</b> | 12. Pengurusan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad |



## **BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

### **10. PENDAHULUAN**

10.1 Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d) memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan sekiranya mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan. Sehingga kini, 204 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah diwartakan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara.

10.2 Objektif penubuhan syarikat subsidiari BBP adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosio ekonomi. Pelaksanaan penubuhannya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada orang awam.

10.3 Penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari BBP diaudit oleh juruaudit yang dilantik selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965. Sebanyak 2 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk dibentangkan dalam sesi kedua persidangan Parlimen tahun 2013. Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat/Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian berkenaan juga dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada syarikat subsidiari BBP telah diambil kira dalam Laporan ini.

# LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH

## 11. PENGURUSAN SURADA JAYA SDN. BERHAD

### 11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 Surada Jaya Sdn. Berhad (SJSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 8 Julai 1993 dan merupakan syarikat subsidiari milikan penuh KETENGAH Holding Sdn. Berhad (KHSB). KHSB merupakan syarikat subsidiari Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Modal dibenarkan SJSB berjumlah RM1 juta dan modal berbayar RM500,000. Aktiviti SJSB adalah penternakan puyuh, perniagaan restoran, wakil insurans, pembekalan gas memasak dan bahan pertanian.

11.1.2 SJSB mempunyai 4 ahli Lembaga Pengarah daripada KETENGAH yang merupakan wakil Kerajaan. Pengurusan SJSB diketuai oleh Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh seorang Pengurus dengan 25 kakitangan. SJSB mempunyai Unit Pentadbiran dan 4 Unit Perniagaan yang berfungsi seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.1  
FUNGSI UNIT SJSB**

BIL.	UNIT	FUNGSI
1.	Pentadbiran	Bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran dan kewangan syarikat.
2.	Gas Memasak / <i>Liquefied Petroleum Gas</i> (LPG)	Menjalankan perniagaan penjualan gas LPG Petronas bagi kawasan wilayah KETENGAH.
3.	Insurans Dan Pembekalan	Menjadi ejen perniagaan insurans Syarikat Kurnia dan Alliance dan pembekalan sumber manusia.
4.	Penternakan Puyuh	Menjadi pusat penternakan dan pemasaran daging puyuh.
5.	Perniagaan Restoran	Menjalankan perniagaan restoran, menerima tempahan dan juga salah satu tempat promosi daging puyuh.

*Sumber: Unit Pentadbiran Surada Jaya Sdn. Berhad*

### 11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti SJSB, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **11.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga 2012. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen, fail dan laporan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan penternakan puyuh. Lawatan ke Pusat Penternakan Puyuh di Seri Bandi, Kemaman, Terengganu telah dibuat pada bulan Oktober 2012.

### **11.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober 2012 mendapati prestasi kewangan dan tadbir urus korporat SJSB adalah baik manakala pengurusan kewangan adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan seperti berikut:

- i. Prestasi Projek Penternakan Puyuh kurang memuaskan disebabkan projek mengalami kerugian, prestasi pengeluaran dan penjualan rendah, kadar kematian puyuh tinggi dan masalah mendapatkan bekalan anak puyuh.
- ii. SJSB tidak mempunyai kemahiran dalam bidang penternakan puyuh dan jawatan Eksekutif Operasi serta Penyelia belum diisi sejak tahun 2003.
- iii. Kemudahan dan peralatan di rumah penyembelihan dan pemprosesan yang disediakan sejak tahun 2003 masih belum digunakan.
- iv. Pembuangan sisa puyuh yang tidak dibuat mengikut peraturan menyebabkan pencemaran alam sekitar di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman.
- v. Komposisi ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada pegawai KETENGAH yang tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan utama SJSB.
- vi. Kawalan terimaan yang tidak memuaskan kerana resit tidak dikeluarkan bagi jualan tunai, kutipan tunai lewat dan kurang dibankkan serta tiada polisi kawalan kredit disediakan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **11.4.1 Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012. Analisis trend dan nisbah digunakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan SJSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.2**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN SJSB**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	481,694	597,984	516,185	683,837	974,600
Pendapatan Lain	8,141	8,929	4,583	10,198	5,153
Jumlah Pendapatan	489,835	606,913	520,768	694,035	979,753
Belanja Operasi	369,826	492,162	371,725	398,224	595,723
Lain-lain Belanja Operasi	14,933	19,144	39,736	126,211	159,197
Belanja Pengurusan	30,449	59,807	66,291	82,281	78,986
Kos Kewangan	6,106	4,534	1,367	6,178	10,590
Jumlah Perbelanjaan	421,314	575,647	479,119	612,894	844,496
Cukai	1,608	2,256	-	29,341	56,040
<b>Keuntungan Selepas Cukai</b>	<b>66,913</b>	<b>29,010</b>	<b>41,649</b>	<b>51,800</b>	<b>79,217</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian Terkumpul)</b>	<b>(81,201)</b>	<b>(52,191)</b>	<b>(10,542)</b>	<b>41,258</b>	<b>120,475</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Surada Jaya Sdn. Berhad*


**11.4.1.1 Analisis Trend**

- a. SJSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 5 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2008 sehingga 2012. Pada tahun 2008, keuntungan selepas cukai yang dicatatkan adalah berjumlah RM66,913 dan menurun kepada RM29,010 pada tahun 2009 disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan. Bagaimanapun, keuntungan selepas cukai mencatat peningkatan kepada RM41,649 pada tahun 2010, tahun 2011 meningkat kepada RM51,800 dan pada tahun 2012 meningkat kepada RM79,217. SJSB telah mencatatkan keuntungan terkumpul pada tahun 2011 berjumlah RM41,258 dan meningkat kepada RM120,475 pada tahun 2012.
  
- b. Pendapatan utama SJSB adalah dari perkhidmatan pembekalan bahan pertanian, daging puyuh, gas memasak, perniagaan restoran, wakil insurans dan faedah simpanan tetap. Pendapatan SJSB bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan trend yang semakin baik. Pada tahun 2009, pendapatan SJSB meningkat sejumlah RM117,078 atau 23.9% berbanding tahun 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2010 pendapatan SJSB menurun sejumlah RM86,145 atau 14.2% berbanding tahun 2009. Pada tahun 2011, pendapatan meningkat semula sejumlah RM173,267 atau 33.3% berbanding tahun 2010 dan meningkat sejumlah RM285,700 atau 41.2% pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan pendapatan adalah disebabkan hasil jualan

ternakan ikan dan puyuh, perniagaan restoran dan insurans yang bertambah.

- c. Perbelanjaan operasi, pengurusan, kewangan dan lain-lain bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah selari dengan pendapatan yang diperoleh. Perbelanjaan pada tahun 2011 meningkat sejumlah RM133,775 atau 27.9% berbanding dengan tahun 2010 dan meningkat sejumlah RM231,602 atau 37.8% pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan perbelanjaan SJSB disebabkan oleh peningkatan belanja operasi, pengurusan dan lain-lain.

**CARTA 11.1**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI SJSB**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Surada Jaya Sdn. Berhad

#### 11.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Semakan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan SJSB yang meliputi nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.3**  
**ANALISIS NISBAH SJSB BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	1.01 : 1	1.6 : 1	1.43 : 1	1.49 : 1	1.42 : 1
2.	Margin Untung Bersih (%)	13.7	4.8	8.0	7.5	13.8
3.	Pulangan Atas Ekuiti (%)	66.9	5.8	8.4	10.4	15.8
4.	Pulangan Atas Aset (%)	9.2	2.5	2.6	3.2	4.1

*Sumber: Penyata Kewangan Surada Jaya Sdn. Berhad*

**a. Nisbah Semasa**

Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekukuhan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Secara keseluruhannya, nisbah semasa SJSB bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012 adalah pada tahap sederhana. Nisbah semasa SJSB menunjukkan peningkatan dari 1.01 kali pada tahun 2008 kepada 1.42 kali pada tahun 2012. Nisbah semasa SJSB yang lebih daripada satu menunjukkan syarikat masih berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

**b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin untung bersih SJSB menunjukkan penurunan iaitu 13.7% pada tahun 2008 kepada 4.8% pada tahun 2009. Bagaimanapun, margin untung bersih telah meningkat kepada 8.0% pada tahun 2010 dan kembali menurun kepada 7.5% pada tahun 2011. Pada tahun 2012 margin untung bersih meningkat kepada 13.8% disebabkan peningkatan dalam keuntungan syarikat.

**c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan pulangan atas ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan atas ekuiti SJSB menurun pada tahun 2009 kepada 5.8% berbanding 66.9% pada tahun 2008. Bagaimanapun, pulangan atas ekuiti



meningkat semula pada tahun 2010 iaitu sebanyak 8.4%, tahun 2011 sebanyak 10.4% dan tahun 2012 sebanyak 15.8%.

**d. Pulangan Atas Aset**

Pulangan ke atas aset adalah untuk mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan untuk menjana pendapatan. Pulangan ke atas aset SJSB menurun pada tahun 2009 kepada 2.5% berbanding 9.2% pada tahun 2008 dan meningkat semula pada tahun 2010 iaitu sebanyak 2.6%, tahun 2011 sebanyak 3.2% dan tahun 2012 sebanyak 4.1%. Kecekapan SJSB menggunakan asetnya perlu dipertingkatkan bagi menjana keuntungan yang berterusan pada masa hadapan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi dan kedudukan kewangan SJSB adalah baik dengan mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2008 sehingga 2012. Selain itu, SJSB telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpul dari tahun 2008 sehingga 2010 dan seterusnya memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM41,258 pada tahun 2011 dan RM120,475 pada tahun 2012.**

**11.4.2 Pengurusan Aktiviti**

Pusat Penternakan Puyuh dan Pusat Penetasan Puyuh KETENGAH bernilai RM5 juta dibina melalui peruntukan geran Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Program Peningkatan Pendapatan Golongan Miskin. Pada tahun 2003, KETENGAH telah melantik SJSB untuk mengendalikan dan menguruskan Pusat Penternakan Puyuh serta memasarkan daging puyuh. Pusat Penternakan Puyuh ini terletak di Seri Bandi, Kemaman, Terengganu berkeluasan 4.88 ekar tanah hak milik Kerajaan Negeri Terengganu. Pusat Penetasan Puyuh yang sebelum ini diuruskan sendiri oleh KETENGAH telah diserahkan pengurusannya kepada SJSB mulai 1 Januari 2013. Penemuan Audit terhadap pengurusan aktiviti penternakan puyuh adalah seperti berikut:

**11.4.2.1 Prestasi Projek Penternakan Puyuh Kurang Memuaskan**

**a. Projek Penternakan Puyuh Mencatatkan Kerugian**

Semakan Audit mendapati Projek Penternakan Puyuh telah mengalami kerugian pada tahun 2009 iaitu sejumlah RM57,457 dan tahun 2010 sejumlah

RM22,273. Bagaimanapun, projek ini telah mencatatkan keuntungan sejumlah RM20,488 pada tahun 2011. Pada tahun 2012, projek ini telah mengalami kerugian berjumlah RM20,077 disebabkan kos operasi yang tinggi. Pendapatan, perbelanjaan dan untung/(rugi) dari aktiviti penternakan puyuh bagi tahun 2009 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.4  
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN UNTUNG/(RUGI) PENTERNAKAN PUYUH  
BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

AKTIVITI	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan Jualan Daging Puyuh	37,179	47,700	79,469	151,158
Perbelanjaan	95,176	69,973	58,981	171,235
Keuntungan/(Kerugian) Operasi	(57,997)	(22,273)	20,488	(20,077)

Sumber: Penyata Kewangan Surada Jaya Sdn. Berhad

**b. Prestasi Pengeluaran Puyuh Rendah**

- i. Penetapan sasaran pengeluaran puyuh dibuat berdasarkan kapasiti 5 reban puyuh yang boleh memuatkan sebanyak 360,000 ekor puyuh dalam setahun. Semakan Audit mendapati pencapaian pengeluaran puyuh bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pengeluaran ternakan puyuh pada tahun 2009 adalah sebanyak 47,551 ekor atau 13.2%, pada tahun 2010 adalah sebanyak 10,636 ekor atau 3%, pada tahun 2011 adalah sebanyak 61,723 ekor atau 17.1% dan pada tahun 2012 adalah sebanyak 66,933 ekor atau 18.6% berbanding sebanyak 360,000 ekor setahun yang disasarkan oleh SJSB. Sasaran pengeluaran tidak dapat dicapai disebabkan kesukaran mendapat bekalan anak puyuh dan kadar kematian yang tinggi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.5  
PRESTASI PENGELUARAN PUYUH BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

TAHUN	SASARAN (Ekor) a	BEKALAN (Ekor) b	KEMATIAN (Ekor) c	PENGELUARAN (Ekor) d = b-c	PRESTASI	
					PERBEZAAN (Ekor) e = a-d	PENCAPAIAN (%)
2009	360,000	63,250	15,699	47,551	312,449	13.2
2010	360,000	13,900	3,264	10,636	349,364	3.0
2011	360,000	78,318	16,595	61,723	298,277	17.1
2012	360,000	91,346	24,413	66,933	293,067	18.6

Sumber: Jadual Pengeluaran Daripada Unit Penternakan Puyuh

- ii. SJSB memperoleh bekalan anak puyuh dari Institut Kemajuan Ternakan Ayam Melaka dan pusat penetasan swasta sebelum Pusat Penetasan Puyuh KETENGAH beroperasi. Mulai tahun 2012, SJSB telah

memperoleh bekalan anak puyuh dari Pusat Penetasan Puyuh KETENGAH. Semakan lanjut mendapati SJSB menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan anak puyuh kerana jarak pusat penternakan yang jauh dari Institut Kemajuan Ternakan Ayam Melaka. Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi mempunyai kapasiti untuk memelihara sebanyak 360,000 ekor puyuh setahun dan bekalan yang diperolehi tidak memenuhi permintaan SJSB.

- iii. Mengikut Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kadar kematian purata industri ternakan puyuh di Malaysia adalah di bawah 6.5%. Semakan Audit mendapati kadar kematian puyuh di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi bagi tahun 2009 sehingga 2012 adalah **melebihi kadar kematian purata industri ternakan puyuh di Malaysia**. Kadar kematian puyuh pada tahun 2009 adalah sebanyak 15,699 ekor atau 24.8%, pada tahun 2010 sebanyak 3,264 ekor atau 23.5%, pada tahun 2011 sebanyak 16,595 ekor atau 21.2% dan pada tahun 2012 meningkat kepada 24,413 atau 26.7%. Kematian anak puyuh adalah disebabkan masalah adaptasi, baka dan penyakit. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.6**  
**KADAR KEMATIAN PUYUH BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

TAHUN	TERNAK (Ekor)	PROSES (Ekor)	BILANGAN KEMATIAN (Ekor)	KADAR KEMATIAN (%)
2009	63,250	47,551	15,699	24.8
2010	13,900	10,636	3,264	23.5
2011	78,318	61,723	16,595	21.2
2012	91,346	66,933	24,413	26.7

Sumber: *Jadual Kematian Daripada Unit Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman*

### c. Jualan Daging Puyuh Rendah

Produk daging puyuh bergantung kepada permintaan pembekal dan peruncit di sekitar wilayah KETENGAH. Harga produk puyuh adalah RM16 sekilogram manakala harga bagi pembelian melebihi 100 kilogram adalah RM14 sekilogram. SJSB telah menetapkan sasaran hasil jualan daging puyuh semasa pembentangan dan kelulusan bajet tahunan SJSB. Semakan Audit mendapati pendapatan jualan daging puyuh bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pendapatan jualan daging puyuh pada tahun 2009 berjumlah RM37,179 atau 12.1%, pada tahun 2010 berjumlah RM47,700 atau 17.3%, pada tahun 2011 berjumlah RM79,469 atau 26.2% dan pada tahun 2012 meningkat kepada RM151,158 atau 38.3% berbanding sasaran pendapatan yang ditetapkan oleh SJSB. **Sasaran pendapatan tidak dapat dicapai disebabkan pengeluaran yang rendah**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.7**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN JUALAN DAGING PUYUH**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

TAHUN	SASARAN (RM)	PENCAPAIAN SEBENAR (RM)	PRESTASI	
			PERBEZAAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
2009	307,280	37,179	(270,101)	12.1
2010	275,652	47,700	(227,952)	17.3
2011	303,177	79,469	(223,708)	26.2
2012	245,011	151,158	(93,853)	38.3

Sumber: Jadual Jualan Daripada Unit Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman

**d. Tiada Kemahiran Dan Jawatan Belum Diisi**

Sumber manusia yang mencukupi, berkecukupan, berpengalaman dan kompeten adalah penting untuk menjalankan aktiviti syarikat. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan dapat menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan membantu syarikat mencapai matlamatnya. Sehingga bulan Ogos 2012, Unit Penternakan Puyuh diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh seorang Penolong Penyelia serta 3 orang pekerja am. Semakan Audit mendapati Pengurus dan Penolong Penyelia merupakan lulusan dalam bidang Teknologi Maklumat dan **tidak mempunyai kepakaran dalam bidang penternakan puyuh**. Selain itu, jawatan Eksekutif Operasi belum diisi sejak Oktober 2012 dan Penyelia belum diisi sejak tahun 2011.

Pada pendapat Audit, SJSB gagal mencapai sasaran pengeluaran puyuh kerana kekurangan bekalan anak puyuh dan kadar kematian yang tinggi. SJSB juga tidak mempunyai pekerja yang mahir dalam bidang penternakan puyuh.

**Maklum Balas Daripada SJSB Diterima Pada 21 Januari 2013.**

*SJSB telah mengambil langkah pencegahan kematian puyuh dengan meningkatkan kemahiran teknikal kakitangan seperti menghadiri kursus penternakan, penguatkuasaan dan penjagaan yang lebih rapi pada peringkat awal pembesaran anak puyuh serta penyediaan kakitangan yang mencukupi. SJSB juga mendapatkan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu bagi mendapatkan khidmat nasihat. Kadar kematian melebihi 6.5% adalah disebabkan proses penghantaran anak puyuh yang jauh sehingga menyebabkan kematian dalam tempoh umur 1 hingga 7 hari. SJSB juga akan mengkaji semula perjawatan sama ada memerlukan pertambahan/pengurangan jawatan atau mengisi kekosongan mengikut keperluan syarikat.*

#### 11.4.2.2 Kemudahan Dan Peralatan Tidak Digunakan Sepenuhnya

- a. Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan bagi kegunaan penternakan, penyembelihan dan pemprosesan puyuh. Kemudahan dan peralatan di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman disediakan oleh KETENGAH sejak tahun 2003. Antara kemudahan yang disediakan adalah 5 unit reban puyuh, bangunan pejabat, stor barang/makanan, bilik sejuk beku, tandas, rumah pekerja, surau dan rumah penyembelihan serta pemprosesan.
- b. Lawatan Audit pada 17 Oktober 2012 di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman mendapati hanya 2 daripada 5 reban sedang digunakan iaitu reban nombor 2 diisi dengan anak puyuh yang berusia 8 hari manakala reban nombor 3 diisi dengan puyuh yang telah mencapai tempoh matang yang dibeli daripada Pusat Penetasan Puyuh KETENGAH. **Kemudahan reban dan peralatan yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya kerana masalah untuk mendapat bekalan anak puyuh** yang menyebabkan Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman tidak dapat mencapai tahap pengeluaran yang optimum. Selain itu, peralatan pemprosesan di rumah penyembelihan yang disediakan sejak tahun 2003 masih belum digunakan seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 11.1**  
Reban Puyuh Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 11.2**  
Peralatan Penternakan Belum Digunakan



Lokasi: Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 11.3**  
**Peralatan Pemprosesan Belum Digunakan**  
**Sejak Tahun 2003**



Lokasi: Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**GAMBAR 11.4**  
**Peralatan Pemprosesan Belum Digunakan**  
**Sejak Tahun 2003**



Lokasi: Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**Pada pendapat Audit, kemudahan dan peralatan yang tidak digunakan sepenuhnya adalah satu pembaziran dan boleh dielakkan dengan membuat perancangan yang teliti.**

**Maklum Balas Daripada SJSB Diterima Pada 21 Januari 2013.**

*SJSB memaklumkan terdapat sebahagian peralatan penyembelihan dan pemprosesan tidak digunakan kerana jumlah pengeluaran puyuh semasa yang masih rendah. Semua peralatan akan diguna sepenuhnya selepas penyerahan Pusat Penetasan Puyuh Seri Bandi, Kemaman kepada SJSB yang dijangka akan meningkatkan pengeluaran.*

**11.4.2.3 Pencemaran Alam Sekitar**

Aktiviti penternakan puyuh hendaklah mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar. Sisa buangan untuk penghasilan sesuatu produk perlu diurus dengan sewajarnya tanpa menjejaskan alam sekitar. Pencemaran sungai merupakan kesalahan di bawah Seksyen 25 (3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini telah menetapkan beberapa kaedah pelupusan sisa buangan binatang antaranya dengan melalui kaedah penimbunan tanah. Lawatan Audit pada 21 Oktober 2012 mendapati sisa buangan puyuh dibuang ke dalam longkang berhampiran rumah penyembelihan menyebabkan longkang tersumbat. Longkang yang tersumbat boleh menyebabkan sungai berhampiran tercemar dan memusnahkan ekosistem akuatik serta boleh mengakibatkan wabak penyakit kepada penduduk setempat. Lawatan susulan pada 21 Januari 2013 mendapati longkang masih tercemar dengan organ dalaman dan bulu puyuh walaupun tindakan pembersihan telah dilakukan. Keadaan sisa buangan puyuh adalah seperti di gambar berikut:




**GAMBAR 11.5**  
**Longkang Dipenuhi Sisa Buangan**



Lokasi: Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman  
Tarikh: 21 Oktober 2012

**GAMBAR 11.6**  
**Longkang Masih Tersumbat**



Lokasi: Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman  
Tarikh: 21 Januari 2013

**Pada pendapat Audit, SJSB kurang memberi perhatian terhadap kebersihan alam sekitar. Pengurusan sisa buangan puyuh adalah penting bagi menjamin alam sekitar yang bersih kepada penduduk di kawasan berhampiran dan memastikan ekosistem akuatik terpelihara.**

**Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti SJSB adalah kurang memuaskan dan boleh dipertingkatkan. SJSB juga perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan.**

#### **11.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan**

11.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, sebahagian daripada ahli Lembaga Pengarah perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan Kumpulan Syarikat tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Semakan Audit mendapati kesemua ahli Lembaga Pengarah SJSB terdiri daripada pegawai dari KETENGAH.

**Pada pendapat Audit, SJSB perlu melantik sebahagian daripada ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan utama SJSB bagi memantapkan dan mengembangkan perniagaan syarikat.**

**Maklum Balas Daripada SJSB Diterima Pada 2 Januari 2013.**

**SJSB memaklumkan pelantikan kesemua ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pegawai KETENGAH kerana saham syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Ketengah Holding Sdn. Berhad.**

11.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati kawalan bajet, perbelanjaan dan aset adalah baik. Bagaimanapun, kawalan terimaan adalah kurang memuaskan seperti berikut:

- a. SJSB tidak mengeluarkan resit bagi jualan daging puyuh secara tunai di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi disebabkan buku resit tidak dibekalkan.
- b. Kutipan daripada jualan tunai daging puyuh dan gas memasak lewat dibankkan antara 7 hingga 67 hari seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.8  
TUNAI YANG LEWAT DIBANKKAN**

BIL.	TARIKH	NO. INBOIS/ NO. RESIT	JUMLAH (RM)	BUTIRAN	TARIKH DIBANKKAN	JUMLAH DIBANKKAN (RM)	KELEWATAN (Hari)
1.	23.04.2011	48218	3,172	Jualan puyuh	30.06.2011	3,172	67
2.	29.05.2011	48229	1,690	Jualan puyuh	06.06.2011	1,690	7
3.	11.09.2011	47776	324	Jualan puyuh	05.10.2011	324	24
4.	18.09.2011	11462	1,300	Jualan puyuh	10.11.2011	970	53
5.	30.04.2012	7395 - 7397	2,373	Jualan gas memasak	07.05.2012	2,185	7

Sumber: *Baucar Bayaran Surada Jaya Sdn. Berhad*

- c. Kutipan daripada jualan tunai daging puyuh dan gas memasak yang dibankkan adalah kurang berbanding jumlah kutipan antara RM97 hingga RM330 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.9  
KUTIPAN TUNAI TIDAK DIBANKKAN SEPENUHNYA**

BIL.	TARIKH	NO. INBOIS/ NO. RESIT	TARIKH DIBANKKAN	BUTIRAN	JUMLAH (RM)	JUMLAH DIBANKKAN (RM)	PERBEZAAN (RM)
1.	05.08.2011	47770	05.08.11	Jualan puyuh	1,362	1,265	97
2.	11.09.2011	47779	12.09.11	Jualan puyuh	2,028	1,930	98
3.	18.09.2011	11462	10.11.11	Jualan puyuh	1,300	970	330
4.	30.04.2012	7395 - 7397	07.05.12	Jualan gas memasak	2,373	2,185	188
5.	02.05.2012	7398 - 7401	07.05.12	Jualan gas memasak	2,574	2,474	100

Sumber: *Baucar Bayaran Surada Jaya Sdn. Berhad*

- d. SJSB tidak menyediakan Prosedur Kawalan Kredit sebagai rujukan kepada kakitangannya. Semakan lanjut mendapati syarikat dan individu yang membeli daging puyuh mempunyai hutang tertunggak melebihi 180 hari berjumlah RM139,272.05. Jumlah penghutang dari tahun 2009 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.10  
PENGHUTANG BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

PENGHUTANG	TAHUN			
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Penghutang Perniagaan	363,977	466,536	422,752	302,401
Penghutang Lain	94,536	253,317	270,059	449,345
<b>JUMLAH</b>	<b>458,513</b>	<b>719,853</b>	<b>692,811</b>	<b>751,746</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Surada Jaya Sdn. Berhad*

Pada pendapat Audit, kawalan kredit yang kurang memuaskan menyebabkan hutang tertunggak SJSB semakin meningkat dan risiko tidak dapat dikutip.

**Maklum Balas Daripada SJSB Diterima Pada 2 Januari 2013 dan Semasa Exit Conference Pada 21 Januari 2013.**

*SJSB memaklumkan urusan penerimaan tunai di peringkat operasi dikawal oleh Ibu Pejabat bagi memudahkan pemantauan dan kawalan. SJSB juga telah menyediakan resit rasmi bayaran sebagai akuan terimaan tunai di peringkat operasi mulai bulan Januari 2013. SJSB juga telah mengeluarkan surat peringatan terhadap kakitangan yang bertanggungjawab dalam urusan perbankan dan dalam proses penyediaan pelarasan terhadap perbezaan jumlah yang dibankkan. SJSB memaklumkan pihaknya dalam proses penyediaan prosedur kawalan kredit. Selain itu, syarikat dalam proses mengutip hutang berkenaan dan akan melupuskan hutang tertunggak yang melebihi tempoh 10 tahun.*

## 11.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan SJSB mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan supaya kelemahan tersebut tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/projek seperti berikut:

11.5.1 SJSB hendaklah memastikan prestasi pengeluaran dan jualan puyuh ditingkatkan serta kadar kematian dikurangkan. Ini bagi memastikan objektif utama projek penternakan puyuh yang telah ditetapkan tercapai sepenuhnya.

11.5.2 SJSB hendaklah melantik pekerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang penternakan di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman.

11.5.3 SJSB hendaklah memastikan pengurusan sisa buangan puyuh dibuat mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

11.5.4 SJSB hendaklah mengkaji semula komposisi ahli Lembaga Pengarah supaya sebahagian ahli yang dilantik adalah daripada pihak luar yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan berkenaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

# LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH

## 12. PENGURUSAN KUARI TERENGGANU TENGAH SDN. BERHAD

### 12.1 LATAR BELAKANG

12.1.1 Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad (KTTSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 26 April 1976. KTTSB merupakan syarikat subsidiari KETENGAH Holding Sdn. Berhad (KHSB) di mana KHSB memiliki 57% dan baki 43% dimiliki oleh Istikomah Enterprise Sdn. Berhad (IESB). Modal dibenarkan KTTSB berjumlah RM2 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta. Aktiviti utama yang dijalankan oleh KTTSB adalah pengkuarian.

12.1.2 KTTSB mempunyai 6 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 3 wakil daripada KETENGAH, seorang wakil daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dan 2 wakil daripada IESB. Pengurusan KTTSB diketuai oleh Pengarah Eksekutif dibantu oleh seorang Pengurus dan seramai 22 kakitangan.

### 12.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan KTTSB telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### 12.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga 2012. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen, fail dan laporan serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dengan pengurusan kuari. Lawatan ke pusat operasi kuari di Mukim Hulu Cukai, Daerah Kemaman, Terengganu telah dibuat pada bulan September 2012.

### 12.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September 2012 mendapati prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik. KTTSB mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 5 tahun daripada tahun 2008 sehingga 2012. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti pengkuarian dan pengurusan kewangan adalah

memuaskan serta boleh dipertingkatkan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Prestasi pengeluaran dan jualan produk kuari bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 250,090 hingga 302,516 tan setahun. Pencapaian sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009 sehingga 2012 adalah antara 58.9% hingga 92.2%.
- ii. Stor bahan letupan siap dibina pada tahun 2010 bernilai RM100,000 masih belum digunakan kerana belum mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.
- iii. Penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan di KTTSB kerana kekurangan mekanik dan juru kimpal menyebabkan kos penyenggaraan mesin dan jentera yang tinggi.
- iv. Pembinaan rumah burung walit bernilai RM120,000 tanpa kelulusan Lembaga Pengarah dan bertentangan dengan syarat dalam geran hak milik tanah kuari yang menetapkan hanya bangunan berkaitan dengan aktiviti kuari sahaja boleh dibina.
- v. Kekosongan 11 jawatan pelbagai peringkat di KTTSB adalah kritikal kerana ini merupakan antara sebab pengeluaran produk kuari tidak dapat mencapai tahap optimum.
- vi. KTTSB tidak menyediakan *Standard Operating Procedures* kuari sebagai garis panduan kepada kakitangannya.
- vii. Kawalan terimaan tidak memuaskan kerana tiada resit rasmi dikeluarkan terhadap kemasukan cek pelanggan ke bank walaupun perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam KHSB.
- viii. Pengurusan aset tidak memuaskan kerana tiada pemeriksaan aset tahunan, tiada tanda pengenalan pada aset dan pelupusan aset tidak dibuat.

#### **12.4.1 Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012. Analisis trend dan nisbah digunakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan KTTSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:



**JADUAL 12.1**  
**KEDUDUKAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN**  
**KTTSB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012**


BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	2.83	3.28	2.70	3.20	3.94
Perbelanjaan	2.73	3.04	2.41	2.86	3.47
Cukai	0.04	0.11	0.08	0.16	0.23
<b>Keuntungan Selepas Cukai</b>	<b>0.06</b>	<b>0.13</b>	<b>0.21</b>	<b>0.18</b>	<b>0.24</b>
Dividen	-	-	0.05	0.05	0.06
<b>Keuntungan Berkumpul</b>	<b>1.34</b>	<b>1.47</b>	<b>1.63</b>	<b>1.76</b>	<b>1.93</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad*

#### 12.4.1.1 Analisis Trend

- a. Analisis terhadap prestasi kewangan bagi tahun 2008 sehingga 2012 mendapati KTTSB mencatatkan keuntungan selepas cukai dan peningkatan keuntungan terkumpul bagi 5 tahun berturut-turut dari tahun 2008 sehingga 2012.
- b. Pendapatan KTTSB terdiri daripada jualan produk kuari dan pengangkutan. Pendapatan KTTSB menunjukkan trend tidak menentu iaitu sejumlah RM2.83 juta pada tahun 2008 meningkat kepada RM3.28 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, pendapatan menurun pada tahun 2010 kepada RM2.70 juta dan meningkat semula kepada RM3.20 juta pada tahun 2011 serta sejumlah RM3.94 juta pada tahun 2012. Peningkatan pada tahun 2011 dan 2012 adalah disebabkan peningkatan pendapatan kendalian dan pengangkutan.
- c. Perbelanjaan KTTSB pula meliputi kos jualan, belanja pentadbiran, belanja jualan dan kos kewangan. Perbelanjaan KTTSB juga menunjukkan trend tidak menentu iaitu sejumlah RM2.73 juta pada tahun 2008 meningkat kepada sejumlah RM3.04 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, perbelanjaan menurun pada tahun 2010 kepada sejumlah RM2.41 juta dan meningkat kepada sejumlah RM2.86 juta pada tahun 2011 dan sejumlah RM3.47 juta pada tahun 2012. Secara keseluruhannya, perbelanjaan KTTSB dari tahun 2008 sehingga 2012 adalah selari dengan jumlah pendapatan yang diperolehi.

**CARTA 12.1**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI**  
**KTTSB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: *Penyata Kewangan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad*

#### 12.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Analisis terhadap penyata kewangan KTTSB bagi tempoh 2008 sehingga 2012 meliputi nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan nisbah hutang adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.2**  
**ANALISIS NISBAHBAGI 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	2.05:1	2.74:1	2.68:1	2.68:1	2.95:1
2.	Margin Untung Bersih (%)	2.2	4.0	7.7	5.4	6.1
3.	Pulangan Atas Ekuiti (%)	6.2	13.1	20.8	17.2	23.9
4.	Nisbah Hutang (%)	49.5	39.6	38.3	36.6	33.3

Sumber: *Penyata Kewangan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad*

##### a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekukuhan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah semasa KTTSB pada tahun 2009 meningkat kepada 2.74 kali

berbanding 2.05 kali pada tahun 2008. Bagaimanapun, nisbah semasa KTTSB menurun kepada 2.68 kali pada tahun 2010 dan 2011 sebelum meningkat semula kepada 2.95 kali pada tahun 2012. Nisbah semasa KTTSB yang melebihi 2 menunjukkan KTTSB berupaya menampung liabiliti semasanya kerana kecairan yang tinggi.

#### **b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih menunjukkan keupayaan KTTSB untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperolehi. Margin untung bersih KTTSB menunjukkan peningkatan daripada sebanyak 2.2% pada tahun 2008 kepada 4% pada tahun 2009 dan sebanyak 7.7% pada tahun 2010. Bagaimanapun, margin untung bersih telah menurun kepada 5.4% pada tahun 2011 disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan mengakibatkan pengurangan dalam keuntungan selepas cukai. Margin untung bersih kembali meningkat sebanyak 6.1% pada tahun 2012 disebabkan peningkatan pendapatan kendalian dan pengangkutan mengakibatkan pertambahan dalam keuntungan selepas cukai.

#### **c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi pelaburan yang telah dibuat. Pulangan atas ekuiti KTTSB meningkat daripada sebanyak 6.2% pada tahun 2008 kepada 13.1% pada tahun 2009 dan 20.8% pada tahun 2010. Bagaimanapun, pulangan atas ekuiti menurun pada tahun 2011 kepada 17.2% dan kembali meningkat kepada 23.9% pada tahun 2012. Kadar pulangan atas ekuiti yang tinggi menunjukkan keupayaan KTTSB mengurus modalnya dan berupaya memberi pulangan kepada KHSB.

#### **d. Nisbah Hutang**

Analisis nisbah hutang dibuat bagi menilai kestabilan syarikat dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawai industri, jika peratus nisbah hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap *prudent* dan stabil. Nisbah hutang KTTSB adalah baik iaitu kurang daripada 50% dan menunjukkan trend penurunan daripada 49.5% kepada 33.3% pada tahun 2008 sehingga 2012. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan pemiutang perniagaan dan overdraf bank.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi dan kedudukan kewangan KTTSB adalah baik dengan mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut dari tahun 2008 sehingga 2012. Selain itu, nisbah hutang KTTSB berada di tahap baik.**

## 12.4.2 Pengurusan Aktiviti

KTTSB telah memulakan operasi pengkuarian pada tahun 1977 di Mukim Hulu Cukai, Daerah Kemaman, Terengganu dengan kelulusan Jabatan Mineral Dan Geosains Terengganu. Tanah kuari adalah hakmilik KETENGAH dengan keluasan 24.8 ekar. KETENGAH telah mendapat hakmilik sementara dengan tempoh pajakan selama 30 tahun yang berakhir pada 30 Julai 2041.

Penemuan Audit terhadap pengurusan aktiviti pengkuarian KTTSB adalah seperti berikut:

### 12.4.2.1 Prestasi Pengeluaran Dan Jualan Produk Kuari

#### a. Pengeluaran Produk Kuari Tidak Mencapai Sasaran

Penetapan sasaran pengeluaran produk kuari dibuat semasa pembentangan dan kelulusan bajet tahunan KTTSB. Purata pengeluaran produk kuari adalah antara 150 hingga 250 tan sejam berdasarkan keupayaan mesin *crusher* sedia ada. Semakan Audit mendapati pengeluaran produk kuari bagi tahun 2009 sehingga 2012 hanya mencapai antara 71 tan hingga 92 tan sejam sahaja. Pencapaian sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 60.6%, tahun 2010 sebanyak 58.9%, tahun 2011 sebanyak 92.2% dan tahun 2012 sebanyak 81.2%. Ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan tidak tercapai. Pengeluaran tertinggi diperoleh pada tahun 2011 iaitu sebanyak 230,563 tan. Antara sebab pengeluaran produk kuari tidak mencapai sasaran adalah kerana mesin dan jentera kerap mengalami kerosakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL12.3**  
**PENGELUARAN PRODUK KUARI BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

TAHUN	SASARAN (Tan)	PENCAPAIAN SEBENAR (Tan)	PRESTASI	
			PERBEZAAN (Tan)	PENCAPAIAN (%)
2009	302,516	183,415	(119,101)	60.6
2010	302,516	178,292	(124,224)	58.9
2011	250,090	230,563	(19,527)	92.2
2012	265,500	215,379	49,761	81.2

Sumber: Unit Jualan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad

### **Maklum Balas Daripada KTTSB Diterima Pada 24 Julai 2013.**

***KTTSB telah mengambil tindakan dan bersetuju membuat penambahbaikan loji kuari dengan anggaran kos RM3 juta dan pembelian 2 buah lori pengangkut batu dengan anggaran kos sebanyak RM0.3 juta.***

## b. Jualan Produk Kuari Tidak Mencapai Sasaran

- i. Produk kuari terdiri daripada batu pelbagai saiz, *crusher run*, blok dan *quarry dust*. Senarai harga produk per tan yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2010 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.4  
HARGA PRODUK KUARI**

BIL.	PRODUK	PER TAN (RM)
1.	Batu 3/8'	26
2.	Batu 3/4'	26
3.	Batu 2	22
4.	Batu 3	20
5.	<i>Quarry Dust</i>	20
6.	<i>Crusher Run</i>	17
7.	Blok	17
8.	Blok Besar	15

Sumber: Senarai Harga Batu Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad

- ii. Semakan Audit mendapati jualan produk kuari bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran jualan yang ditetapkan. Pencapaian sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 86.1%, tahun 2010 sebanyak 67.1%, tahun 2011 sebanyak 84.3% dan tahun 2012 sebanyak 85.7%. Jualan produk tertinggi diperoleh pada tahun 2012 berjumlah RM3.36 juta. Sasaran jualan tidak dapat dicapai antaranya disebabkan pengeluaran yang rendah dan kekurangan permintaan bagi tahun 2009 sehingga 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.5  
JUALAN PRODUK KUARI DARI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

TAHUN	SASARAN (RM Juta)	PENCAPAIAN SEBENAR (RM Juta)	PRESTASI	
			PERBEZAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
2009	3.52	3.03	0.49	86.1
2010	3.74	2.51	1.23	67.1
2011	3.94	3.32	0.62	84.3
2012	3.92	3.36	0.56	85.7

Sumber: Unit Jualan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad

### 12.4.2.2 Stor Bahan Letupan Belum Digunakan

Pada bulan Ogos 2010, KTTSB telah siap membina sebuah stor bernilai RM100,000 untuk menempatkan bahan letupan bagi kegunaan kuari. Semakan

Audit mendapati stor bahan letupan tersebut masih belum digunakan kerana permohonan lesen menyimpan bahan letupan yang dibuat pada tahun 2010 masih belum mendapat kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Gambar stor bahan letupan adalah seperti berikut:



**GAMBAR 12.1**  
**Stor Bahan Letupan Yang Masih**  
**Belum Digunakan Sejak Dibina**

Lokasi: Stor Bahan Letupan Kuari  
Tarikh: 10 September 2012

Pada pendapat Audit, KTTSB perlu menyegerakan tindakan susulan permohonan lesen menyimpan bahan letupan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia supaya stor boleh diguna dan mengurangkan kos pengangkutan serta kos kawalan keselamatan bahan letupan.

**Maklum Balas Daripada KTTSB Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*KTTSB telah mendapatkan sokongan pada Jabatan Bomba Dan Penyelamat pada bulan Februari 2013 dan dalam tindakan mengemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk tindakan selanjutnya.*

#### 12.4.2.3 Penyenggaraan Mesin Dan Jentera Tidak Dibuat Secara Berkala

- a. Penyenggaraan mesin dan jentera yang dibuat secara berkala dapat memastikan ia beroperasi dengan lancar dan dapat mengurangkan *down time* serta kos pembaikan. Penyenggaraan berkala juga dapat memastikan pengeluaran pada tahap maksimum. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.6**  
**KOS PENYENGGARAAN MESIN DAN JENTERA KTTSB**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

TAHUN	KOS (RM)
2009	576,502
2010	568,335
2011	698,682
2012	807,805

Sumber: Penyata Kewangan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad



- b. Semakan Audit mendapati penyenggaraan berkala bagi mesin dan jentera tidak dilaksanakan di KTTSB kerana kekurangan mekanik dan juru kimpal. Ini menyebabkan kos penyenggaraan mesin dan jentera KTTSB meningkat daripada sejumlah RM576,502 pada tahun 2009 kepada sejumlah RM807,805 pada tahun 2012 berikutan kebanyakan mesin dan jentera kerap mengalami kerosakan. Antaranya adalah kerosakan pada *crusher plant*, *excavators*, *drills*, *compressors* dan *dump trucks*. Kekekapan kerosakan pada mesin dan jentera yang sedia ada menjejaskan pengeluaran kuari. Selain itu, tiada laporan kerosakan mesin dan jentera disediakan. Mesin dan jentera yang kerap mengalami kerosakan adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 12.2**  
**Compressor**



Lokasi: Tapak Kuari KTTSB  
Tarikh: 10 September 2012

**GAMBAR 12.3**  
**Bucket Excavator**



Lokasi: Bengkel KTTSB  
Tarikh: 10 September 2012

**Pada pendapat Audit, KTTSB perlu menjalankan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan mesin dan jentera sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan boleh beroperasi pada tahap optimum. KTTSB juga perlu menyediakan laporan kerosakan supaya mesin dan jentera yang tidak ekonomi diperbaiki dapat dikenal pasti untuk diganti dengan yang baru. Selain itu, mesin dan jentera yang telah rosak hendaklah dibuat pelupusan dan disyorkan diguna sebagai alat ganti.**

#### **Maklum Balas Daripada KTTSB Diterima Pada 24 Julai 2013**

***KTTSB memaklumkan penyenggaraan mesin dan jentera dilaksanakan secara berkala. KTTSB juga telah mempunyai seorang mekanik dan tambahan jawatan akan diisi mengikut keperluan operasi kuari. Laporan kerosakan mesin dan jentera telah disediakan. Kos penyenggaraan meningkat dari tahun 2010 disebabkan kos penyenggaraan selari dengan peningkatan pengeluaran.***

#### 12.4.2.4 Pembinaan Rumah Burung Walit Tanpa Kelulusan

- a. Mesyuarat Lembaga Pengarah KTTSB pada 19 Julai 2010 telah meluluskan peruntukan sejumlah RM100,000 bagi pembinaan rumah burung walit. Bagaimanapun, mesyuarat Lembaga Pengarah KTTSB pada 12 Disember 2010 telah membatalkan projek rumah burung walit dan peruntukan sejumlah RM100,000 digunakan untuk pembinaan stor peralatan dan jentera. Selain itu, syarat dalam geran hak milik tanah kuari menetapkan hanya bangunan berkaitan dengan aktiviti kuari sahaja boleh dibina.
- b. Semakan Audit mendapati rumah burung walit yang dilengkapi dengan sistem audio telah siap dibina pada bulan Disember 2011 dengan kos berjumlah RM120,000. Pembinaan ini adalah bertentangan dengan keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah KTTSB pada 12 Disember 2010. Rumah burung walit yang siap dibina adalah seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 12.4**  
**Rumah Burung Walit Bernilai RM120,000**

Lokasi: Berhadapan Bengkel KTTSB  
Tarikh: 10 September 2012

Pada pendapat Audit, KTTSB perlu memberi tumpuan kepada aktiviti utamanya iaitu pengkuarian dan memastikan pelaksanaan aktiviti tidak bercanggah dengan kelulusan Lembaga Pengarah. KTTSB juga perlu mematuhi syarat yang ditetapkan dalam geran hakmilik tanah oleh Pihak Berkuasa Tanah.


**Maklum Balas Daripada KTTSB Semasa Exit Conference Pada 21 Januari 2013.**

***KTTSB memaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 24 Disember 2012 telah bersetuju untuk meratifikasi semula projek rumah burung walit ini. Selain itu, KTTSB diminta untuk menyediakan Pelan Perancangan Perniagaan bagi mendapatkan unjuran pulangan pendapatan daripada projek ini.***

### 12.4.2.5 Jawatan Tidak Diisi

- a. Sumber manusia yang mencukupi, berkelayakan, berpengalaman dan kompeten adalah penting untuk menjalankan aktiviti syarikat. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan dapat menghasilkan kerja yang berkualiti dan membantu syarikat mencapai matlamatnya. Struktur Bahagian Operasi KTTSB dibahagikan kepada 3 unit seperti di carta berikut:

**CARTA 12.2  
STRUKTUR BAHAGIAN OPERASI KTTSB**



Sumber: Unit Pentadbiran Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 11 jawatan belum diisi antaranya penolong pengurus, penyelia, mekanik, juru kimpal, pemandu, operator dan pengawal keselamatan. Ini disebabkan persaingan peluang pekerjaan daripada industri lain yang menawarkan pendapatan yang lebih baik. Kedudukan perjawatan KTTSB setakat 31 Disember 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.7  
KEDUDUKAN PERJAWATAN KTTSB SETAKAT 31 DISEMBER 2012**

JAWATAN	DILULUSKAN	DIISI	BELUM DIISI
Pengurus	1	1	-
Penolong Pengurus	1	-	1
Penyelia	3	-	3
Pegawai Kerani	1	1	-
Kerani Akaun	1	1	-
Kerani Jualan	2	2	-
Pembantu Am	1	1	-
Pengawal Keselamatan	3	2	1
Operator Jualan	2	1	1
Pemandu Lori	1	1	-
Jurukorek	2	2	-
Operator Excavator	2	2	-
Pemandu Dump Truck	5	4	1
Primary Crusher Operator	2	1	1
Secondary Crusher Operator Kilang 1	2	1	1
Secondary Crusher Operator Kilang 2	2	2	-
Mekanik	1	-	1
Juru Kimpal	1	-	1
Operation Foreman	2	2	-
<b>JUMLAH</b>	<b>35</b>	<b>24</b>	<b>11</b>

Sumber: Fail Perjawatan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad

Pada pendapat Audit, kekosongan perjawatan di KTTSB merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pengeluaran tidak mencapai tahap pengeluaran yang optimum.

**Maklum Balas Daripada KTTSB Semasa Exit Conference Pada 21 Januari 2013.**

*KTTSB memaklumkan telah mengiklankan jawatan tersebut pada tahun 2011 namun tiada sambutan disebabkan persaingan pekerjaan dalam industri petrokimia yang memberi pendapatan lebih baik berbanding sektor kuari. KTTSB juga akan mengkaji semula keperluan perjawatan dan menstruktur semula carta organisasi.*

#### **12.4.2.6 Standard Operating Procedures Pengkuarian Tidak Disediakan**

*Standard Operating Procedures (SOP)* merupakan dokumen rujukan penting yang mengandungi prosedur terperinci yang perlu disediakan dan diketahui oleh setiap pegawai bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. SOP juga perlu dikemas kini supaya ia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Semakan Audit mendapati KTTSB tidak menyediakan SOP Pengkuarian sebagai garis panduan kepada kakitangannya.

**Pada pendapat Audit, SOP Pengkuarian ini penting supaya pekerja mengetahui proses pengkuarian secara menyeluruh dan keutamaan dalam melaksanakan tugas.**

**Maklum Balas Daripada KTTSB Diterima Pada 24 Julai 2013.**

*KTTSB memaklumkan telah menyediakan SOP sebagai garis panduan kepada kakitangannya.*

#### **12.4.2.7 Pemantauan Aktiviti Pengkuarian**

- a. Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Terengganu telah menjalankan operasi penguatkuasaan peraturan keselamatan dan kesihatan terhadap KTTSB pada 20 Februari 2012. Tujuan operasi adalah untuk menilai tahap pematuhan majikan terhadap peraturan ini dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja.

- b. KTTSB juga mengemukakan Laporan Bulanan dan aktiviti peletupan kepada Jabatan Mineral Dan Geosains Terengganu. Selain daripada pemantauan Jabatan Mineral Dan Geosains Terengganu, laporan aktiviti di tapak kuari juga dibenteng di peringkat Lembaga Pengarah KTTSB.

**Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti kuari KTTSB adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. KTTSB juga perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan.**

### 12.4.3 Pengurusan Kewangan

- a. Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat membantu memelihara aset syarikat, mengelak penyelewengan dan kesilapan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan, seterusnya membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati kawalan bajet dan perbelanjaan adalah baik. Bagaimanapun, kawalan terimaan dan pengurusan aset adalah memuaskan dan antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
- i. Tiada resit rasmi dikeluarkan terhadap bayaran yang dibuat oleh pelanggan di bank. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam KHSB semasa pengauditan terhadap pengurusan kewangan KTTSB bagi tahun 2011 sehingga bulan Mei 2012.
  - ii. KTTSB tidak menetapkan tempoh hasil kutipan untuk dibankkan.
  - iii. KTTSB ada menyediakan prosedur jualan dan kutipan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2005 yang meliputi jualan tunai dan kredit. Bagaimanapun kutipan hutang adalah kurang berkesan dan baki hutang yang belum dikutip melebihi 10 tahun adalah berjumlah RM1.24 juta. Senarai penghutang sehingga 31 Disember 2012 berjumlah RM3.95 juta adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.8  
SENARAI PENGHUTANG SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

PENGHUTANG	JUMLAH (RM Juta)
Tidak Aktif (Melebihi 10 tahun)	1.24
Aktif	0.86
Melebihi 1 Tahun (1 hingga 10 tahun)	1.79
<i>Inter Company</i>	0.03
Kontraktor KETENGAH	0.03
<b>JUMLAH</b>	<b>3.95</b>

Sumber: Senarai Penghutang KTTSB

- iv. KTTSB tidak menjalankan pemeriksaan aset tahunan dan tiada tanda pengenalan pada aset miliknya.
- v. Terdapat 2 unit *excavator* dan 3 unit lori yang tidak boleh digunakan belum dilupuskan seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 12.5**  
**2 Unit *Excavator* Tidak Boleh**  
**Digunakan**



Lokasi: Bersebelahan Bengkel KTTSB  
 Tarikh: 9 September 2012

**GAMBAR12.6**  
**3 Unit Lori Tidak Boleh Digunakan**



Lokasi: Bersebelahan Rumah Burung Walit  
 Tarikh: 9 September 2012

**Maklum Balas Daripada KTTSB Diterima Pada 9 November 2012.**

***KTTSB memaklumkan tindakan mengemas kini prosedur kewangan sentiasa diberi perhatian dan SOP yang dipinda akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.***

**12.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan KTTSB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

12.5.1 KTTSB hendaklah memastikan pencapaian dan sasaran aktiviti syarikat dikaji dari semasa ke semasa serta memantau secara berterusan pengurusan operasi supaya objektif syarikat tercapai.

12.5.2 KTTSB hendaklah membuat susulan terhadap permohonan lesen menyimpan bahan letupan daripada pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia supaya stor boleh digunakan.

12.5.3 KTTSB hendaklah melaksanakan penyenggaraan secara berkala bagi mengelak kerosakan mesin dan jentera yang kerap untuk meningkatkan hasil operasinya.



12.5.4 KTTSB hendaklah memberi tumpuan kepada aktiviti utamanya dan memastikan pelaksanaan aktiviti tidak bertentangan dengan objektif penubuhan syarikat.

12.5.5 KTTSB hendaklah mengisi kekosongan jawatan dengan segera bagi memastikan kilang beroperasi dengan cekap dan mengkaji semula keperluan perjawatan.

12.5.6 KTTSB hendaklah menyediakan *Standard Operating Procedures* Pengkuarian bagi memastikan pekerja mengetahui proses pengkuarian secara menyeluruh dan keutamaan dalam melaksanakan tugas.

1.5.7 KTTSB hendaklah mengkaji semula, mengemaskini dan menambah baik prosedur pengurusan kewangan bagi meningkatkan kawalan dalaman syarikat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2.

# PENUTUP



## PENUTUP

1. Pengauditan prestasi terhadap 8 projek/aktiviti mendapati Badan Berkanun Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan projek/aktivitinya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek/aktiviti dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa agensi telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit, namun langkah pembetulan perlu dilaksanakan secara berterusan. Memandangkan pengauditan adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Pegawai Eksekutif perlu mewujudkan sistem *check and balance* untuk memastikan pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan serta untuk menilai sama ada projek/aktiviti lain mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek/aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan agensi mendapat *value for money*.
2. Prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan juga perlu dipantau oleh Ketua Pegawai Eksekutif untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik serta dapat bersaing dengan syarikat lain secara global.
3. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi (PCI – *Productive, Creative and Innovative*) dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang Cepat, Tepat dan Integriti (CTI). Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Negara** bagi memenuhi slogan “**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**” serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**25 Julai 2013**



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62518 Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)